

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 45

Rabu

29 September 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 24)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005 (Halaman 24)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 123)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 29 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelawat yang turut menyaksikan persidangan kita pada pagi ini.

1. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah anak-anak pekerja asing yang belajar di sekolah rendah mahupun menengah di negara ini mendapat kemudahan seperti rakyat kita.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Amin, amin yarabbilalamin. Untuk menjawab doa yang dibaca tadi, semoga Allah memberkati majlis kita pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Januari 2004, terdapat seramai 9,815 orang anak-anak warganegara asing belajar di sekolah rendah dan 1,950 orang belajar di sekolah menengah di seluruh negara. Pelajar-pelajar tersebut mendapat kemudahan pengajaran dan pembelajaran sama seperti yang dinikmati oleh anak-anak warganegara. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan bantuan-bantuan lain seperti Program Susu Sekolah, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Pinjaman Buku Teks, Skim Baucar Tuisyen dan biasiswa murid-murid tersebut tidak layak menerima. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan. Saya ingin tahu juga, berapakah kos ataupun perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi

membiayai pelajar-pelajar asing ini. Saya memahami atas dasar perikemanusiaan, atas dasar manusia dan kita pun yang ada di dalam Dewan ini pun, mungkin mak bapa kita, tok nek kita dahulu adalah orang perantauan. Macam Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin daripada Minangkabau. Saya, dari Aceh. Ada dari India dan sebagainya. Dia orang ini dahulu perantau, macam ini juga Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi, apakah kos akan melibatkan perbelanjaan negara kita dan mungkinkah kita mencadangkan kerana yang datang ini pun bukannya susah. Kalau kita pergi balik ke kampung-kampung, kita lihat ada nama Kampung Malaysia Tuan Yang di-Pertua di sana. Ada nama Kampung Janda Malaysia di Malaysia. Kita lihat rumah-rumah mereka besar, hasil daripada kerja kuat mereka di sini. Bukan saya hendak mengatakan bahawa mereka tidak patut diberi pendidikan di sini, tetapi apakah mereka juga boleh membantu kerajaan dan memberi sedikit perbelanjaan, sekurang-kurangnya duit ini dapat kita bantu balik anak-anak Malaysia yang di kampung, yang di luar bandar memerlukan pembiayaan dari segi pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya memahami soalan Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat tidak mahu membebankan pihak kerajaan dalam membiayai kos persekolahan. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, bahawa anak-anak ini, warganegara asing, kita benarkan mereka ke sekolah atas perikemanusiaan seperti mana kata Yang Berhormat iaitu mereka juga dikehendaki membayar yuran. Bagi sekolah rendah RM120, bagi sekolah menengah RM240. Tetapi, kos-kos yang lain seperti yuran-yuran yang lain, mereka dikehendaki membayarnya. Walau bagaimanapun, kita juga ada sekolah-sekolah swasta yang mengambil mereka ini, pun ada tetapi, mereka kena bayar sepenuhnya.

Saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat di sini, bahawa anak-anak daripada warganegara asing ini, kita tidak, sekali lagi saya ulangi memberi apa-apa kemudahan yang kita beri kepada anak-anak tempatan. Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat dapat memahami keadaan ini. Kos keseluruhannya kita tidak dapat pastikan tetapi, seperti mana yang saya katakan tadi iaitu yuran-yuran mereka dikehendaki membayarnya. Satu lagi yang saya hendak pastikan di sini, anak-anak ini yang boleh daftar hanyalah mereka yang datang secara bukan *illegal*. Mereka ini adalah pekerja yang sah. Kalau yang tidak sah, kita tidak boleh terima. Macam mana pun kita tidak boleh terima. Ini, *illegal* kempen. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, sedarkah kementerian bahawa masih ada anak kepada rakyat warga Malaysia dinafikan kemudahan yang dinikmati oleh anak warga asing. Mereka terpaksa belajar di keadaan serba kekurangan. Setiap kali hujan, mereka kena bersihkan lantai yang penuh dengan lumpur apabila pelajaran boleh dimulakan. Soalan saya, adakah kementerian enggan membenarkan mereka pindah dari tempat yang serba kekurangan itu. Contohnya, sekolah yang saya maksudkan ialah SJK(T) Ladang 'Mount Austin' di kawasan Tebrau. Mengapa kementerian sehingga kini masih tidak benarkan mereka berpindah dari tempat yang penuh dengan masalah itu?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya rasa kita berbincang di sini ialah mengenai dengan pelajar daripada keluarga warganegara asing. Walau bagaimanapun, saya tidaklah hendak mengatakan bahawa perbelanjaan kita diberikan kepada anak-anak warga asing dan menidakkan anak-anak warganegara sendiri. Ini tidak sama sekali kita lakukan. Jadi Yang Berhormat, boleh bangkit perkara itu dengan pihak kita kalau itu diperlukan.

Tuan Teng Boon Soon: Sudah dibangkitkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sudah dibangkitkan? *[Dewan gamat seketika]* Ya, kita akan uruskan. Kalau Yang Berhormat telah buat laporan dan sebagainya, saya akan mengambil tindakan dengan seberapa segera. Kalau Yang Berhormat katakan.....

Tuan Teng Boon Soon: Sudah dua tahun.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Membuat bising]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, teruskan jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tidak, saya dengar macam-macam soalan. Kalau hendak tanya soalan, cuma bangun tanya saya. Apa perlu buat bising di sana?

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Kerana dia pelawa, saya tanya soalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tidak dengarkah, saya kata bising di sana. Kalau hendak tanya bangun, kemudian lepas giliran dia. Kalau dibenarkan oleh pihak.....

Tuan M. Kula Segaran: Ooh, sekarang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, sila. Saya tidak bimbang. Ini mengenai dengan sekolah SJK(T) memang ada laporan-laporan yang mana kita dapatkan dan langkah-langkah diambil oleh pihak kerajaan. Jangan sekali-kali oleh pihak yang di sebelah sana, pembangkang, selalu cuba mempolitikkan keadaan. *[Dewan gamat seketika]* Dia dapat kes sahaja, sedikit sahaja, dia hentam kita seolah-olah kita pihak kerajaan hendak mendiskriminasikan sekolah jenis kebangsaan. Ini tidak benar. Kalau ini diperlukan mengambil tindakan langkah yang serta-merta, kita akan lakukan. Kalau ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sekejap lagi saya akan telefon pihak Jabatan Pendidikan Negeri.

Beberapa Ahli Pembangkang: Arrghh..!

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Jangan dok haa, haa apa. Ini bukan sarkas Yang Berhormat. Terima kasih. *[Ketawa]*

2. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah bantuan kementerian untuk Sarawak bagi menyiapkan jalan pesisir dalam masa yang singkat dan kawasan mana yang diperuntukkan, belum dilaksanakan dan tiada peruntukan dan
- (b) apakah perancangan dilaksanakan untuk meningkat mutu jalan dari Kuching ke Miri. Adakah perancangan agar jalan Pan-Borneo boleh dibuat tanpa melalui Brunei.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah lama mengenal pasti bahawa perlunya satu sistem rangkaian jalan raya yang lengkap untuk menghubungkan bandar-bandar utama yang terdapat di sekitar pesisiran Sarawak. Adalah dijangkakan bahawa rangkaian jalan tersebut mampu meningkatkan kegiatan sosioekonomi dan juga perhubungan di kawasan tersebut. Ia juga akan mendorong pembangunan di bandar-bandar sedia ada dan juga kawasan-kawasan pedalaman.

Untuk tujuan itu, kerajaan telah meluluskan sejumlah 10 Projek Persekutuan yang akan melengkapi rangkaian jalan di pesisiran Sarawak dan pelaksanaan projek-projek tersebut dianggarkan bernilai lebih RM1.5 bilion. Setakat ini, sebanyak tiga projek pembinaan jalan pesisiran pantai telah siap iaitu Jalan Sematan/Lundu, Jalan Lundu /Sempadi/Selang dan Jalan Sebangon/Sebuyau. Seterusnya, sebanyak enam projek lagi dalam pembinaan iaitu projek jalan penghubung ke Pusat Pentadbiran Persekutuan Baru Sarawak, Jalan Triso/Melebu/Pusa, Jalan Matu/Igan/Oya, Jalan Oya/ Mukah, Jalan Mukah/Balingian dan Jalan Tanjung Kidurong/Kuala Suai/Kuala Niah/Sibuti/Bakam. Manakala, terdapat satu projek sedang dalam perancangan dan dijangka akan bermula pada tahun 2005 iaitu pembinaan Jalan Sibu-Bawang Assan-Seredeng.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan jalan dari Kuching ke Miri terdapat empat projek Persekutuan untuk menaik taraf jalan tersebut seperti projek menaik taraf Jalan Betong-Kayu Malam. Terdapat juga projek naik taraf jalan kepada *dual carriage way* yang akan dilaksanakan secara berperingkat di Kuching, Sibu, Bintulu, dan Miri seperti jalan dari Lapangan Terbang Sibu ke persimpangan Julau, Jalan Kuching ke Serian dan jalan penghubung ke Lapangan Terbang Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini terdapat kajian terhadap cadangan pembinaan jalan raya Persekutuan dari Sabah ke Sarawak secara terus, dengan izin, Sabah-Sarawak Direct Link tanpa melalui negara Brunei Darussalam. Kajian kemungkinan atau *feasibility study*, dengan izin, ke atas cadangan pembinaan jalan raya tersebut sedang dilaksanakan dengan kemajuan sebanyak 38% dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2005. Setakat ini beberapa jajaran alternatif sedang dikenal pasti untuk memastikan jajaran yang dipilih adalah yang paling ekonomik dan berkesan.

Walau bagaimanapun, pembinaan jalan raya tersebut akan hanya dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tertakluk kepada hasil serta syor kajian dan keupayaan kewangan negara pada masa itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perlu dijawab juga soalan Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya '*gayu-guro gerai nyamai*' tadi. Itu adalah salam doa dalam bahasa Iban mengatakan, minta semua kita senang lenang dan limpah ruah, kaya raya semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam merancang jalan terus daripada Sarawak ke Sabah, saya berharap pihak kementerian melihat, jangan membuat jalan sebagaimana British membuat jalan di pertengahan Sarawak daripada Kuching ke Miri di tempat yang tidak ada melalui kampung-kampung dan bandar-bandar berkenaan yang hampir membunuh banyak bandar berdekatan. Jadi, dalam saranan ini saya bertanya sama ada dia mengambil kira keadaan di pedalaman umpama di Ba'Kelalan, di Bario, yang mana perhubungan yang amat rumit supaya didekatkan jalan laluan ini, supaya dibuat jalan simpang ke kampung-kampung yang berdekatan, yang sekarang kita dapati bahawa merbahaya menggunakan helikopter. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kajian tersebut telah pun menjalankan kemungkinan di mana jajaran boleh digunakan. Kita ada beri isyarat iaitu memang ada menghubungkan pekan-pekan di kawasan pedalaman. Seperti mana kita tahu tragedi yang berlaku di bulan Julai, Ogos kita tahu perlunya sangat perhubungan rangkaian jalan ke kawasan seperti Bario dan Ba'Kelalan. Ba'Kelalan ke Bario memang ada jalan kayu balak, tetapi kita tengok ada satu cadangan akan dikemukakan oleh pihak JKR Sarawak untuk kita membina satu jalan yang menghubungkan Long Semado dan Bario. Ini dari kawasan Lawas ke Bario memang akan dicadangkan jalan ini sepanjang 70 kilometer. Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Parlimen tentu tahu tentang pembinaan Jalan Kuching-Serian, *dual carriageway*, daripada Batu 15 hingga ke Serian yang dibina sekarang ataupun mulai tiga tahun yang lepas. Di dalam pembinaan *dual carriageway* ini pelbagai masalah telah pun berlaku seperti potong jalan keluar masuk ke pekan-pekan yang tertentu, dan ini menghalang lalu lintas penduduk-penduduk di pekan terutamanya Pekan Baki Lama. Ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. James Dawos Mamit: Baki Baru pun ada tetapi ia di tepi *highway*. Tambah lagi kontraktor yang membina jalan ini membina longkang betul-betul di tepi jalan. Waktu malam banyak kemalangan (*accident*) berlaku, kerana kereta masuk ke dalam longkang yang dalam itu. Soalan saya ialah bilakah jalan ini siap dibina. Selama tiga tahun saya nampak belum lagi, 50% sudah siap. Sila jelas Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong memang jiran saya jugalah, saya kawasan Stampin. Enam tahun dahulu saya memang MP bagi Padawan, sekarang tukar nama Mambong. Kita semua tahulah keadaan jalan di sana. Jalan ini akan disiapkan kalau mengikut jadual pertengahan tahun 2005. Kalau dikatakan sekarang baru 50% siap, tidak berapa benar Yang Berhormat bagi Mambong, mungkin telah pun siap sampai 70% lebih. Saya menelitinya selalu, saya ada lalu di sana juga. Akan tetapi memang kalau di dalam proses pembinaan, pihak kontraktor selalu diarahkan supaya menjaga keselamatan para pengguna khususnya dari segi pengurusan trafik di jalan raya-jalan raya yang telah dibina atau dibaiki. Saya akan ambil tindakan seterusnya mengarahkan kepada kontraktor tersebut menjaga keselamatan para pengguna di jalan itu. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh manakah pencapaian kementerian melalui skim 'Industry Research and Development Grant Scheme (IGS)' yang telah merangkumi kejayaan komersial di dalam dan di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Muar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Skim Grant Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS) telah ditubuhkan pada tahun 1997 dengan tujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan supaya lebih inovatif dalam penyelidikan dan membangunkan teknologi, mempromosikan pengkomersialan hasil-hasil keluaran P&P ataupun R&D, menggalakkan kerjasama yang lebih erat melalui kolaborasi dengan di antara sektor swasta dan Institut Penyelidikan Awam dalam menjalankan P&P serta memperkukuhkan daya saing negara dalam pasaran global.

Kejayaan komersial hasil keluaran P&P atau R&D di bawah Skim IGS ini di dalam dan di luar negara bolehlah dianggap membanggakan. Sehingga 31 Julai 2004 sebanyak 15 syarikat telah berjaya mengkomersialkan hasil produk P&P mereka dengan nilai sebesar RM63.62 juta dibandingkan dengan pemberian grant sebanyak RM31.98 juta. Potensi keseluruhan daripada produk-produk ini sebanyak lebih daripada RM160 juta.

Selain daripada pengkomersialan hasil-hasil keluaran P&P, terdapat juga hasil kejayaan yang telah didapati di bawah skim *grant* ini, iaitu telah menghasilkan 13 anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tujuh *pattern* antarabangsa, sembilan *pattern* tempatan, satu reka bentuk industri dan dua cap dagang (*trademark*). Begitu juga tiga hak cipta dan 238 orang penyelidik, *scientist* yang juga telah terlibat di dalam program ini. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan yang telah berjaya menghasilkan begitu banyak faedah dalam skim ini. Cumanya kalau kita lihat bagi negara-negara maju seperti Korea, Jepun, German dan Amerika Syarikat mereka melaburkan sebanyak 2.6% daripada KDNK dibandingkan dengan negara kita yang pernah disasarkan oleh MOSTI sebanyak 2%.

Persoalan saya memandangkan skim ini telah banyak mendapat banyak manfaat dan kejayaan, sudah sampai masanya untuk kita menambahkan dan mempertingkatkan lagi pelaburan dalam skim ini setanding dengan negara-negara maju, kerana daya saing negara adalah bergantung kepada pencapaian syarikat-syarikat kita meneroka kaedah dan corak baru dalam pemasaran. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk meningkatkan pelaburan ini dan meletakkan R&D di landasan yang betul. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam penggulungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi nanti akan dinyatakan dengan *detail* berkaitan dengan perkara itu. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana telah dipersoalkan, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebenarnya kita hanya membelanjakan lebih kurang 0.6% sahaja daripada Keluaran Dalam Negara Kasar untuk R&D. Dan daripada itu 12% sahaja sebenarnya setakat ini diperuntukkan bagi *grant* untuk industri, yang selebihnya adalah *grant* impak iaitu untuk penyelidikan yang ditawarkan kepada IPTA dan juga IPTS.

Di dalam perancangan jangka panjang kita memang kita akan mempertingkatkan peruntukan R&D ini sehingga 1.5%. Jadi, walaupun ini tidaklah memadai kalau dibandingkan dengan Korea, USA ataupun Jepun, tetapi kita merasakan bahawa sebagai permulaan yang baik dan juga hasil yang begitu banyak, yang akan dapat daripada pengkomersialan R&D ini, kita jangka kadar yang dinaikkan

ini daripada 0.5% kepada 1.5% itu adalah merupakan kadar yang munasabah bagi negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hari ini datang sejuk hati sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana Batu Gajah pakai baju kurung. *[Ketawa]* Ayu sedikit. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan semangat ataupun roh daya cipta ini amat penting di dalam mengisi negara kita untuk mencapai negara maju pada tahun 2020, dan seperti yang disebutkan oleh rakan saya sebentar tadi memberi contoh beberapa negara maju di dunia dan meletakkan penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D ini sebagai asas utama di dalam menggalakkan budaya inovasi ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengenai *Industrial Grant Scheme* (IGS), dengan izin, di mana kita dapati bidang R&D ini banyak kepakaran dan prasarana ataupun infrastruktur hanya didapati di negara asing, kenapakah hari ini kementerian yang ditubuhkan bagi mewujudkan budaya reka cipta ini, mengehendkan kegiatan R&D para pemohon Program IGS untuk bertapak di Malaysia. Tidakkah pihak kerajaan sedar bahawa pendedahan kepada program ini akan memberi keuntungan dari segi pendidikan, kepakaran dan juga mempromosi usaha-usaha *technology transfer* ataupun pemindahan teknologi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara objektif IGS ini ialah untuk menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk menjadi lebih inovatif

Beberapa Ahli: Soalan!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Soalanlah ini. Untuk menjadi lebih inovatif, dengan menggunakan serta menyesuaikan teknologi-teknologi terkini ke arah penciptaan teknologi baru, prosedur kerja dan produknya, yang akhirnya akan memberi faedah kepada negara.

Jadi, kenapakah, saya ulang balik, kenapakah kementerian mengehendkan kegiatan R&D ini di mana para pemohon IGS ini memohon untuk bertapak di Malaysia tetapi dihadkan dan pada masa yang sama kita ingin mendedahkan teknologi ini kepada rakyat kita.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita tidak mengehendkan mana-mana daripada syarikat antarabangsa untuk bertapak di sini, tetapi *grant* IGS ini, ini

adalah kita ingin membantu syarikat-syarikat tempatan, mereka digalakkan membawa *partner*, sebagai JV dan sebagainya, ke dalam negara kita, tetapi syarikat tempatan adalah merupakan syarikat pemegang majoriti syer bagi projek yang hendak dilaksanakan, kerana dengan ini *grant* yang ditawarkan ataupun yang diberikan oleh kementerian boleh dikatakan sebahagian besarnya akan dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat tempatan itu sendiri, sebenarnya kita tidak ada halangan kalau syarikat-syarikat itu membawa pakar dari luar negara untuk membantu di dalam projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam penganugerahan *grant* ini selalunya kita menggunakan 1:1, jikalau projek itu sehingga ke peringkat komersial, kalau dikatakan RM10 juta, selalunya kementerian akan mengeluarkan RM5 juta dan syarikat yang berkaitan akan perlu mengeluarkan *capital* juga sebanyak RM5 juta dan bagi projek-projek lain sebenarnya juga telah banyak hasil yang dibuat melalui Projek IRFA iaitu penyelidikan yang bukan melalui IGS tetapi pada Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, kita akan membuat sedikit perubahan kepada polisi sebagaimana dilaksanakan penganugerahan kepada *grant* ini, iaitu sebahagian besar daripada projek mestilah *diproposed* ataupun diusulkan bersama dengan industri yang akan melaksanakan ataupun *take-up* projek ini sebagai suatu projek komersial untuk Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Terima kasih.

5. Tuan Jelaing Mersat [Saratok] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengapakah orang-orang yang dibuang daerah dihantar ke daerah-daerah luar bandar di mana orang-orang tersebut boleh memperkenalkan aktiviti-aktiviti negatif yang sebelumnya tidak wujud di situ.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang dikenakan sekatan daerah adalah individu-individu yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah yang berunsur kekerasan, kecurangan sama ada secara persendirian, berkumpulan ataupun bersindiket.

Sebagaimana yang diketahui umum, aktiviti-aktiviti tersebut kebanyakannya tertumpu di bandar-bandar. Tujuan mereka dikenakan sekatan daerah di luar bandar adalah:

- (i) untuk membolehkan pihak polis menjalankan tindakan pengawasan yang berkesan di mana individu yang dikenakan perintah sekatan, perlu melaporkan diri pada hari dan masa

yang ditetapkan. Pihak polis sentiasa membuat pemeriksaan mengejut ke atas individu-individu tersebut bagi memastikan kehadiran mereka di tempat ataupun daerah sekatan yang ditetapkan;

- (ii) mengasing ataupun kita menyekat pergerakan mereka daripada bergaul dengan ahli-ahli kumpulan ataupun sindiket haram supaya tidak lagi dipengaruhi dan untuk membolehkan mereka supaya boleh insaf dan balik ke pangkuan masyarakat. Jika mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif yang berbentuk jenayah, maka undang-undang jenayah yang sedia akan diambil ke atas mereka.

Terima kasih.

Tuan Jelaing Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Timbalan Menteri. Di Saratok di kawasan saya itu pekan itu pekan kecil ada nampak hampir setiap tahun orang yang diasingkan daerah itu berada di situ,

Beberapa Ahli: Dari mana itu?

Tuan Jelaing Mersat: Tidak usah sebut dari manalah, tahulah bandar-bandar besar seperti kata Dato' Timbalan Menteri tadi. Jadi masalahnya mereka ini sentiasa berada di kawasan bandar itu setiap hari duduk di kedai kopi dan menunjukkan budaya seperti rambut yang warna-warni dan memakai singlet menunjukkan segala ukiran di seluruh badan mereka. *[Ketawa]*

Jadi, kalau tujuan kita hendak memulihkan orang yang seperti ini, saya rasa baiklah kita ketatkan sedikit dari segi etika pakaiannya dan cara hidup mereka. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk membuat alternatif yang lain untuk rakyat Malaysia yang berbuat sedemikian? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Saratok. Masalah yang dibangkitkan saya ingat begitu spesifik di Saratok, dan ini mengenai etika pakaian. Etika pakaian saya akan mengambil perhatian, yang saya telah nyatakan tadi kalau mereka terlibat dalam kegiatan jenayah, ini kalau dia rambut perangkah, dia tidak pakai baju, yang ini saya kena kajilah, sama ada ia menyalahi undang-undang ataupun tidak.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat supaya etika pakaian ini kita akan maklumkan supaya mereka tidak menunjukkan contoh yang

tidak baik. Namun demikian, saya ingin tegaskan bahawa jika kita dapati mana-mana mereka ini yang terlibat di dalam kegiatan jenayah, kita tetap akan mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bukan semua orang yang dibuang daerah itu dia kaya raya, kalau dia tauke besar dia kena buang daerah dia ada cara untuk menyara hidup dan keluarganya, tetapi ada konco-konconya, pengikut-pengikut merekakah, mereka ini pun hidup kais pagi, makan pagi, jadi kalau mereka dihantar ke suatu tempat di mana mereka tidak dapat mencari mata pencarian, maka ia perlu bergantung kepada keluarganya untuk menghantar wang untuk beliau menjalani kehidupan di tempat yang mereka dibuang daerah itu.

Jadi, saya berharap atau minta Timbalan Menteri menimbangkan perkara ini supaya orang-orang yang dibuang daerah boleh berdikari, boleh dapat mencari mata pencarian di tempat-tempat mereka dibuang itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Saya ingin menyatakan bahawa buang daerah ini merupakan suatu hukuman. Jadi, kalau ia merupakan suatu hukuman, sudah tentu hendak beri dia susah sedikit. Jadi sebab itu sekarang kita buang daerah, yang pertama kita mesti memastikan sekurang-kurangnya dua negeri daripada negeri asal, kalau dia di Pulau Pinang, kita buang daerah paling dekat pun kita boleh buang daerah mungkin di Johor ataupun di Pahang.

Yang kedua, bila kita buang daerah, memang polis akan cuba mencari tempat tinggal untuk mereka dan cuba membantu mereka untuk mencari pekerjaan. Juga sekarang ini kita lihat kalau yang melakukan kesalahan itu merupakan orang Cina, kita letak ia di kampung Melayu, kalau dia ini merupakan orang Melayu letak dia di kampung Cina. Begitu juga sebaliknya, supaya dia sedar bahawa dia dibuang daerah bukan hendak *enjoy*, dia masih lagi di bawah pengawasan polis.

Saya juga bersetuju seperti kata Ahli Yang Berhormat bahawa mereka yang dibuang daerah ini bukan semuanya orang kaya kerana di dalam undang-undang kita, kita ada lima undang-undang yang boleh kita mengambil tindakan untuk dibuang daerah, yang pertama, di bawah Ordinan Darurat. Di bawah Ordinan Darurat ini kita sedia maklum bahawa kalau dia melakukan kesalahan kekerasan, maka kita boleh mengambil tindakan dibuang daerah.

Yang kedua, di bawah Akta Kediaman Terhad, ini di bawah undang-undang yang kita gunakan untuk kita mengambil tindakan kepada penjenayah-penjenayah yang tidak menggunakan kekerasan, macam dia tauke pelacur, tauke judi, yang ini orang kayalah mungkin, yang ini kita akan mengambil tindakan buang daerah.

Yang ketiga, di bawah Akta Pencegahan Jenayah, ertinya mereka ini sudah lima, enam kali keluar masuk penjara, habis sahaja hukuman penjara dan kita buang daerah, yang ini mungkin masuk golongan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebab dia di dalam penjara.

Yang keempat, ialah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) yang kita tangkap tanpa bicara, ini juga kita buang daerah ke tempat yang kita tetapkan supaya kita dapat memberi pengawasan kepada mereka, yang ini pun mungkin juga masuk golongan Ahli Yang Berhormat katakan itu, sebab dia penagih dadah, kalau dia masih hisap dadah tentu dia memerlukan duit.

Yang akhir ialah, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, yang ini ISA juga kita ada mengambil tindakan untuk buang daerah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dr. Mohamed Hayati bin Othman.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Soalan saya Nombor 5.

5. Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai jumlah murid yang masih tinggal dan belajar di Sekolah Agama Rakyat (SAR) seluruh negara dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan seperti diberikan kepada SRJK(T), SRJK(C) di estet dan ladang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, *Walaikumussalam. [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berikutan keputusan memberhentikan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), kerajaan telah membuat tawaran kepada guru dan pelajar SAR untuk menyertai sekolah aliran perdana ataupun sekolah kebangsaan.

Sehingga kini, daripada 406,398 murid SAR di seluruh negara, 3,902 orang telah menyertai sekolah aliran perdana. Sejumlah 402,496 murid masih tinggal dan belajar di Sekolah Agama Rakyat.

Bagi SAR tidak sepenuh masa, di mana pelajar terdiri dari murid sekolah kebangsaan yang belajar secara sambilan di sebelah petang dan pagi, yang ini semuanya ialah Kelas KAFA, Kementerian Pelajaran masih meneruskan bantuan kewangan secara sumbangan, ini Kelas KAFA.

Bagi SAR sepenuh masa, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk memberi sebarang bentuk bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya soalan tambahan berhubung dengan sekolah-sekolah yang digunakan untuk SAR asalnya kita dapati banyak sekolah-sekolah ini dibina daripada sekolah batu, bangunan konkrit dan agak kukuh, kalau sekiranya bantuan ini tidak diberikan semula, apakah kita hendak jadikan sekolah ini, sebab mereka telah menghabiskan banyak wang untuk membina sekolah, tetapi kita tidak memberi bantuan seperti mana sebelum ini. Pada hal kepada rakyat asing yang tadi soalan pertama pun kita beri bantuan. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memahami soalan Ahli Yang Berhormat, saya mahu betulkan tadi, kita tidak memberi apa-apa bantuan kepada anak-anak warga asing, jangan salah fahamkan, mereka mengikuti sekolah kita, ya betul, tetapi apa-apa bantuan kita tidak beri, mereka juga kena buat sumbangan, itu mesti saya betulkan dahulu.

Di sini Yang Berhormat, kita telah buat tawaran pada peringkat awal, jadi itu terpulanglah kepada murid-murid, dan keduanya, sesetengah negeri kita mesti faham, ini ia melibatkan soal Perlembagaan dan soal pentadbiran, iaitu mana-mana sekolah yang mana kalau diperlukan menjadi sekolah bantuan umpamanya, sekolah itu hendaklah didaftar dengan pihak kita, seperti mana SJK(T), SJK(C) itu berdaftar dengan pihak kementerian kita, manakala sekolah-sekolah agama adalah kita kata untuk memulakan sekolah agama, ia membuat permohonan dan juga pendaftarannya dengan pejabat agama.

Dalam hal ini kita juga sedang berunding dan insya-Allah, kalau ini dipersetujui iaitu kalau ia hendak daftar sekolah agama negeri misalnya, saya beri contoh misalnya di Kedah, kita telah lakukan proses itu dan berjaya, di setiap daerah seperti, ini contoh ya Yang Berhormat, yang mana kita sekolah-sekolah agama rakyat pada asalnya, kita

telah pun dapat menjadikan mereka sebagai sekolah agama negeri, misalnya di setiap daerah menjadi Ma'ahad Mahmud.

Yang Berhormat pun sedar perkara ini dan langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mendapat sokongan tetapi soalnya dia dapat bantuan, itu benar. Yang saya hendak timbulkan juga pada keseluruhan buat masa ini. Kita masih ada SAR rendah 49 buah, SAR menengah ada 217 buah, kesemuanya ialah 266. Yang paling banyak sekali adalah SAR di Kelantan yang mana SAR rendah ialah 20, SAR menengah 71, keseluruhannya 91. Yang ini saya rasa kita tidak hendak diskriminasi mana-mana pihak dan janganlah membuat tuduhan bahawa pihak kerajaan hendak menganiayakan Sekolah Agama Rakyat. Apa salahnya kalau Sekolah Agama Negeri juga sudah ada dan kita sudah buat tawaran kalau mereka hendak masuk ke sekolah aliran kebangsaan ataupun aliran perdana. Itu tidak menjadi masalah tetapi saya minta pihak Yang Berhormat janganlah membuat tuduhan ataupun mempolitikkan suasana untuk mendapat perbatuan politik maka pihak Yang Berhormat telah menuduh seolah-olah kita mendiskriminasikan Sekolah Agama Rakyat manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil kita beri bantuan. Ini saya tahu yang telah dilakukan di kalangan Yang Berhormat. Ini tidak. Kita tidak pernah malah pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menaik taraf serta juga memberi tingkatan kepada pelajaran agama.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak jelaskan ini supaya jangan kita salah fahamkan. Langkah-langkah sedang kita ambil sekiranya kalau kita ada rundingan sekolah-sekolah macam tadi kalau dia hendak daftar dengan pihak kita, kita boleh berunding. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya sendiri ada sekolah SAR. Sekolah Agama Rakyat ini didirikan oleh Almarhum ayahanda saya pada tahun 1956 iaitu sebelum ada Sekolah Kebangsaan. Didirikan di atas tanah pusaka tetapi akhirnya oleh kerana saya sendiri tidak mampu bila ayahanda meninggal dunia untuk membiayai sekolah ini, saya serahkan sekolah ini kepada kerajaan negeri pada tahun 1989, pada masa itu Barisan Nasional masih memerintah negeri Kelantan.

Saya faham maksud kerajaan tidak memberi bantuan kepada Sekolah Agama SAR tetapi sekolah saya ini nama sekolah Madrasah al-Ittihadiyah Kampung Tanjong Pagar, Ketereh, Kota Baharu, Kelantan. Keputusan peperiksaan tiap-tiap tahun hingga sekarang adalah bagus. Tujuan sekolah ini dibuat ialah kerana hendak memberi pilihan kepada rakyat setempat.

Di Kelantan ada orang suka anaknya pergi sekolah agama, ada orang pergi sekolah kebangsaan, saya sendiri pergi sekolah kebangsaan tetapi saya pakai seluar panjang pada tahun 1963 sebab bapa saya tidak beri pakai seluar pendek. Itu saya jadi murid sekolah orang putih pakai seluar panjang. Maksud saya cerita ini ialah hendak beritahu pandangan kita orang yang duduk dalam pondok ini dia melihat bahawasanya sekolah kebangsaan tidak memberi pendidikan agama yang cukup maka pilihan yang ada ialah pergi kepada sekolah agama. Sekolah agama yang ada hanyalah Sekolah Agama Rakyat. Sekolah Agama Kerajaan Negeri satu dua sahaja terutama di Kelantan, kerajaan Negeri tidak mampu.

Soalan tambahan yang hendak saya tanyakan, apakah ini satu penyelesaian yang terbaik untuk memberi pilihan kepada ibu bapa yang hendak anaknya ke sekolah agama. Macam saya sendiri tetapi akhirnya saya ke sekolah Inggeris selepas habis sekolah rendah. *This is not a joke. This is nothing to do is, this is about* masalah masa depan. Saya tahu kerajaan [Disampuk] soalanlah ini. Kerajaan memberi pilihan kepada guru tetapi bagaimana dengan rakyat. Guru sudah ada pilihan hendak mengajar Sekolah Agama Rakyat atau hendak mengajar sekolah kebangsaan. Okey, *fair* tetapi rakyat, orang kampung, apakah ada pilihan? Maka saya mencadangkan - soalnya apakah kerajaan bersedia untuk memberi pilihan yang terbaik kepada rakyat. Yang hendak pergi sekolah agama, sekolah agama sekolah rendah ada sekolah kerajaan kalau tidak Kerajaan Pusat pun dengan kerjasama kerajaan negeri. Kalau pilihan ini dapat diberi kepada rakyat saya yakin tidak timbul masalah ini dan perkara ini boleh di *revise* semula. Terima kasih Dato'.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi apa yang saya bangkitkan ialah saya tidak mahu menunjukkan bahawa pihak kerajaan ini zalim seperti mana dalam kempen pilihan raya yang lalu mengatakan pihak Kerajaan Barisan Nasional begitu zalim, diskriminasi sekolah agama, tutup sekolah agama yang mana tidak benar. Kita telah buat tawaran, itu terpulang dan juga kita tidak sekali-sekali menidakkan peranan SAR buat satu ketika. Kita tidak menidakkan, sebab itu

dalam Parlimen pada penggal yang lalu kita telah bangkitkan perkara ini, mengapa kita menggalakkan anak-anak tadi datang ke sekolah aliran perdana. Sebab kita sudah pun ada mencukupi segala macam kemudahan dan juga dari segi kurikulum dan *syllabus* dari segi bidang agama dan juga telah kita pertingkatkan. Umpamanya, baru-baru ini kita telah memperkenalkan J-QAF iaitu kita mahu dan juga ini yang sedang kita lakukan kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat anak-anak kita selepas sahaja Darjah Enam mereka boleh khatam Quran dan boleh tulisan jawi dan boleh sedikit sebanyak *basic Arabic* dengan izin. Ini tugas kita, tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi saya percaya dengan angka-angka yang telah saya sebutkan insya-Allah kita sedang berusaha dan sama-samalah kita menunggu laporan Tan Sri Murad yang sedang kita usahakan, cuma apa yang kita perlukan sekarang ialah perincian itu segala-galanya. Dari soal teknikal soal perlembagaan dan soal pentadbiran. Ini sedang kita usahakan tetapi sabarlah Yang Berhormat dan insya-Allah segala-galanya akan diselesaikan dengan elok.

Saya sekali lagi saya bangkitkan, saya mintalah Yang Berhormat daripada parti PAS janganlah kita mempolitikkan isu ini yang mengatakan bahawa kita mendiskriminasikan anak-anak di Sekolah Agama Rakyat tidak sama sekali. Itu bukan niat kita. Kita telah pun beri pilihan dan kita masih buka kepada guru-guru di Sekolah Agama Rakyat untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Kita masih buka, kita buka lagi untuk mereka dapat latihan dan menerima tangga gaji seperti mana kita. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

6. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengapa kadar harga beras 30% lebih tinggi di negeri Sabah berbanding dengan Semenanjung.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat harga beras import di Sabah adalah kira-kira 20% lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung. Bagi beras bukan import harganya di dalam lingkungan 30% lebih tinggi. Perbezaan harga bagi beras import disebabkan oleh kos pengangkutan ke negeri Sabah dan kos pengangkutan dalam negeri. Manakala bagi beras bukan import kos yang lebih tinggi adalah kerana pengeluaran beras bermutu yang berkurangan disebabkan petani di Sabah lebih suka tanam *variety* beras tempatan. Kawalan harga maksimum bagi

beras tempatan dari gred standard premium dan *super* tempatan juga tidak dikuatkuasakan di negeri Sabah seperti di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tidak semua gred beras dijual dengan harga yang lebih tinggi di negeri Sabah kerana ada juga beberapa gred beras yang harganya sama atau hampir-hampir sama dengan harga di Semenanjung seperti beras pulut, beras *super* tempatan dan beras import dari jenis *Pakistan White Rice*, *Vietnam White Rice* dan Basmathi biasa. Itulah sahaja.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa satu punca kenapa beras di Sabah tinggi disebabkan 20% kadar import dia lebih tinggi. Soalan sekarang ialah adakah rancangan kerajaan untuk menyatupadukan semua import ini oleh kerana kalau kita lihat hanya *sold's importer*, hanya satu badan mengimport beras ini. Sekiranya kalau kita mempunyai beberapa *importer* misalnya *importer-importer* daripada Vietnam ataupun China misalnya tentu sekali ada saingan untuk import dan juga ada saingan untuk *distributor*. Adakah rancangan kerajaan untuk menggalakkan ramai *importer* supaya kita dapat saingan harga beras ini? Sekian.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini import cuma diberi kepada BERNAS sahaja, tidak diberi kepada syarikat-syarikat yang lain. Jadi perjanjian dengan BERNAS itu akan tamat pada 2010. Pada masa itulah barulah kita membuat sesuatu. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga beras. Sepatutnya beras di seluruh negara mesti sama rata, sama harga tetapi yang mempunyai masalah kerana kerajaan mementingkan satu syarikat BERNAS maka BERNAS sesuka hati, lain kali masa depan hingga tahun 2010 mereka akan menaikkan 50%. Saya berharap mungkin kementerian mengkaji semula perjanjian dengan BERNAS dan buka kepada pengimport-pengimport lain supaya mereka ini ada saingan. Dengan terbukanya orang untuk mengimport beras maka saya percaya beras akan menjadi sama harga dengan di Semenanjung.

Kita minta mungkin kalau boleh kementerian kaji semula perjanjian dengan BERNAS dan kita di Sabah tidak boleh tunggu hingga tahun 2010. Sabah dan Sarawak tidak boleh tunggu hingga 2010. Kita minta jangan pentingkan syarikat BERNAS dan kita tidak pentingkan rakyat di Sabah dan Sarawak.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertu, masalah ini boleh saya bawa kepada kementerian saya. Saya panjangkan kepada Menteri kita untuk membuat sesuatu tetapi saya hendak menjelaskan di sini sebenarnya selain dari itu kerajaan telah mengenal pasti kawasan seluas 10,000 hektar di Kota Belud yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan jelapang padi yang dimajukan secara komersial. Tujuan kita ialah kita hendak naikkan keluaran beras atau padi di kawasan di Sabah supaya tidak bergantung kepada import. Itulah sahaja.

[Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu] tidak hadir]

8. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kekurangan anggota polis di negeri Selangor mengikut IPD daerah dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kekurangan anggota polis, dan
- (b) apakah nisbah terkini antara anggota polis dengan penduduk di negeri Selangor mengikut IPD daerah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penduduk negeri Selangor adalah seramai lebih kurang 3,947,500 orang. Kekuatan anggota polis di Kontinjen Negeri Selangor adalah seramai 7,194 orang. Ini memberikan nisbah purata kekuatan polis berbanding penduduk Negeri Selangor ialah 1:548. Dalam hal ini kementerian tidak menafikan pada ketika ini berlaku kekurangan jumlah anggota polis berdasarkan kepada keperluan semasa dan juga daerah-daerah tertentu.

Justeru itu kementerian telah dan sedang berusaha untuk menambah bilangan jawatan bagi menangani sebaik-baiknya tugas kepolisan dalam usaha untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Penambahan jawatan ini akan dibuat secara berperingkat dari masa ke semasa bergantung kepada

kemampuan pihak PDRM untuk melatih rekrut polis dalam sesuatu masa serta keperluan kewangan.

Selain dari usaha untuk menambah bilangan perjawatan dan mengisi kekosongan jawatan yang sedia ada, pihak PDRM juga menggalakkan penglibatan orang ramai dalam membantu pasukan polis menjalankan fungsi dan peranannya secara berkesan.

- (b) Berikut adalah perangkaan penduduk, keluasan dan juga bilangan anggota polis mengikut daerah:

Daerah	Nisbah
Gombak	1:833
Klang	1:886
Kuala Langat	1:738
Kuala Selangor	1:535
Petaling	1:7,807
Sabak Bernam	1:396
Sepang	1:318
Hulu Langat	1:1,369
Hulu Selangor	1:363

Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana yang dikatakan itu mempunyai jurang yang begitu besar nisbah antara penduduk dan polis di kawasan Lembah Klang terutama sekali Petaling Jaya.

Ini sangat nyata setelah lama berlaku, apa sebab pihak polis begitu lama untuk memberi kekuatan polis di kawasan Lembah Klang terutama sekali di PJ Selatan dan PJ Utama. Apa sebabnya begitu lambat untuk memberi peruntukan tambahan bilangan polis di kawasan-kawasan tertentu di daerah Petaling ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedia maklum bahawa pembangunan perumahan di Lembah Klang membangun begitu cepat sekali. Kita tidak menafikan bahawa pembangunan peruntukan untuk polis tidak selaras dengan pembangunan-pembangunan perumahan. Sebab itu kita dapati bahawa ada sesuatu balai polis pada asalnya untuk menjaga satu taman sahaja. Tetapi hari ini satu balai polis terpaksa menjaga sampai enam atau tujuh taman.

Yang kedua, kita juga menghadapi masalah tapak, apabila kawasan-kawasan perumahan ini dibuat, kita dapati pada mulanya tapak untuk membina balai polis ini tidak disediakan. Namun demikian, sekarang ini dengan kerjasama Kerajaan Tempatan, maka kita minta supaya pihak perumahan-perumahan ini menyediakan tapak untuk balai-balai polis.

Yang ketiga, walaupun sekarang ini kita dapati memang terdapat pemaju-pemaju perumahan tertentu menyediakan tapak polis. Namun demikian, peruntukan untuk membangunkan balai-balai polis juga kita harus kaji, kerana kalau kita hendak tumpukan peruntukan balai polis hanya di Lembah Klang, saya rasa negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak tidak akan dapat balai polis ini.

Sebab itu sekarang ini kita sedang berusaha untuk kita memperkenalkan Sistem *Built, List and Transfer (BLT)* ertinya mana-mana *developer* yang sanggup untuk membuat balai-balai polis ini, kita akan galakkan dan kita akan sewa dan akhirnya kita *transfer* kepada kerajaan. Saya percaya sekarang ini kita sedang mengkaji dengan peruntukan yang ada ini, di mana keutamaan harus diberi terutamanya di kawasan-kawasan perumahan di Lembah Klang ini. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kekurangan anggota polis ini saya rasa berlaku di seluruh negara. Sebagai langkah jangka panjang, saya cadangkan supaya pihak kerajaan meningkatkan semula, atau adakah pihak kerajaan bercadang meningkatkan pengambilan *Police Volunteer Reserve (PVR)*, dengan izin sebab ini salah satu cara saya rasa boleh membantu pihak polis dalam tugas-tugas mereka.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebab itu sebenarnya pengambilan PVR ini kita sedang teruskan. Tetapi saya difahamkan bahawa sambutan untuk PVR ini agak berkurangan. Sebab itu sekarang ini mungkin ada syarat-syarat tertentu untuk menjadi PVR daripada elaun dan sebagainya mungkin kurang menarik minat orang ramai untuk bekerja dan juga kalau kita lihat syarat-syarat dalam PVR hanya mereka yang bekerja makan gaji sahaja yang dibenarkan bekerja sebagai PVR. Sekarang ini kita sedang mengkaji pihak Ketua Polis Negara akan mengkaji balik syarat-syarat untuk menjadi PVR.

Namun demikian, saya ingin menyatakan selain daripada PVR, polis juga sekarang ini sedang melancarkan 'Rakan Corp'. Rakan Corp ini kita akan lancarkan ke seluruh negara di mana di Kuala Lumpur, di Melaka dan minggu depan di Pulau

Pinang. Rakan Corp ini Tuan Yang di-Pertua, amat baik sekali kerana kalau selama ini polis jika mendapat maklumat jenayah, dia hanya berhubung dengan Bilik Gerakan Polis sahaja.

Tetapi hari ini bila ada Rakan Corp, kita macam di Kuala Lumpur kita ada 13,000 pemandu-pemandu teksi. Bila sahaja kita dapati berlaku sesuatu kejadian jenayah, kita akan salurkan maklumat ini kepada seluruh teksi di wilayah, bermakna dalam masa lima minit, 13,000 pemandu teksi telah pun dapat maklumat di mana jenayah berlaku.

Begitu juga dengan penjual-penjual burger pun kita akan maklumkan. Ertinya hari ini daripada pengalaman kita di Kuala Lumpur, ada kes-kes tertentu yang kita selesaikan dengan begitu cepat. Dalam masa tidak sampai satu jam kita telah dapat selesaikan, hasil maklumat daripada Rakan Corp, daripada pemandu teksi, daripada RMKL, RMKL juga kita telah bekerjasama. Ertinya kalau ada berlaku kejadian jenayah, RMKL kalau dia tengah menyiarkan lagu, dia kena berhenti dan akan menyiarkan bahaya jenayah-jenayah berlaku.

Jadi, dengan automatik seluruh warga KL akan tahu di mana jenayah ini berlaku. Setakat ini Program Rakan Corp dengan adanya nombor Hotline dan juga SMS yang kita sediakan, maka banyak maklumat-maklumat daripada Rakan Corp ini telah dapat membantu polis dengan begitu berkesan kerana ramai yang menjadi mata dan telinga polis pada kita ini, termasuklah penjual burger dan juga pemandu-pemandu motor besar juga hari ini menjadi mata dan telinga polis untuk membantu menyelesaikan masalah jenayah. Terima kasih.

9. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa ramaikah tenaga profesional yang telah menyahut seruan kerajaan untuk kembali menyumbang kepakaran di Malaysia dan nyatakan pecahan setiap bidang kepakaran, dan
- (b) insentif baru yang kerajaan dirancangkan untuk menarik balik golongan profesional rakyat Malaysia yang kini berada di luar negeri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program menggalakkan warganegara Malaysia yang

berkepakaran, yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia semenjak berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001 sejumlah 675 permohonan telah diterima.

Sejumlah 282 pemohon telah diluluskan dan taburan mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Jumlah
Perubatan dan Kesihatan	95
Teknologi Maklumat	61
Perakaunan dan Kewangan	50
Industri	39
Sains dan Teknologi	12
Seni dan Budaya	2
Aerospace	2
Lain-lain	21
Jumlah:	282

Sehingga Ogos 2004, seramai 168 orang pemohon telah pun kembali ke Malaysia. Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia masih lagi menerima dan memproses permohonan melalui Jawatankuasa Program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran, yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia.

Taburan kelulusan mengikut negara dan tempat bekerja pula adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah
United Kingdom	102
Amerika Syarikat	35
Singapura	32
Brunei	25
Australia	17
Jepun	17
Taiwan	11
Hong Kong	9
Kanada	5
China	4
Lain-lain negara	25

Insentif yang ditawarkan setakat ini di bawah program ini ialah:

- (i) semua barang persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai,

- (ii) dua buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan dengan syarat kereta tersebut telah didaftar atas nama suami, isteri atau anak sekurang-kurangnya enam bulan di negara pemohon menetap. Bagi permohonan oleh suami/isteri, bilangan kereta yang dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan dihadkan kepada dua buah kereta sahaja, dan
- (iii) isteri atau suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan selepas balik ke Malaysia.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat masa soal jawab sudah habis.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600)

dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." **[28 September 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada

.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bangun atas apa?.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan saya belum dihabiskan. Tuan Yang di-Pertua, semalam kata boleh sambung soalan, jadi, saya hendak bertanya dengan Tuan Yang di-Pertua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum. Belum lagi Yang Berhormat. Belum lagi kita mula. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum mula lagi ini? Okey, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Penerangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung jawapan. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

11.10 pagi

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sambung soalan, dia janji semalam ini.

Datuk Zainudin bin Maidin: Sebenarnya saya telah mulai menjawab kepada soalan yang telah dibangkitkan semalam tetapi tidak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya pertama sekali Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Masih berdiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Timbalan Menteri tidak beri jalan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menjawab teguran terhadap penggunaan panggilan “boss” yang ditimbulkan oleh wakil dari Santubong semalam.

Saya tidak tahu sama ada perkataan ini digunakan oleh RTM ataupun lain-lain stesen tetapi mungkin digunakan dalam drama dan sebagainya dalam keadaan-keadaan yang tidak formal. Tetapi bagi saya sendiri pun, saya barangkali pun tidak begitu senang dengan perkataan “boss” dipanggil “boss”. Tetapi saya tidak tahu bagaimana dengan orang-orang di Sabah sebab yang pertama kali saya mendengar perkataan ini adalah 10 atau 15 tahun dahulu di Sabah dan perkataan ini masih lumrah digunakan.

Tetapi dalam pada itu kita mempunyai Jawatankuasa Sebutan dan juga istilah bahasa dan juga kita punya Panel Penilaian dalam rancangan TV. Jadi, kalau kita fikirkan panggilan ini tidak wajar, maka kita akan tidak menggunakannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kerana boleh menyambung persoalan sebab persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, dua sebenarnya.

Yang pertama soalan “boss” ini. Sebenarnya bahasa “boss” ini diperkenalkan oleh pihak mafia di Amerika pada tahun 1900 (*Nineteen Hundred*), banyak dipergunakan oleh pihak mafia dan hinggalah orang di Chicago, New York dan sebagainya menggunakan perkataan “boss” ini secara berleluasa, bahkan penjelajah Kutub Utara pada ketika itu apabila berinteraksi pada tahun 1920an telah menggunakan perkataan-perkataan “boss” ini dalam *journal-journal* mereka telah dipakai oleh banyak pihak di Amerika.

Tetapi apabila mereka balik semula kepada budaya lama mereka iaitu budaya *puritanism* mereka pada tahun 1930an untuk memperbaiki *The American Dream* supaya bersifat bersih dan baik dan berbudaya tinggi, perkataan “boss” ini telah dipupuskan daripada penggunaan dan tidak digalakkan lagi di jabatan-jabatan kerajaan. Jadi, hilang lenyap dalam tahun 1940an.

Apabila *Fantasy Island* diperkenalkan di Malaysia dan seluruh dunia, Malaysia telah *adopt* perkataan “boss” ini diguna pakai di mana-mana. Tuan Yang di-Pertua pergilah ke pasar raya, ke pusat membeli belah, tidak ada lagi perkataan encik, tidak ada lagi tuan, tidak ada lagi *Sir*, tidak ada lagi pak cik, mak cik, *uncle*, semua sudah jadi “boss”.

Apabila saya pergi ke Australia, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Australia tanya saya kenapa you bersetuju dengan EEAC kata dia tanya dengan Ahli Parlimen tetapi dia suruh saya jawab sebab you punya “boss” Dr. Mahathir itu setuju atau pun oleh kerana you sendiri percaya benda ini betul.

Saya kata, *first thing first*, Dr. Mahathir bukan *my “boss”*. Saya kata Dr. Mahathir adalah pemimpin negara saya, pemimpin masyarakat saya, Perdana Menteri saya *but he never been my boss. He never boss me around* saya kata. *He never carry gun and shoot my head.* Tunjuk kalau saya tidak bersetuju. Jadi kata saya, saya tidak bersetuju. *First thing I object the word boss.*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan “bos” ini sudah menjadi budaya. Banyak di Sarawak, kalau di Sabah saya tidak tahu. Kalau di Sarawak, di pekan atau di mana-mana sahaja orang sudah panggil “bos”. Tidak ada lagi *manager* lagi, tidak ada *supervisor* dan tidak ada apa benda lain lagi pun sebab oleh kerana ada banyak drama-drama dan televisyen menunjukkan perkataan “bos” itu berleluasa dipakai.

Jadi, saya memohon, saya mengatakan semula yang semalam, televisyen adalah satu *instrument* yang begitu berpengaruh sekali di kalangan masyarakat. Jangan biarkan RTM ini dipergunakan pada hari ini untuk mencemarkan perkataan bahasa Malaysia ini. Ini satu.

Pertanyaan saya yang kedua ialah mengenai penceramah agama, Tuan Yang di-Pertua. Penceramah agama kalau dalam televisyen itu carilah orang yang bercakap lemah lembut sedikit. Kalau orang yang macam saya, kalau orang daripada Kinabatangan tidak payahlah jadi penceramah agama, kasar sangat [*Ketawa*] Tidak boleh. Bahkan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tidak dapat. Kalau macam Jerai mungkin boleh. Carilah penceramah agama yang lemah lembut.

Tuan Yang di-Pertua, agama ini dia halus. Kalau kita hendak pertunjukan agama Islam ini kasar carilah orang yang bercakap macam ini, macam itu. [*Mengayakannya*] Saya tidak pandang Ceramah Perdana melainkan kalau penceramahnya Tan Sri Hamid Osman ataupun Dato’ Zainal. Kalau mereka bercakap

saya akan pandang sampai habis. Tetapi kalau penceramah lain bercakap macam Wan Junaidi bercakap, macam Kinabatangan bercakap, macam Sri Gading bercakap saya tidak tengok. Ini agama apa yang kasar begini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bersetuju dengan perkataan “kasar”, keras sedikit boleh. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Keras, keras. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, Perkataan salah. Saya ini orang Sarawak. Bahasa Sarawak bukan bahasa Malaysia. Perkataan yang kita guna itu maknanya sama sebutannya lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah kalau hendak cari orang berceramah agama di RTM itu carilah orang yang bercakap lemah lembut macam Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam Baling, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan cara yang....Apa tadi? Jangan yang keras.

Seorang Ahli: Macam Kepong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Ketawa]* Macam Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya-Allah saya cukup Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya mintalah kepada RTM janganlah sampai anak saya bertanya, “Abah, *you got to be a cub before you can listen to the tiger*”. Kata dia, “ *I cannot be a kitten*”. Jadi, anak-anak kita pun jadi keras juga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Terima kasih di atas maklumat yang saya sendiri tidak tahu mengenai perkataan “bos”. Jadi, ini akan dijadikan panduan. Seperti yang saya katakan tadi iaitu kita ada panel penilaian dan juga jawatankuasa mengenai bahasa. Kita akan jadikan ini sebagai panduan dan membuat pertimbangan serta keputusan.

Kemudian, dalam soal penceramah agama, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat. Saya pun tidak faham tetapi ada penceramah-penceramah agama yang suka meninggikan suara, tetapi terdapat juga ramai yang kita ketengahkan ialah orang-orang yang dapat berbicara dengan bahasa yang nadanya dapat diterima dengan baik. Banyak, bukan sahaja Hamid Osman, saya kira banyak – Dr. Faisal, Dr. Zuhibi dan banyak lagi dalam Forum Perdana. Tetapi *style* ataupun cara penyampaian ceramah-ceramah agama dengan menjerit dan sebagainya, saya sendiri pun tidak faham kadang-kadang kenapa harus apabila memberikan ceramah agama itu kita harus menjerit-jerit, berteriak dengan kuat seolah-olah itu ialah suatu nada yang boleh meyakinkan, sedangkan kadang-kadang kekosongan dan tidak ada apa-apa.

Hal ini saya menyedari dan telah kita nasihatkan dari masa ke semasa. Demikian juga kita bawa dalam Forum Perdana, kita mencari penceramah-penceramah yang berwibawa yang tidak hanya percaya kepada penekanan suara tetapi juga berkeupayaan juga memberikan ilmu dan juga pengetahuan yang dapat mempengaruhi minda masyarakat kita. Ini saya akui dan saya terima teguran itu dengan baik.

Kemudian, dalam soal bahasa juga saya ingat pihak RTM sentiasa mengawasi

....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Minta Yang Berhormat sekejap lagi. Saya akan bagi peluang. Berikan peluang untuk saya menjawab.

Kemudian, dalam soal bahasa ini, pihak RTM adalah sentiasa mengawasi. Kadang-kadang kita juga kesal umpamanya dalam siri jenayah menggunakan bahasa “apa ke jadah’ dan sebagainya. Ini kita tidak lakukan tetapi kita mengawasi. Dalam pada itu pun kita ada benda yang terlepas sebab kita tidak melihat televisyen itu 24 jam. Jadi, hal-hal ini saya pohon maaf kalau ada berlaku, tetapi dalam suatu hal yang lebih besar, dalam soal tanggungjawab dan penggunaan bahasa ini ialah RTM tetap menyedari bahawa penggunaan bahasa bagi pembentukan keperibadian bangsa.

Dalam soal bahasa umpamanya kita telah berjaya. Kita telah berjaya dalam pembentukan bahasa berpolitik itu sendiri supaya kita dapat *maintain the political decorum* di kalangan ahli-ahli politik sendiri. Kejayaan kita dalam pilihan raya yang lalu ialah oleh kerana kita telah berjaya mengalahkan bahasa-bahasa yang tidak sopan, kita mendedahkan bahasa-bahasa yang tidak baik. Maka itulah suatu tenaga yang

telah dapat sedikit sebanyak sumbangan RTM dalam suatu perspektif yang lebih luas untuk menekankan kepada tipuan dalam penggunaan bahasa yang berkesan dari segi politiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Saya sebenarnya berhajat kalau boleh yang menjawab ini Menteri tetapi ada alasanlah hari ini hari Rabu, *Cabinet Meeting*. Datuk Kadir ini sahabat saya. Orangnya baik tetapi kali ini dia kalah. Dia kalah sebab orang UMNO kata dia ini degil. Dia menteri degil. Menteri yang tidak hendak bertolak ansur dengan suara rakyat. Infotainment ini masalahnya. Minta maaf, mungkin saya mengulang sahabat-sahabat saya semalam. Sudahlah, mengalah sahajalah Si Kadir ini. Pinda sahajalah. Dia sudah kalah, kemudian rakyat memang tidak hendak terima perkataan ini. Berubahlah.

Dahulu, apabila Yang Berhormat Menteri Penerangan ini masuk jadi menteri, dia kata hendak buat pembaharuan. Kita tunggu. Tidak ada apa pun pembaharuan, cuma ubah nama sahaja. Saluran Perdana jadi Saluran Infotainment dan Saluran 2 jadi pergi Saluran Famili Anda. Apa salahnya Saluran Keluarga Anda? Apa? Hina sangat bahasa Melayu? Kenapa? Ini yang menyebabkan dia kalah walaupun saya mengundi dialah. Tetapi undi ini rahsia, bukan?

Kalau dia degil lagi kita yang di sini kata, "Engkau berhentilah. Engkau sudah kalah Majlis Tertinggi UMNO, jangan jadi menteri" Betul. Hendak cakap apa? Cuba kita ambil Saluran Perdana – Saluran 1, *Selamat Pagi Malaysia* - slot agama itu kenapa hilang? Apakah ini pembaharuan? Slot agama yang memang peminatnya berjuta, sambil orang minum kopi, sambil isteri kita mengemas rumah dia dengar ini – soal jawab agama. Dan di antara sebab Barisan Nasional menang adalah slot agama ini sebab dapat mematahkan isu-isu agama yang diselewengkan oleh PAS. Saya minta maaf, berjasa slot agama RTM 1 ini. Tetapi kenapa hilang dalam rancangan *Selamat Pagi Malaysia*?

Kemudian ini, slot untuk Ahli Parlimen kenapa setengah jam? Buatlah satu jam. Kata hendak hormatkan Parlimen? *[Tepuk]* Malam, malam ada slot *Parlimen Kita* pukul 10.30 malam. Apa jadinya pukul 10.30 malam semua orang sudah tidur? *[Disampuk]* Kadang-kadang 11.30 malam. Tengoklah, ini semua ialah ruangan-ruangan yang dipinggirkan sebenarnya, bukan diutamakan. Kenapa? Ha, Khutbah

Jumaat pukul 1.00. Siapa hendak dengar Khutbah Jumaat pukul 1.00? Kenapa? Kalau di Saluran 1 kenapa dicampuradukkan? Bagilah Saluran Pertama ini untuk saluran kebangsaan, bahasa Melayu seterusnya. Saluran 2 bolehlah dicampuradukkan. *[Disampuk]* Campurlah tidak mengapa.

Soal bahasa! Hari itu, kononnya Datuk Kadir hendak kenalkan pembaca berita yang cantik jelita, saya pun terpengaruh. Cantik betul. Tetapi apabila dia bercakap – cubalah membaca berita, Lailahailallah, mengalahkan orang Nepal datang ke Malaysia! Kelam kabut bahasa. Astaghfirullahlah halazim. Berita - Beritalah salah satu daripada masa yang sangat berharga yang didengar oleh seluruh rakyat, bolehkah main cuba-cuba? Orang yang tidak ada kelayakan walau cantik macam bidadari pun dia tidak layak. Jangan terpengaruh dengan orang cantik. Apa, Kadir syok sangat dengan orang cantik ini? Kita pun syok juga tetapi kalau kelayakan tidak ada apa fasal pula disogokkan dengan baca tergagap-gagap, koma jadi titik, titik jadi koma, bahasa Melayu yang tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tumpat Berhormat, minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sayangnya Datuk Zam, Timbalan Menteri pula hendak kena jawab. Ini bukan dosa dia. Dosa ini dosa Kadir. Saya mintalah, dengar.

Saya cakap betul. Rakan-rakan di Parlimen ini tidak akan diam kalau Menteri Penerangan berdegil juga tidak mahu dengar apa yang disuarakan oleh Ahli Parlimen kami akan bawa setiap masa. Kami peduli apa? Kami dipilih oleh rakyat. Suara rakyat di kampung-kampung yang membantah bagaimana siaran dalam TV dan pelbagai ini mereka dengarkan kepada kami, kami akan bawa ke sini. Hendak diapakan? Siapa hendak saman kami? Kami akan cakap. Menteri hendak dengar juga cakap kita ini semua. Jangan syok sendiri sahaja. Engkau ada kuasa, kita pun ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Datuk Zam minta maaf. Tolong, ya? Tolong susun balik apa kehendak rakyat yang harus didengar. Tuan Yang di-Pertua, RTM ini berkesan sangat. Ia menjadi salah satu saluran perdana bagaimana rakyat dan kerajaan dapat dirapatkan. Jangan main-main. Menteri yang memegang RTM ini haruslah menteri yang benar-benar bertanggungjawab – faham bagaimana peranan yang harus mereka mainkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Pertama sekali saya telah pun menyatakan semalam bahawa perasaan sensitif dan prihatin terhadap penggunaan infotainment ini akan saya rujuk kembali untuk perhatian kementerian. Semalam telah saya nyatakan.

Kemudian tentang slot mengenai Parlimen ini, sebenarnya kita adakan ruangan untuk anggota Parlimen bagi selama setengah jam, tetapi kita sendiri kemudian memikirkan bahawa setengah jam itu tidak cukup dan kita telah membuat keputusan mengadakan tambahan, ada kemajuan iaitu daripada setengah jam di sebelah pagi kita tambah satu jam lagi di sebelah malam iaitu bermula pada 10.30 malam. Pukul 10.30 malam adalah masih merupakan *prime time* iaitu waktu perdana. Hanya kita anjak ke pukul 11.30 malam apabila ada program *talk show* seperti "*Fast Forward*" ataupun "Isu", maka kita lewatkan. Tetapi kalau tidak ada program *talk show* ini, maka tetaplah 10.30 malam. Tetapi 10.30 itu adalah satu waktu yang mahal termasuk – *It's a prime time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian mengenai Khutbah Jumaat itu. Khutbah Jumaat memang kita siarkan serentak, tetapi yang kita siarkan malam itu adalah ulangan bagi kali yang kedua. Kadang-kadang ulangan itu ialah sama ada perlu atau tidak ulangan itu perlu dibuat. Jadi kita memikirkan bahawa masih ada penonton dan itu hanyalah merupakan siaran ulangan.

Kemudian saya tertarik hati dengan anjuran Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading supaya Saluran 1 hanya mengutamakan bahasa Malaysia dan ini adalah kita sedang bergerak ke arah itu secara perlahan-lahan dan kita akan pergi kepada bahawa Saluran 1 itu mungkin kita sedang bercadang memikirkan dengan serius untuk hanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja.

Kemudian, pembaca berita. Pembaca berita ni adalah suatu - saya akui bahawa RTM telah agak ketinggalan dalam mengemukakan *the news* atau dengan izin, *news reader* dari orang-orang bukan Melayu, sedangkan TV swasta yang lain telah jauh ke hadapan, telah menggunakan pembaca-pembaca berita umpamanya TV3 dan sebagainya yang menunjukkan keupayaan orang bukan Melayu untuk membaca berita dalam bahasa Malaysia. Tetapi dalam pada itu kita juga mengambil bukanlah bersifat idola. Kebanyakannya yang bukan Melayu ini juga mempunyai kelayakan yang tinggi, peguam dan sebagainya yang membaca berita....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya akan bagi. Sekejap, saya menjawab

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: ...membaca Berita Perdana ini. Setelah kita mendapat teguran bahawa bahasanya tidak begitu baik, maka yang tidak begitu sesuai kita hanya membenarkan untuk membaca berita dalam bahasa Inggeris tetapi yang hanya boleh membaca berita dengan baik kita tetap kekalkan di waktu perdana.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin : *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana?

Datuk Zainudin bin Maidin: Yang sudah bangun dahulu. Di belakang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Ladies first.*

Datuk Zainudin bin Maidin: *Ladies first.*

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri kerana membenarkan saya mencelah. Saya ingin menyentuh tentang berita ini, saya ingin memujilah usaha RTMnya untuk memanfaatkan golongan kurang upaya yang cacat pendengaran dengan menyediakan penterjemah melalui bahasa isyarat tetapi saya tengok seolah-olah penterjemahan itu agak kelam-kabut dia hendak mengikut tempo penyampai berita. Jadi soalan saya adakah pihak kementerian menyediakan teks sebelum penterjemah itu menterjemahkan dalam bentuk bahasa isyarat. Sebab kadang-kadang saya tengok agak kelam-kabut dia hendak ikut tempo. Jika sekiranya ada teks, saya ingin menyarankanlah tidak perlulah dia mengikut sebiji-biji perkataan itu biarlah isi kandungannya itu diringkaskan asalkan ianya tidak lari dan mesejnya tetap dapat disampaikan. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak faham bahasa isyarat ini saya tidak tahu sama ada serentak ataupun ketinggalan, tapi memang diberikan teks, diberikan teks. Jadi itu mungkin ada kelemahan di sana sini, tetapi memang diberikan teks terlebih dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Minta maaflah Timbalan Menteri pagi ini mungkin kerana sayangkan RTM itu, maka kawan-kawan kita ada sikit menyinga

orang Kedah kata. Tetapi ini adalah satu kebaikan, Timbalan Menteri balik kirim salamlah kat Menteri beritahu kat dia noo. Jadi macam itulah bila Menteri tidak mai, Timbalan Menteri ke Setiausaha Parlimen kena tabuh, tak fasal-fasal kena tabuh. Kalau Menteri mai kita tabuh lainlah cerita sikit, tak gitu Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma saya tertarik tentang pembaca berita ini, saya ada mencadangkan satu ketika dahulu, sekarang kita nampak, dia nampak baguslah, makna rakyat Malaysia orang Tionghua baca berita bahasa Malaysia cuma saya minta dulu kepada kementerian supaya orang Melayu membaca berita dalam bahasa Tamil, orang Melayu baca berita bahasa Mandarin. Jadi ini menunjukkan sepakatan, tak begitu Bukit Mertajam? Ha tidur ha, tidak sepakatan antara - ini jadi kalau tengok itu, bila kita buka bahasa Mandarin tengok-tengok nama si anu, si anu, ha nama apa Datuk Mohamad baca berita dalam bahasa Mandarin, tahu-tahu tengok daripada Bung baca bahasa Tamil [*Ketawa*] jadi menceriakan.

Lagi satu Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat bercakap dari segi RTM kerana itu di bawah kementerian Yang Berhormat. Tetapi Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat saya ingat tidak boleh kontrol TV3, tidak boleh kontrol ntv7, tidak boleh kontrol Astro disebabkan mereka berada di bawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Jadi boleh tidak kita dalam Parlimen, kita bagi senang kepada kementerian, jadi lani bila ntv7 buat perangai macam bahasa '*jadah*' itu '*kepala bapak*' itu Yang Berhormat, ini ntv7 bila dia buat sesi siasat itu betul bagus, siri itu bagus Sri Gading, disiasat segala benda-benda tidak elok apa semua. Tetapi bahasa dia guna itu saya terkejut, saya sendiri terkejut, sungguhpun bahas itu bahasa kampung tetapi digunakan itu kalau orang luar dia tengok *what the hell* dia tanya [*Ketawa*] hoi kepala bapak, hendak kata yang tidak kacau Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan, penjelasan Bung [*Ketawa*] Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Jadi saya minta kalau boleh pakat tengok antara Menteri Penerangan dan juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi supaya hak komunikasi serah balik kat Kementerian Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru boleh *monitorkan*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah cakap berapa minit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit kira panjang tau, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hari ini sakit Tuan Yang di-Pertua, saya bawa ubat tau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ubat, kalau sakit boleh balik [*Ketawa*].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini kerja Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Sakit pun datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sakit pun datang Tuan Yang di-Pertua, kerana ini amanah rakyat Tuan Yang di-Pertua. Nanti kalau saya tidak buat kerja orang kampung marah, tengok ini *student-student* macam manalah kami dok bela hangpa bagi senang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya mencadangkan kerajaan minta Kabinet meminda komunikasi masuk bawah Penerangan, sebab Penerangan boleh *monitor* semua siaran-siaran TV, siaran-siaran Astro dan sebagainya dan kemudian kita boleh susun di Kementerian Penerangan macam ini, macam ini, macam ini kita hendak bersesuaian dengan budaya Malaysia kita.

Saya hendak ucap terima kasih kerana persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengikut program-program yang saya tanya program agama 8% sahaja, penerangan pendidikan 16%, hiburan kebudayaan 4.5%, tapi saya perasan ini tidak betul in lebih, berita 35.3%, kanak-kanak 6.3%, sukan 2.1%, hak yang 27.8% ini lain-lain, dia benda itu apa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi itulah penjelasan saya, jadi kalau boleh Yang Berhormat tolong, kami ini bukan marah, tetapi sayang kat Datuk ini, Datuk cukup bagus. Jadi boleh duduk tang tu, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir duduk tang tu, depa pun sekapal-sekapal mai sekapal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu tidak perlu sebutlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Dia ada dua Timbalan Menteri, betulkanlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin kalau saya tidak ada gangguan-gangguan sementara saya rasa dalam 20 minit saya dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang eloklah. Kalau sampai 20 minit.

Datuk Zainudin bin Maidin: Betul tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat duduklah ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sini sudah janji tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan gangguan Tuan Yang di-Pertua, ini bukan gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, baik duduklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tadi sudah janji, Kinabatangan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya,ya, saya bagi, saya bagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya menjawab bagi pihak Menteri sebagai *collective responsibility*, jadi harap dapat diterima dengan baiklah. Kemudian tentang mengesyorkan supaya orang lain atau orang Melayu membaca berita dalam bahasa Mandarin, bahasa Tamil itu perkara yang harus difikirkan dengan serius dan kita boleh bincangkan kemudian dan kemudiannya mengenai penyelarasan, tidak ada kuasa bagi Kementerian Penerangan dalam soal mengawal pengisian program di stesen TV ini telah kita maklum dan pihak menteri kita, Menteri Penerangan sendiri sedang menyediakan satu kertas kabinet untuk menyelaraskan tanggungjawab ini dan akan disampaikan kepada pihak kerajaan supaya kedudukan dan kuasa ini lebih jelas. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Jerai.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat ada beberapa masalah pertama berhubung dengan iklan. Cuba kita lihat Yang Berhormat,

kementerian secara *holistic* dengan kementerian-kementerian yang lain menyusun satu pendekatan, tengok iklan satu belum berita, dia iklan 'kopi api', sepasang lelaki dengan perempuan. Lelaki itu duduk, dia datang perempuan simbah kopi dekat muka dia. Ini iklan tidak bermoral Yang Berhormat. Jadi perlu ditiadakan sebab ini memalukan. Takkan kita duduk-duduk seolah-olah perempuan tidak hormat dengan lelaki. Jadi iklan ini tidak bersesuaian, tidak harus dibenarkan di kaca-kaca TV kita, tidak bermoral, menampakkan satu kekerasan seolah-olah wanita Malaysia keras, kasar tidak bermoral tidak menghormati manusia [*Tepuk*].

Yang kedua, iklan Bank Bumiputara, hendak iklan-iklan, apakan pula tidak percaya, sampai tua dia tidak percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, semasa Timbalan Menteri memberi jawapan adakah beliau sebut tentang masalah iklan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ada, semua ada.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini dua, satu yang terakhir. Kita lihat di Indonesia Yang Berhormat, negara dia miskin, kita lagi kaya. Tetapi apabila persidangan Parlimen dia siar secara langsung, *live telecast* supaya dia punya rakyat dapat melihat bagaimana keadaan kita ini sebagai kuasa pemutus dasar yang berkualiti tinggi dalam negara ini, rakyat hendak mendengar apa yang kita bincang, apakah yang kita bincang ini memberi manfaat kepada rakyat. Baiklah kerajaan punya alasan, kita kena menggunakan peruntukkan yang tinggi, kalau peruntukkan yang tinggi yang menyekat apa ini hasrat kita untuk menyiarkan secara langsung. Bagi ruang yang lebih sedikit berhubung dengan 'wakil rakyat bersama anda', 20 minit apa yang dicakap Yang Berhormat, *introduction* kawasan pun sudah habis 2, 3 minit, bagilah masa sedikit, satu jam ke satu jam setengah, biar rakyat melihat bagaimana wakil-wakil rakyat membela untung nasib mereka sampai pilihan raya, rakyat boleh menilai dan ini akan membawa satu kebaikan kepada kerajaan, tidaklah perlu kita kempen keras-kerasan sebab rakyat sudah yakin daripada awal, tidak perlu kita yakinkan di saat akhir, ini khidmat lama Yang Berhormat. Terima kasih minta penjelasan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat, pertama sekali saya ingat Yang Berhormat menunjukan perasaan kepada Kementerian Penerangan.

Sebenarnya iklan ini bukan di bawah kawalan Kementerian Penerangan - telah kita jelaskan. Jadi banyak soal sebenarnya kalau kita kaji balik, dalam soal iklan ini banyak perkara yang telah kita menyimpang daripada dasarnya. Saya rasa itu benar umpamanya dahulu, kalau dalam zaman,..... ini asasnya telah diletakkan dari zaman Tun Abdul Razak lagi iaitu I iklan ini tidak berfungsi di atas sesuatu kaum. Umpamanya dahulu sebelum 13 Mei iklan-iklan yang tunjukkan di tv ialah iklan-iklan orang Melayu yang menggunakan bahan-bahan yang hanya layak digunakan oleh orang miskin.

Kemudian kita juga tidak boleh menggunakan iklan-iklan daripada luar negara dan sebagainya, tetapi dalam beberapa hal di media imperialisme itu berlaku, umpamanya kita dapat melihat kalau PEPSI itu mesti ada seorang wanita yang begitu hebat tubuh badannya minum PEPSI, dan demikian juga dalam kekuatannya, ini ialah suatu usaha media imperialisme yang berlaku. Brad Pitt yang pakai Toyota, padahal orang-orang lain juga pakai Toyota, jadi hal-hal ini adalah juga penjajahan media yang telah berlaku dari sejak lama dahulu umpamanya kita diyakinkan bahawa manusia '*the web*', maaf....Tuan Yang di-Pertua, '*the web even*' berkuasa dalam hutan, tarzan dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Jadi secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis bangun.

Datuk Zainudin bin Maidin: Jadi dalam soal-soal kesedaran itu ada dan hal inilah, maka saya menyatakan bahawa soal masalah iklan ini perlu ada kawalan, kita sedar. Dan maka itulah pihak menteri sedang menyiapkan kertas untuk Jemaah Menteri bagi mengkaji semula dan menentukan bidang kuasa yang boleh dilakukan.

Jadi saya minta izin untuk menjawab banyak lagi soalan yang telah ditimbulkan secara yang spesifik. Berhubung dengan persoalan RTM, ini juga saya ingin menyentuh apa yang telah ditimbulkan tadi, berhubung dengan persoalan RTM sebagai media kerajaan harus menyebarkan dasar-dasar kerajaan dan tidak seharusnya bersaing dengan stesen tv swasta. Memanglah menjadi tugas dan tanggungjawab RTM untuk menyebarkan dasar-dasar kerajaan melalui rancangan dalam bentuk berita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun, hendak berikan laluan atau tidak?

Datuk Zainudin bin Maidin: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fikir masa tidak cukup, memang boleh.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak beri laluan...

Datuk Zainudin bin Maidin: Satu ya? Satu, satu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhirlah, yang terakhir...

Datuk Zainudin bin Maidin: ...yang terakhir ya?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang memberi peluang yang akhir katanya. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Jangan ya? Okey, okey. Yang akhir itu terpulang kepada Timbalan Menteri, saya tarik balik. *[Dewan riuh seketika]* Jadi bersetuju atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya RTM ini menjadi kalau boleh sebuah televisyen stesen yang berwatak? Dengan izin, kalau dalam bahasa Inggeris *tv station need characters*, dia ada karakternya sendiri atau dia ada wataknya sendiri berbeza dengan TV stesen swasta. Jadi contohnya, kalau kita kata hendak dengar bahasa Inggeris yang bagus, *queen English* orang akan merujuk kepada BBC, bukan kepada TV stesen yang lain. Jadi kalau di Malaysia, kalau kita hendak mendengar bahasa Melayu yang baik, bahasa Melayu yang betul tata bahasanya, jadi kita akan sebut mungkin TV1 RTM. Jadi ini karakter yang kita hendak, jadi kalau boleh RTM bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka boleh menjadi badan pengkaji dan RTM menjadi media untuk menyampaikan perkara-perkara yang baik mengenai bahasa ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menuju ke arah itu untuk penjelasan ini. Dan biarlah saya jawab bahawa memang kita telah nyatakan semalam bahawa pihak RTM sendiri mempunyai jawatankuasa sebutan dan istilah Bahasa Melayu di RTM yang sentiasa bekerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, sampai sekarang, sampai hari ini. Termasuk juga dalam soal-soal, macam tadi istilah '*Infotainment*' itu sendiri, bukan kita hanya memandai sahaja tetapi kita mendapat nasihat. Malah perkataan '*infotainment*' itu telah dipersetujui untuk digunakan dan dimasukkan dalam buku istilah yang akan datang iaitu keluaran yang kelima.

Jadi ini untuk makluman, bukan kita hanya meluluskan tanpa perbincangan tetapi dengan rujukan dan sebagainya. Jadi soalnya tadi kita berbalik kepada - memanglah menjadi tugas dan tanggungjawab RTM untuk menyebarkan dasar-dasar kerajaan..

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin:dan rancangan dalam bentuk....saya biar nanti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Datuk Zainudin bin Maidin: Boleh tak saya habiskan ini, saya beri peluang ya, Sebab saya belum sampai kepada....

RTM untuk menyebarkan dasar-dasar kerajaan melalui rancangan dalam bentuk berita, informasi dan hiburan yang memasukkan elemen maklumat untuk berkesan. Dalam peranan ini RTM terpaksa bersaing dengan pihak lain, tetapi dengan pendekatan yang tersendiri, untuk berkesan RTM mestilah mempunyai *rating* penonton yang tinggi, *rating* dengan izin. Dan kerana itu RTM tidak boleh bersikap pasif, tidak sensitif kepada cabaran pasaran dan kehendak ramai. RTM terpaksa bersaing tetapi dengan tetap berpegang kepada garis panduan penyiaran 1998 dan kod pengiklanan serta Akta Komunikasi Multimedia 1998. Maka itu RTM tidak menyiarkan iklan menyimbah kopi dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu *uphill better* dengan izin, kerana beberapa stesen TV swasta adalah lebih mematuhi kehendak pasaran dari kehendak undang-undang atau etika nilai yang seharusnya menjadi jati diri kepada setiap mereka yang telah diberikan lesen.

Berhadapan dengan cabaran ini, RTM terus menjalankan tanggungjawab untuk membudayakan masyarakat pembinaan bangsa dan negara, dengan program yang bersifat hiburan dan maklumat untuk membudayakan masyarakat, umpamanya program *talk show* daripada Forum Perdana, Debat Perdana, Bicara Siswa, Fast Forward, Bersama Norman dan hiburan berkualiti seperti kita mengemukakan Getaran ataupun Orkestra RTM pada setiap minggu, dan tidak banyak kita yang sedar untuk pergi menonton kena membayar dengan harga yang mahal. Tetapi kita mengadakan setiap minggu rancangan Getaran dan Orkestra RTM dengan kualiti yang tinggi,

muzik yang baik. Demikian juga kita mengadakan program-program untuk membudayakan masyarakat dengan deklamasi Angkasapuri, Anjung Budi, Salam Pantai Timur dan banyak lagi. Untuk pembacaan sajak kita selitkan untuk tujuannya, pada akhirnya ialah untuk menjadi apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat dari Lipis itu, iaitu kita mempunyai identiti yang tersendiri, tetapi ini saya tegaskan lagi, bahawa ini dalam keadaan yang kita menghadapi cabaran dengan global dan sebagainya, ini adalah suatu *uphill better* dengan izin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada, tiga.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman, Sabak Bernam, Sri Gading...

Datuk Zainudin bin Maidin: ...yang perlu saya tegaskan, iaitu Yang Berhormat daripada Ipoh sila duduk dahulu, sekejap ya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya sebelum, sebelum.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih....

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya beri Yang Berhormat, sekejap lagi saya beri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum, sebelum Yang Berhormat Ipoh Timor keluarkan soalan, saya hendak maklumkan saya hanya takut dengan cara ini mungkin saya terpaksa duduk di sini sampai pukul 2.00 pagilah....

Datuk Zainudin bin Maidin: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta kalau hendak banyak, saya haraplah semua kena bersama-sama jangan sampai....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini perbincangan bajet Tuan Yang di-Pertua, perbincangan bajet ialah perbincangan duit rakyat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju, saya bersetuju, saya bersetuju. Yang Berhormat saya hendak ingatkan, saya hendak ingatkan...kalau terpaksa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi bagi peluanglah kepada wakil rakyat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, kalau terpaksa kita lanjutkan sampai tengah malam pukul 1.00 pagi atau 2.00 pagi saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita teruskan, kita teruskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengenai kedudukan RTM sebagai tv stesen dengan berwatak atau berkarakter dan tadi sangat minat dengan pencilan daripada Yang Berhormat Sri Gading, nampaknya percaturan politik Perhimpunan Agung UMNO, sudah *overspill* kepada Dewan yang mulia ini sehingga desakan dibuat untuk Menteri berkenaan untuk meletak jawatan. Tetapi bukannya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju untuk RTM bagi menjadi satu tv stesen yang berwatak dengan identiti sendiri - ada banyak cara. Satu cara ialah sebagai satu stesen dengan *crusading zeal* untuk menentang rasuah.

Yang Berhormat Menteri baru-baru ini berkata bahawa politik wang, Yang Berhormat Menteri Penerangan - politik wang UMNO paling teruk sekali dalam sejarah UMNO, paling teruk sekali dalam sejarah UMNO.....

Kenapa RTM tidak meng"*highlight*"kan gejala penyakit rasuah atau politik wang dalam UMNO oleh kerana bukannya ini satu tema pokok kerajaan pentadbiran Perdana Menteri yang baru untuk menentang rasuah termasuk politik wang dalam UMNO? Bukankah ini patut menjadi satu *highlight* dalam RTM kalau mahu serius untuk membanteras rasuah? Kenapa dikecualikan? Supaya RTM ada *crusade against corruption, crusading a zeal* menentang rasuah.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan Menteri beliau bahawa politik wang teruk sekali dalam sejarah UMNO dan adakah ini akan ditayangkan dalam RTM?

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa RTM tidak menyiarkan berita-berita mengenai sungutan-sungutan politik wang dan

sebagainya dalam RTM. Kita siarkan sebagai berita biasa. Kita tidak ada satu ruangan khusus hanya untuk memperkatakan soal rasuah. Dalam percaturan politik kita, kita tidak membuat hanya mengikut apa yang difikirkan baik oleh pembangkang, tetapi juga apa yang kita fikir baik supaya tidak mengelirukan rakyat membesarkan satu perkara yang tidak sewajarnya dibesarkan. Jadi, kita tidak.

Kita mempunyai penilaian-penilaian tersendiri sesuai dengan tidak menakutkan kepada suatu perkara yang tidak benar. Umpamanya, saya bagi contoh. Kalaulah pihak DAP atau pihak Yang Berhormat bagi Ipoh Timur terlalu takut kepada negara Islam, umpamanya contoh. Tetapi dalam realitinya saya merasakan bahawa ketakutan ini timbul adalah oleh kerana pihak DAP sendiri pernah bermuafakat dengan suatu golongan untuk menegakkan negara Islam ala Taliban di negara ini. Itu sebabnya Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, maaf Tuan Yang di-Pertua, *keep on harping*, menakutkan rakyat tentang negara Islam untuk menyembunyikan dosanya yang telah menyebabkan kekalahan DAP yang besar.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Datuk Zainudin bin Maidin: Contoh, saya bagi contoh.

Tuan Lim Kit Siang: Ini adalah sangkaan jahat oleh kerana ini tidak benar. DAP tidak pernah menyokong PAS...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...mengenai penubuhan *Islamic state*. Ini fitnah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Speaker, itu contoh, dia bagi contoh.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Ini melanggar Peraturan Mesyuarat, tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha itulah *miss information*. Sebab itu Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berikan sebagai contoh.

Tuan Lim Kit Siang: Contoh pun, *don't start the fitnah*, Yang Berhormat tidak patut menjadi Timbalan Menteri "*miss information*". Beliau Menteri "*Information*", bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...*miss information*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan jawapan.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: Kemaman ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesaikan jawapan, ada masa baru benarkan Ahli-ahli Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, bagi contoh lain macam mana.

Datuk Zainudin bin Maidin: DAP tidak bekerjasama tetapi dia hanya bermuafakat dengan PAS suatu masa dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Bermuafakat, bermuafakat. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak kuat... Barisan Nasional mempunyai sejarah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Zainudin bin Maidin: Barisan Nasional mempunyai sejarah yang tersendiri dalam memerangi rasuah termasuk orang-orang di dalam Barisan Nasional sendiri. Itu sejarah ada, tidak boleh dinafikan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita ada...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya suka syorkan, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Kita sekarang bermesyuarat di Dewan yang mulia ini. Ikutlah Peraturan Mesyuarat. Cukup.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya suka menjelaskan, ini terpaksa saya jelaskan bahawa kalau Yang Berhormat secara rasional melihat sejarah UMNO itu sendiri dari satu masa ke satu masa, kita mempunyai sejarah bertindak ke atas orang kita sendiri dan kita mempunyai mekanisme sendiri untuk membersihkan parti kita. Ini sejarah yang tidak boleh dinafikan. Tidak boleh dinafikan sejarah ini.

Saya boleh memberikan contoh dari dahulu, dari zaman Tun Razak sehingga hari ini, tidak boleh dinafikan, ada, ada, tetapi bersabarlah. Sekarang Perdana Menteri yang baru juga menyuarakan cara-caranya yang tersendiri dan diakui oleh pihak Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sendiri hakikat ini. Seperti seorang peguam yang bijak, yang lama, tentulah kita tidak boleh bertindak dengan gopoh-gapah.

Saya menghormati hasrat baik untuk melihat negara ini bersih daripada rasuah tetapi ini bukanlah satu masalah yang begitu mudah. Ada caranya yang tersendiri. UMNO, Barisan Nasional ada cara yang tersendiri. Saya minta...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingat tidak payahlah, saya rasa kita tidak payah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Dalam sejarah DAP berapa lama, maaf Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, menggunakan kedudukan berapa lama dalam DAP? Tiga puluh, kita bertukar ganti pemimpin. Ada benda buruk. Kalau mahu...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Apakah ini merupakan satu rasuah politik dalam DAP?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, berikan peluang kepada Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: Ini berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup, cukup. Saya juga kena bertanggungjawab untuk mengawal masa sebab untuk maklumat kita ada lagi 16 atau 17 kementerian untuk menjawab.

Datuk Zainudin bin Maidin: Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai perbelanjaan promosi TV1 dan TV2, suka saya maklumkan bahawa angka sebenarnya ialah RM13.9 juta bukan RM18 juta. Kos tersebut bukan semata-mata melibatkan majlis pelancaran sahaja, sebaliknya melibatkan proses penjenamaan keseluruhannya termasuk perancangan bahan untuk siaran publisiti di media dan penganjuran cara-cara yang berkaitan dengan promosi.

Bukanlah sesuatu yang membazir dan merugikan wang rakyat kerana kos sedemikian diperlukan untuk melakukan pelbagai usaha dan pendekatan bagi memastikan RTM yang berwajah baru dan berkonsep baru benar-benar terus diminati oleh masyarakat. Apabila rancangan disiarkan oleh RTM mendapat *rating* yang tinggi, para pengiklan akan menjadi lebih berminat untuk membuat tajaan iklan dan ini akan memberi pulangan pendapatan iklan yang lebih tinggi untuk kerajaan.

Yang Berhormat bagi Larut telah menyatakan bahawa TV1 dan TV2 sebagai saluran penyiaran, kerajaan juga terpengaruh dengan pencarian idola untuk menarik perhatian *audience*. Ini telah saya jawab tadi dan saya ingat tidak perlu saya ulangi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sememangnya RTM sebagai mana-mana stesen TV memanglah juga menggunakan pendekatan pencarian idola sebagai menarik penonton. Tetapi dalam pada itu, kita pun tidak percaya hanya wajah yang cantik yang akan menarik penonton tetapi keupayaan, *knowledge* ataupun pengetahuan dan keupayaan interaktif dengan *audience* juga adalah satu usaha yang sedang dilakukan supaya kita tidak hanya mempunyai, dengan izin, *newsreader*, tetapi juga *newscaster* ataupun *anchor*.

Ini amat penting kerana sebagai stesen penyiaran milik kerajaan, RTM boleh menumpukan perhatian kepada penerbitan dan penyiaran rancangan-rancangan yang bermaklumat dan mendidik masyarakat di samping menyiarkan hiburan yang bermesej. Tanpa idola-idola ini, program-program ini mungkin sukar mendapat ikutan masyarakat. Semua pendekatan ini dilakukan untuk membentuk minda dan sikap masyarakat serta mengamalkan kehidupan yang berlandaskan nilai-nilai murni selaras dengan aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit menyarankan Kementerian Penerangan supaya memastikan siaran rancangan di RTM tidak melanggar tata susila...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong, apa...

Datuk Zainudin bin Maidin: ...dan menerapkan nilai-nilai murni...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun untuk apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk, untuk....

Dr. Tan Seng Giaw: Program-program TV itu. Saya dengan ringkas sahaja...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Kepongkah atau Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kepong. Sekejap lagi saya bagi.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: Kemaman tidak bagi?

Datuk Zainudin bin Maidin: Nanti, nanti sekejap lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan dengan ringkas sahajalah iaitu bolehkah Yang Berhormat mengkaji pengulas-pengulas program-program termasuk sukan itu kita pilih yang benar-benar pakar untuk mengulas mengenai sukan badminton dan sebagainya. Kadangkala kita nampak mutu itu tidak begitu tinggi untuk pengulasan. Bolehkah Yang Berhormat kaji semua ini?

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, perkara ini adalah sentiasa dalam perhatian kita dan saya walaupun sebagai Timbalan Menteri, barangkali saya sukar mengamati perkara ini dan saya sendiri ada yang saya tidak senang dan kita memang mencari bakat-bakat yang lebih baik, tetapi bukan mudah, tidak mudah. Kita tidak boleh dapat dengan cepat, mengambil masa dan memerlukan latihan dan sebagainya. Jadi, itu saya beri perhatian yang berat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dalam perkara yang berkaitan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun dapat melihat mungkin pihak kementerian

perlu satu garis panduan di dalam mencari idola ataupun artis-artis yang akan dijadikan contoh dan teladan oleh penonton-penonton ataupun *viewers*.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, *characteristic* idola ini ataupun artis ini, kita dapat lihat trendnya adalah lebih kepada kadangkala itu lebih kepada hendak kata lelaki bukan lelaki, hendak kata perempuan bukan perempuan, yang bercakap dengan nada yang mungkin jadi meluat jika dilihat oleh kaum lelaki dan mungkin juga pada satu ketika nanti kita takut akan menjadi ikutan oleh penonton-penonton remaja dan sebagainya.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan sedikit penjelasan tentang apakah garis panduan ataupun bagaimanakah mekanisme pemilihan idola-idola ataupun artis-artis ini?

Datuk Zainudin bin Maidin: Barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu ini ialah lelaki pun bukan perempuan pun bukan. Jadi kita ada mengawasi perkara ini tapi kadang-kadang tidak muncul lagi di.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat .

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada masalah yang tidak dapat dikemukakan boleh kita bincangkan semasa di peringkat Jawatankuasa. Tambahan pula.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:saya ingin meminta Yang Berhormat membaca merujuk balik kepada peraturan Mesyuarat 37(2) dan berikan kerjasama kepada saya. Duduklah, duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan jawapan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, itu kita mengawasi tapi kadang-kadang muncul di stesen televisyen lain yang di luar kawalan kita. Saya berharap Yang Berhormat, perkara-perkara yang sepatutnya ikut Peraturan Mesyuarat yang ditimbulkan perkara yang telah diperkatakan.

Jadi saya cuba sebab saya ingat agak panjang jugalah ini. Tadi saya telah menjawab Yang Berhormat bagi Parit. Untuk makluman Yang Berhormat etika itulah yang diamalkan selama ini oleh RTM sehingga kadang-kadang kedengaran sungutan RTM agak terkongkong berbanding dengan stesen-stesen swasta.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah menyarankan supaya Kementerian Penerangan dapat menyelitkan unsur-unsur pendidikan dan pencegahan jenayah di dalam rancangan-rancangan popular tempatan sama ada yang disiarkan oleh RTM seperti drama bersiri 'Sembilu' mahupun rancangan yang disiarkan oleh stesen televisyen swasta seperti Malaysian Idol, Sure Heboh, Akademi Fantasia dan sebagainya untuk membolehkan mesej berkenaan dapat disampaikan. Memang ini telah dilakukan umpamanya program kita yang mempunyai *rating* paling tinggi lebih daripada 2 juta penonton ialah Gerak Khas. Gerak Khas itu kadang-kadang kita mengatasi stesen lain dan ia ialah untuk dihayati angkatan muda kepada perkhidmatan pihak pasukan keselamatan khususnya pihak polis dan juga memberikan penghormatan kepada mereka dan menghayati mereka dengan tanggungjawab pihak keselamatan kita. Yang Berhormat bagi Pensiangan membangkitkan.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Datuk Zainudin bin Maidin:isu penjenamaan semula RTM yang menurut beliau menelan belanja berjuta ringgit. Beliau menyatakan usaha penjenamaan semula tidak akan berjaya memenangi hati penonton sekiranya tidak diikuti dengan penyiaran rancangan-rancangan yang berkualiti. Beliau juga turut mempersoalkan tentang kredibiliti penyampai berita RTM yang telah saya jawab tadi di mana beliau masih belum menepati ciri-ciri seorang penyampai berita yang baik kerana masih terdapat kelemahan-kelemahan terutamanya di dalam sebutan bahasa. Ini saya telah jawab tadi. Beliau menyatakan latihan yang secukupnya perlu. Memang kita melatih. Paras rupa yang cantik sahaja tidak mencukupi untuk menarik perhatian penonton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bangun untuk apa?

Datuk Zainudin bin Maidin:untuk menyampaikan berita.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Isu Sabak Bernam telah disebut. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua kalau boleh sedikit saya mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi ada disebut

bahawa ada agenda untuk membuat celahan mengenai isu jenayah tetapi tidak disebut mengenai kempen menangani dadah habis-habisan.

Jadi saya harap pihak RTM ini boleh berbeza daripada yang lain dalam konteks kempen menangani salah guna dadah habis-habisan. Saya ingin mengambil satu contoh umpamanya sebenarnya agenda menangani salah guna dadah berlaku hampir hari-hari. Jadi saya rasa pihak RTM boleh mengikuti program ini dan mungkin mengambil salah satu daripadanya umpamanya seminggu lepas ada satu agenda dengan ADK 500 bekas penagih dadah ini bersenam robik di Shah Alam dengan pihak ADK. Kita lihat di situ bekas penagih ataupun sekarang ini digunakan istilah bekas pengguna dadah ini maknanya telah boleh digunakan balik. Ini akan menjadi satu kempen yang amat positif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainudin bin Maidin: Secara ringkasnya kita sememangnya akan meningkatkan lagi kempen menerusi RTM terutamanya kita akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Tanjong Karang bagi menjalankan kempen yang lebih berkesan dan selama ini pun memang kita meneruskan kempen dadah dari semasa ke semasa tetapi tidak secara barangkali yang tidak konsisten. Ini dengan kempen merokok dan sebagainya dan kita akan hidupkan balik kempen mencegah dadah ini.

Selain daripada itu menyebutkan tentang paras rupa yang cantik sahaja tidak mencukupi untuk menarik perhatian penonton, ini saya akui dan itulah kalau kita melihat umpamanya penyampai berita CNN dan sebagainya mereka bukanlah memiliki rupa yang cantik tapi mereka mempunyai keupayaan dalam berinteraksi dengan *audience*, penonton dan keupayaan pengetahuan mereka dan sebagainya adalah amat tinggi. Hal ini juga insya-Allah, kita akan melatih walaupun dengan mempunyai orang-orang yang walaupun di samping cantik tetapi juga mempunyai *qualification* yang tinggi maka kita percaya kita dapat melatih menjadikan mereka orang-orang yang berwibawa dalam penyampaian berita RTM kelak.

Beliau juga meminta RTM memberi penekanan ke atas integrasi nasional di mana berita mengenai Sabah dan Sarawak perlu banyak dimuatkan dalam Warta Perdana. Ini memang kita ada khusus berita-berita daripada Sabah dan Sarawak tapi sekarang kita masukkan dalam berita daripada negeri pada jam 5 petang.

Selain itu mutu siaran di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak juga perlu diperbaiki supaya rakyat di kawasan pedalaman turut mendapat informasi terkini. Ini

sedang dilakukan di mana kawasan-kawasan poket yang tertutup kita sedang melakukannya dan juga banyak kawasan yang telah kita atasi dan kita baiki. Berkenaan kredibiliti penyampai berita RTM yang baru ini telah saya jawab tadi. Berkenaan aspek integrasi nasional yang mengaitkan siaran berita dari Sabah dan Sarawak juga telah saya jawab.

Berkenaan mutu siaran di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dijawab secara khusus Kementerian Penerangan sentiasa berusaha mempertingkatkan penerimaan siaran radio dan televisyen bagi kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara. Melalui Rancangan Malaysia Ke-8, kementerian telah pun mengganti alat pemancar TV utama dan radio FM serta membina stesen pemancar yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar.

Sebanyak RM31.1 juta telah dibelanjakan bagi menyiapkan stesen pemancar TV di Sabah dan Sarawak. Manakala RM4.1 juta telah dibelanjakan untuk menyiapkan tiga stesen pemancar radio FM di Sarawak. RM8 juta telah pun dibelanjakan untuk mengadakan 11 stesen pemancar radio FM Sabah dan Sarawak. Kementerian akan terus berusaha meningkatkan liputan siaran radio dan TV bagi kawasan-kawasan lain dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Yang Berhormat bagi Pensiangan ada menyarankan RTM mewujudkan satu siaran radio di kawasan pedalaman yang mana siarannya memberikan penekanan kepada bidang pertanian memandangkan pertanian merupakan aktiviti utama masyarakat luar bandar. Memanglah sesuai dengan dasar kerajaan yang menekankan kepada bidang pertanian sekarang. Kementerian akan meningkatkan program-program di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pensiangan juga telah membangkitkan pengkorporatan RTM sama ada ia akan diteruskan ataupun tidak. Ini supaya aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh RTM tidak tertangguh dan juga kebajikan kakitangan RTM akan dipelihara kerana proses kenaikan pangkat serta pengisian jawatan dapat dilakukan dengan segera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM kini sedang mempergiatkan usaha-usaha menambahbaikkan termasuklah melalui pelancaran imej baru dan peningkatan kualiti dan standard rancangan di samping berusaha membudayakan pegawai-pegawai dan kakitangan RTM dengan budaya pengkorporatan dan sedikit-sebanyak budaya penswastaan. Walaupun kita bukan hendak menswastakan tapi

nilai-nilai kualiti kerja dalam bidang swasta dan pengkorporatan sedang diterapkan ke dalam pegawai dan kakitangan. Usaha-usaha ini adalah.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainudin bin Maidin:bertepatan dengan budaya kerja korporat yang sedang giat diterapkan yang akhirnya mampu meningkatkan pendapatan RTM. Sekiranya usaha ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk meningkatkan aliran tunai dan pendapatan RTM seperti yang termaktub perjanjian pengkorporatan maka pengkorporatan akan dilaksanakan di Rancangan Malaysia Ke-9.

Langkah pengkorporatan ini akan memberi peluang kepada RTM untuk menjadi lebih terbuka tapi kita tetap akan berpegang kepada etika kita dan juga dasar-dasar kerajaan dan tidak lagi terikat dengan terma-terma perkhidmatan kerajaan dalam pengambilan pekerjaanya dan pegawainya yang seterusnya memberi lebih peluang kenaikan pangkat dan tawaran gaji yang lebih baik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Datuk Zainudin bin Maidin:yang telah sudi memberikan teguran dan pandangan ke atas kementerian Penerangan dan semua pandangan dan teguran akan diberikan perhatian. Saya ingat cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Berkata sesuatu kepada Tuan Yang di-Pertua tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, jawatankuasa Yang Berhormat. Cukup, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya terpaksa. Yang Berhormat, Yang Berhormat, kecuali satu hari nanti kita buat pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat. Memang hari ini hari terakhir untuk peringkat dasar. Jadi minta maaf. Kecuali kita ambil tindakan untuk memindahkan Peraturan Mesyuarat. Itu yang tadi saya sebutkan. Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita akan buat kajian selepas mesyuarat kali inilah akan cari jalan untuk supaya masa lebih untuk dasar di

peringkat bajetlah. Timbalan Menteri terima kasih seterusnya saya jemput Yang Berhormat daripada Kementerian Sumber Manusia.

12.10 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia semasa membahaskan Bajet 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, selamat tengah hari, mencadangkan gabungan PERKESO dan KWSP dengan segala perolehan yang didapati digunakan untuk memberi manfaat yang lebih kepada pencarum.

Sukacita dimaklumkan bahawa Skim Keselamatan Sosial yang dilaksanakan oleh PERKESO merupakan suatu Skim Insurans Sosial, manakala skim yang dilaksanakan oleh KWSP adalah suatu skim simpanan, ada perbezaannya. Oleh itu, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menggabungkan kedua-dua agensi tersebut.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Antara tuntutan yang dibuat oleh MTUC, memorandum yang dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bulan Januari tahun ini dan oleh kerana memorandum ini tidak diberi layanan yang sepatutnya, adalah suatu *picketing national* semalam. Adakah kementerian yang berkenaan ada berunding dengan MTUC mengenai cara yang boleh melaksanakan cadangan ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini laju sangat. Kita bercakap tentang PERKESO, dia bercakap tentang MTUC. Dia cepat sangat, itu pasallah dia selalu tersungkur. Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebenarnya memorandum ini ada pada saya ini dan akan dibincangkan dan akan bertemu dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang ketika ini berada di UK selepas balik dari New York. Jadi tidak usah bimbanglah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, ada masa. Puas hati? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, kita akan tetapkan kemudian. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan 50% perwakilan pekerja dalam Lembaga PERKESO dan KWSP. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, Seksyen 59 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, memperuntukkan keahlian Lembaga PERKESO seperti berikut, mengikut Akta Keselamatan, ada saya bawa buku, Yang Berhormat.

- (i) seorang pengerusi yang dilantik oleh menteri;
- (ii) ketua pengarah pertubuhan;
- (iii) seorang pegawai yang mewakili Kementerian Kewangan;
- (iv) seorang pegawai yang mewakili kementerian yang bertanggungjawab bagi Sumber Manusia;
- (v) seorang pegawai yang mewakili kementerian yang bertanggungjawab bagi kesihatan;
- (vi) tidak lebih daripada empat orang mewakili majikan-majikan yang akan dilantik oleh menteri selepas berunding dengan mana-mana pertubuhan-pertubuhan yang mewakili majikan-majikan;
- (vii) tidak lebih daripada empat orang mewakili orang-orang berinsurans yang akan dilantik oleh menteri selepas berunding dengan mana-mana pertubuhan yang mewakili orang-orang berinsurans; dan
- (viii) tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara keselamatan sosial yang dilantik oleh menteri.

Mengikut peruntukan semasa, perwakilan orang berinsurans (pekerja) dan majikan adalah melebihi perwakilan-perwakilan dari agensi atau sektor lain. Oleh yang demikian, bilangan perwakilan yang sedia ada itu adalah memadai dan mencukupi bagi perwakilan orang berinsurans untuk menjaga kepentingan kaum pekerja berhubung pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial. Puas hati Yang Berhormat bagi Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang: Itu adalah apa yang diperuntukkan dalam undang-undang dan kalau mahu laksanakan cadangan itu perlulah dipinda undang-undang dan kenapa ini tidak akan diberi perhatian yang berat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Oh..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah sebutlah puas hati, tidak puas hati.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payah sebut, kalau sebut nanti dia marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat, tidak payahlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor macam itulah, dia dengan saya itu geng baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapan Yang Berhormat, suka atau tidak suka, terpulang kepada individu. Cukuplah. Teruskan jawapan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Baik. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan Akta PERKESO dipinda untuk memberi bayaran penuh kepada pekerja yang tidak berupaya bekerja sama ada sementara atau tetap.

Bagi makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, peranan PERKESO ialah untuk melindungi pekerja-pekerja berinsurans dan orang tanggungan mereka terhadap kesengsaraan ekonomi dan sosial apabila berlaku kejadian luar jangka bencana kerja atau keilatan dan kematian akibat sebarang sebab kepada pekerja-pekerja itu. Pada asasnya, tujuannya adalah untuk menjamin pendapatan apabila pendapatan biasa pekerja berinsurans terhenti atau berkurangan dengan banyaknya dan sebagai tambahan untuk menyediakan perawatan perubatan dan kemudahan-kemudahan pemulihan demi menjaga kesejahteraan pekerja berinsurans atau orang tanggungannya.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, dalam urusan melindungi pekerja-pekerja berinsurans dan orang tanggungan mereka, PERKESO menyediakan dua Skim Insurans Sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Skim Insurans Bencana Pekerjaan melindungi pekerja terhadap kejadian luar jangka bencana kerja yang meliputi;

- kemalangan semasa menjalankan pekerjaan, atau;
- semasa dalam perjalanan di antara tempat kediaman atau tempat tinggalnya dan tempat kerjanya, atau;
- semasa dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan, atau;

- semasa dalam perjalanan yang secara langsung berkaitan dengan pengajiannya serta penyakit khidmat.

Skim Pencen Ilat pula melindungi pekerja atau orang berinsurans terhadap kejadian luar jangka keilatan atau kematian akibat sebarang sebab. Pada hakikatnya, skim ini melindungi pekerja-pekerja atau orang berinsurans selepas waktu kerja. Kedua-dua skim ini memperuntukkan pelbagai faedah tunai dan faedah-faedah berbentuk kebendaan seperti peralatan pemulihan dan kemudahan-kemudahan untuk pemulihan jasmani dan vokasional. Sesungguhnya skim-skim ini merupakan usaha Kementerian Sumber Manusia untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja selaras dengan usaha kerajaan dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat penyayang. Faedah-faedah yang disediakan di bawah kedua-dua skim ini telah diperbaiki dari semasa ke semasa. Sejak kedua-dua skim ini dilaksanakan, kadar-kadar faedah di bawah kedua-dua skim ini telah dinaikkan selain faedah-faedah baru yang telah diperkenalkan tanpa apa-apa kenaikan pada kadar caruman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan supaya PERKESO membekalkan perlindungan 24 jam terhadap risiko kemalangan, sukacita diingatkan bahawa pada ketika ini, Skim Pencen Ilat memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang ditimpa kemalangan. Tiada kesalahan selagi pekerja berkenaan disahkan ilat oleh jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan dan telah mencarum bagi tempoh minimum yang disyaratkan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 seperti dalam buku ini, iaitu 24 bulan caruman atau sekurang-kurangnya 1/3 daripada tempoh sejak pekerja itu berdaftar dengan PERKESO serta notis keilatan beliau diterima.

Kadar caruman yang dikenakan di bawah Skim Pencen Ilat adalah 0.5% dari gaji bulanan pekerja, dan majikan masing-masing, 1.5%. Skim Insurans Bencana Pekerjaan pula memberi perlindungan kepada orang yang berinsurans akibat kemalangan dan penyakit khidmat yang berlaku daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya. Skim tersebut juga memberi perlindungan terhadap kemalangan yang berlaku semasa orang yang berinsurans dalam perjalanan dari tempat kediaman ke tempat kerjanya dan sebaliknya. Caruman di bawah Skim Berinsurans Bencana Pekerjaan adalah dibayar oleh majikan pada kadar 1.25% dari gaji bulanan pekerja.

Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan perlindungan 24 jam untuk skim insurans bencana pekerjaan. Bagi memperkenalkan perlindungan

tersebut, kadar caruman yang lebih tinggi perlu dikenakan ke atas Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan dalam penetapan kadar caruman yang lebih tinggi ini, satu kajian aktuari perlu dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan Skim Insurans Bencana Pekerjaan terus mampu dibiayai melalui caruman secara jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan gaji minimum sebanyak RM900 sebulan. Secara umumnya kadar gaji sekarang ditetapkan mengikut kuasa-kuasa pasaran yang bergantung kepada permintaan dan penawaran (demand and supply) dalam pasaran buruh. Selain itu, gaji yang diterima oleh seseorang pekerja merupakan sebahagian daripada terma dan syarat perkhidmatan yang ditawarkan oleh majikan.

Dalam pakej yang ditawarkan kepada pekerja, perkara-perkara lain yakni kemudahan-kemudahan lain seperti jumlah waktu bekerja, kemudahan cuti, kemudahan perubatan, ganjaran pencen, kemudahan latihan, kemajuan kerjaya dan sebagainya perlu juga diambil kira sebagai upah keseluruhan. Pada masa ini kerajaan menggalakkan pembayaran gaji berasaskan kepada produktiviti iaitu sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti atau *Productivity-Linked Wage System* (PLWS). Dengan itu cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bagi menetapkan gaji minimum ini tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Puchong telah mencadangkan semua kementerian supaya mengasaskan majikan melaksanakan sistem automasi bagi melicinkan operasi masing-masing untuk mengurangkan kegunaan tenaga kerja asing. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan sistem automasi di tempat pekerjaan bagi mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Ketika ini kementerian sedang mengkaji cara-cara mengurangkan penggunaan tenaga pekerja asing dengan menggalakkan penggunaan peralatan penjimatan buruh seperti cara pembinaan menggunakan Sistem Binaan Industri (IBS) dan melalui peningkatan automasi serta mekanisasi.

Di samping itu kementerian ini juga berusaha mengurangkan tenaga pekerja asing melalui pelancaran Program Sure Kerja bagi menggalakkan pengambilan pekerja tempatan oleh majikan di semua sektor pekerjaan termasuk orang kurang upaya (OKU) di bidang-bidang tertentu. Langkah ini bertujuan menambahkan pekerja tempatan dalam pasaran buruh sekali gus mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian juga sedang mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing. Di antara strategi-strategi yang sedang dikaji adalah seperti berikut:-

- (i) menggalakkan sektor pembinaan menggunakan bahan pasang siap atau *industrialized building system*;
- (ii) memperbanyakkan bilangan pusat jagaan kanak-kanak di peringkat masyarakat bagi membolehkan ramai wanita bekerja;
- (iii) memperkenalkan satu bentuk penalti kepada majikan yang terlalu bergantung kepada pekerja asing; dan
- (iv) mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi membantu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menangani masalah majikan yang gemar menggaji pekerja asing tanpa dokumen;

Dalam hubungan ini, kementerian ini melalui agensi di bawahnya sedang mengambil pelbagai tindakan untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga mahir termasuk pekerja yang sedia ada dengan mengikuti program-program latihan semula sambil meningkatkan kadar produktiviti setiap pekerja. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan permintaan terhadap pekerja-pekerja asing.

Buat pengetahuan Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Sumber Manusia melatih lebih kurang 17,000 orang pelatih-pelatih warganegara Malaysia di 20 institusi latihan.

ILP	- 14
ATEC	- 4
Institut Teknikal Jepun-Malaysia	- 1
Pusat Latihan Tenaga Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)	- 1
Jumlah:	20

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan isu bahawa undang-undang mengenai gangguan seksual masih belum digubal oleh Kementerian Sumber Manusia. Sukacita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Timbalan Menteri gosan ke belakang sedikit kerana kita dapat melihat tadi beberapa cara yang telah dibuat oleh kementerian untuk kita jangan bergantung sangat kepada pekerja asing tetapi saya difahamkan baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia sudah menandatangani dengan 10 agensi Bangladesh untuk membawa pekerja-pekerja Bangladesh ke Malaysia. Jadi, yang mana satu betul ini? Dalam satu tangan kementerian pergi menandatangani dengan agensi Bangladesh dan kita diberitahu bahawa kementerian sedang mencari jalan bagaimana supaya negara kita jangan bergantung kepada pekerja asing. Jadi, yang mana satu betul?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Satu soalan yang sangat baik dan boleh menerangkan segala-gala kemusykilan. Sebenarnya pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia adalah bekerja di sektor ataupun di bahagian yang tidak digemari ataupun langsung tidak diminati oleh pekerja-pekerja di Malaysia. Di antaranya -

- (i) di dalam bidang pertanian dan juga perladangan;
- (ii) dalam bidang pembinaan;
- (iii) dalam bidang pembuatan; dan
- (iv) dalam bidang khidmat ataupun perkhidmatan.

Jadi, perangkaan-perangkaan yang kita perolehi ataupun yang kita dapati menunjukkan bahawa banyak jawatan yang kosong dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Oleh hal yang demikian kerana kurangnya ataupun sukarnya mendapat pekerja-pekerja negara ini terpaksa MoU dibuat di beberapa negara. Malahan kalau kerja-kerja yang bukan berbentuk demikian seperti yang berbentuk eksekutif, perkeranian ataupun jawatan-jawatan yang lebih tinggi tidak diberi ataupun tidak dibenarkan kepada pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua - Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Kuala Terengganu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kuala Terengganu, yang depan dahulu pun tidak mengapa, mana-mana pun boleh.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah bahawa di kawasan MSC itu terdapat kurang lebih 48% tenaga mahir ICT terdiri daripada pekerja-pekerja

dari India dan sebentar tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai usaha kita untuk meramaikan tenaga-tenaga profesional. Apa kata kalau kita mengatakan bahawa kita masih gagal untuk melahirkan *k-worker* ataupun pekerja-pekerja berilmu pengetahuan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kita sedang berusaha dengan keras dan gigih untuk melahirkan pekerja-pekerja yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga berkebolehan. Sebab itu hari ini memandangkan negara yang begitu pesat membangun kita bukan sahaja menambahkan bilangan pelajar-pelajar yang mahir dan juga separuh mahir ini tetapi juga menambahkan pusat-pusat latihan. Umpamanya pihak Kementerian Sumber Manusia sedang menambah enam lagi Institut Latihan Perindustrian dan tiga lagi *Advance Technology Center* (ATEC).

Jadi, ini bagi memastikan bahawa negara ini satu hari nanti akan mempunyai tenaga-tenaga mahir yang dimiliki oleh rakyat ini sendiri dan di samping itu juga akan mengurangkan tenaga-tenaga asing. Kebanyakan tenaga asing ini saya hendak jelaskan bahawa kebanyakannya adalah mereka yang bersifat buruh kasar yang kerja berat, kotor, berbahaya dan tidak mempunyai kelulusan yang tinggi.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniahlah kerana menang MT. Jadi, saya hendak mendapat kepastian sama ada pihak kementerian Yang Berhormat menerima satu laporan, ini saya hendak *reverse* ke belakang sedikit mengenai hak pekerja dan caruman KWSP.

Satu laporan dibuat kepada saya tentang masalah pekerja di Kolej Premier Yayasan Perak, di mana kalau mengikut Akta KWSP 1951 iaitu caruman mesti dibuat oleh majikan dan dijelaskan selewat-lewatnya setiap 15 haribulan dan laporan yang mungkin mereka telah pun menghantar laporan rasmi kepada pihak kementerian. Masalah di sini adalah tafsiran tunggakan telah di buat oleh KWSP Perak melalui tafsiran Borang 'E' tetapi malangnya majikan telah menjelaskan sebahagian besar tunggakan caruman melalui pada satu masa menggunakan Borang 'A'. Ini bertentangan dengan Akta KWSP.

Jadi sekiranya laporan ini telah sampai kepada pihak Yang Berhormat saya berharap tindakan akan diambil kerana ini masalah pekerja yang dihadapi oleh Kolej Premier Yayasan Perak. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih memberi tahniah kerana menang MT. Saya ingat dia memberi tahniah sama kerana menang lawan Haji Hadi.

Mengenai dengan hak caruman KWSP ini tidak di bawah tanggungjawab kementerian. Kita hanya di bawah PERKESO sahaja. Jadi, perkara itu dapatlah dirujuk kepada pihak KWSP. Saya sambung ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang khusus mengenai gangguan seksual memandangkan undang-undang yang sedia ada sudah memadai.

Mengenai cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 untuk majikan melantik pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan kes-kes gangguan seksual, kementerian ini sedang meminda Akta Kerja 1955 bagi memberi tanggungjawab kepada majikan untuk menjalankan siasatan dan melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja ke atas kes-kes gangguan seksual sebaik segala tindakan berkaitan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Kawan meminta kerajaan meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial (social safety net) negara ini dengan menubuhkan satu dana pemberhentian kerja nasional yang diuruskan oleh kementerian saya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa mementingkan kebajikan pekerja. Umpamanya melalui Skim Keselamatan Sosial yang diuruskan oleh PERKESO, kerajaan akan meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial bagi pekerja dengan menaikkan siling berterusan daripada RM2,000 kepada RM3,000 sebulan.

Walau bagaimanapun, skim-skim keselamatan sosial yang dilaksanakan perlu mengambil kira beberapa faktor, iaitu kita mesti mengelakkan timbul sikap *dole mentality*, pemikiran yang *give up*, di kalangan tenaga kerja. Kerajaan berpendapat bahawa kebajikan pekerja boleh ditangani melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat dan melalui usaha-usaha lain untuk mengatasi masalah pengangguran. Setakat ini kerajaan telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kerajaan yakin bahawa strategi pembangunan ekonomi negara akan dapat memastikan kebajikan tenaga kerja sentiasa dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lanang telah membangkit isu mengenai kursus induksi bagi pengajian pekerja asing. Sukacita dimaklumkan bahawa pengajian pekerja asing telah menimbulkan masalah bukan sahaja di tempat kerja,

tetapi juga masalah sosial apabila pekerja asing berinteraksi dengan penduduk-penduduk tempatan. Tidak dinafikan bahawa setiap negara mempunyai perundangan, bahasa dan amalan kebudayaan yang berbeza. Di dalam satu negara pun terdapat perbezaan amalan sosial di antara negeri, daerah dan kawasan. Maklum balas yang diterima oleh kementerian ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan masalah yang berkaitan dengan pekerja asing disebabkan kekurangan kefahaman dari segi amalan, budaya tempatan, perundangan dan peraturan kerajaan serta kemampuan untuk berkomunikasi.

Oleh yang demikian, kerajaan menetapkan bahawa mulai 1 November 2004, semua pekerja asing perlu menghadiri dan lulus satu kursus induksi di negara asal sebelum mereka datang bekerja di Malaysia. Kursus Induksi ini meliputi tiga aspek iaitu bahasa, kebudayaan Malaysia dan perundangan tertentu. Setakat ini kerajaan tidak menetapkan jumlah bayaran bagi kursus induksi. Cadangan kursus induksi ini pun telah dijelaskan dan diterima oleh majikan-majikan. Di samping itu terdapat juga majikan-majikan yang bersedia untuk memberi orientasi kepada pekerja-pekerja asing yang sedang bekerja di syarikat-syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan pandangan yang membina dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu cadangan yang dikemukakan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

12.33 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa membahaskan Bajet 2005.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai pendatang asing, iaitu Yang Berhormat bagi Rasah, Sepanggar, Sandakan, Puchong dan Padang Terap, yang membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) isu penyalahgunaan pas lawatan di kalangan pelancong asing wanita dari negara China, oleh Yang Berhormat bagi Rasah;
- (ii) isu jenayah di kalangan pendatang tanpa izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar; dan
- (iii) isu ketidakberkesanan penguatkuasaan dan wang perlindungan RM50 seorang sebulan, oleh Yang Berhormat bagi Puchong dan Sandakan; dan
- (iv) isu perkampungan haram atau setinggan di kalangan pendatang tanpa izin oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menggalakkan perkembangan sektor pelancongan tetapi terdapat pelancong-pelancong asing yang mengambil kesempatan dan menyalahgunakan pas lawatan dengan melibatkan diri sebagai pekerja dan di antaranya pekerjaan dalam sektor-sektor yang tidak sihat, seperti GRO, pelacuran dan lain-lain di negara ini. Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didakwa di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dengan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali.

Di bawah Akta ini, sejak Januari 2004 sehingga Ogos tahun 2004, seramai 77 orang warganegara Republik Rakyat China telah ditangkap melakukan kesalahan berkenaan. Kesalahan ini termasuklah mereka yang masuk ke negara ini sebagai pelancong tetapi bekerja di pusat-pusat hiburan terlibat dalam gejala-gejala tidak bermoral atau tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan. Masalah yang dihadapi sebenarnya adalah delima antara menggalakkan pelancongan sebagai penyumbang yang terbesar dalam KDNK negara dan menyekat mereka daripada bekerja, khususnya di sektor-sektor yang tidak bermoral.

Antara syarat-syarat yang dikenakan kepada pelancong-pelancong yang masuk ke negara ini adalah:

- (i) mereka mestilah mempunyai tiket untuk pulang ke negara asal dalam tempoh yang ditetapkan; dan

- (ii) mempunyai wang tunai yang secukupnya dalam tangan sebagai bukti mereka datang benar-benar untuk melancong.

Namun syarat-syarat ini masih belum cukup untuk membendung golongan pelancong ini yang datang dengan niat untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini. Kerajaan sedang mengkaji cara yang lebih berkesan untuk memastikan kelemahan dalam sektor ini, untuk dapat dibanteraskan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini didapati peratusan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing adalah sebanyak 2.2% dari jumlah jenayah pada keseluruhannya dalam negara ini. Walaupun peratusan ini kecil, namun jenis jenayah yang dilakukan adalah jenayah-jenayah berat seperti membunuh, merogol, merompak dengan senjata api dan meragut. Banyak daripadanya mengakibatkan kematian. Undang-undang jenayah negara ini tidak mengira sama ada yang terlibat adalah pendatang asing, pelancong atau rakyat Malaysia. Jika didapati bersalah, hukuman yang sewajarnya akan dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti masalah ini dan mengakui ia amat perlu ditangani dengan lebih berkesan, bukan sahaja oleh pihak berkuasa dalam urusan membanteras jenayah seperti polis, bahkan oleh semua rakyat termasuk badan-badan sukarela, kerana itu pihak kementerian telah membuat keputusan untuk meningkatkan peranan RELA di seluruh negara.

Bagi isu yang melibatkan perkampungan haram, kerajaan mendapat maklumat bahawa terdapat perkampungan yang didirikan dan dihuni oleh pendatang asing termasuk pendatang tanpa izin. Desas-desus juga kedengaran bahawa terdapat sekumpulan anggota penguat kuasa yang menerima wang perlindungan RM50 sebulan bagi setiap seorang pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa pihak penguat kuasa membuat serbuan pada perkampungan yang didirikan secara kilat di merata kampung, hutan dan tempat yang tidak disyaki. Mereka yang ditangkap dikenakan tindakan-tindakan tertentu termasuk dihadapkan ke mahkamah, selain dihantar pulang mengikut peraturan dan prosedur yang sedia ada.

Berkaitan wang perlindungan. Setakat ini kerajaan tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk diambil tindakan. Adalah diharapkan dengan bantuan pasukan RELA di seluruh negara termasuk Rukun Tetangga dan badan-badan

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut selain daripada pihak kerajaan menggunakan penguatkuasaan daripada Polis Diraja Malaysia, pihak kerajaan juga mempunyai satu lagi *arm*, iaitu satu lagi lengan, tangan yang menangani penguatkuasaan berkaitan dengan pendatang-pendatang tanpa izin ini, iaitu Ikatan Relawan Rakyat ataupun lebih dikenali dengan RELA.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan RELA ini adalah merupakan satu badan sukarelawan yang saya kira memberikan kesan dan impak yang positif kepada masyarakat dalam bentuk penguatkuasaan undang-undang, apakah jenis insentif yang telah diperkenalkan kepada pertubuhan ini bagi meningkatkan lagi penyertaan dan minat masyarakat untuk menyertai Ikatan Relawan Rakyat ini, kerana saya dapati ada di antara pertubuhan-pertubuhan rela di peringkat akar umbi ini memerlukan perbelanjaan sendiri untuk membeli uniform, sedikit peralatan bagi mereka menyertai pertubuhan ini. Boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berikan penjelasan tentang perkara ini.

Apakah jenis insentif yang telah diperkenalkan kepada pertubuhan ini bagi meningkatkan lagi penyertaan dan minat masyarakat untuk menyertai Ikatan Relawan Rakyat ini, kerana saya dapati ada di antara pertubuhan-pertubuhan RELA di peringkat akar umbi ini memerlukan perbelanjaan sendiri untuk membeli *uniform*, sedikit peralatan bagi mereka menyertai pertubuhan ini. Boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, terima kasih atas perhatian yang diberikan kepada RELA. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, RELA adalah pertubuhan sukarela dan anggota-anggota yang menyertai RELA adalah dengan semangat kesukarelaan, tidak ada insentif yang diberikan selain daripada semangat yang ditunjukkan oleh mereka. Namun begitu ketika mereka menghadiri kursus dan sebagainya, jurulatih-jurulatih misalnya, diberi elaun untuk tujuan itu tetapi ini pun kalau dibandingkan dengan jabatan-jabatan yang lain adalah jauh terlalu rendah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Lipis dan tambah seorang lagi, Yang Berhormat bagi Padang Terap. Mana satu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: *[Memberi laluan kepada Yang Berhormat bagi Jasin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Dato' sahabat saya Setiausaha Parlimen, bila saya mendengar apa yang dicakapkan, yang ditimbulkan oleh rakan saya bagi Tangga Batu tadi berkenaan dengan kuasa yang akan diberi kepada RELA, saya begitu sangsi Yang Berhormat. Ini akan timbul besok, alangkan masalah yang kita hadapi sekarang dengan pegawai-pegawai penguat kuasa yang disebut seperti imigresen, polis dan sebagainya masih kita dengar lagi berkaitan wang-wang perlindungan, ini RELA Yang Berhormat, kita tidak kenal *background* mereka. Kalau di tempat saya pun hendak diserahkan kepada RELA, saya angkat tangan, Yang Berhormat, fasal tak boleh. Hanya untuk menyampaikan maklumat dan sekiranya operasi yang dibuat oleh polis dan imigresen, RELA bersama-sama bantu, itu saya setuju tetapi kalau nak bagi kuasa kepada RELA untuk menguatkuasakan yang ini, minta maaf Yang Berhormat, kaji balik, saya minta kementerian mengkaji balik sebab kita takut akan menjadi lebih teruk lagi daripada apa yang ada sekarang. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat laju sangat, saya belum sampai lagi, saya akan pergi kepada kuasa. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan bahawa RELA dalam keadaan sekarang tidak bertindak sendiri, kita bergerak secara bersepadu. Namun begitu baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah menurunkan kuasa kepada 212 orang pengarah dan pegawai-pegawai RELA di daerah bagi menentukan yang kita dapat melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan yang perlu di seluruh negara. Namun begitu penurunan kuasa ini belum diwartakan.

Walaupun bagaimanapun, kita akan menentukan bahawa pegawai-pegawai RELA yang akan diberi kuasa ini dilatih dan diberi kursus dan mereka telah pun menjalani

latihan di peringkat ibu pejabat yang melibatkan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai bidang tugas mereka. Jadi insya-Allah kita akan pastikan kuasa dan tanggungjawab yang diberikan tidak disalahgunakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. RELA ini kita tengok ia sebagai sebuah pertubuhan sukarela, jadi sudah pastilah ada Urusetia yang menguruskannya iaitu mungkin di peringkat negeri Pengarah RELA sendiri dan di peringkat daerah iaitu Pegawai RELA Daerah. Apa yang merisaukan saya ialah Pengarah dan Pegawai RELA ini dilantik secara kontrak dan mereka ini biasanya diambil daripada golongan bekas tentera yang telah bersara, kalau di peringkat pengarah biasanya Kapten dan Major tentera dan kalau di peringkat daerah biasanya Sarjan atau Pegawai Waran.

Saya tengok skim gaji mereka, saya lihat adalah di tahap Kumpulan C, kalau dulu. Bermakna dalam kumpulan Pembantu Tadbir sebagai Pengarah RELA dan di peringkat daerah pula biasanya juga di peringkat C atau D sahaja rasa saya, gaji mereka ini murah sangat. Mereka ini sebenarnya tidak dapat, kalau peringkat mereka ini, biasanya mereka tidak dapat memberi fikiran bagaimana hendak memajukan RELA, hendak mengawal ahli-ahli pun sukar. Sebab biasanya kita akan memberi penghormatan kepada mereka yang sama *level*nya. Kalau polis, peringkatnya kalau di daerah yang kecil ialah *superintendent* sekurang-kurangnya sedangkan Pegawai RELA adalah dalam Kumpulan D. Jadi bagaimana mereka nak berhubung dan mendapatkan kerjasama.

Di sini bersetujukah tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya yang pertama sekali jawatan Urusetia di peringkat RELA, kalau dapat biarlah jawatan tetap bukan jawatan kontrak dan bukan mengambil bekas-bekas tentera dan sebagainya. Jadi kalau ada jawatan tetap dan perjawatan sekurang-kurangnya di peringkat daerah, paling tidak adalah setara dengan N41 barulah ia setara dengan jabatan-jabatan yang lain. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Jawatan untuk Pengarah Negeri di seluruh negara bukan sahaja terdiri daripada

kalangan bekas anggota tentera tetapi terdapat juga anggota polis. Malah ada anggota polis berpangkat ACP yang sedang berkhidmat dipinjamkan, misalnya di Sabah dan Sarawak. Sebagaimana kita sedia maklum, anggota RELA ini adalah anggota sukarela, jadi walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat bagi Lipis sangat-sangat dialu-alukan dan insya-Allah kementerian dengan sokongan daripada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mempertimbangkan supaya suatu hari nanti jawatan-jawatan RELA di peringkat negeri dan daerah akan dijadikan jawatan tetap. Terima kasih.

Sila Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa RELA telah ditubuhkan sejak 34 tahun yang lampau dan dianggotai oleh hampir-hampir 500,000 orang di seluruh negara kita. Cuma kita tidak menafikan bahawa pengorbanan RELA terhadap masyarakat terlalu banyak. Kalau kita lihat, pusat-pusat latihan RELA hanya diwujudkan di wilayah sahaja, mungkin tidak boleh menampung kursus-kursus yang akan diberikan.

Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan setiap negeri sebagai pusat latihan RELA di seluruh negara kita dan begitu juga bahawa seperti yang kita dengar tadi, para jurulatih RELA hanya diberikan elaun, saya difahamkan RM14 sehari, kalau kita bandingkan dengan jurulatih PKN sebanyak RM80 sehari yang mana adalah amat jauh bezanya. Adalah saya ingin mencadangkan supaya kita boleh menaikkan lagi elaun-elaun jurulatih RELA ini bagi menaikkan imej RELA di mata masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. RELA ditubuhkan pada 11 Januari 1972 dan usianya sekarang sudah menjangkau 32 tahun. Jadi alhamdulillah, kita sedang menyusun semula, menstrukturkan semula Organisasi RELA supaya benar-benar menjadi satu *force* yang berkesan, dan buat masa ini kita sudah mempunyai tiga buah pusat latihan di peringkat wilayah iaitu di Melaka, Terengganu dan juga di Kedah dan sebuah sedang dalam proses pembinaan iaitu di Tuaran, Sabah bernilai RM54 juta manakala Sarawak akan menyusul kemudian. Insya-Allah, dengan sokongan daripada Yang Berhormat yang melihat peranan RELA begitu penting, kita memang merancang seboleh mungkin

untuk mewujudkan pusat-pusat latihan di setiap negeri dalam masa beberapa tahun akan datang. Berhubung dengan.....

Tuan Chong Hon Min: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sandakan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Haa, sekejap. Berhubung dengan elaun jurulatih, begitulah keadaannya kalau kita bandingkan. Saya difahamkan, jurulatih RELA hanya dibayar RM14 sehari. Itu memang betul dan jurulatih Program Latihan Khidmat Negara mendapat bayaran RM80 sehari, sedangkan tugas jurulatih ini sama. Malah, jurulatih RELA kadang-kadang terpaksa melakukan kerja-kerja yang lebih daripada melatih anggota RELA. Ya, silakan.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau tidak silap tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Sandakan ada menyentuh tentang duit perlindungan RM50 tadi. Tetapi, saya minta sedikit pembetulan. Apa yang saya telah bahas pada hari itu ialah tentang bilangan pendatang tanpa izin yang tidak dikawal di kawasan Sandakan, bawa banyak permasalahan dan juga terlibat dalam kes-kes jenayah. Jadi, saya menggesa kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang efektif untuk mengatasi masalah ini sahaja. Tidak ada menyentuh perkara tentang duit perlindungan tadi. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sandakan. Barangkali catatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai saya tersilap, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa pihak penguat kuasa membuat serbuan kepada perkampungan yang didirikan secara kilat di merata kampung, hutan dan tempat yang tidak disyaki. Mereka yang ditangkap dikenakan tindakan-tindakan tertentu termasuk dihadapkan ke mahkamah selain dihantar pulang mengikut peraturan dan prosedur yang sedia. Berkaitan wang perlindungan, setakat ini kerajaan tidak mempunyai bukti kukuh untuk diambil tindakan. Adalah diharapkan dengan bantuan pasukan RELA di seluruh negara termasuk Rukun Tetangga dan badan-badan bukan kerajaan yang lain, usaha membasmi pendatang tanpa izin dapat dijalankan dengan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang negara ada menetapkan hukuman bagi majikan yang menggaji pendatang tanpa izin.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, sila Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya berdiri oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah berpindah ke perkara lain. Jadi, saya masih minat dengan soalan RELA tadi. Saya hendak bertanya sedikit sahaja. Di kawasan saya, RELA ini memang sudah ditubuhkan dan begitu baik perjalanan mereka, latihan pun baik dan banyak memberi bantuan kepada kita, terutama sekali lawatan-lawatan orang kenamaan dan aktiviti-aktiviti kampung. Apa yang masih saya lihat berkurangan ialah penglibatan wanita dan saya lihat banyak wanita terlibat di peringkat bawahan tetapi tidak ada pegawai wanita di peringkat atasan.

Jadi, saya pernah bertanya dengan pemimpin RELA kerana Pengarah RELA Negeri pun kawan baik saya, *he used to be my subordinate* dahulu. Jadi, saya cukup kenal dengan dia. Jadi, saya bertanya kenapa wanita tidak diserap supaya dia mengimbangi *population* lelaki dalam kumpulan RELA, itu pertanyaan yang pertama. Yang kedua, mereka ini juga terlibat dengan soalan-soalan aktiviti yang mana membantu bagi pihak polis dan sebagainya.

Apakah jaminan kalau ada berlakunya luka, rosak dan sebagainya, insurans kepada mereka ini, kepada pihak RELA ini, semasa menjalankan tugas walaupun tugas itu nampaknya satu sukarela, tetapi mereka ini sepatutnya mempunyai satu jaminan apabila berlakunya kemalangan ataupun apa sahaja, mereka ini mendapat imbuhan ataupun ganjaran daripada pihak-pihak yang tertentu kerana saya mengenali bahawa dahulu polis umpamanya, apabila berlaku kematian dan luka semasa zaman konfrontasi ataupun zaman darurat di Sarawak, dari tahun 1962 sampai 1974, polis tidak mempunyai satu dana yang tertentu. Apabila mati itu, habis macam itu sahajalah. Kalau dapat pencen, pencen. Kalau tidak dapat, tidak ada benda. Jadi, polis sudah mewujudkan satu dana untuk mereka sendiri tetapi ini tidak melibatkan RELA. Jadi, macam mana perancangan kerajaan supaya melihat orang ini nanti terlibat dengan aktiviti kerajaan tetapi berlaku satu-satu kemalangan ataupun apa, mereka ini mendapat maut ataupun luka, apakah jaminan kepada mereka ini? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Menyentuh tentang RELAWATI, anggota-anggota RELA di kalangan wanita, memang buat masa ini anggota RELA di kalangan wanita masih kecil bilangannya. Sebagaimana kita sedia maklum, sebagai satu pasukan suka dan rela, memanglah kita tidak dapat memaksa mana-mana pihak untuk menyertai ini. Walau bagaimanapun, kita sedang menggerakkan beberapa program baru. Antaranya, baru-baru ini saya telah melancarkan, pada hari Sabtu yang lepas, Platun Khidmat Masyarakat RELA, di mana tujuannya ialah untuk menarik sokongan golongan wanita supaya menyertai RELA dengan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan mereka.

Seperti mana kita sedia maklum, bila ada kegiatan-kegiatan sebelum ini misalnya berkawat dan sebagainya, SUKARELAWATI atau RELAWATI ini, dia tidak dapat pergi tanpa kebenaran suami. Jadi, oleh kerana itu kita perlu mencari satu pendekatan baru, program-program baru dan aktiviti yang lebih sesuai supaya membolehkan suami mengizinkan isteri masing-masing menyertai RELA dan seterusnya menyertai kegiatan RELA. Berhubung dengan jaminan untuk anggota RELA yang terlibat dalam kemalangan dan sebagainya, RELA sedang memperkenalkan insurans berkelompok untuk anggota-anggota RELA. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 112 majikan telah didakwa di mahkamah di atas pelbagai kesalahan. Kebanyakan majikan melakukan kesalahan di bawah seksyen 55(b)(1) iaitu mengambil pekerja asing yang tidak memiliki pas kerja yang sah. Manakala, kategori kedua tertinggi ialah kesalahan di bawah seksyen 55(e)(1) iaitu membenarkan imigran haram masuk ataupun tinggal di dalam premis milik majikan berkenaan. Kerajaan mendapati di antara punca majikan menggaji pendatang tanpa izin adalah kerana gaji yang murah, tidak perlu membayar EPF dan SOCSO, tidak dikenakan levi dan terdapat kes-kes di mana majikan tidak membayar gaji. Dalam kes kesalahan majikan, kemungkinan besar mengapa ia terus berlaku ialah kelewatan pihak mahkamah mendengar kes-kes kesalahan seperti ini.

Akibat penangguhan kes-kes seperti ini, maka ianya menggambarkan bahawa urusan menggaji pendatang tanpa izin tidak diambil berat oleh kerajaan. Dengan demikian, pihak-pihak majikan tidak menghiraukan tindakan tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan telah memohon agar pihak-pihak mahkamah yang terlibat memberi perhatian serius agar ianya menjadi teladan dan sempadan kepada majikan yang lain. Antara

hukuman yang dikenakan adalah denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 dan hukuman sebat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini berkenaan dengan buruh asing. Negara kita, kita akui, kita kekurangan buruh. Kadang-kadang kita hendak marah orang menggajikan buruh asing yang tanpa izin, kerana saya banyak mendengar cerita ini, kerana dia kata hendak memohon daripada kementerian ini banyak sangat dia punya "nabi-nabi" dia. Susah hendak dapat. Akhirnya, membuatkan orang menggunakan yang tanpa izin. Tidakkah kementerian bersetuju yang mana kita sudah jalankan buruh asing ini lebih daripada 10 tahun, kita kena kaji balik peraturan kita ini sama ada yang kita telah buat ini berkesan atau tidak.

Dahulu, kita menggunakan agensi berlesen. Orang yang ada lesen daripada Kementerian Sumber Manusia, selepas itu dilesenkan satu kali lagi oleh Imigresen Malaysia. Bayar bon ataupun bank *guarantee* RM100,000. Dibenarkan membawa pekerja asing, pembantu rumah ataupun pekerja ladang, pekerja kilang dan sebagainya. Tetapi, pada tahun-tahun 1994 dan 1995, kerajaan telah membatalkan, bermakna kata orang yang mempunyai lesen ini hanya mampu membawa pembantu rumah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Soalan belum sampai lagi Tuan Yang di-Pertua. Hendak *explain* itu panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Sambung pukul 2.30 Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tidak payah. Sekarang teruskan soalan.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak. Ini belum sampai lagi, banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Apa soalan?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak. Ada soalan yang saya hendak sampai, kementerian hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah. Sekarang keluarkan soalan.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: *Background* tidak habis Tuan Yang di-Pertua. Macam mana hendak kurang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, tidak perlu, masa tidak cukup

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Adakah kementerian hendak kaji balik?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tahu soalan Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik. Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak. Okey, bolehlah Yang Berhormat kita boleh sambung....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Boleh saya jawab soalan Yang Berhormat bagi Jasin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, pukul 2.30 sambung.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini bersidang semula. Saya minta kerjasama daripada

Ahli-ahli Yang Berhormatlah janganlah mencelah banyak sangat, nanti Yang Berhormat boleh tidur dalam Dewan ini. Kementerian sila teruskan jawapan.

2.33 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah pendatang tanpa izin ini didapati kian membesar dan bertambah dari masa ke semasa, kerajaan telah membuat keputusan untuk menggunakan pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) bagi membantu mengatasi masalah kebanjiran pendatang tanpa izin ini. RELA merupakan satu pasukan yang besar dengan keanggotaan seramai lebih 400,000 orang walaupun yang aktifnya 298,000 orang berbanding dengan pihak penguat kuasa yang lain, contohnya imigresen hanya mempunyai 668 orang pegawai penguat kuasa.

Adalah diharap pasukan RELA akan dapat membantu pihak kerajaan di dalam menangani isu-isu pendatang tanpa izin dengan lebih berkesan. Pada ketika ini RELA sedang berusaha menambah ahli supaya anggota yang aktif dapat mencapai angka 500,000 pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yakob]: Yang Berhormat, Ayer Itam.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya bagi Jasin dahulu sebab dia ada soalan dari tadi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Alamak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jasin.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mencelah ni, kalau tak mencelah dia mengantuk, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kena mencelah selalu. Ini apa yang dikemukakan oleh pihak Setiausaha Parlimen tadi saya mengalu-alukanlah penubuhan RELA kerana hendak membantu masalah kita. Tetapi kalau hendak membantu soal kita, yang pening kita wakil rakyat. RELA dia hendak besar lagi 500,000 orang, dia hendak peralatan, uniform dan sebagainya. Selama ini

uniform dan sebagainya mengharapkan kita wakil rakyat. *[Disampuk]* Saya dapat tahu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini...

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang lain duduklah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang lain duduklah. Dia minta jalan, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mana ini. *[Ketawa]* Kementerian Keselamatan Dalam Negeri melalui imigresen kutip satu tahun RM1.2 bilion, levi lagi, dia boleh membiayai RELA ini. Jadi, mengapa hendak beban orang macam saya ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat banyak peminat. Kawasan saya macam itu jugalah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita lebih kurangnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita berharap kerajaan, oleh kerana kementerian ini banyak dapatkan duit untuk kerajaan, jadi mengapa tidak membalas balik jasa mereka itu. Melalui levi pekerja asing sahaja, imigresen dapat bilion. Jadi, imigresen ini kita harus perkasakan – vehiclenya, peralatannya. Ini ada penguat kuasa imigresen yang keluar sampai tengah malam, apa habuan kepada mereka. Yang dia kutip ini macam-macam. Jadi, saya takut besok bila RELA hendak menyuluh, hendak pergi mencari pendatang asing ini dia perlu lampu suluh. Besok wakil rakyat lagi kena.

Jadi kita berharaplah kementerian dan juga kerajaan yang mana pada hari ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini dapat mengumpul sejumlah wang besar hasil daripada negara kita, mengapa tidak dengan pembesaran RELA ini segala peralatan RELA ditanggung oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih kerana sebagai wakil rakyat, Yang Berhormat bagi Jasin begitu prihatin kepada RELA. Kita sedar RELA seperti mana telah saya sebutkan tadi adalah anggota sukarela. Jadi, sebagai anggota sukarela mereka memang berkhidmat secara sukarela. Namun begitu, anggota RELA sentiasa membantu wakil-wakil rakyat pada sepanjang masa - masa susah, masa senang, masa pilihan raya anggota RELA sentiasa tampil untuk menentukan wakil-wakil rakyat di kawasan mereka menang bagi pihak kerajaan.

Saya faham, saya juga sentiasa membantu RELA – baju hujan, payung, *torchlight*, khemah, segala-galanya mereka mengharapkan pertolongan wakil rakyat. Kita ucap terima kasih, kerajaan memang sedar tentang sumbangan wakil rakyat kepada RELA, dan dalam konteks ini juga RELA juga memberi sumbangan yang besar kepada wakil rakyat di setiap kawasan. Walau bagaimanapun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi Ayer Hitam?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ayer Hitam, okey.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekadar sedar itu belum memadai kerana kita lihat RELA ini secara sukarela. Yang membebankan kita ialah semua wakil rakyat. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kalau kita hendak meningkatkan RELA kepada 500,000 adakah Yang Berhormat bersetuju dan akan memperjuangkan nasib kita ini, kalau tidak kita akan tanggung sekurang-kurangnya RM50 juta ataupun RM100 juta untuk tujuan membekalkan perkakas kepada RELA dan itu juga boleh digunakan sebagai satu cara untuk kita membendung gejala pendatang tanpa izin ini. Saya mintalah satu jawapan jangan kata sedar, sedar dan apa tindakan susulan. Itu yang kita minta. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, terima kasih bukan sahaja bersetuju tetapi kita akan berjuang bersama-sama untuk menentukan RELA diberi perhatian, bukan RM50 juta tetapi kalau boleh biarlah RM200 atau RM300 juta peruntukan diberi kepada RELA dan ini akan saya bawa kepada kementerian untuk dibincangkan dan dicadangkan kepada Kabinet. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat menghargai dan mengambil maklum semua saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada umumnya pihak kerajaan sedang merangka program yang komprehensif dan sedang mengkaji dengan teliti di peringkat Jawatankuasa Kabinet. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing baru sahaja bermesyuarat dua minggu yang lepas dan perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong iaitu mengenai aspek-aspek biometrik dan juga penstrukturan semula sistem-sistem dan dasar-dasar pekerja asing termasuk juga jika

perlu pindaan-pindaan terhadap akta-akta yang terlibat iaitu seperti Akta Imigresen dan lain-lain.

Saya harapkan dengan perubahan-perubahan ini, ia akan dapat mengawal penggunaan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu dengan lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bentong.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita mengucapkan terima kasihlah kerana begitu prihatin terhadap RELA dan dapat membantu mereka untuk membantu kita semua. Kita sedar bahawa sekarang kita kekurangan kakitangan polis, polis memang kurang dan kita memerlukan RELA untuk membantu polis menangkap pekerja-pekerja tanpa izin.

Boleh atau tidak kita mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian agar kita memberi galakan kepada RELA ini, kalau mereka dapat tangkap satu orang pendatang tanpa izin, kita beri dia katakan RM200, ya, beri galakan, lebih ramai kita dapat tangkap serbu semua dan hantar mereka balik ke negara asal.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, betul, betul.

Tuan Liow Tiong Lai: Kita pastikan bahawa semua pendatang tanpa izin di negara kita ini, kita hapuskan semua dan kita pastikan Malaysia ini sebuah negara yang damai dan amanlah, minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Bentong, satu cadangan yang baik, saya percaya kalau ini dapat dilaksanakan, jumlah anggota RELA bukan setakat setengah juta, satu juta pun kita boleh cari. Jadi, satu cadangan baik dan kita akan kemukakan, kalau diluluskan oleh Kabinet, insya-Allah, kita akan praktikkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Mambong.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pengalaman ini adalah pengalaman saya dalam Askar Wataniah. Askar Wataniah semua uniform ditanggung, lepas itu jika kita pergi menghadiri kursus, satu bulan satu kali, ini Askar Wataniah dibayar elaun RM2 lebih satu jam, termasuk tambang pun dibayar, boleh atau tidak RELA ini, jika mereka menjalankan tugas rasmi juga dibayar elaun mengikut kadar Askar Wataniah?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, terima kasih. Setakat ini memang ada elaun yang diberikan sekiranya anggota RELA mengikuti latihan-latihan yang disusun oleh kerajaan.

Mengenai cadangan kalau tugas-tugas sukarela ini juga diberi, ini akan dibawa kepada kerajaan dan kalau kerajaan luluskan, kita akan laksanakan.

Satu daripada penekanan yang telah diberikan ialah penggalakan semua sektor termasuk perkilangan, perladangan dan perkhidmatan untuk mengautomatiskan proses kerja masing-masing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), peratusan pekerja asing dalam negara bertambah dengan begitu pesat, dengan begitu cepat, sehingga mencapai angka 30% berbanding dengan jumlah penduduk negara dalam masa yang terdekat.

Angka ini begitu membimbangkan dan banjir pndatang tanpa izin ini akan menjejaskan keselamatan negara jika dibiarkan. Kerajaan juga sedang meneliti untuk tidak terlalu bergantung kepada mana-mana satu sahaja negara sumber, kerana ini juga boleh memberi kesan kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Puchong mengenai program pemutihan, setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan program ini kerana tindakan sedemikian akan menyebabkan lebih ramai lagi pndatang tanpa izin masuk semula secara tidak sah ke negara ini, dengan harapan kemasukan mereka satu hari nanti akan dihalalkan dari masa ke semasa oleh kerajaan.

Maka kerajaan masih berpegang kepada prinsip bahawa pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan kepada majikan yang layak sahaja, majikan yang didapati menggaji pndatang tanpa izin akan dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Mambong dan Kalabakan telah menyentuh isu kad pengenalan dan mengharapkan usaha-usaha yang lebih proaktif dapat diambil bagi mengatasi masalah ini di negeri Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berhubung dengan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan sempadan yang mana ibu atau bapa adalah rakyat Malaysia, tetapi anak dilahirkan di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak kes sebegini di negeri-negeri sempadan, kerajaan telah mengambil maklum masalah ini dan akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mempercepatkan proses pemberian warganegara berdasarkan merit satu-satu kes. Dalam hal ini, kerajaan memang sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai masyarakat yang tinggal di kawasan sempadan.

Bagi menyelesaikan kes individu-individu yang terlibat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mewujudkan satu Pasukan Petugas Khas bagi membantu keluarga-keluarga yang ada masalah seperti ini.

Namun demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat memberi penerangan kepada masyarakat khususnya di kawasan-kawasan sempadan, bahawa mana-mana pasangan suami isteri, yang melahirkan anak di luar negara hendaklah mendaftarkan kelahiran ini dengan Kedutaan Malaysia dalam tempoh setahun. Kegagalan berbuat demikian akan menimbulkan masalah seperti yang dinyatakan. Perkahwinan yang dibuat di luar negara juga perlulah didaftarkan bagi mengelak timbulnya sebarang masalah mengenai pengenalan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jasin bangun lagi.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pihak Setiausaha Parlimen. Kita *reverse* ke belakang sedikit tentang pengambilan pekerja asing tadi, saya rasa soalan saya tidak berjawab kerana di masa-masa yang lepas, apabila kita mengambil pekerja asing, kerajaan telah memberi kebenaran kepada agensi-agensi berlesen untuk menjalankan kerja-kerja ini. Tetapi yang jadi haru sekarang ini, apabila kerajaan memberhentikan urusan pengambilan pekerja asing ini hanya *direct* melalui majikan. Majikan *direct* tanpa agensi ini.

Kalau kita lihat negara-negara yang maju, contohnya Singapura, Arab Saudi yang bergantung kepada buruh asing, semua kerajaan ini menggunakan agensi yang berlesen, yang kita boleh kawal.

Dan agensi-agensi ini mempunyai komitmen dengan kerajaan, bank *guarantee* kepada kerajaan untuk *performance bond* dan sebagainya, jadi itulah sebabnya pada

hari ini, kalau kita tidak menggunakan agensi yang berlesen ini tidak ada kawalan. Itulah sebabnya pada hari ini saya berani mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini, kalau dekat Damansara pada hari ini, kalau bank *guarantee* pun yang dikemukakan kepada kerajaan dan imigresen, saya penuh yakin dan percaya lebih dari 50% daripada bank *guarantee* ini adalah bank *guarantee* palsu. Sudahlah *medical report* palsu, semua yang palsu. Tetapi kalau kita melalui agensi, yang mana kita ada ikatan dengan dia, dia ada bank *guarantee* dengan kita, kalau dia mengemukakan benda-benda yang palsu ini, kerajaan boleh pegang dia, sekarang apabila terbuka, yang malangnya kalau kita lihat pada hari ini, saya minta pihak Setiausaha Parlimen pergi lihat di Damansara, Ibu Pejabat Imigresen, sehinggakan orang asing, dia dahlah pendatang asing, dia pula boleh menghulurkan minta *work permit* untuk rakan dia.

Ejen-ejen Bangladesh turun daripada Bangladesh, dia pula berurusan dengan orang Imigresen. Bagaimana keadaannya?

Jadi, saya sudah berfikir sudah sampai masa dan ketikanya, kalau kita masih hendak menggunakan buruh asing di dalam negara kita, sudah sampai masa dan ketikanya untuk kita mengolah balik, peraturan cara macam mana, dan saya berharap supaya kementerian - tengok di Singapura, apabila menggunakan buruh asing macam kata pembantu rumah, gambar pembantu rumah ada di situ dan di bawah itu majikan, majikan suami isteri pun ada gambar dalam permit itu. Sekiranya pembantu rumah ini lari ke tempat lain, kita sudah boleh tangkap dah, ini bukan majikan engkau, daripada passport itu sudah ada, begitu juga di Arab Saudi yang dipanggil Iqama ini, yang mana yang menggajikan pekerja asing itu, dia bertanggungjawab *total*.

Sekiranya apa-apa hal yang berlaku ataupun dilakukan oleh pekerja asing ini, majikan juga bertanggungjawab.

Jadi, dengan itu majikan akan sentiasa menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya dan sekiranya pekerjajanya melakukan perkara yang tidak baik, akan timbul kepada diri dia, jadi peraturan-peraturan ini hendaklah kita buat supaya masalah ini tidak timbul.

Yang tadi, yang Setiausaha Parlimen mengatakan tentang 700,000 pendatang tanpa izin, yang kita tidak akan *flush out from the country*, ini pun akan menimbulkan masalah.

Saya penuh yakin dan percaya, kalau ini dibuat, kebun getah, ladang kelapa sawit, siapa yang hendak pergi jolok buah ini besok, lebih-lebih lagi hari ini di kawasan FELDA pun sudah menggunakan buruh asing ini, peneroka FELDA kita sudah sampai

ke tahap 'dah menyandau' dah, Tuan Yang di-Pertua, tak nak lagi dia buat kerja ini, pekerja asing semua buat.

Jadi, kita kena fikirkan baik-baik, cara bagaimana kita hendak mengatasi masalah yang ada ini supaya ekonomi negara kita tidak terjejas. Itu pandangan saya Dato', dan saya minta respons daripada Setiausaha Parlimen.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Jasin ini dia Presiden pertama PAPA, itu dia pakar dalam soal buruh asing ini, jadi saya hendak jemput dia ke pejabat saya untuk berbincang dan memberi pandangan yang lebih lanjut.

Walau bagaimanapun, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, tadi saya telah jelaskan bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai buruh asing, telah pun mengadakan mesyuarat di kementerian dan jawatankuasa ini dianggotai oleh 13 kementerian, dan dalam mesyuarat ini kita telah membincangkan segala aspek mengenai soal-soal buruh asing. Insya-Allah dengan adanya Jawatankuasa Kabinet ini kita akan dapat menangani isu pendatang tanpa izin dan pekerja asing ini dengan lebih baik dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sabah dan Sarawak, kerajaan telah mewujudkan Pasukan Petugas Khas bergerak untuk masuk ke kawasan-kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, pihak kerajaan berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab di kawasan pedalaman masing-masing dapat memberikan kerjasama kepada Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah dan Sarawak bagi membantu supaya lebih mudah dikenal pasti orang-orang yang memerlukan bantuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi negeri Sabah seramai 71 orang pegawai dan kakitangan telah disediakan bagi mengadakan lawatan-lawatan secara berjadual di luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Beluran.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih. Pasukan Petugas Khas melawat kawasan saya dua tahun lalu sebanyak tiga kali. Memang semua wakil rakyat Parlimen dan DUN membantu, bukan sahaja dari segi tenaga, tetapi dari segi kewangan untuk membeli peralatan-peralatan keperluan Jabatan Pendaftaran.

Saya ingin cadangkan agar petugas khas ini diperuntukkan peruntukan yang mencukupi. Pertama, kerana hakikatnya kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak masih ramai yang tidak memiliki kad pengenalan, bukan kerana *ignorance*, tetapi disebabkan oleh keperitan hidup, ada yang miskin hendak buat kad pengenalan, kalau seorang itu hendak keluar dari kampung perlu berbelanja RM200 untuk keluar sahaja, bawa anak lagi bererti RM400 untuk ulang-alik membuat kad pengenalan, jadi di antara buat kad pengenalan dan gunakan wang untuk hidup, ramai yang memilih menggunakan wang itu untuk membeli makanan.

Jadi, bererti Jabatan Pendaftaran kena masuk ke kawasan untuk membuat kad pengenalan. Bagi mereka yang di luar bandar, saya ingin cadangkan agar setiap pejabat daerah dan pejabat daerah kecil diletakkan pegawai-pegawai pendaftaran ini di semua pejabat daerah dan pejabat daerah kecil.

Saya melihat masih banyak lagi pejabat-pejabat daerah kecil di kawasan luar bandar Sabah yang tidak ada kakitangan, tidak ada Pejabat Pendaftaran yang diletakkan oleh kementerian, jika ada kakitangan ini, saya rasa lebih ramai lagi akan dapat membuat kad pengenalan diri, mendaftar Sijil Kelahiran dan sebagainya.

Saya ingin kementerian melihat perkara ini secara serius, pertama tadi, Jawatankuasa Petugas Khas itu dilengkapi dengan kemudahan yang cukup, dan kemudian diperuntukkan kewangan yang mencukupi untuk siri lawatan yang sekerap-kerapnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju di kawasan Sipitang ini ramai yang tidak ada kad pengenalan, agar setiap pejabat daerah kecil yang ada di Sabah dan di Sarawak diletakkan pegawai-pegawai pendaftaran untuk urusan kad pengenalan.

Saya ingin pendapat dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Beluran. Satu cadangan yang amat baik sekali dan semua pandangan ini akan diambil kira dan akan saya bawa untuk pertimbangan dan keputusan Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Manakala di Sarawak adalah terdapat 61 orang pegawai dan kakitangan telah ditugaskan untuk menjalankan aktiviti yang sama.

Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan telah menimbulkan isu pekerja asing yang baru tiba memperolehi kad pengenalan dan pasport. Di sini saya ingin meyakinkan

Yang Berhormat bahawa anggapan ini adalah tidak benar. Pihak kerajaan melalui agensi-agensinya penguatkuasaan seperti polis, Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa memantau perbuatan mana-mana sindiket yang melakukannya. Jika sekiranya,

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tuan bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak balik sekejap tadi fasal kad pengenalan di Sabah. Ada dua persoalan, pertama juga sudah dibangkitkan dahulu di Sabah ini ramai yang dapat kad pengenalan masih memegang kad pengenalan merah. Orang-orang ini dilahirkan di luar negara sebelum hari Malaysia, sebelum pembentukan Malaysia tahun 1963. Saya ingat pada hari ini masih lagi memegang kad pengenalan yang merah. Tadi ada *task force* hendak menyelesaikan masalah di sempadan. Saya ingin tanya sama ada golongan ini akan dimasukkan ke dalam *task force*. Sebab orang-orang ini sudah berkali-kali memohon belum selesai sehingga ke hari ini. Itu soalan pertama.

Yang kedua masalah di Sabah sekarang orang macam saya ini saya punya kad pengenalan pun 'bin' juga, Madius bin Tangau tetapi saya bukan orang Islam. Bila mendaftar sahaja, bikin kad pengenalan mesti ada 'bin'. Sekarang dengan *MyKad* dituliskan di sana dalam maklumat di situ yang 'bin' itu seorang Islam. Bila ditanya Pengarah Pendaftaran Negeri Sabah baru-baru ini dinyatakan terpulanglah kepada yang punya kad pengenalan itu untuk membuktikan yang dia bukan beragama Islam. Kalau orang ini tidak tahu macam mana dia beri bukti.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya dalam maklumat itu, dalam borang itu biarlah jelas ditulis apa agamanya dan sebagainya. Sebab 'bin' ini tengok saya punya nama pun - saya bukan UMNO pun dapat jemputan UMNO, saya dapat kad hari raya kerana Madius bin Tangau. Sarawak lain sedikit sebab dia 'anak' – Alex anak. Ini satu masalah besar di negeri Sabah dan ini akan mengakibatkan banyak masalah sosial, lain kali nanti tidak lama lagi bulan puasa. Nanti ditangkap tidak berpuasa tetapi dia bukan beragama Islam, nama pun serupa, muka pun sama. Dia nama Islam tetapi dia bukan orang Islam, Abidin bin Madingkir, Dato' Abidin bin Madingkir namanya, tetapi dia beragama Kristian. Arifin bin Gadait, namanya Islam tetapi dia Kristian. Profesor

Waren Kabul, namanya Kristian tetapi dia orang Islam, Timbalan Pengarah di UiTM Sabah. Sabah unit sedikit. Jadi saya minta penjelasan kementerian adakah kementerian ingin mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyelesaikan masalah identiti ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuaran. Terima kasih di atas dua perkara yang dibangkitkan. Pertama mengenai kad pengenalan merah. Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai kad pengenalan memang sedang diberi perhatian serius oleh kementerian dan adalah menjadi harapan kementerian dan juga JPN untuk membantu mempercepatkan dan seterusnya menyelesaikan isu-isu yang berkaitan.

Berhubung dengan cadangan yang kedua, perkara ini akan saya bawa untuk diteliti oleh kementerian secepat mungkin. Terima kasih.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kalabakan telah menimbulkan isu pekerja asing yang baru tiba memperoleh kad pengenalan dan passport. Di sini ingin saya meyakinkan Yang Berhormat bahawa anggapan ini adalah tidak benar. Pihak kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti polis, imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa memantau perbuatan mana-mana sindiket yang melakukannya. Jika sekiranya ada orang Sabah yang memiliki dokumen pengenalan dari mana-mana sindiket maka perbuatan tersebut adalah sia-sia kerana dokumen yang dimilikinya itu tidak sah dan jika ia dapat dikesan mereka boleh disabitkan dengan tindakan undang-undang.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebenarnya kalau kita mahu *prove* kenapa kad pengenalan ini boleh didapati, saya ada *prove* di sini. Sebenarnya anak ini lahir pada tahun 1995 dengan ayahnya menggunakan kad pengenalan H kepala 8. Dan bangsa dia Filipina dan ibunya Bajau dengan menggunakan passport tetapi bila anak ini ada dilahirkan pada tahun 2001 yang sementara itu - nama tadi itu sudah jadi penduduk sementara yang ayah itu, kemudian ibu itu sudah jadi warganegara. Apa sudah jadi? Inilah buktinya. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepanggar, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana

membangkitkan perkara ini dan saya berharap laporan rasmi akan dibuat dan kes seperti ini dirujuk kepada kementerian. Tindakan tegas kita akan ambil sekiranya berlaku tindakan yang sedemikian.

Yang Berhormat Kanowit pula telah menyentuh mengenai proses pengeluaran sijil kelahiran yang mengambil masa terlalu lama. Untuk makluman ahli Yang Berhormat sijil kelahiran hanya akan diberi dikeluarkan kepada mereka yang dilahirkan di negara ini sahaja. Bagi mengelakkan penipuan dan penyelewengan, pemohon perlu memenuhi syarat-syarat yang ditentukan dengan mengemukakan dokumen bukti. Masalah kelewatan adalah disebabkan ibu atau bapa tidak mendaftar kelahiran dalam tempoh 42 hari selepas kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, kelewatan selepas 42 hari memang memerlukan bukti. Sekiranya pelapor tidak mengemukakan bukti yang memuaskan dan meragukan maka inilah yang menyebabkan kelewatan untuk meluluskan dan sijil kelahiran. Tambahan pula laporan dibuat selepas 15 tahun misalnya. Selepas kelahiran memang sukar untuk mendapatkan bukti. Inilah yang menjadi masalah kepada kebanyakan warga di sempadan yang sehingga umur dewasa tidak mempunyai kad pengenalan atau sijil kelahiran. Bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha memberi layanan yang terbaik untuk mereka diberi taraf penduduk tetap.

Kerajaan sedar bahawa kelemahan-kelemahan ini wujud oleh sebab beberapa tahun lalu masyarakat di luar bandar khususnya di kawasan sempadan adalah terdiri daripada golongan buta huruf dan golongan yang tidak berpelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan, Tuaran, Penampang dan Bagan turut membangkitkan isu kewarganegaraan dan taraf penduduk tetap. Izinkan saya tegaskan di sini bahawa taraf kewarganegaraan dan penduduk tetap bukanlah hak mutlak kepada mana-mana pemohon. Pemohon boleh membuat permohonan tetapi hak meluluskan adalah hak kerajaan berpandukan kepada merit satu-satu kes. Contohnya antara pertimbangan untuk dianugerahkan taraf penduduk tetap adalah mereka yang membawa nilai tambah atau *value-added* kepada negara dan masyarakat. Sekiranya kerajaan mengizinkan taraf kerakyatan kepada mereka maka sudah tentulah mereka mempunyai kekuatan yang tertentu untuk menjadi rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat daripada Rasah, Puchong, Jasin dan Tebrau telah menyentuh mengenai RELA. Antara perkara yang dibangkitkan

ialah satu keperluan kepada peruntukan RELA. Yang kedua, kemampuan RELA untuk menanggung dan melatih anggota seramai 298,000. Yang ketiga, penyalahgunaan kuasa yang akan berlaku di kalangan anggota RELA apabila kuasa ini diberikan. Keempat, kerjasama antara pasukan RELA dengan pihak Rukun Tetangga dalam mempertingkatkan usaha membanteras jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, ikatan....

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuaran bangun lagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat menyatakan tadi tentang permohonan penduduk tetap. Persoalan yang pernah saya bangkitkan juga Yang Berhormat daripada Penampang ialah permohonan mendapatkan penduduk tetap bagi pelarian Filipina. Orang yang berstatus pelarian telah memohon dan Menteri menjawab dalam sesi yang lepas menyatakan terdapat 650 orang yang telah diberikan taraf penduduk tetap dari kalangan pelarian Filipina. Berasaskan kepada jawapan dan penjelasan Yang Berhormat tadi apakah *value-added* orang-orang ini – apakah sumbangan mereka jika itulah yang diperkiran.

Kedua, persoalan yang selalu kita persoalkan ialah bolehkah orang yang masih lagi berstatus pelarian memohon untuk mendapatkan penduduk tetap belum lagi ditarik balik. Selama ini menurut rekod-rekod yang ada belum ada lagi ditarik balik status pelarian, selepas itu bolehkah dari segi undang-undang yang masih lagi memegang IMM13 dan jika sekiranya masih lagi memegang dokumen IMM13 dari segi Perlembagaan Persekutuan apakah kerajaan kita telah menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang dari segi pemberian. Yang Berhormat menjelaskan tadi hak kerajaan. Ya, itu hak tetapi dari segi undang-undang bagaimana? Itu mohon penjelasan sama ada kita telah mengikut peraturan tertentu dalam proses pemberian dan kerakyatan tetap ini. Terima kasih .

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Tuaran. Perkara mengenai status pelarian dan orang-orang pelarian ini telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kalau tidak salah saya kelmarin. Saya rasa tidak perlu saya menambah lagi kerana penjelasan yang diberi saya rasa cukup jelas.

Mengenai *value-added* ini yang disebutkan sebagai salah satu daripada

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua lagi yang bangun Yang Berhormat

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak sebut lagi penjelasan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya ada soalan tambahan lagi. Penjelasan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya telah bertanya dari segi perangkaan. Perangkaan yang diberikan oleh Yang Berhormat 57,159 orang pelarian orang Filipina. Penjelasan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan 65,000 orang. Penjelasan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa bezanya sedikit sahajalah. Itu dia bezanya sedikit sahajalah. Tetapi ini perkara serius mana dia orang-orang yang diberi IMM 13 adalah orang-orang yang telah didaftarkan dalam tempoh 1972 sehingga 1984. Dia tidak boleh naik tidak boleh turun dan statistik itu penting. Itu penjelasan yang dibuat. Itu tak apalah, saya boleh tanya dia tentang perangkaan. Itu yang dijelaskan

Yang saya tanya tadi dari segi perundangan memberi kerakyatan tetap PR kepada orang-orang yang berstatus pelarian tetapi diberi, 650 orang. Itu Yang Berhormat kena jelaskan tidak boleh tumpang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tentang perkara itu. Kita perlu penjelasan sebab ini tempat Dewan yang mulia ini, kita perlu sebab kita ini wakil rakyat. Kita balik kampung dia tanya apakah jawapannya? Kita jelaskan dasar kerajaan untuk memberikan kad pengenalan tetapi dalam soalan seperti ini bila dia tanya kita tidak dapat jawab mana lagi hendak rujuk. Tolong Yang Berhormat jelaskan sedikit.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneliti perkara ini dan saya akan rujuk dengan kementerian saya kerana saya tidak mempunyai *figure* dan keterangan yang lengkap untuk saya menjawab persoalan itu. Terima kasih

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua lagi bangun Yang Berhormat. Seputeh dan Penampang.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Apa yang saya persoalkan tempoh hari adalah kenapakah polisi Kerajaan Malaysia dalam menangani isu pelarian ini berbeza di Semenanjung dan di Sabah. Di Semenanjung tidak pernah Malaysia mengiktiraf

pelarian dan tidak ada undang-undang di Malaysia ini yang memberikan kita hak untuk memberi mereka status pelarian dan tambahan pula Malaysia tidak memperakui apa-apa protokol atau konvensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Persoalannya kenapakah di Sabah pelarian diberikan status sedemikian dan kenapakah mereka diberi keistimewaan untuk memohon pemastautin tetap ini? Ini adalah satu *methodology* lagi pendatang asing untuk mendapat kemudahan-kemudahan sebagai penduduk tetap di Malaysia.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tuaran tadi sepatutnya nombor yang diberikan pada tahun 1984 iaitu 57,197 orang masih lagi sama hingga hari ini jadi *unless* ada *explanation* ada justifikasinya kenapa ada penambahan 8,000 itu. Penduduk-penduduk Sabah dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah ini tidak akan berhenti berdiri dan akan mencelah dan berbahas tentang masalah ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *double standard* dalam soal mengiktirafkan pelarian ini. Tetapi apa yang berlaku di Sabah ialah pelarian daripada Filipina yang diiktiraf oleh *United Nation* sedangkan kita tidak ada pelarian yang sedemikian yang ada di Semenanjung. Oleh itu itulah amalan yang kita adakan dan dasar-dasar yang biasa kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung perbahasan.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sehubungan dengan isu pelarian ini, semalam Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berkata, bagi Rohingya Muslim, mereka akan diberi satu ID bagi mereka untuk mengelakkan mereka ditahan oleh polis dan juga dihantar balik ke Myanmar.

Bila saya tanya Yang Berhormat Menteri apakah prosedurnya, macam mana dia boleh memohon, dia berkata tanya Yang Berhormat dari Kementerian Dalam Negeri. Bolehkah Yang Berhormat memberikan satu penjelasan di Dewan ini bagi Rohingya Muslim yang agaknya 10,000 lebih macam mana mereka boleh mendapat perlindungan, macam mana boleh mereka memohon ID yang telah diluluskan oleh JPM itu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi penjelasan secara bertulis untuk membolehkan segala butir yang lebih lengkap kepada Yang Berhormat. Saya akan teruskan penggulungan ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran lagi bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Setiausaha Parlimen, soal pelarian dan IMM13 ini bolehkah kita dapatkan penjelasan yang tepat, sekali jawab sahaja tidak payahlah bawa isu ini balik ke Parlimen untuk sesi-sesi yang akan datang. Soalnya sama ada ada perlembagaan atau tidak yang membenarkan pelarian ini memohon untuk menjadi penduduk tetap di negara ini. *That's the question* sebab kita *recognise* keluaran, kita dari segi UN kita tidak *recognize*. Jadi, Setiausaha Parlimen katakan berdasarkan kepada undang-undang dan juga United Nations yang mengiktiraf pelarian di Sabah *which is* tidak tepat, jawapan tidak tepat.

Boleh atau tidak kita perjelaskan status ini *once and for all*, sekali sahaja. Kalau ada penjelasan yang tepat status dia, perundangan mana, pendirian kerajaan terhadap pelarian ini dan saya rasa semua akan boleh menerima penjelasan yang tepat. So, bolehlah secara bertuliskah diberikan penjelasan ini atau sependapat bahawa perkara ini harus diperjelaskan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Beluran, bagi membolehkan Yang Berhormat bagi Beluran dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal pelarian ini mendapat penjelasan yang tepat dan memuaskan, seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, saya akan memberikan jawapan secara bertulis supaya *figures*, perangkaan ataupun lain-lain data-data yang berkaitan dan maklumat yang lebih jelas dapat diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan RELA lagi, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) tidak menyediakan peruntukan khas untuk setiap ahli RELA yang menjalankan sebarang tugas. Bagaimanapun, RELA menyalurkan setiap daerah 200 pasang pakaian lengkap untuk diagihkan untuk kegunaan ahli-ahli RELA untuk dipinjamkan kepada anggota-anggota yang bertugas.

Oleh kerana peranan RELA dalam membantu agensi-agensi kerajaan menjalankan tugas penguatkuasaan dan lain-lain perkhidmatan kepada ahli-ahli

masyarakat, keperluan asas seperti minuman dan makanan ketika menjalankan tugas dibiayai oleh agensi-agensis yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, RELA mampu untuk menanggung dan melatih anggota-anggota yang aktif setelah mengambil kira keperluan yang dirancang atau yang dijadualkan kepada tiga buah pusat latihan yang sedia ada.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat. Rantau Panjang.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, menyentuh masalah RELA. Dalam penggal yang lepas, saya telah menyebut tentang keperluan RELA ialah senjata api, senapang, *short-gun* terutama sekali anggota-anggota RELA yang berkhidmat di sempadan iaitu di sempadan Thailand. Dalam lesen senjata api ditulis situ, setiap lesen senjata api ditulis "apabila senjata ini akan digunakan oleh RELA hendaklah diberi" ditulis di lesen tersebut.

Tetapi apabila saya tanya berapa ramai mereka yang mempunyai senjata api yang sanggup memberi pinjam kepada anggota RELA semasa mereka hendak bertugas terutama sekali senjata-senjata api yang jenisnya baik-baik yang mempunyai peluru yang sekali masuk lima *auto-loading* dan sebagainya.

Menteri menjawab, dia akan buat kajian sama ada perkara itu akan dipaksa kepada pihak pemilik senjata api atau tidak. Tetapi sehingga sekarang ini saya lihat semasa pembaharuan lesen dibuat pada bulan Jun dan Julai baru-baru ini, tidak ada seorang pun yang pernah memberi pinjam kepada anggota RELA senjata-senjata api mereka kerana mereka mengatakan terlalu sayang senjata api ini.

Oleh hal yang demikian menyebabkan anggota RELA hanya menggunakan senjata api yang jenis lama iaitu jenis Steven dan sebagainya yang menyebabkan kalau kita tengok di tempat latihan RELA, sekali tembak sewaktu latihan itu, saya tengok sekali tembak jatuh dia punya kelopak dia itu. Senjata itu senjata-senjata lama yang ditinggalkan oleh zaman British lagi.

Apakah kementerian ini sanggup mengetatkan lesen-lesen yang diberikan kepada orang awam supaya setiap kali RELA hendak menggunakannya, pemilik senjata berkenaan terpaksa memberi kepada anggota RELA.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, pemberian lesen senjata api hanya diluluskan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. RELA tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan pemberian senjata kepada anggotanya. Oleh kerana itu, anggota RELA yang telah lulus dan layak dikemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk mempertimbangkan permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap sahaja. Sedikit lagi. Saya memang tahu lesen senjata api ini diberikan oleh pihak polis. Tetapi sejauh manakah peranan RELA melalui kementerian ini supaya apa yang dituliskan, saya bacakan sedikit dalam lesen tersebut "pemegang lesen ini akan membenarkan senjata apinya digunakan oleh ahli RELA untuk menjalankan tugas-tugas RELA setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Polis Daerah".

Saya hendak tahu ini sejauh mana peranan pihak kementerian ini supaya setiap polis memberi kebenaran ataupun memaksa setiap orang yang memiliki senjata api ini memberi pinjam, pinjam sahaja kepada anggota RELA ini supaya anggota RELA ini mempunyai senjata yang canggih sewaktu menjalankan tugasnya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, seperti mana yang telah saya katakan tadi bahawa kebenaran atau lesen dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan RELA hanya mengemukakan cadangan kepada Polis Diraja Malaysia untuk meluluskan sebarang sama ada pinjam atau sebagainya. Seperti yang kita maklum bahawa sebarang penggunaan senjata api mestilah oleh orang yang mempunyai lesen. Ia tidak boleh oleh sembarangan orang . Oleh kerana itulah hal ini berlaku. Sila Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya difahamkan bahawa kuasa menahan bagi setiap anggota RELA adalah tidak lebih daripada kuasa seorang *layman* atau seorang biasa untuk membuat tahanan. Tidak seperti pegawai polis yang berhak untuk menahan

lebih lama untuk mendapat perintah mahkamah di bawah peruntukan Kanun Acara Jenayah.

Soalannya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi kuasa yang lebih kepada anggota RELA dalam membuat tangkapan dan penahanan sebagaimana yang diberikan kepada anggota polis.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diberikan kepada 212 orang Pengarah dan Pegawai RELA Daerah hanyalah sekadar menahan dan memeriksa dan untuk menahan selanjutnya diserahkan sama ada polis atau imigresen kerana kuasa yang diberikan kepada pegawai RELA tidak lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan ini. Anggaran jumlah peserta yang boleh dilatih di sepanjang tahun adalah lebih kurang 17,000 hingga 18,000 anggota. Jumlah ini akan dapat dipertingkatkan setelah siapnya dua buah lagi pusat latihan, satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak. Di Sabah dalam pembinaan dan di Sarawak sedang dalam perancangan. Kerajaan sedang mengkaji sejauh mana dapat dipertingkatkan kemudahan latihan supaya lebih ramai lagi ahli RELA dapat dilatih dalam tempoh yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan kuasa kepada RELA bagi menangani masalah pendatang asing sedang dalam proses pewartaan. Sebelum perkara ini diwartakan, RELA belum lagi menjalankan operasi membanteras jenayah secara bersendirian. RELA hanya akan dapat melaksanakan operasi setelah kuasa ini diwartakan.

Pembanjiran pendatang tanpa izin merupakan satu ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan negara. Penglibatan RELA amat diperlukan bagi mengatasi masalah kekurangan anggota penguatkuasaan di jabatan-jabatan Imigresen Malaysia dan Polis. Penurunan kuasa yang diberikan kepada RELA bukanlah semua anggotanya tetapi terhad kepada 212 orang Pengarah dan Pegawai RELA yang dipilih.

Mereka yang diberikan kuasa telah menghadiri kursus asas Pegawai Kanan Imigresen. Gejala penyalahgunaan kuasa tidak terbatas kepada mana-mana jabatan. Harus diingatkan bahawa amnya RELA melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara dengan sifat sukarelawan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang dikumpulkan oleh anggota RELA adalah hasil dari risikan mereka sendiri di mana mereka juga ahli

masyarakat setempat. Makluman yang mereka perolehi adalah maklumat dari akar umbi yang mana darjah kesahihannya adalah tinggi dan tepat.

Dari pengalaman operasi bersepadu di masa lampau didapati gandingan kerjasama RELA dengan Jabatan Imigresen Malaysia pada umumnya telah menghasilkan pencapaian yang cemerlang. Cadangan Yang Berhormat bagai Jasin untuk menubuhkan Unit Perisikan RELA amatlah dialu-alukan dan telah pun diambil kira dalam penstrukturan semula pasukan RELA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai isu penayangan filem '*Passion of Christ*', beliau mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula penayangan filem ini agar ia dapat ditayangkan di pawagam-pawagam awam.

Tuan Yang di-Pertua, isu Nabi dan Rasul adalah sesuatu yang sensitif bagi masyarakat Islam yang merupakan majoritinya rakyat negara ini. Nabi Isa alaihissalam adalah seorang daripada 25 orang Rasul dalam Islam. Agama Islam menegah wajah-wajah Tuhan atau Rasul atau para Nabi dilakarkan atau digambarkan di mana-mana sahaja termasuk lakonan filem.

Dalam hubungan ini, apabila filem '*Passion of Christ*' ditapis, kerajaan telah menggunakan prinsip yang sama iaitu pemaparan wajah Nabi dan Rasul dalam apa juga bentuk sekalipun adalah dilarang. Sebagai contoh, sebuah filem '*The Messenger of God*' yang mana Anthony Queen berlakon sebagai Nabi Muhammad s.a.w. telah tidak dibenarkan masuk ke negara ini walaupun ia diterbitkan oleh orang Islam daripada Libya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga filem-filem yang berbentuk dakwah kepada orang-orang Islam yang dipaparkan di kaca televisyen khususnya di bulan Ramadan walaupun ia mempunyai cerita Rasul dan Nabi namun gambar-gambar ini tidak memaparkan wajah Rasul dan Nabi yang berkenaan. Oleh kerana itu penayangan '*Passion of Christ*' untuk tontonan umum adalah suatu perkara yang amat sensitif di kalangan umat Islam di negara ini.

Maka kerajaan berpendapat filem ini hanya sesuai untuk ditonton oleh penganut-penganut agama Kristian sahaja. Oleh itu kerajaan telah mengizinkan filem ini ditayangkan di negara ini tetapi hanya untuk penganut-penganut agama Kristian sahaja di pawagam-pawagam yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh di dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan menyusulnya secara bertulis dan jika Ahli-ahli Yang Berhormat memerlukannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kementerian Pelajaran sila jawab.

3.24 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan mengenai dengan Kementerian Pelajaran saya dapati seramai 45 orang telah mengambil bahagian bagi membahaskan dan berbincang serta memberi segala macam cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak seluruh warga Kementerian Pelajaran, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang terus memberikan peruntukan yang terbesar untuk sektor pelajaran dan latihan daripada keseluruhan peruntukan Bajet 2005.

Setelah diberi mandat besar oleh rakyat, kerajaan telah membuktikan bahawa kepercayaan rakyat tidak dipersia-siakan untuk membangunkan negara khususnya sektor pelajaran sebagai pemangkin kemajuan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sehubungan itu juga isu-isu pendidikan terus mendapat perhatian di sepanjang perbahasan Bajet 2005 di Dewan yang mulia ini, dan saya amat menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan, saranan malah teguran membina demi menambahbaikkan sistem pelajaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bahagikan tajuk-tajuk perbincangan saya ini ke beberapa tajuk besar. Pertama mengenai dengan hala tuju pendidikan negara. Meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pelajaran masih merupakan agenda Kementerian Pelajaran seperti mana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010. Memang mudah untuk Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor untuk mendakwa bahawa sistem pelajaran negara tidak mencapai matlamat seperti yang diharapkan dan mencadangkan agar ia dirombak.

Saya memahami apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dan buat masa ini apa yang kita anggap yang kita lakukan ini adalah yang terbaik dan kita lihat sekiranya ada apa-apa kelemahan itu kita akan perbaiki. Jadi, apa pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor untuk sistem pelajaran negara di “*overhaul*”, saya rasa buat masa ini tidak *globe*. Sebaliknya dari masa ke semasa Kementerian Pelajaran menambah baik sistem yang sedia ada mengikut kesesuaian semasa dan Program Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010 adalah bukti bahawa kementerian ini mempunyai fokus ke manakah arah tuju pendidikan kita yang hendak dibawa. Hala tuju kita adalah mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi dengan izin, *global player* dengan mempunyai ciri-ciri yang seimbang dan unggul seperti jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing serta kreatif.

Bagi mengatasi kelemahan yang ada usaha penambahbaikan bukan sahaja dalam bentuk fizikal, tetapi juga bukan fizikal termasuklah menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan dan memastikan kurikulum adalah relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Aktiviti ko-kurikulum juga diberi penekanan sebagai langkah untuk menyokong usaha ke arah melahirkan insan yang seimbang dan tenaga kerja yang berkualiti dengan menyediakan kemudahan ko-kurikulum yang lengkap bagi membolehkan potensi bakat dan minat pelajar dipupuk dan diperkembangkan.

Di samping itu, bagi menyediakan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT, seperti juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai, kementerian ini terus berusaha menyediakan keperluan fizikal dan bukan fizikal untuk membolehkan penggunaan ICT pada semua peringkat organisasi pelajaran. Untuk tujuan tersebut kementerian telah menggariskan tiga dasar utama ICT dalam pendidikan iaitu:-

- (i) *literacy* ICT untuk semua pelajar;
- (ii) peranan dan fungsi ICT dalam pendidikan dan alat P&P; dan
- (iii) menekankan penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mahathir bin Mohd. Khir: Bagi tujuan tersebut kementerian mempunyai pembangunan infrastruktur ICT termasuklah program *literacy* komputer di sekolah, *My School Net*, pengenalan mata pelajaran ICT, projek rintis Sekolah Bestari dan juga pembinaan makmal komputer.

Mengenai Laporan Murad yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam hal ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bukit Mertajam.

Dato' Mahathir bin Mohd. Khir: Boleh atau tidak saya habiskan. Sekejap sahaja, saya bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi. Sila duduk dahulu. Sila duduk dahulu. Minta.

Dato' Mahathir bin Mohd. Khir: Mengenai Laporan Murad yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam hal ini, kerajaan juga perlu berhati-hati untuk melaksanakan syor-syor yang dicadangkan oleh kerana ia melibatkan aspek-aspek kewangan dan juga perundangan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa sistem pendidikan atau pelajaran kita adalah masih baik sekali, sempurna untuk mengeluarkan tenaga kerja yang memadai pasaran. Tetapi bagaimana boleh terjadi ada lebih kurang 50,000 lebih siswazah yang tidak dapat pekerjaan kerana kelemahan dalam beberapa *skill*. Bukankah ini menunjukkan bahawa sistem pelajaran ini mempunyai kelemahan yang besar kerana siswazah lepasan universiti pun perlu menjalani latihan kursus lagi. Bukankah ini ada kelemahan yang besar? Bukan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sahaja, tetapi ada orang-orang lain yang mengatakan, bahawa sistem kita terlalu mementingkan peperiksaan. Kerana terlalu mementingkan peperiksaan, jadi pelajar-pelajar ini tidak mempunyai kreativiti dan mengatakan perlu rombak untuk menyesuaikan zaman dan masa. Jadi, apakah penjelasan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya apa yang saya maksudkan ialah saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Maksud saya Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mempunyai pandangannya sendiri. Memang saya akui, itu

pandangan dia. Tetapi bagi kita untuk “*overhaul* “ maksud saya “*overhaul*” merombak sekali - merungkai keseluruhannya itu, kita tidak sampai ke peringkat itu. Kita terima dan akui sekiranya ada apa-apa kelemahan kita akan tingkatkan, kita akan baiki kelemahan sekiranya ada kelemahan.

Sebab itu saya terus-menerus *stress* mengenai dengan yang ini daripada penggal yang lepas lagi, iaitu pembangunan pendidikan 2001 sampai 2010. *[Menunjukkan sebuah buku]* Masih kita buat. Ini fokus kita. Jadi, dalam pelaksanaan mungkin ada kelemahan. Itu saya akui sendiri. Tetapi untuk Yang Berhormat mengatakan, bahawa ia tidak sempurna oleh kerana melahirkan graduan yang tidak dapat kerja, dia tidak ada kreativiti, misalnya, baik kita ambil beberapa langkah.

Saya terus terang mengatakan kepada Yang Berhormat nanti setelah saya selesai ini baru Yang Berhormat berasa yakin apa yang sedang kita lakukan. Bagaimana? Misalnya, saya ambil contoh, ya? Di peringkat sekolah menengah lagi kita tahu sebahagian besar daripada pelajar kita tidak akan ke IPT misalnya. Jadi, kita terus memberi kursus-kursus yang berlandaskan kepada kemahiran iaitu seperti pengenalan MPV. Ini akan saya *stresskan* – mengenai MPV.

Di sini MPV bukan *multi purposed vehicle* – Mata Pelajaran Vokasional, itu dia. Mengenai dengan persepsi orang ramai mengatakan, bahawa sistem kita lebih menekankan kepada peperiksaan, atau dengan izin *examination oriented*. Jadi, semua orang semacam *rat raced*, dengan izin iaitu anak dapat 5A, anak 10A, anak 20A dan sebagainya. Ini membimbang dan menakutkan. Satu – macam kita kata fobia di kalangan ibu bapa mengenai dengan keputusan peperiksaan anak-anak mereka. Kita hendak hilangkan persepsi ini. Sebab itu sekarang ini kita hendak membentuk bagaimana anak-anak tadi daripada sekolah rendah. Sebab itu sekarang kita menekankan tentang soal ko-korikulum dan juga daripada sekolah rendah kita bawa balik soal muzik, teater, pasukan beruniform dan sukan supaya dia menjadi macam pembentukan personaliti. Itu yang kita fokus. Memang kita akui ada kelemahan. Saya tidak kata 100% dengan izin.

Saya teruskan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menunjukkan Laporan Rancangan Sepuluh Tahun 2001 – 2010 tetapi nampaknya laporan itu sudah *outdated*.

Tadi Yang Berhormat ada menyebut mengenai perlunya masa untuk mengkaji syor-syor Laporan Murad mengenai implikasi-implikasi kewangan. Kita tahu bahawa kajian Laporan Murad ditubuhkan pada akhir tahun 2002 dan kemukakan kepada kerajaan lebih daripada satu tahun daripada sekarang. Lebih satu tahun! Kenapa sampai sekarang laporan itu tidak dibenteng sama ada dalam Dewan yang mulia ini atau diumumkan supaya ia boleh dikaji oleh segala lapisan masyarakat sama ada pendidik-pendidik, ibu bapa, guru-guru dan lainnya. Kenapa? Apa yang perlu disembunyikan?

Oleh kerana laporan Tan Sri Murad atau kajian Tan Sri Murad itu pernah disifatkan sebagai satu kajian pendidikan yang sangat penting sekali dalam sejarah pendidikan di tanah air kita. Kenapa sudah lebih daripada satu tahun laporan itu tidak dikemukakan dan diumumkan? Bukankah ini bererti laporan *ten years plan* itu sebenarnya *outdated*, yang memerlukan sampai dua tahun satu jawatankuasa Tan Sri Murad untuk menggantikan laporan itu, kenapa? Boleh bagi sebab?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan Laporan Murad - saya tidak tahulah Laporan Murad mengenai dengan sekolah agama ataupun yang pada keseluruhan. Tidak apalah. Apa sekalipun laporan yang sebenarnya ada perkara-perkara yang telah kita masuk. Sebenarnya buku pembangunan pendidikan yang saya tunjukkan kepada Yang Berhormat ini ialah mengenai dengan perancangan kita.

Ini bukan satu laporan, apakah yang sudah kita capai atau apa yang kita belum capai lagi, tetapi ini adalah perancangan kita iaitu peringkat demi peringkat apa yang kita hendak lakukan misalnya sekolah rendah, menengah sehinggalah ke peringkat atas. Inilah yang kita mahu.

Dalam usaha kami melakukan itu semua ialah dengan tujuan untuk kita menuju ke arah yang kita hendak tuju tadi. Objektif kita memang tepat. Tetapi saya kata juga kepada Yang Berhormat tadi, kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan itu memang terdapat. Umpamanya macam tadi, ICT yang saya katakan. Kita sebut ICT tetapi dalam perjalanan itu ada kelemahan dan kita baiki. Umpamanya, saya beritahu kepada Yang Berhormat yang mana kita tidak masuk iaitu *software* dengan izin,

software untuk kanak-kanak yang kurang upaya pendengaran misalnya. Ada guru kita boleh keluar hari ini dan kita amat bertuah. Terima kasih kepada cikgu itu yang menghasilkan *software* itu yang menggunakan ICT, anak-anak yang kurang upaya pendengaran dapat menggunakan ICT dengan bahasa-bahasa isyarat. Itu saya ambil contoh, misalnya.

Dalam perjalanan itu ada kelemahan. Yang inilah yang hendak kita perbaiki. Laporan *suggestion* misalnya dari segi perkhidmatan guru misalnya, macam Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai dengan *stress*, yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu mengenai dengan jawatan-jawatan tadi.

Kita akui itu sebahagian daripada apa yang kita maksudkan sebagai insentif untuk dia menjadi pemangkin kepada perkembangan pertumbuhan perkhidmatan perguruan. Kita hendak memperkasakan perkhidmatan perguruan. Kalau guru seronok anak kita seronok. Kalau guru tidak seronok apa akan terjadi kepada anak-anak kita. Tidak apalah. Saya akui Yang Berhormat boleh kemukakan apa-apa cadangan dan kita akan teliti. Begitu juga dengan perancangan yang kita buat di sini juga adalah atas nasihat *educationist*, atas nasihat rungutan ibu bapa dan sebagainya. Semua dikumpul dan diambil kira dan ini kita telah lakukan sebagai bentuk program.

Tuan Lim Kit Siang: Saya menunggu. Yang Berhormat Timbalan Menteri lari dari tajuk (*subject*) Laporan Tan Sri Murad. Kenapa? Apa perakuan-perakuan atau ciri-ciri pertama? Sekurang-kurangnya kita ada hak untuk tahu. Kenapa lebih dari satu tahun enggan untuk ada satu perbahasan yang terbuka? Adakah benar antara perakuan-perakuan (*recommendations*) ialah bagaimana bukan sahaja sekolah rendah kebangsaan menjadi sekolah pilihan pertama, tetapi juga akibat dari semangat itu meneruskan sikap diskriminasi terhadap SRK(C) dan SRK(T) sehingga sekarang kita mahu meneruskan penubuhan sekolah-sekolah baru untuk SRK(C), sungguhpun ada *demand* di mana Sekolah Damansara Chinese Primary School tidak dibenarkan untuk dibuka semula. Bolehkah kita tahu apa *recommendations* dan ciri-ciri utama dalam Laporan Tan Sri Murad? Kenapa mahu disembunyikan lebih daripada satu tahun?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik Yang Berhormat, sebenarnya kita sembunyi, apa benda yang kita hendak sembunyi malah apa yang kita lakukan kita berasas kepada Akta Pendidikan 1996, di situ sudah tertera segala-segala-galanya. Begitu juga dengan laporan tadi apa benda yang kita hendak sembunyikan, kita tidak sembunyi, *recommendation* itu saya rasa telah pun macam setengah-setengahnya kita

masuk itu, tetapi saya akui Yang Berhormat mengatakan bahawa mengapa tidak ia di bahas dalam Dewan ini. Kita rasa belum selesai lagi mengenai dengan sekolah agama dan sebagainya itu juga mesti diambil kira.

Jadi Yang Berhormat bangkit Sekolah Damansara, saya rasa mengenai dengan Sekolah Damansara itu sudah selesai Yang Berhormat, kita sudah bagi satu sekolah baru, guru terlatih, kawasan indah kemudian pula di kawasan, saya rasa lebih baik daripada sekolah-sekolah lain, jadi tidak usahlah ungit-ungkit lagi dan saya tahulah anak-anak kita pun sudah masuk sekolah dan saya rasa itu adalah satu keadaan yang baik dan selesa jadi saya rasalah, tidak apalah apa-apa Yang Berhormat hendak syor di sini kepada itu saya akan ambil catatan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai ini juga Yang Berhormat? Kalau tidak kita lewat Yang Berhormat, ya. Okey.

Tuan Lim Kit Siang: Cadangan-cadangan saya, soalan bukan cadangan saya, tetapi saya mahu tahu apa cadangan-cadangan dalam laporan Tan Sri Murad dan sungguhpun separuh adalah diteliti dan dikaji, sepatutnya laporan itu diumumkan bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi orang ramai yang pertama, yang kedua Damansara Chinese Primary School bukan selesai, Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada kata ini masalah mengenai pembukaan semula Damansara Chinese Primary School akan menjadi satu isu dalam pakej Rancangan Malaysia Kelima yang di hadapan, kenapa satu sekolah sahaja perlu menjadi satu pakej dalam rancangan pelajaran lima tahun yang akan datang apabila dalam lima tahun ini beratus-ratus sekolah rendah kebangsaan sudah dibina, apa rasional dia, kenapa perkara ini tidak boleh diselesaikan dalam sekarang dan bukan tunggu lagi lima tahun oleh sebab Yang Berhormat Menteri Pelajaran kata, perkara ini akan ditangani di masa depan, idea pelan yang akan datang perkara ini belum di selesaikan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa mengenai dengan SJKC dan SJKT, saya rasa soal diskriminasi tidak timbul, saya tahu hari itu dibangkitkan mengenai dengan pertambahan peruntukan dan sebagainya, dalam hal ini misalnya dari segi peruntukan pembinaan sekolah-sekolah baru yang itu yang ditimbul kerap kali, yang ini juga telah pun kita bangkit berkali-kali dan kita bincang, saya memahami akan hakikat itu dan kalau Yang Berhormat menyatakan

pada kita saya rasa sedihlah kalau Yang Berhormat terus-menerus mengatakan bahawa kita mendiskriminasikan sekolah jenis kebangsaan.

Saya rasa yang ini tidak timbul Yang Berhormat, saya mintalah, pohonlah kepada Yang Berhormat jangan kita mempolitikkan keadaan yang mana kita timbulkan diskriminasi sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil malah kita juga dari segi peruntukan, kita ada peruntukan, kalau yang mana sekolah daif dan sebagainya juga kita beri peruntukan. Begitu juga sekolah yang baru-baru ini timbul tidak selamat, kita juga telah mengambil langkah tertentu untuk menjamin sekolah-sekolah ini selamat. Saya berharap Yang Berhormat, kita akan bincang apa dia benda-benda....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dungun bangun Yang Berhormat. Dungun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey. Mengenai dengan ini juga, saya banyak ini kita hendak jawab.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya undi Yang Berhormat baru ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Aah.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya isu ini kita tak dapat nafi sebagai - terima kasih kerana beri laluan tentang sekolah rendah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan malah masalah ini adalah masalah perjanjian kita di peringkat awal. Kadang-kadang saya nampak berlaku diskriminasi kepada sekolah kebangsaan yang diadakan oleh kerajaan dan kerajaan saya nampak terlampau defensif kepada pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk kumpulan-kumpulan NGO dan parti pembangkang sedangkan tidak ada satu negara yang terbaik yang dirantau ini yang telah menyediakan prasarana pendidikan, mungkin ada sedikit-sedikit sebanyak kelemahan-kelemahan yang kita perbaiki dari masa ke semada. Kalau boleh izinkan saya bertanya kepada kementerian, oleh kerana isu ini adalah satu isu yang agak sensitif sebenarnya. Tetapi apakah tidak ada permulaan kepada kerajaan kita kerana satu muafakat kita bagaimana hendak integrasikan sekolah kebangsaan kita, kadang-kadang dia rasa sekolah kebangsaan ini seperti sekolah Melayu. Sebenarnya sekolah kebangsaan ialah sekolah kebangsaan, sekolah nasional yang harus dilihat sebagai menjadi tempat persekolahan semua anak-anak Malaysia kita yang berumur tujuh tahun hingga ke berapa tahun, seolah-olah sekolah kebangsaan itu sekolah Melayu, sedangkan sekolah kebangsaan bukan sekolah Melayu ianya adalah merupakan sekolah nasional negara kita.

Kadang-kadang kalau sekolah kebangsaan Cina ataupun Tamil ianya dipolitikkan oleh beberapa kumpulan sedangkan muafakat kita dalam gagasan Barisan Nasional kita telah bersetuju sebenarnya. Tetapi bolehkah kita lebih proaktif sedikit untuk kita memikirkan bersama kerana kita merupakan pemimpin untuk masyarakat masa depan dalam membentuk satu bentuk perpaduan nasional, supaya bagaimanakah bentuk bersama-sama kita semua bangsa di negara kita pemimpin-pemimpin tertinggi memikirkan supaya kita mulakan satu kaedah bagaimana hendak integrasikan sekolah-sekolah ini, mungkin wawasan tidak sesuai, mungkin dalam bentuk lain, mungkin kita akan mengambil masa 10 atau 20 tahun. Tetapi suatu permulaan kepada usaha kerajaan supaya tidak timbul lagi sekolah kebangsaan itu hanya milik orang Melayu, Sekolah jenis kebangsaan Tamil milik orang India dan sekolah kebangsaan jenis kebangsaan Cina milik anak-anak Cina, sedangkan dalam pembentukan satu gagasan baru perpaduan nasional harus kita lihat dalam bentuk lebih besar.

Jadi berkemungkinan oleh kerana saya seorang Melayu mungkin dia dilihat dalam bentuk yang lain tetapi saya melihat untuk generasi akan datang supaya ada satu permulaan kepada kes ini terutama sekali penyediaan anak-anak kita di semua peringkat bagaimanakah bentuk sebenarnya, adakah satu forum, adakan satu kaedah macam mana kita boleh *integratekan* satu sistem, jadi tidak banyak mungkin ada sekolah kebangsaan tetapi ada ciri-ciri sekolah jenis kebangsaan yang ada di dalamnya.

Jadi boleh Yang Berhormat cuba ceritakan kepada kita untuk ianya penyelesaian jangka panjang mungkin tidak boleh buat dalam masa setahun dua tetapi jangka panjang macam mana, mesti ada permulaan kalau tidak kita tidak akan berakhir dengan isu-isu seperti ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya untuk menjawab perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat, sebab itu saya belum habis lagi saya punya pembentangan yang mana saya juga menyentuh tentang memperkasakan sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat telah mengingatkan saya bahawa permuafakatan di dalam Barisan Nasional telah membuat satu ketetapan dan persetujuan sebab kita diterima secara suara majoriti dalam Dewan ini.

Oleh itu kita juga hendak memastikan prinsip demokrasi, hak majoriti itu dilaksanakan. Sebab itu macam saya katakan persetujuan telah dicapai, Alhamdulillah dicapai maknanya kita mengadakan Akta Pendidikan 1996 dengan pindaan sekali yang mana telah dimasukkan sekolah jenis kebangsaan sama ada Cina mahu pun Tamil, itu kita izinkan tetapi mesti kita ingat, rata orang akan ingat bahawa hanya bahasa pengantar di sekolah rendah itu sahaja diizinkan dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, itu sahaja. Kurikulum tetap kurikulum kebangsaan, gurunya juga dilatih oleh kerajaan, segala ketetapan perkhidmatan guru juga ditetapkan oleh kerajaan, itu saya rasa sudah sampai peringkat di mana kita akan langkah satu lagi peringkat, inilah yang saya akan masukkan kemudian mengenai dengan melaksanakan ataupun memperkasakan sekolah kebangsaan. Izinkan saya saya hendak teruskan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang akhir ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu menganggap Sekolah Kebangsaan sebagai Sekolah Melayu tetapi oleh kerana kita dalam iklan pelancongan di dunia kata kita *Instant Asia*. Bukankah kita sudah sampai masanya di mana kita tidak menganggap Asia SJK (C) sebagai Sekolah Cina? Oleh sebab ada 60,000 bukan murid-murid bukan Tionghua yang ada memasuki sekolah-sekolah SJK (C) dan jangan kita menganggap SJK (C) sebagai sekolah Cina atau SJK (T) sebagai sekolah Tamil, semua sekolah-sekolah Malaysia dan tadi Yang Berhormat sendiri ada berkata semua silibus, semua kurikulum, semua sikap semangat ialah ala *Malaysian*. Jangan kita menganggap mereka itu, sekolah Cina atau sekolah Tionghua, semua sekolah-sekolah Malaysia dan integrasi boleh berlaku bukan sahaja dalam Sekolah Kebangsaan tetapi pun dalam sekolah Tionghua dan Tamil pun. Itu patutlah satu sikap yang baru, *Instant Asia*.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tetapi apa yang kita secara realiti, secara realiti betul. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamilkah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cinakah, Sekolah Kebangsaan, semuanya adalah menggunakan peruntukan daripada kerajaan. Yang itu harus kita ingat sebab itu yang jenis itu hanya kerana dia *medium of instruction*, dengan izin, itu sahaja.

Saya teruskan juga balik, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Yang Berhormat bagi Air Hitam yang memberi

yang memberi banyak saranan dan idea yang bernas mengenai memperbaiki sistem pendidikan negara. Kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang kita tahu merupakan tokoh dan pengurus dalam dunia pendidikan yang begitu berpengalaman, pandangan beliau tetap diambil kira. Antaranya beliau telah menyarankan agar sistem pembelajaran mesti menekankan kemahiran berfikir dan melahirkan pelajar yang kreatif. Yang ini telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah pun menyemak semula kurikulum KBSR dan KBSM selaras dengan keperluan semasa. Langkah penggunaan ICT juga merentas kurikulum dan pengenalan mata pelajaran *literacy* ICT yang juga akan membolehkan pelajar celik IT dan kemahiran ini dapat membantu murid.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Kementerian Pelajaran juga telah mengubah cara baru menilai prestasi murid mulai tahun 2004. Penilaian prestasi murid dilakukan secara lebih terperinci supaya kekuatan dan kelemahan murid dalam setiap mata pelajaran dapat dikesan dan guru dapat mengenali murid secara lebih dekat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan saya harap ini dapat menjawab pertanyaan Yang Berhormat tadi. Isu perpaduan dan memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) memang saling berkaitan. Menyentuh perkara tersebut Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menggesa agar usaha sekolah yang baik dan memperkasa SK disegerakan kerana SK dikatakan tidak menjadi pilihan utama terutama sekali masyarakat kaum Cina.

Yang Berhormat Kota Melaka juga menyarankan tentang perlunya satu dasar pendidikan yang saksama untuk mencapai perpaduan nasional. Kerajaan memang berusaha untuk memperkasa SK dan seterusnya menjadikan sebagai pilihan utama untuk semua kaum bagi mewujudkan perpaduan nasional. Oleh itu saya minta apabila kita bercakap mengenai dengan pelajaran dan perpaduan nasional hendaklah pelajaran itu tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak. Bila kita politikkan, hendak dapat perbatuan hendak memenangi pilihan raya tidak perlu. Misalnya...

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apa, sekejap, sekejap saya habiskan ini, tidak mengapa Bukit Mertajam, sekejap, sekejap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik. Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah di laksana secara berperingkat. Antaranya ialah memperkukuh kurikulum yang saya telah sebutkan tadi. Kemudian kita juga memperluaskan pelaksanaan pengajaran bahasa ibunda dan bahasa tambahan meliputi bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di SK, melantik guru besar yang boleh membuat perubahan dan membina kecemerlangan kepada sekolah termasuk guru besar tadi. Antara lain Yang Berhormat bagi Santubong juga membangkitkan mengenai dengan PIBG juga, yang ini telah pun kita minta supaya peranan PIBG dapat diperluaskan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri laluan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan apa ini Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Integrasi dan perpaduan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Sini dahululah ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah? Sayalah dahulu, pasal kes ini...

Puan Chong Eng: Sri Gading, nanti, nanti....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: memang DAP suka sangat....

Puan Chong Eng: Sudah bagi, sudah bagi, hmm!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebab itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan main isu ini. DAP memang suka dipolitikkan perkara ini.

Puan Chong Eng: Nantilah, Sri Gading, Sri Gading nantilah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading sila duduk, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum, selepas ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dah DAP tadi Tuan Yang di-Pertua, biarlah Barisan Nasional pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Timbalan Menteri. Pagi tadi, pagi hari ini Yang Berhormat bagi Ketereh mengatakan bahawa SAR merupakan satu pilihan untuk ibu bapa orang Melayu yang ingin menghantar kepada sekolah ini, kerana lebih suka suasana di SAR, ini adalah satu pilihan. Jadi begitu jugalah SRJK (C) dan SRJK (T) ini adalah pilihan. Saya rasa kita ini memanglah kita katakan ini Malaysia adalah masyarakat majmuk, jadi apa salahnya ada sekolah yang berlainan dan ia tidak menjejaskan perpaduan kerana kita lihat hari ini walaupun dari sekolah-sekolah aliran yang berlainan, masih setia kepada negara ini dan memberi sumbangan kepada negara ini.

Jadi yang saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa kalau kepada pergi ke SK bukan tidak baik, tetapi akhirnya pelajar yang akan hanya menguasai dua bahasa sahaja, Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Tetapi kalau melalui SRJK (T), dia akan tambah satu bahasa Tamil, kalau SRJK (C) dia tambah satu lagi ialah bahasa Mandarin, itulah jadi sebabnya kelebihan, lebih-lebih lagi pada masa sekarang di mana penguasaan berjenis-jenis bahasa adalah sangat penting dalam persaingan di dunia ini. Mengapa ada graduan, ramai graduan yang tidak dapat kerja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, baik, baik.

Puan Chong Eng: ..kerana tidak pandai bahasa Inggeris kerana tidak pandai bahasa Mandarin atau Tamil?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, baik.

Puan Chong Eng: Jadi apa salahnya untuk semua ini, kita jadikan Malaysia sebagai betul-betul *Asia, Truly Asia* bukan dari pelancongan sahaja tetapi dalam pelajaran juga, apa salahnya, apa ruginya? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak ada apa-apa rugi Yang Berhormat, yang kita dok buat itu apa yang Yang Berhormat dok bercakap itu, sudah kita buat. Jadi macam tadi hendak masuk ke Sekolah Kebangsaan misalnya Sekolah

Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan memang ibu bapa diberi pilihan, dia hendak buat tetapi sesetengah sekolah macam kita kata begitu jauh. Jadi kita kata pilihan yang paling dekat ialah sekolah apa yang ada? Sebab itu kita kata hendak mempromosikan bahasa-bahasa ibunda di sekolah-sekolah kebangsaan juga kita izin untuk diadakan kemudahan bahasa ibunda. Malah ramai orang tidak tahu bahawa Sekolah Kebangsaan kita boleh mengadakan ajaran bahasa-bahasa ibunda tadi. Tengok di Sabah dan Sarawak pun kita buat. Jadi Yang Berhormat sebab persepsi orang apabila kata Sekolah Kebangsaan, Oh! Bahasa lain, tidak ada. Sebab itu saya sebutkan tadi Sekolah Kebangsaan juga kita beri bahasa tambahan hari ini kita ada, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa apa-apa bahasalah, bahasa Arab pun kita ada.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi saya rasa tidak apalah Yang Berhormat boleh komen, tetapi kita buat dan yang penting kita laksanakan. Ya Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak bangkitkan apa tadi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cuma hendak beritahu Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa isu pendidikan ini memang salah satu daripada agenda parti pembangkang. Apa pun yang dibuat oleh kerajaan yang baik-baik ini, dia tetap pusing, dia tetap putarkan. Macam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaslah, di sekolah kebangsaan pun boleh belajar bahasa Cina, boleh belajar bahasa Tamil, boleh belajar bahasa apa pun, itu soalnya, tetapi dia tetap hendak memperjuangkan kononnya dia hendak memperjuangkan Cina itu di sekolah kebangsaan kita.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju. Sekarang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...siapa...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang mana satu peraturan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Diamlah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya punya *floor* sekarang ini, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak sebut siapa-siapa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mentang-mentanglah dia Ketua Pembangkang...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...dia hendak cakap segala-gala.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya punya *floor* sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP memang ini macamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa benda lagi?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa, apa saya kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Peraturan Mesyuarat. Sila duduk, sila duduk. Sila duduk, ada Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Apa bising-bising, ini bukan *floor* dia.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semua orang tahu, satu dunia tahu, isu lainlah.

Seorang Ahli: Apa dia bising di sana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekarang ini memang ada kebebasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...kalau saya hendak hantar anak pergi sekolah jenis kebangsaan (Cina) pun boleh. Ini terpulang kepada kebebasan rakyat untuk memilih sekolah mana dia hendak. Tidak ada salah dalam negara ini. Apa masalahnya? Kalau saya hendak hantar pergi sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) pun tidak ada masalah. Apa masalahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak beritahu bahawa isu politik atau isu pendidikan ini memang menjadi salah satu agenda penting bagi DAP untuk mengelirukan. Benda yang baik-baik ini sebenarnya hendak dipusingkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya rasa pendirian kerajaan hari ini cukup baik, rakyat faham dan dengan sebab itu rakyat harus diberikan kefahaman supaya tidak terpesong dengan diayah-diayah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...parti pembangkang, DAP misalannya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya rasa ada lagi penyokong-penyokong kita yang kuat. Jadi, mengenai dengan yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengenai sekolah jenis kebangsaan, kita tahu ada juga penuntut-penuntut bumiputera yang memasuki sekolah jenis kebangsaan (Cina). *[Disampuk]* Ada, memang ada, tetapi ini tidak bermakna bahawa kerajaan mendiskriminasikan sekolah jenis kebangsaan (Cina).

Baiklah saya minta saya teruskan kerana panjang sangat, banyak lagi kementerian hendak jawab.

Memperkasa sekolah kebangsaan. Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu...*[Bunyi ketukan pembesar suara]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *My name was mentioned.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengambil *quotation* yang saya perkatakan pagi tadi, kononnya saya mengatakan sesuatu yang boleh dijadikan modal untuk beliau berhujah. Saya hendak buat satu *clarification*, dengan izin, Yang Berhormat, ambil masa, yang saya perkatakan soal Sekolah Agama Rakyat, ia tidak ditanggung oleh kerajaan. Pilihan rakyat ini pergi kepada Sekolah Agama Rakyat yang ditanggung oleh rakyat.

Sekolah rendah jenis kebangsaan ditanggung oleh kerajaan. Soalnya ialah cukup atau tidak cukup sahaja, jauh beza. Jangan guna orang punya modal untuk cari publisiti di sini. Jangan pesongkan Dewan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Betul yang SAR tadi tidak ada kena-mengena dengan SJK(C) dan SJK(T). Tidak ada kena-mengena. Ini soalnya SAR dapat bantuan ataupun tidak. Itu persoalan pertama.

Walaupun begitu saya bangkitkan mengenai dengan sekolah kebangsaan. Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menggesa agar usaha sekolah yang baik memperkasa SK digerakkan.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Kota Melaka membangkitkan perkara itu juga dan di sini saya ingin tegaskan bahawa telah pun kita jalankan beberapa langkah untuk memberi pengukuhan dan memperkasakan sekolah kebangsaan.

Cadangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah agar semua jenis sekolah diperkasakan seperti SK boleh menggagalkan hasrat murni kerajaan. Usaha memperkasa sekolah kebangsaan bukan bermakna kementerian akan mengabaikan sekolah-sekolah atau cubaan untuk menghapuskan, saya ulangi, untuk menghapuskan SJK(C) atau SJK(T). Sebaliknya, SJK(C) dan SJK(T) terus berperanan dalam memberi pendidikan kepada anak-anak yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Yang Berhormat bagi Tebrau juga pohon supaya mengadakan program integrasi nasional. Ini juga telah kita lakukan seperti adanya *campfire* ataupun pertemuan tahunan daerah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bantuan dan program sokongan. Yang Berhormat bagi Kelabakan telah membangkitkan isu pendidikan percuma bagi mengatasi masalah kemiskinan, begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Kanowit dan

Yang Berhormat bagi Kota Belud. Perlu dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya memberi dan menyediakan kemudahan pendidikan secara percuma kepada rakyat. Jadi, dalam hal ini kita tidak pernah pun menyebut tetapi sebenarnya segala macam peruntukan macam bantuan buku teks, bantuan makanan, apa-apa bantuan yang telah kita sebutkan sekali itu ialah dengan harapan tujuan untuk membasmi keciciran di kalangan murid-murid.

Begitu juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau mengenai program susu sekolah, khususnya di kawasan luar bandar juga kita telah mengambil beberapa langkah.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga telah menimbulkan isu mengenai tiada program khusus membantu pelajar cemerlang yang tidak mendapat tempat di kolej matrikulasi. Untuk makluman, pelajar tersebut masih berpeluang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam. Selain itu sekiranya pelajar tersebut memilih untuk memasuki IPTS, mereka boleh memohon pinjaman PTPTN atau pihak penaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan memartabatkan profesion perguruan, ini juga langkah-langkah telah pun kita ambil dan perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Sekijang, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Johor Bahru yang mana pada masa ini kementerian sedang mengkaji isu-isu yang timbul akibat pelaksanaan perjawatan tersebut seperti kedudukan Pengarah Pelajaran Negeri yang hanya memegang gred DG54 sedangkan terdapat Pengetua Sekolah yang memegang jawatan gred Jusa C sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Kementerian juga sedang meneliti peluang pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan yang tidak mengajar di sekolah, sebaliknya bertugas sebagai pensyarah di maktab perguruan, Institut Aminuddin Baki dan juga bertugas di bahagian atau jabatan di bawah Kementerian Pelajaran seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Lipis.

Yang Berhormat bagi Lanang telah juga menggesa agar kerajaan mengiktiraf 62 sekolah menengah swasta Cina supaya kita dapat mengatasi persoalan kekurangan guru bahasa Cina. Sebenarnya ini bukan soal pengiktirafan ataupun tidak. Soalnya ialah mengapa kita amat berkurangan mereka yang bakal menjadi guru dalam opsyen bahasa Cina. Ini yang sedang kita hadapi dan langkah-langkah telah pun

diambil untuk mendapatkan mereka yang berminat di dalam perguruan dalam opsyen bahasa Cina.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbalik semula kepada guru cemerlang tadi iaitu untuk Gred Khas C dan Jusa C sebagaimana cadangan saya pada minggu lepas di mana kita hanya menekankan kepada Kementerian Pelajaran sahaja tetapi di dalam kementerian-kementerian lain seperti mana dalam MARA, Kementerian Belia dan Sukan, mungkin juga dalam Kementerian Sumber Manusia juga ada terdapat guru-guru yang berkhidmat dalam keadaan yang sama. Jadi, saya ingin tahu sama ada mereka ini juga berkelayakan ataupun diberi peluang juga untuk ke jawatan yang disebut itu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Betul Yang Berhormat. Sebab itu kita bangkitkan tadi mengenai dengan Jusa C tadi, dia boleh kekal sebagai seorang guru ataupun pengetua di sekolah yang berkenaan. Itu yang kita maksudkan. Jadi, memang pada masa yang akan datang sudah tentu saya rasa kita akan perluaskan daripada pos-pos tadi. Misalnya macam tadi kita kata dahulunya kalau kita hendak memegang Jusa C mestilah kita memegang jawatan pentadbiran.

Bila dia pentadbiran, maksud saya dia kena ditukar ke PPD lepas PPD ke JPN, lepas JPN ke kementerian baru dia naik pangkat sampai Jusa C kalau tidak, tidak merasalah dia. Jadi hari ini dengan kelonggaran yang kita lakukan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, maka dapatlah kita naikkan dia walaupun dia masih jadi guru, mengajar maksud saya dan layak untuk dinaikkan pangkat. Malah hari ini pun beberapa sekolah antara mereka telah naik kepada DG2, DG1 pun ada sesetengah sekolah, yang mana tidak perlu dia pergi kepada jawatan pentadbiran. Terima kasih kerana Yang Berhormat komen tadi.

Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang Berhormat Gelang Patah juga membangkitkan mengenai dengan guru-guru di kawasan luar bandar. Ini juga langkah-langkah yang telah kita lakukan, iaitu dengan kita katakan memberi bermacam-macam insentif untuk guru-guru baru terlatih untuk pergi ke kawasan pedalaman. Ini juga telah dilakukan. Begitu juga dengan Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Ipoh Timor juga mengenai dengan - kementerian ini sentiasa berusaha untuk membaiki profesion perguruan.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah membangkitkan dan mengambil kira sensitiviti kaum dan agama apabila beliau mencadangkan penempatan lebih ramai

guru beragama Kristian. Saya di sini ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa penempatan guru ke sesebuah sekolah tidak mengambil kira agama guru tersebut sebaliknya kekosongan opsyen sesebuah sekolah. Dahulu kita bercakap pasal kaum, hari ini hendak cakap pula mengenai dengan agama. Ini tidak pernah kita lakukan. Ia berdasarkan kepada kelayakan dan opsyen seseorang itu.

Begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Titiwangsa membangkitkan bilangan guru di sekolah rendah sehingga 31 Januari 2004, yang mana di sini kita ingin sebutkan iaitu seramai 179,622 dan daripada jumlah tersebut 59,500 guru lelaki dan 120,064 guru perempuan. Manakala bagi sekolah menengah pula bilangan guru ialah seramai 130,372 dan daripada jumlah tersebut ini jangan pengsan ya, 46,557 adalah guru lelaki dan 83,815 guru adalah daripada guru perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan teknik dan vokasional serta kemahiran. Bagi melahirkan tenaga mahir dan separa mahir bidang pendidikan teknik, vokasional dan kemahiran perlu diberi penekanan. Di sini Kementerian Pelajaran memang amat bersetuju dengan kenyataan ini bahawa agenda kementerian ini untuk memperluaskan pendidikan yang berbentuk vokasional. Antara Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini ialah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Ini adalah langkah-langkah yang saya sebutkan untuk menubuhkan kemahiran. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya rasa inilah langkah yang kita ambil.

Untuk makluman pada masa ini terdapat 90 buah Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan daripada jumlah tersebut 69 buah SMT menawarkan aliran vokasional dan kemahiran di samping aliran teknik, manakala selebihnya menawarkan aliran teknik sepenuhnya. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti enam buah SMT yang dimasukkan dalam RMK 8, tetapi telah ditangguhkan pembinaannya akan dibina dalam RMK 9 iaitu SMT Kuala Berang, Terengganu, SMT Beaufort, Sabah, SMT Pekan, Pahang, SMT Sabak Bernam, Selangor, SMT Changkat Jering, Perak dan SMT Mersing, Johor. Jadi tidak betullah tuduhan pihak Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam mengatakan kita tidak memasukkan perkara-perkara sebegini.

Di samping itu Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan mata pelajaran macam saya katakan tadi MPV. Setakat ini sebanyak 332 buah sekolah harian yang dibekalkan dengan 530 buah bengkel telah menawarkan 18 MPV. Bagi tahun 2005 - 99 buah lagi sekolah akan menawarkan 22 buah MPV, seterusnya bagi

setiap tahun bermula 2006 hingga 2010 Rancangan Malaysia Kesembilan, dirancangkan 100 lagi sekolah setiap tahun menawarkan 22 MPV. Mata pelajaran-mata pelajaran yang ditawarkan ialah meliputi bidang-bidang usaha pembinaan, pembuatan, ERT ataupun Sains Rumah Tangga, teknotani yang semalam ini Menteri telah bangkitkan dan aplikasi komputer.

Dengan asas kemahiran yang ada ini, pelajar berpeluang melanjutkan pengajian setelah tamat SPM. Ini bagi mereka yang tamat SPM boleh bekerja kemudian melanjutkan pelajaran lagi sekali. Di sini juga ingin saya nyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa jangan bimbang kalau anak-anak lelaki ditawarkan mengikuti kursus jahitan atau kursus masak-memasak, sebab selepas keluar SPM mereka boleh buka kedai jahit-menjahit dan juga *catering*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan Islam. Isu-isu pendidikan Islam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana selalu beliau membangkitkan perkara-perkara ini. Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Rantau Panjang, dan Yang Berhormat Lipis kepentingan pendidikan Islam memang tetap menjadi keutamaan kementerian ini, dan sehubungan itu langkah-langkah menambah baik dan memperkasa pendidikan Islam terus diambil. Ini adalah sejajar dengan konsep Islam Hadhari sebagai usaha kerajaan untuk mengembalikan umat Islam bermula dari peringkat persekolahan kepada asas menurut Al-Quran dan hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam.

Langkah terbaru kementerian ialah memperkenalkan J-QAF yang memberi penekanan kepada kebolehan murid menguasai jawi, membaca Al-Quran dengan baik dan betul serta memahami sedikit sebanyak bahasa Arab. Sudah tentu untuk memahami serta mempraktikkan fardu ain dalam kehidupan seharian. Untuk makluman projek rintis J-QAF yang bermula.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:pada 19.....Mengenai dengan J-QAF? [Bertanya kepada Rantau Panjang]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Nampaknya ada peningkatan sedikit Timbalan Menteri ini walaupun kalah dalam pemilihan bari ini. Disebut berkenaan dengan pendidikan agama khususnya bahasa Arab. Saya rasa

masih lagi tidak cukup kalau kita membanggakan dengan bahasa Arab, tulisan jawi, dengan baca Al-Quran, tidak cukup dari segi agama.

Pelajaran-pelajaran yang lain patut dimasukkan umpamanya Nahu-Saraf, Imlak dan sebagainya. Banyak lagi mata pelajaran-mata pelajaran. Saya rasa kalau Yang Berhormat hendak tahu yang betul, Yang Berhormat patut tanya Yang Berhormat Pasir Puteh yang belajar di sekolah Arab ini. Sekolah agama lain, sekolah Arab lain. Jauh punya beza ini. Jadi sekolah menengah agama yang dianjurkan oleh kerajaan sekarang ini dari segi agamanya rendah sangat, jauh sekali kalau hendak bandingkan dengan sekolah Arab yang saya maksudkan ini.

Jadi kalaulah tadi yang disebut masalah Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina) jadi penekanan bahasa Cina. Kalau Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) guna bahasa Tamil. Tetapi bahasa Arab yang saya maksudkan ini, bahasa Arab tidak cukup dengan bahasa sahaja, tetapi ilmu. Ilmu agama yang sebahagian besarnya menggunakan bahasa Arab. Jadi kalau bandingkan sekarang ini kita belajar di sekolah menengah agama yang dianjurkan oleh kerajaan hanya satu subjek bahasa Arab, kemudian mata pelajaran agama dua subjek.

Kalau kita belajar di sekolah Arab, walaupun di bawah sekolah menengah agama SAR katakanlah, jauh bezanya banyak lagi perkara-perkara, subjek ataupun mata pelajaran yang tidak ada di sekolah menengah agama kerajaan. Jadi saya hendak tanya pihak kementerian ini kalau betul-betul ikhlaslah hendak meningkatkan pelajaran agama ini, maka sekolah Arab ini penting dan perlu dibimbing. Dan baru-baru ini dikatakan kerajaan tidak berhasrat untuk mematikan Sekolah Arab. Itu betul. Kalau difikirkan betul, macam mana tidak berhasrat untuk mematikan Sekolah Arab? Sekolah ada, ibarat pokok ada, baja tidak dibagi dan tidak disiram dengan air, dengan sendirinya akan mati juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi, saya minta kepada kementerian, cuba bandingkan dengan apa yang dimaksudkan dengan tidak berhasrat untuk mematikan sekolah Arab tetapi tidak memberi bantuan. Bantuan per kapita sahaja yang diminta, guru tidak bagi gaji pun tidak apa, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat sentuh pasal baja ini untuk membajai parti PAS kah? Parti PAS sudah kurang baja sebab itu Kelantan nyaris-nyaris dia hilang kerusi. Kalau Yang Berhormat bangkitkan mengenai kekalahan saya dalam UMNO, itu soal lain. Saya menang Pilihan Raya 1999, saya dapat 12,000 majoriti, kemudian tahun 2004 saya dapat 18,000 majoriti, Yang Berhormat kena ingat itu. Ini soal parti, kalau Yang Berhormat *interested* hendak masuk UMNO, sila. Kita bagi borang, sekejap lagi kita boleh bagi. Sekarang ini *online* pun boleh kita buat [Ketawa]

Mengenai dengan sekolah Arab ini, Yang Berhormat, terus terang saya kata usaha pihak kerajaan kita dari segi agama ini, siapa hendak menjurus kepada aliran agama, kita ada. Sekolah Agama Negeri kita ada, kita ada Sekolah Agama Pusat, kita pun ada Fakulti Islam, yang kita hantar pergi Mesir, pergi Jordan pun kita buat, yang ini tidak pernah disebut oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat lagi-lagi dok ungkit pasal SAR.

Kita juga telah usahakan untuk melaksanakan segala usaha kita untuk memberi segala apa kemudahan. Sebab itu kita telah buat *offer* ataupun tawaran kepada mereka. Jadi sebab itu saya kata, jangan cuba kita mendolak-dalik perkara ini. Yang Berhormat bantu kita, usaha kita. Mengenai dengan Bahasa Arab, kita juga ada Bahasa Arab. Jangan Yang Berhormat kata ini yang kita hendak mengenali J-QAF ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sedikit sahaja, kalau dia tidak ganggu banyak tidak apa. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kalau boleh habiskanlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ah, boleh Yang Berhormat. Saya rasa saya sudah jawab.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Satu sahaja? Okay, okay, satu, satu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagus, kawan, bagi. Yang Berhormat, Yang Berhormat kena banding sedikit, tadi tidak banding. Berapa peratus

pelajar-pelajar berada di luar negara, di Mesir, di Jordan dan sebagainya yang datang daripada sekolah kerajaan, berapa peratus? Kalau hendak bandingkan dengan mereka yang belajar di sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah agama lain, tidak sampai 10% yang daripada sekolah kerajaan. Ini menunjukkan kerajaan perlu membantu sekolah-sekolah agama rakyat ini kerana mereka inilah yang mengeluarkan siswazah-siswazah daripada negara-negara Arab tadi, cuba kita bandingkan.

Saya ada statistik di tangan saya ini, kalau hendak tengok, saya boleh baca satu persatu. Tetapi Yang Berhormat mesti bertanggungjawab. Jangan kita bangga dengan ada 10% yang dibawa oleh kerajaan ke Mesir, ke Jordan dan sebagainya, kita rasa ini adalah hasil daripada Kerajaan Malaysia sedangkan mereka ini datang daripada sekolah-sekolah agama rakyat dan sekarang ini, baru sahaja saya dapati Kelantan telah menghantar berpuluh-puluh, beratus-ratus daripada sekolah agama rakyat ini ke universiti, kadang-kadang berapa sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Betul Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat tidak masuk kira yang masuk fakulti Islam, yang masuk UIA, yang masuk akademi Islam, Yang Berhormat tidak ambil kira.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak juga!

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat ini belajar kira-kira bagi betul-betul dahulu kalau hendak buat satu *argument* dalam Dewan ini. Saya rasa angka-angka Yang Berhormat perolehi itu tidak betul. Boleh jadi sekolah agama boleh jadi sekolah agama negeri, yang sekolah daripada jurusan kerajaan yang kita taja itu. Jadi Yang Berhormat tidak usahlah dolak-dalik di sini. Saya rasa Yang Berhormat tidak usah lagi bangkitkan. Mari kita perhatikan bagaimana kita hendak mendidik anak-anak kita dalam apa jurusan sekalipun. Jadi Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga membangkitkan mengenai dengan SAR, saya rasa telah saya jawab pagi tadi dan tidak perlulah saya bangkitkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan prasekolah, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Rembau, Yang Berhormat bagi Parit Sulung, Yang Berhormat bagi Ketereh telah membangkitkan perkara ini iaitu kelas-kelas ini dari semasa ke semasa, insya-Allah, kita akan pertingkatkan terutama sekali

bila memasuki Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan perluaskan lagi prasekolah ini tadi. Begitu juga Yang Berhormat bagi Rembau membangkitkan perkara-perkara itu. Begitu juga dengan kurikulum prasekolah tadi, sebenarnya mereka kena pakai kurikulum yang telah ditentukan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands juga membangkitkan mengenai dengan itu, telah pun saya jawab.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan program pembangunan sukan juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan saya katakan kita sekarang ini sedang berusaha untuk bagaimana hendak membudayakan sukan di sekolah-sekolah di kalangan anak-anak kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit, ada apa? Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ke belakang sedikit tadi pasal Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menyebut J-QAF ini sepintas lalu sahaja, saya sebenarnya menunggu maklumat yang lebih lengkap daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, langkah kerajaan untuk memperkenalkan J-QAF sepenuhnya bagi tahun hadapan, saya alu-alukan. Tetapi, saya hendak bertanya di sini, sudahkah pihak kementerian membuat persediaan yang lengkap dari segi guru-guru terutamanya kerana kita tidak hendak apa yang terjadi, pelaksanaan mengajar bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Walaupun jawapan daripada pihak kementerian mengatakan pencapaian telah diuji sampai ke tahap 60% keseluruhannya, tetapi kita bimbang juga program J-QAF ini nanti takut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti mana hasrat kerajaan itu jika pihak sekolah khususnya tidak mempunyai guru-guru yang lengkap bagi melaksanakan program ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita buat ini peringkat demi peringkat. Sebab itu kita memulakan projek rintis nampaknya respons begitu baik tetapi sekarang ini kita akan mulakan daripada tahap satu dan tahap dua dan saya percaya seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya anak-anak yang beragama Islam, apabila mereka melepasi Darjah Enam, sekurang-kurangnya mereka boleh mempraktikkan Fardu Ain,

sembahyang dan sebagainya juga boleh ataupun kita katakan khatam Al-Quran, itu harapan kita. Sebab itu kalau kita tidak cuba, kita tidak akan dapatkannya. Jadi oleh kerana kesuntukan masa, saya berharap boleh saya bincang kemudian dengan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembangunan prasarana pendidikan, Yang Berhormat bagi Larut telah mencadangkan agar sekolah model khas dibina di Larut, Perak. Untuk makluman, pada masa ini, sepuluh buah sekolah telah melaksanakan konsep model khas termasuklah sebuah di kawasan Larut iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Redang Panjang. Kementerian Pelajaran sedang mengkaji pelaksanaan sepuluh buah sekolah yang terlibat bagi tujuan perluasan konsep model khas pada masa akan datang.

Mengenai pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi diperluaskan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun, sebanyak 14 buah SBPI telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan manakala 14 lagi akan dilaksanakan dalam RMK-9.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bintulu pula mengenai dengan projek pembangunan SMK Sebauh, memang telah diluluskan dalam RMK-8 dan telah dirunding harga pada 4 September 2002. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan peruntukan dalam RMK-8, projek tersebut akan dilaksanakan dalam RMK-9. Jadi saya berharap Yang Berhormat sabarlah.

Mengenai isu SMK St. Patrick di Sarawak yang dilanda banjir dan dikatakan telah memohon dipindahkan ke kawasan yang lebih tinggi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, kementerian ini telah dimaklumkan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak, setakat ini tiada menerima permohonan tersebut. Kita tidak terima permohonan, kalau kita terima, kita akan teruskan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya ada menulis surat kepada Timbalan Menteri pada sesi yang lepas, saya bagi surat dengan Timbalan Menteri sendiri dan saya sudah bincang dengan Setiausaha Parlimen. Jadi saya hendak tahulah, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak terima, saya balik minggu ini, minggu hadapan saya akan bawa salinan surat itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Maksud saya, surat kami, kami terima. Saya dapat di sini, saya sebut maklum balas daripada surat JPN. Saya hendak tahu laporan sebenarnya, apa perkara itu. Tidak timbullah surat dan juga kepada Setiausaha

Parlimen. Memang di sana, dengar bukan main riuh sudah hendak sorak, [*Ketawa*] jadi sebenarnya Yang Berhormat, ini JPN, saya hendak tahu laporan sebenarnya.

Yang Berhormat bagi Bagan juga telah membangkitkan mengenai dengan surat yang mengarahkan supaya kontrak pengusaha kantin SJK(C) tidak boleh disambung semula apabila tamat tempoh di Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman peraturan mengenai tender dan pengusaha kantin sekolah sebenarnya terdapat di dalam buku pengurusan kantin sekolah. Bagi pengusaha kantin sekolah yang kontraknya tamat pada atau sebelum 31 Disember 2004 pihak sekolah terbabit tidak boleh menyambung secara automatik sebaliknya mestilah menerusi proses tender.

Pengusaha kantin yang berjaya memenangi tender tersebut boleh beroperasi selama dua tahun sahaja tetapi ia boleh disambung setahun lagi jika ia mengemukakan permohonan. Manakala bagi pengusaha kantin yang tamat tempoh selepas 31 Disember 2004 pula, mereka boleh meneruskan operasi sehingga tamat perjanjian tetapi pihak sekolah haruslah membuka tender baru selepas itu. Ini peraturan yang telah kita buat serta syarat-syaratnya.

Mengenai dengan..

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata pihak sekolah perlu membuka tender untuk pengusaha kantin. Pihak sekolah itu bermakna siapa? Pejabat Pendidikan Negeri atau misalan kata SRJK(C) Jemaah Pengurus Sekolah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebenarnya ia adalah dibuka oleh apabila kita kata pihak sekolah dia dapat kelulusan daripada Pejabat Pelajaran Negeri dan sekarang ini kita tahu kerana masalahnya sebenarnya guru besar yang menentukan, kemudian ditukar pula kepada pegawai PPD. Oleh kerana banyak masalah kerana pegawai PPD tidak tahu ataupun mengenali mana-mana pihak yang mengemukakan tender tadi, maka kita pula membuat sistem yang mana besar kemungkinan guru besar itu sendiri yang akan menduduki sebagai pengerusi kepada jawatankuasa yang akan menentukan, tetapi dengan juga ada wakil dari PPD, bukan sebaliknya. Yang ini peraturan yang sedang kita hendak laksanakan sedikit masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Satu lagi. Terima kasih Dato'. Adakah dasar ini diguna pakai di seluruh negara atau di Pulau Pinang sahaja dan setahu kami pada

lazimnya atau pada masa-masa yang lepas Jemaah Pengurus Sekolah ada hak untuk mengendalikan tender ini. Jadi, mengapa sekarang pihak Pejabat Pendidikan Negeri tidak mengizinkan dan hendak mengambil alih kuasa ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa sistem ini di aplikasi boleh dikatakan di seluruh Malaysia. Kita tidak kata *exception* kepada Pulau Pinang, tidak. Jadi, bagi yang saya sebutkan tadi memadai sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat. Segala *detail*nya itu panjang cerita. Sebab itu macam saya katakan mula dengan guru besar dahulu, kemudian berpindah kepada PPD, sekarang kita hendak beralih balik kepada guru besar.

Memanglah cadangan Yang Berhormat mengenai dengan ahli lembaga juga akan kita ambil kira. Saya teruskan

Datuk Dr. Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada apa?

Datuk Dr. Makin Mojigoh: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Ini soal sebut harga. Soal sebut harga ini terdapat sekolah-sekolah di kawasan saya Dato' yang memberi kuasa khidmat daripada kontraktor-kontraktor ini . Soal pembersihan sekolah, *maintenance* sekolah dan sebagainya adalah kadang-kadang PIBG nampak kawasan-kawasan sekolah itu tidak disenggarakan dengan baik, rumput-rumput tidak dipotong..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi yang kita bangkitkan masalah berkaitan dengan kantin.

Datuk Dr. Makin Mojigoh: Ini soal sebut harga..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah tadi ucapan Yang Berhormat melibatkan sebut harga.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasihlah. Boleh jadilah ini mengenai dengan kontrak-kontrak..

Datuk Dr. Makin Mojigoh: Ya, kontrak.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apa , saya akan jawab. Terima kasih Yang Berhormat. Terus terang saya katakan bahawa PIBG dan juga guru besar boleh membuat laporan kepada PPD bahawa kalau tugas-tugas yang telah pun dipersetujui untuk dijalankan tidak dilakukan, itu boleh kita lapor supaya itu menunjukkan bahawa pihak yang membuat kontrak itu tidak menghormati perjanjiannya. Yang itu langkah-langkah kita akan ambil tetapi tidak ada laporan. Macam banyak juga sekolah-sekolah

yang saya pergi mengenai dengan mencuci, pembersihan sekolah, dia tidak bersih. Jadi pihak sekolah patut memberikan laporan kepada PPD, malah kebersihan kantin juga saya bangkitkan. Saya katakan pekerja di kantin diminta memakai apron. Ada juga yang tidak memakai apron. Jadi, kita kata ini kebersihan kita kata murid-murid di sekolah, begitu juga dengan sink dan sebagainya, ini tempat mencuci juga tidak bersih.

Baiklah Yang Berhormat saya hendak teruskan kalau tidak kita tidak habis. Yang Berhormat bagi Putatan telah membangkitkan penyenggaraan sekolah tadi yang saya telah jawab dan Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan mengenai dengan AJKC baru berulang kali juga dibangkitkan, Yang Berhormat bagi Cheras juga membangkitkan perkara ini, telah pun saya jawab. Yang Berhormat bagi Serdang, Cheras, Gelang Patah, Tebrau, Seputeh dan Cameron Highlands telah membangkitkan mengenai dengan sekolah bantuan kerajaan. Perkara ini adalah di bawah pengurusan dan tanggungjawab lembaga pengurus sekolah masing-masing.

Mengenai dengan pertukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan kementerian pada lazimnya akan meneliti kes yang dirujuk sebagai sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pelajaran ataupun dalam Akta Pendidikan 1996. Perlu ditegaskan juga bahawa sekolah-sekolah bantuan kerajaan menerima bantuan dan kemudahan seperti sekolah-sekolah kerajaan termasuklah guru terlatih, gaji guru dan kakitangan sekolah, geran per kapita serta skim-skim bantuan, sokongan seperti skim pinjaman buku teks, rancangan makanan tambahan dan sebagainya. Dari segi bantuan pembangunan pihak sekolah boleh mengemukakan permohonan melalui Jabatan Pelajaran Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh kementerian saya dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai kementerian kami. Sekian, terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. sebelum kita

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya punya tidak dijawabkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ..beralih kepada kementerian yang lain, saya hendak minta Menteri ada Usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT****4.38 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai kesemua giliran kementerian menjawab dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan, masalahnya iaitu Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 99.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini hari *[Bertutur dalam bahasa Tionghua]*. ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat 99 ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 99 ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bacalah itu ya. Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dan mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali jika ada Usul bersendirian menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara itu dan saya mencadangkan dengan itu Perkara 99 dan juga 43.

Tuan Yang di-Pertua, boleh menyambungkan perbahasan dasar ini satu hari lagi kerana ada 14 kementerian lagi. Saya tidak nampak sampai jam 4.00 pagi besok tidak akan selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan saya pun gembira kerana Ahli-ahli Parlimen berminat dengan kementerian-kementeriannya dan ada menteri pun yang cuba menjawab. Jadi memang satu perkara yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab itu baik kita cadangkan yang itu menggunakan Peraturan Mesyuarat 99 dan 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Sila duduk. Saya mematuhi keputusan yang dibuatlah, suara lebih. Jadi, kita akan lanjutkan sehingga diselesaikan segala ucapan.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah yang mencadang dan yang menyokong juga akan sampai tunggu pukul 10.00.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha! Tunggu, tunggu.

Cik Fong Po Kuan: Kita tidak boleh tergesa-gesa meluluskan, mencadang dan yang menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sila Yang Berhormat duduk.

Cik Fong Po Kuan: Kita mesti bersama dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Ini bukan Peraturan Mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab, ingin saya memaklumkan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana tidak ada isu yang dibangkitkan, maka tidak akan menjawab.

Satu perkara lagi yang ingin saya maklumkan, saya telah menerima surat daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pengangkutan yang memaklumkan persetujuan mereka untuk mengubah susunan giliran menjawab di antara kementerian masing-masing daripada senarai giliran asal. Oleh itu, nanti saya akan menjemput Yang Berhormat pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjawab dan Kementerian Pengangkutan akan menjawab kemudian.

Jadi, ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjawab.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan 2005 kali ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Santubong, Beluran, Parit, Padang Serai dan Titiwangsa.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kementerian iaitu diskriminasi *gender*, poligami, penerapan nilai-nilai murni untuk memantapkan institusi keluarga, gangguan seksual, projek perumahan rakyat termiskin untuk ibu tunggal, penderaan seksual kanak-kanak, kesaksamaan *gender*, kaunselor berdaftar dan juga kemahiran keibubapaan bagi membendung gejala sosial.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menyentuh isu mengenai penglibatan wanita sebanyak 30% di dalam membuat dasar atau perancangan pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah bersetuju menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30%

penyertaan wanita di semua peringkat pembuat dasar dan keputusan. Dasar 30% ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan sambutan Hari Wanita 2004 pada 25 Ogos yang lepas.

Penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan tidak sepatutnya terhalang oleh perbezaan *gender* tetapi perlu diasaskan kepada kebolehan, kelayakan dan keupayaan wanita sendiri. Dasar ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 82 Perlembagaan Persekutuan yang menekankan bahawa tidak boleh wujud sebarang bentuk diskriminasi terhadap warganegara semata-mata oleh sebab *gender*.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau seseorang itu berkebolehan, kemampuan beliau akan diakui dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Tidak kira sama ada beliau lelaki atau wanita. Kerajaan sudah pun mengamalkan proses pelantikan kakitangan perkhidmatan awam mengikut merit. Kini semakin ramai wanita di negara ini telah menjawat jawatan penting sebagai, seperti Gabenor Bank Negara, Hakim, Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Setiausaha Kementerian dan banyak lagi jawatan penting yang lain. Kerajaan berharap sektor swasta akan mengikut jejak langkah yang sama. Tindakan yang menjurus ke arah 30% wanita di peringkat membuat keputusan sedang dan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya rasa apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ini semua di dalam ucapan saya apa Yang Berhormat beritahu. Tetapi yang saya tanya Yang Berhormat tidak menjawab. Yang saya katakan bahawa ia mesti diberikan satu tempoh masa, bilakah sasaran 30% ini akan dicapai? Yang Berhormat tidak menjawab. Kerana kalau tidak meletakkan satu sasaran masa, maka mungkin seratus tahun baru sampai 30%.

Satu lagi yang saya rasa jawapan Yang Berhormat menunjukkan sama ada kalau jawapan ini disediakan oleh Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat kurang faham tentang *affirmative action* ini. Ia bukan dikatakan *affirmative*, kalau sasaran 30% ini, maknanya bahawa wanita itu kalau tidak berkelayakan pun

diberi pelantikan. Itu bukan maksudnya. Maksudnya ialah sekarang wujudnya ketidakseimbangan di antara lelaki dan perempuan di dalam membuat dasar.

Jadi, adalah perlu untuk memberi perhatian supaya jumlahnya ataupun kadarnya diseimbangkan, seperti dahulu yang dikatakan bumiputera Melayu kerana kekurangan ketidakseimbangan di dalam ekuiti ekonomi, jadi ada pelbagai bantuan diberikan kepada bumiputera supaya meningkatkan ekuiti bumiputera. Di sinilah sama prinsipnya kerana terwujudnya ketidakseimbangan.

Jadi, perlulah beri peluang yang lebih dan untuk memberi perhatian yang lebih supaya wanita yang berkemampuan, yang berkelayakan diberi pendahuluan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Puan Chong Eng: Itulah maksudnya. Jadi, saya haraplah kalau di peringkat Menteri ini pun kurang faham tentang prinsip seperti ini, saya khuatir bagaimana hendak melaksanakan. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat, ini bukan jawapan Timbalan Menteri tetapi jawapan kementerian, jawapan kerajaan. Yang Berhormat perlu faham, proses *socialization* wanita ini, dasar 30% ialah satu *late comer*. Ini bukan satu yang wujud 30 tahun atau 20 tahun dahulu. Sungguhpun dalam persidangan tahun 1979 di Nairobi, mereka menggubal *forward looking strategic* untuk wanita, yang penting ialah penetapan 30% ini bukan jadi kenyataan tetapi jadi satu dasar hanya selepas taun 1995, selepas *Beijing Declaration*. Ini ialah satu inisiatif baru, satu agenda baru, yang penting kita sudah berubah *mindset*.

Sekarang kita sudah menubuhkan satu jawatankuasa mengenai kesaksamaan *gender* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan yang penting ialah kita perlu mewujudkan satu suasana yang boleh menggalakkan penyertaan wanita, dengan izin, *create enabling environment*. Itu semua kita sudah wujudkan, *room was not built in a single day*, Tuan Yang di-Pertua, ini akan memakan masa. Kalau mahu tetap dengan satu tahun, dua tahun mahu capai 30%, kita mahu buang banyak orang yang layak, masuk orang yang tidak layak. Ini kita ikut syarat-syarat tertentu dan kita sudah ubah Perlembagaan dan banyak peluang diberi untuk mereka yang ada merit. Ini ikut peraturan-peraturan yang sekarang ada.

Kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mahu buat apa-apa cadangan yang lain, bolehlah cadang, kita sedia dengar.

Saya suka kepada percambahan fikiran, *I have an open mind*, menteri juga *have an open mind*, bukan kita tentang masalah ini, bukan kita jadi satu halangan, kita sudah buka jalan. Saya ingat dalam satu masa yang tertentu, bukan kata 100 tahun, kita akan capai 30 peratus ini, mungkin lebih, dan sekarang kalau kita bandingkan senario dunia pun macam itu. Negara USA, negara Perancis semua kurang dari kita. Kita *at least 20* peratus kita sudah capai di banyak peringkat. Sebab itu Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, yang *specialize* dalam subjek ini untuk pembangkang, perlu faham masalah ini. Kita bukan prejudis, *close our mind, discriminate, don't want to let the women* ini. *I am having an open mind ..*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: ...menteri pun ada *open mind, we are ready to receive suggestions* dan kita akan bantu proses ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

Datuk G. Palanivel: pencapaian 30 peratus ini dengan segera.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan kita wanita, Ahli Parlimen wanita dan DAP hendak tahu ialah tempoh, berapa lama tempoh, jangka masa yang akan ditetapkan untuk mencapai sasaran ini? Itu sahaja, soalan yang sebegitu terus dan ringkas. Kita jangan selalu bandingkan dengan negara di mana ia lebih lemah dari aspek yang lebih lemah dibandingkan dengan negara yang masih belum mencapai 30 peratus. Mengapa kita tidak bandingkan dengan negara-negara yang telah mencapai 30 peratus? Inilah mentaliti Barisan Nasional. Sebab itu selalu kita tidak boleh berjaya. [*Diganggu oleh Ahli-ahli Barisan Nasional*] Bila kita bangkitkan masalah petrol, dibandingkan dengan negara yang lain harga petrol lagi tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, alasan pun telah diberi.

Cik Fong Po Kuan: Okeylah, tetapi kita mestilah mempunyai wawasan. Sebab itulah Timbalan Menteri

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan, Yang Berhormat tidak bahas perkara ini

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya.

Datuk G. Palanivel: ... hanya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam saja yang bahas.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, peraturan mana yang mengatakan jika semasa perbahasan tidak bangkitkan sekarang saya tidak boleh minta penjelasan? Peraturan yang mana? Peraturan yang mana?

Datuk G. Palanivel: Saya beri peluang untuk *you* sentuh apa-apa yang perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya tanya apa jangka masa, apakah jangka masa, itu sahaja.

Datuk G. Palanivel: Cukup, cukup, saya boleh jawab.

Cik Fong Po Kuan: Saya minta penjelasan kepada soalan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat, sila duduk saya akan jawab itu.

Cik Fong Po Kuan: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, sila duduk, saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kita belum menetapkan masa, tempoh masa bila kita boleh mencapai 30 peratus ini. Saya harap penubuhan Jawatankuasa mengenai Kesaksamaan Gender yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri akan membincangkan masalah ini.

Puan Chong Eng: Saya mengalu-alukan pandangan *mindset* telah berubah dan saya juga merasa gembira kerana Timbalan Menteri mengatakan dia, "*have an open mind*". Ya, baguslah. *[Ketawa]* Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan bahawa, *we have to build Rome in one day*. Saya hanya tanya, bila? Jadi *it is a simple straight forward question*, saya sukalah kalau boleh mendapat satu *simple forward answer*, yang semua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: saya rasa adalah lebih menunjukkan kerajaan ini adalah komited untuk meningkat atau mencapai sasaran 30 peratus, saya rasalah. Kalau kita katakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

Puan Chong Eng: ...kita perlukan 30 tahun seperti Dasar Ekonomi Baru dikatakan 30 tahun, kalau 100 tahun katakan 100 tahun, tidak mengapa tetapi berilah satu tempoh masa supaya kita dapat memantau kemajuannya. Jadi apa susahnya untuk menetapkan ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

Puan Chong Eng: satu jangka masa. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya kata "*Rome was not built in a single day*" itu satu pepatah. *It is just a saying*, tetapi ini ialah satu jawapan yang saya beri sebab Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata kita mungkin akan mengambil masa 100 tahun, *a century* untuk mencapai 30 peratus ini. Ini satu hakikat yang susah kita hendak diterima. Wanita di negara ini tidak akan terima kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sudah melihat pencapaian kita dalam lima atau sepuluh tahun kebelakangan ini, di mana kita sudah ada Gabenor Bank Negara, kita sudah buat banyak perubahan dan negara sedang berubah dan kita juga komited kepada dasar ini.

Yang Berhormat kata kita mungkin mengambil masa 100 tahun. Ini akan memutar-belitkan rakyat. Kita tidak akan mengambil masa 100 tahun. *We are committed, we hope to speed it up, you must understand the position*. Saya sudah jelaskan tadi, ini senario 30 peratus *it's a late comer*, ia bermula dari tahun 1995. Saya bandingkan dengan negara-negara lain bukan sebagai satu contoh yang baik, tetapi satu contoh untuk tunjukkan bahawa kita pun bukan buat sesuatu yang luar biasa. Kita susah untuk mencapai *target* ini, isu wanita ini sangat kompleks, sebab itu saya kata kita perlu tukar *mindset* khususnya *mindset* sektor swasta. Kerajaan sudah memulakan penukaran *mindset* ini dan kita harap *gender sensitization* ini akan berterusan. Kita tidak menjadi satu penghalang untuk mencapai 30 peratus ini, dan saya harap kita akan teruskan agenda ini dan mencapai *target* ini dengan secepat mungkin. Okey?

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk G. Palanivel: Cukup, cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau cukup, teruskan jawapan.

Puan Chong Eng: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk G. Palanivel: Cukup, cukup.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk G. Palanivel: Kita akan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukuplah. Cukup.

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat,

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk G. Palanivel: Sila duduk Yang Berhormat, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah, duduk.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Sila duduk.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk G. Palanivel: Sila duduk.

Puan Chong Eng: Satu penjelasan lagi. Pohon.

Datuk G. Palanivel: Sila duduk.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Okey, okey.

Puan Chong Eng: Haa, macam inilah *gentleman*, kerana di dalam Dewan ini ahli wanita pun sedikit sahaja. Apa begitu hendak berkira sangat dengan masa untuk ahli wanita? Saya rasa masih belum terjawab soalan saya, bila, bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Yang saya katakan kalau 100 tahun pun tidak mengapa, beri tahu tempoh ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Jadi saya hendak beri satu cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Alasan telah pun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Tidak mengapa, tidak mengapa. Saya akan tanya soalan yang lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau hendak cakap, bangun, dapatkan kebenaran, mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Puan Chong Eng: Akanlah, yalah Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua hendak tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebagai seorang Ahli Yang Berhormat perlu mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Puan Chong Eng: Tahulah, tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menegur Yang Berhormat bagi Batu Gajah]* Saya ingin memberi tahu sekali lagi teguran ini dan saya harap Yang Berhormat ambil perhatian. Sila duduk. Jawab terus.

Puan Chong Eng: Soalan saya ialah, saya rasa kerajaan perlu menunjukkan teladan sebelum mengharapkan pihak swasta untuk mencapai sasaran ini. Jadi saya rasa ada beberapa jawatan di dalam kerajaan sekarang ialah melalui pelantikan seperti Ahli Majlis Perbandaran dan juga Senator. Bolehkah kita memberi satu tempoh masa, mungkin dalam masa lima tahun yang akan datang bahawa jumlah di dalam *Senate* ataupun di dalam *Municipal Council* boleh mencapai 30 peratus sasaran ini. Saya ingin memberi tahu Yang Berhormat mengapa saya katakan mungkin 100 tahun yang akan datang. Dalam Dewan ini sejak Merdeka sampai hari ini sudah berapa tahun? Lebih kurang 50 tahun. Berapa peratus ahli wanita yang ada di dalam Dewan ini? Lebih kurang 10 peratus sahaja. Adakah kita akan capai 30 peratus dalam 50 tahun yang akan datang? Saya tidak pasti lagi kerana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: ...di dalam sejarah di negara-negara yang maju, mereka mengambil masa yang panjang juga, tetapi saya harap supaya kerajaan kita boleh belajar langkah-langkah orang lain supaya mungkin kita tidak perlu mengambil tempoh masa yang begitu panjang. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Saya hanya cakap kita belum tentukan masa. Mana boleh tentukan masa. *There is no straight-line answer to this problem.* Kita akan capai *target* 30%. Itu, saya boleh beri jaminan di sini. Tetapi, saya harap dengan cepat,

sebab kita mengakui 52% penduduk-penduduk negara ini ialah wanita. *We are interested in this process* dan saya harap Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam jangan ganggu saya dari sekarang. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk G. Palanivel: Okey, bantu, bantu. Lain kali Jawatankuasa boleh bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu bantuan beliaulah.

Datuk G. Palanivel: Tidak apa. Dia bantu banyak. Sebab kalau dia tidak berucap, saya tidak ada kesempatan untuk menjawab. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Teruskan jawapan.

Datuk G. Palanivel: Dia yang berucap dengan panjang di Dewan, berkenaan dengan *gender* isu. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betulkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu kita soal sama dia? Betulkah? Baru dia ada jawapan. Kalau boleh, kita boleh soal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Yang Berhormat. Memanglah, walaupun tidak ramai wanita di Parlimen, tetapi macam riuh-rendah, macam ramai. Itu biasa. Cuma, ini kawan-kawan. Cuma, saya minta, bagi saya, saya merasakan bahawa kementerian sedang berusaha sedaya upaya. Contohnya, di universiti. Boleh dikatakan 70% universiti hari ini dipenuhi dengan kaum wanita dan mereka ini satu hari nanti akan keluar dari universiti dan akan mengisi tempat-tempat yang kosong. Kita tengok dalam tentera, kita ada wanita. Malah, dalam pasukan polis, polis di bawah yang menjaga keselamatan kita ini wanita. Jadi bermaknanya, pada pandangan saya, kerajaan sedang berusaha dan sudah tentu akan mencapai matlamatnya. Jadi, saya menyokong pandangan kementerian supaya program ini dijalankan dan kita puas hati dengan gabenornya, dengan dutanya, dengan segala-galanya hari ini dipegang oleh wanita, hinggakan kaum lelaki merasa takut. Sungguh, dalam Dewan ini pegawai-pegawai pun kita tengok hadapan, belakang wanita ramai daripada lelaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ooh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, seorang ibu yang melahirkan anak juga boleh menjadi pemimpin dan juga pegawai yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya bersetuju dengan kementerian dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, hang pandailah. *[Menyebut perkataan dalam bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kata, perlahan-perlahanlah.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih atas sokongan yang diberi. Apa Yang Berhormat bagi Jerai kata, begitu benar. Banyak bidang dibanjiri dengan wanita dan dalam 100 tahun, *endangered species will be* lelaki, kaum lelaki, bukan wanita. Dalam 100 tahun, saya ingat Dewan ini penuh dengan wanita. Terima kasih.

Isu seterusnya yang telah dibangkitkan ialah isu poligami. Menurut Perlembagaan Persekutuan, agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri untuk menentukan dan membuat undang-undang berkaitan dengan orang Islam terutamanya undang-undang keluarga.

Dalam konteks negara kita, perkahwinan bukan Islam berbentuk *monogamous* dan perkahwinan poligami tidak boleh didaftarkan di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976. Dalam konteks agama Islam, poligami hendaklah diamalkan secara adil. Sungguhpun Islam menghalalkan poligami, pengamalan di Malaysia tidaklah secara meluas. Perangkaan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), menunjukkan bahawa kadar poligami sebagai contoh, bagi tahun 2003 sehingga Julai adalah kira-kira 1.5% atau 15 perkahwinan poligami bagi setiap 1,000 perkahwinan Muslim yang didaftarkan di Malaysia.

Pada masa ini, setiap negeri mensyaratkan supaya pasangan yang ingin berkahwin menjalani kursus praperkahwinan sebelum dibenarkan berkahwin. Ini antara lain bertujuan supaya keadilan dan keamanan dalam perkahwinan dapat dikekalkan. Kementerian juga menjalankan pelbagai program untuk membela wanita dan anak-anak yang tertindas sekiranya berlaku penceraian dan perpisahan dalam sesebuah keluarga. Kementerian pada masa ini telah menjalankan program

kesedaran tentang tanggungjawab dan hak sebagai suami isteri seperti Program Literasi Undang-undang. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman suami isteri mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Program ini dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan badan-badan bukan kerajaan.

Kementerian juga bekerjasama dengan NGO wanita dalam menganjurkan Program Literasi Undang-undang, di mana bagi tempoh tahun 2001 hingga April 2004, sejumlah kira-kira RM1.5 juta telah diagihkan kepada 56 buah NGO untuk melaksanakan 62 Program Literasi Undang-undang. Seramai 26,334 peserta telah mendapat manfaat daripada program-program ini. Dengan cara ini, ia akan dapat membantu suami dan isteri-isteri supaya lebih bertanggungjawab dan sedar akan hak masing-masing di sisi undang-undang dan tuntutan agama. Selain itu, kementerian melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara telah melancarkan pakej *smart start* sebagai panduan kepada golongan muda yang ingin dan baru berkahwin tentang tanggungjawab sebagai suami isteri. Dengan demikian, diharapkan mereka akan lebih bertanggungjawab dan berlaku adil dalam perkahwinan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit pula membangkitkan permasalahan kekeluargaan.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama kali, saya rasa saya ingin pujilah Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengendalikan hal-ehwal tentang wanita dan keluarga. Kita jarang lihat pemimpin parti politik lelaki yang sudi memegang jawatan seperti ini. Saya juga mahu beri pujian kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]* Soalan saya adalah, saya menghargai program-program yang diadakan, yang seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tetapi selalunya, yang program seperti ini mungkin diadakan dalam bahasa Malaysia sahaja. Ini menyebabkan macam golongan yang kurang fasih dalam bahasa Malaysia, kaum India mungkin di *estate* ataupun di kampung dan juga kaum Cina, ibu tunggal atau kaum Cina yang hanya lebih fasih dalam bahasa Cina itu, mereka tidak berpeluang untuk menyertai kursus seperti ini. Jadi soalan saya adalah, adakah kementerian juga merancang untuk menganjurkan kursus seperti ini, *smart start*kah

ataupun seminar kaunseling seperti ini dalam juga bahasa ibunda yang lain, termasuk juga suku-suku kaum Kadazan, di Sabah dan Sarawak juga.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh atas pujian yang diberikan kepada saya. Yang Berhormat bagi Seputeh perlu faham bahawa keluarga perlu ada lelaki. Mana ada keluarga tanpa lelaki? *[Ketawa] We need man and woman in this world.* Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Seputeh, kita ada pakej dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Jika Yang Berhormat perlu pakej Mandarin di Seputeh, boleh datang ke kementerian, kita boleh menganjurkan pakej dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil juga. Beberapa ribu masyarakat India sudah mengambil bahagian dalam program-program ini sebelum tahun ini pun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit yang menyentuh mengenai masalah kekeluargaan. Kerajaan sememangnya menyedari bahawa institusi kekeluargaan perlu diperkukuhkan dan kemahiran keibubapaan ditingkatkan. Ini, dapat dilihat dalam Wawasan 2020 di mana pembentukan masyarakat penyayang menjadi satu daripada matlamat negara, berasaskan kepada pembentukan keluarga yang stabil. Baru-baru ini pula, Pelan Integriti Nasional (PIN) meletakkan institusi keluarga sebagai sasaran fasa pertama iaitu memantapkan institusi keluarga dan komuniti.

Bajet 2003 juga memberi penekanan kepada kekeluargaan dengan pembinaan 10 Pusat Khidmat Keluarga Setempat atau Kompleks Kasih Keluarga. Pelepasan cukai kepada syarikat yang melaksanakan aktiviti kekeluargaan dan penambahan lagi cuti bagi suami daripada tiga kepada tujuh hari semasa isteri bersalin. Di samping itu, untuk membantu anggota perkhidmatan awam mengendalikan urusan keluarga semasa kematian ahli keluarga terdekat, kerajaan bersetuju memberi cuti tanpa rekod sebanyak tiga hari mulai tahun 2003. Kita semua menyedari hakikat bahawa ibu bapa merupakan orang yang paling berperanan dalam membentuk peribadi dan akhlak anak-anak semenjak dari awal kerana pendidikan yang pertama bermula di rumah.

Walau bagaimanapun, usaha membendung gejala sosial khususnya di kalangan remaja memerlukan satu tindakan yang kolektif, bersepadu dan menyeluruh dari semua pihak. Oleh itu, bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran keibubapaan dan dalam masa yang sama dapat menangani gejala sosial di kalangan remaja yang semakin meningkat kebelakangan ini, Lembaga Penduduk dan Keluarga Negara

Malaysia (LPPKN) telah menerbitkan lima modul di bawah Pakej Kasih mulai tahun 1997.

Pakej ini mengandungi lima modul iaitu modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Keluarga, Keibubapaan Anak Kecil, Keibubapaan Anak Remaja, Kebapaan dan Pembangunan Remaja. Menerusi Pakej Kasih sebanyak 400 aktiviti seperti seminar, bengkel, ceramah bulanan dan kursus keibubapaan telah dijalankan pada tahun 2001 hingga 2003 dengan melibatkan 52,000 orang para ibu bapa di peringkat akar umbi termasuk dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ihsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya harap Timbalan Menteri jangan terpedaya dengan pujuk rayu wanita. Saya hendak balik kepada Sabak Bernam, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dalam daftar ada 550 ibu tunggal. 50% - 225 orang umurnya di bawah 45 tahun. Saya hendak tanya dua perkara, ada atau tidak satu bentuk peruntukan yang boleh di peruntukkan oleh Ahi-ahli Parlimen yang rajin yang ingin buat program bagi ibu tunggal ini di kawasan masing-masing.

Kedua, ini isu perkahwinan, saya tengok Persatuan Ibu Tunggal ini ada tetapi tidak ada satu program untuk umpamanya mencari jodoh dan seumpamanya. Bolehkah Timbalan Menteri beritahu adakah satu agensi yang berkesan untuk mencari jodoh semula bagi para ibu tunggal ini? Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya belum sampai ke tahap ibu tunggal. Walau bagaimanapun, saya boleh jawab sekarang. Kita boleh anjurkan program-program yang boleh membantu golongan ibu tunggal di mana-mana kawasan jika ada permintaan selain daripada apa yang kita buat sebagai rancangan ikut *diary* kita.

Kementerian juga telah melancarkan kempen utamakan keluarga 'Semakin Hari Semakin Sayang' pada Julai 2002 bagi membolehkan semua pihak berganding bahu memupuk kesedaran bahawa keluarga perlu diberi keutamaan. Kebanyakan kursus diberi secara percuma atau dikenakan bayaran *nominal*. Program ini disertai secara sukarela oleh ibu bapa yang berminat. Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan program kemahiran keibubapaan sebegini sebagai perkara mandatori

yang mesti dihadiri oleh ibu bapa. Seharusnya ialah ibu bapa itu sendiri menyedari peranan yang harus mereka mainkan dan mempunyai inisiatif untuk belajar melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang perlu dalam menerajui perkahwinan rumah tangga dan keluarga dengan sebaik mungkin.

Sebanyak 83 program telah dilaksanakan pada tahun 2003 yang melibatkan 23,477 peserta yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Datuk G. Palanivel: Biar saya habiskan sedikit. 23,477 peserta yang terdiri dari pelbagai golongan masyarakat. Di bawah peruntukan khas Perbendaharaan sejumlah RM1.8 juta telah diluluskan kepada 53 NGOs untuk menjalankan 70 program mengenai pembangunan keluarga dan keibubapaan pada tahun 2003. Seramai 14,573 ibu bapa telah dapat mengikuti program ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat tadi menjelaskan bahawa banyak peruntukan diberi kepada NGOs untuk membimbing supaya keluarga penyayang dan keluarga bahagia ini wujud. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya kita bermula juga di peringkat sekolah menengah ataupun di peringkat universiti kerana mereka ini akan berumah tangga. Tetapi yang sudah berumah tangga itu kadang-kadang yang sudah bermasalah ini memang sukar. Kita tidak boleh *recover* 100%. Kita perlu didik semangat kasih sayang, cintakan keluarga di peringkat sekolah dan juga di peringkat universiti.

Patut diadakan macam ko-kurikulum dan sebagainya supaya apabila dia orang berumah tangga nanti dia orang sudah memahami apa itu rumah tangga. Kebanyakan sekarang ini yang berumah tangga kerana *I love you, you love me*, dia syok-syok menikah. Selepas itu apabila ada seorang anak dia kelam kabut. Ini pengalaman yang kita tengok – anak-anak muda. Macam kita orang lama-lama tak apalah Dato' kan? Kita orang lama-lama faham dok kita jaga sampai mati. Tetapi yang masih muda ini tambah di ibu kota kita tengok dengan keadaan *hoo haa hoo haa* ni depa berkahwin kerana depa syok sahaja, selepas itu depa berpisah.

Pendidikan kasih sayang rumah tangga, kasih sayang ibu bapa dan keluarga patut dimulakan di peringkat persekolahan. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Kementerian terima pandangan Yang Berhormat bagi Jerai dan LPPKN telah pun ada satu *Memorandum of Understanding* dengan Jabatan

Pendidikan Selangor dan kini menguruskan beberapa program di sekolah-sekolah dan LLPKN juga ada program

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Titiwangsa.

Datuk G. Palanivel: Biar saya habis jawab Yang Berhormat bagi Jerai. Saya belum habis. Sila duduk. Saya belum habis jawapan, sekarang saya lupa, baru sudah lupa. Kita juga ada program-program untuk golongan remaja dan pandangan Yang Berhormat adalah penting, kita perlu beri tumpuan kepada golongan di sekolah dan golongan yang muda-muda. Terima kasih.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila saya mencadangkan kursus kemahiran keibubapaan itu dibuat mandatori, barangkali susah sikit hendak buat tetapi elok juga kalau kita memperkenalkan kemahiran tersebut apabila bakal-bakal yang hendak kahwin ini apabila menjalani kursus perkahwinan disematkan kemahiran ini. Kalau dulunya *Registrar of Companies* dimandatorikan semua pengarah syarikat mengambil kursus supaya mereka faham akan *fiduciary duties of a Director*, dengan izin, saya rasa tidaklah mustahil ataupun tidaklah susah sangat kalau kita memperkenalkan kursus ini apabila mereka yang hendak berkahwin.

Saya tahu kalau hendak buat program ini secara *retrospective* barangkali agak susah sikit seperti juga dahulu bila kita memperkenalkan Kelas Dewasa untuk mereka yang tidak tahu membaca barangkali susah. Tetapi eloklah kementerian ini mempertimbangkan memperkenalkan kemahiran ini apabila bakal-bakal orang yang hendak kahwin diperkenalkan kemahiran ini semasa kursus perkahwinan. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan baik tetapi susah mahu buat *implementation* sebab jika kita mahu kursus keibubapaan jadi mandatori untuk semua ibu bapa mungkin kita boleh bukan mandatori atau paksa, kita boleh beri kursus ini kepada semua pegawai kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan lain-lain. Yang penting ialah dalam arah atau langkah kita untuk mewujudkan masyarakat penyayang, kekeluargaan ialah sangat penting dan kita perlu bina sahsiah tiap-tiap anggota keluarga dan ini bukan satu yang boleh kita capai dengan senang sebab kehidupan sekarang ialah zaman moden di mana kita ada banyak tekanan.

Ada satu pepatah (*proverb*) dalam bahasa Inggeris, "*Family that eats together, stays together*". Jarang kita dapat peluang macam itu sekarang. *We never eat together in the first place*, jarang satu tahun satu kali atau satu minggu satu kali pun susah juga. Sebab itu apa Yang Berhormat bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat mengenai mandatori, kita terima cadangan tetapi susah mahu buat pada masa sekarang.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang saya cadangkan tadi, sekarang ini siapa hendak berkahwin kena pergi kursus. Cuma tambahkan isi kursus itu dengan kemahiran keibubapaan. Apa yang susah sangat. Tolonglah dipertimbangkan. Terima kasih.

Datuk Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk G. Palanivel: Cadangan akan dipertimbangkan. Sebagai inisiatif baru, kementerian akan melancarkan kempen nilai yang bertujuan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Datuk Haji Che Min bin Che Ahmad : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi. Kalau ada praperkahwinan, saya cadangkan pre-pra bagi belia-belia kita yang mengikuti kursus, bagi pre-pra. Baru dia hendak kahwin, praperkahwinan. Selepas kahwin mesti ada peningkatan, setuju atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk G. Palanivel: Ini pre-perkahwinan semua penting tetapi *at that stage they are deeply in love*, dia tidak payah kursus. Yang sungguh-sungguh perlu kursus ialah mereka yang sudah 15 tahun atau 20 sudah kahwin dan sudah hilang

Saya teruskan. Sebagai inisiatif baru, kementerian akan melancarkan kempen yang bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai kekeluargaan kepada masyarakat. Seajar dengan keperluan semasa dan cabaran baru, modul-modul LPPK yang sedia ada akan dikemaskinikan dan promosi mengenai kepentingan keutuhan institusi keluarga diteruskan setiap tahun melalui sambutan Hari Keluarga, Hari Ibu dan Hari Bapa.

Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat yang giat dilaksanakan di seluruh negara dari Julai hingga Oktober 2004 ini dijangka akan dapat memberi gambaran mengenai institusi dan kehidupan kekeluargaan masa ini. Hasil kajian akan digunakan untuk penambahbaikan program serta cadangan polisi-polisi yang berkaitan. Dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang seperti yang telah diumumkan semasa

pembentangan Bajet 2005 baru-baru ini, sejumlah RM37.8 juta disediakan bagi melaksanakan Program Pembangunan Wanita termasuk Nur Bestari, Literasi Undang-undang, kempen menangani keganasan ke atas wanita dan rumah perlindungan sementara bagi wanita serta kanak-kanak yang teraniaya.

Untuk menyokong aktiviti ini, kerajaan akan memberi geran kepada NGO dan pertubuhan kebajikan terpilih yang mengendalikan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu gangguan seksual.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: yang dibangkitkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Di Barat, khususnya di London (England), contoh yang baik hormati wanita ini. Lelaki dia begitu *sporting* dan *gentlemen* menghormati wanita - buka pintu kereta.

Datuk G. Palanivel: Yang Berhormat, saya tidak dengar. Dekat sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Contoh yang baiklah di Barat. Contoh yang baik di Barat, lelaki begitu menghormati wanita. Wanita begitu mulia dipandang oleh lelaki. Kadang-kadang perempuan tampar lelaki pun lelaki tidak balas. Buka pintu kereta. Suami buka pintu kereta untuk isteri. Kalau kerusi, sorongkan kerusi. Banyak contoh-contoh yang baiklah di Barat.

Apakah kementerian kita di sini boleh melatih lelaki menjadi penyayang kepada wanita dengan cara-cara meniru sifat-sifat baik yang di Barat ini supaya kita lebih rasa hormat kepada wanita. Ini sifat-sifat yang baiklah. Macam sayalah. Saya hormat wanitalah. *[Ketawa]* Macam mana agak kementerian melihat contoh-contoh baik di Barat itu untuk kita terima pakai di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Contoh-contoh baik bukan sahaja di Barat tetapi di mana-mana negara pun kita akan lihat dan kaji dan jika sesuai kita akan implementasikannya di negara di mana yang boleh. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga menyentuh isu gangguan seksual. Adalah isu dasar sama ada perlu gangguan seksual dikanunkan secara khusus atau tidak. Hasil daripada perbincangan dengan pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak kebajikan dalam tempoh terdekat ini, kementerian merasakan tidak perlu diadakan suatu akta yang baru untuk menangani masalah gangguan seksual kerana kegunaannya akan menjadi terlalu meluas dan dibimbangi akan menimbulkan suasana kerja yang *rigid* dan tegang.

Undang-undang mengenai gangguan seksual tersebut boleh digubal sekiranya diperlukan dalam tempoh masa yang lebih panjang dan setelah kajian terperinci dijalankan mengenai implikasinya kepada masyarakat. Memandangkan telah sedia ada peruntukan-peruntukan mengenai gangguan seksual dan sebagainya dalam Kanun Keseksaan Akta 574 Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 maka peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta berkenaan boleh dipinda untuk mengambil kira kes-kes gangguan seksual secara lebih tepat. Selain itu gangguan seksual boleh diambil kira dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana akta berkenaan menjurus kepada kebajikan pekerja.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong juga menyentuh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa kementerian ini ditubuhkan untuk menjaga kepentingan kaum wanita khususnya dan juga kanak-kanak dan keluarga. Saya rasa gangguan seksual adalah satu gejala yang sangat menjatuhkan maruah wanita dan pada masa yang akan datang mungkin kaum lelaki juga akan menambah gangguan berleluasa.

Saya rasa untuk membela kepentingan kaum wanita khususnya, saya rasa kementerian ini harus berusaha supaya kerajaan bersetuju untuk mengadakan satu rang undang-undang yang khas untuk gangguan seksual ini kerana pertubuhan-pertubuhan wanita diwakili ramai wanita di negara ini telah berpendapat betapa perlunya ada suatu undang-undang seperti ini. Rang undang-undang ini pun telah disediakan dan dikemukakan kepada kerajaan pada tahun 2001.

Saya rasa kami kaum wanita dan juga saya rasa lelaki yang di sini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun sangat bersetuju bahawa gangguan seksual ini adalah

suatu kelakuan yang tidak boleh diterima dan harus dibanteras dan diharamkan habis-habisan. Kaum wanita pun telah meninjau dan mempertimbangkan semua rang undang-undang yang sedia wujud seperti Akta Pekerjaan dan saya pun telah menerangkan mengapa Akta Pekerjaan itu bukan begitu sempurna kerana ia hanya melindungi pekerja-pekerja yang gajinya bulanannya di bawah RM1,500 sahaja. Ada ramai wanita yang gaji bulanannya melebihi ini dan dia juga tidak melindungi wanita yang bekerja di pihak sektor awak dan di dalam Kanun Keseksaan ini dia sangat tidak spesifik dan susah hendak menjatuhkan kesalahan itu. *Very difficult to make conviction*. Kami memang telah mempertimbangkan semua faktor ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau pihak kerajaan juga bersetuju bahawa maruah wanita mesti dijaga dan dilindungi. Mengapa susah sangat? Kementerian ini khasnya adalah satu-satunya kementerian yang ditubuh untuk menjaga kepentingan wanita dan saya rasa kementerian ini mesti berusaha untuk berjuang dan bukan menerima keputusan kementerian-kementerian lain ataupun majikan-majikan pihak swasta sahaja.

Jadi, saya haraplah kementerian ini boleh menimbangkan semula supaya kita mengguna pakai atau membawa rang undang-undang yang telah dikemukakan kepada kerajaan ini bawa ke Parlimen ini untuk dibahas dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukup.

Puan Chong Eng: Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini tidak bersetuju, saya akan terima keputusan itu, tetapi bawalah kepada Dewan ini. Saya pohon demi kepentingan wanita, agama, negara dan bangsa. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Kementerian ini bukan sahaja Kementerian Wanita tetapi Kementerian Keluarga dan Masyarakat dan kementerian akan mengambil nota cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan ini ialah satu isu dasar dan kita perlu bincangkan perkara ini dengan teliti dan mendalam. Mengikut angka-angka yang diberikan kepada saya untuk tahun 2002 ada 84 kes gangguan seksual yang dilaporkan, tahun 2003 ada 61 kes yang dilaporkan dan tahun 2004 Januari hingga April adalah 84 kes yang dilaporkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini tidak bermakna bahawa kes-kes ini tertentu kepada 84, 61 atau 84 kes. Mungkin ada banyak kes yang tidak dilaporkan dan kementerian akan memberi pandangan yang serius dan jika perlu akan membincangkan perkara ini dari masa ke semasa mengikut keutamaan dan kepada hal-hal lain kita juga memberi pandangan serius seperti ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong juga menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal. Dalam usaha kerajaan untuk membantu golongan miskin termasuk ibu tunggal dan orang kurang upaya, pelbagai program telah dan akan dilaksanakan termasuklah program perumahan yang membolehkan rakyat dari golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah sama ada secara penyewaan atau pembelian.

Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1989 yang dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan. Antaranya ialah pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan juga agensi-agensi di bawah kerajaan negeri seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang menyewakan atau menjual rumah kos rendah yang dibina di bawah Program Perumahan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan masalah yang berkaitan dengan penderaan kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pasir Puteh bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk G. Palanivel: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tertarik tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut Nur Bestari tadi. Ini adalah satu projek yang hebat. Apakah bercadang untuk memberi melalui Ahli-ahli Parlimen bekerjasama atau peruntukan untuk mengadakan Nur Bestari? Yang keduanya, rumah Pembangunan Rakyat Termiskin ini masih terbengkalai. Banyak kita menerima

aduan bilakah hendak dimulakan? Apakah dia ini merupakan *endorsement* melalui Parlimen? Terima kasih.

Datuk G. Palanivel : Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan Rumah Nur Bestari kita akan bincangkan dengan Ahli-ahli Parlimen dan akan mengkaji dengan cara mana kita boleh mempercepatkan di semua kawasan dan mengenai Rumah PPRT ini ia adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kementerian ini akan menyampaikan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ampang bangun.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak *reverse* sedikit fasal ibu tunggal tadi. Kita berterima kasih kerana pihak kementerian sangat prihatin terhadap kaum ibu tunggal ini. Tetapi dari pengalaman singkat saya sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Peringkat Parlimen, kita dapati ada masalah sedikit dari segi menyelaraskan ibu-ibu tunggal ini, sebab kita dapati walaupun MPWK ini bertanggungjawab secara terus kepada kementerian tetapi kita tidak ada kawalan secara terus, tidak ada *direct control*, dengan izin sebab ada terdapat banyak persatuan-persatuan ibu tunggal yang tumbuh secara sendiri sama ada melalui tiket NGO ataupun secara persendirian mereka ini mendaftar dengan ROS.

Jadi, kita tidak dapat mengawal bukan sahaja dari segi mengenal pasti siapakah mereka, bilangan mereka dan juga kita tidak dapat mengawal aktiviti serta wang keluar masuk mereka. Jadi, statistik mengenai ibu tunggal ini dan status mereka selalu berubah-ubah, sedangkan kami sebagai Pengerusi MPWK bertanggungjawab secara terus kepada kementerian. Diharap pihak kementerian memikirkan satu cara mungkin saya boleh mencadangkan supaya kementerian mengeluarkan satu arahan supaya persatuan-persatuan ini tidak ditubuhkan secara bersendirian. Mereka mestilah berdaftar di bawah MPWK bermakna ianya juga berdaftar di bawah kementerian. Sekian. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian menerima cadangan Yang Berhormat dan akan mengkaji keberkesannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan masalah yang berkaitan dengan masalah penderaan kanak-kanak. Dari perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat, pengurusan kes penderaan kanak-kanak dikendalikan

mengikut peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diwartakan sebagai pelindung diberikan tanggungjawab dan kuasa untuk menjalankan siasatan ke atas kes penderaan yang dilaporkan dan kemudian membuat penilaian serta mengambil langkah-langkah yang perlu demi untuk kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak tersebut dan keluarga.

Dalam pengurusan kes penderaan kanak-kanak, JKM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia. JKM diberi tanggungjawab untuk menyelamatkan, melindungi, menjaga serta membantu pemulihan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan serta ahli keluarga.

Kementerian Kesihatan melalui hospital bertanggungjawab untuk memeriksa dan mengesahkan penganiayaan berlaku terhadap kanak-kanak serta memberikan rawatan perubatan. Manakala pihak polis menjalankan siasatan dan pendakwaan ke atas pendera. Dalam hal ini usaha sentiasa diberi oleh semua pihak yang terlibat melalui kerjasama bersepadu dan dalam menentukan kaedah penyiasatan ke atas kes penderaan seksual kanak-kanak dikendalikan sebaik-baiknya supaya kanak-kanak dilindungi dari trauma dan tekanan emosi selanjutnya.

JKM akan terus mengambil tindakan bagi menangani masalah penderaan seksual khususnya yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Kementerian sedang mengkaji keberkesanan Akta Kanak-kanak dan dalam proses untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kaedah menangani penderaan seksual kanak-kanak.

Kementerian juga melancarkan kempen kesedaran melalui hubungan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Polis, Jabatan Kesihatan, Jabatan Penerangan, pihak media massa serta pertubuhan bukan kerajaan. Salah satu program yang telah diadakan ialah Bengkel *Consultative* Henti Rogol, Hormat dan Kawal Diri. Selain daripada itu kementerian melalui LPPKN telah terus mempergiatkan program pendidikan keibubapaan dan pembangunan remaja bagi mewujudkan rasa saling hormat-menghormati dalam keluarga dan perlu masyarakat mempertahankan kemuliaan manusia dalam kehidupan seharian. Mengadakan modul kebapaan Pancaran Kasih di bawah Pakej Kasih yang menitikberatkan peranan dan tanggungjawab seorang bapa dan melaksanakan strategi serampang dua mata dengan mempergiatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan serta NGO untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu berkenaan.

Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan cadangan yang membina terhadap pelbagai isu yang menyentuh kementerian. Semua pandangan dan saranan tersebut akan diberi perhatian sewajarnya bagi membantu kementerian melaksanakan program dan aktiviti dengan lebih berkesan dan cemerlang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat. Jawapan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sila Setiausaha Parlimen.

5.42 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun ringkasnya MOSTI mengambil maklum dan sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi yang telah dilaksanakan oleh kementerian. Masa depan ekonomi negara kita sangat bergantung kepada sejauh mananya kita dapat menerapkan *input* sains teknologi dan inovasi dalam daya kerja seterusnya dalam semua sektor ekonomi.

Usaha ini sangat memerlukan sokongan minat dan gandingan semua. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Kuala Pilah, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Beluran dan juga Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah membuat beberapa saranan, memberikan pelbagai pandangan dan persoalan mengenai Program Penyelidikan dan Pembangunan yang ringkasnya dikenali sebagai P&P serta pengkomersialan hasil-hasil P&P. Kesediaan pengusaha-pengusaha tempatan bagi menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan bidang teknologi automasi termasuklah pemprosesan dan *branding*, mewujudkan suasana kesungguhan dan kerjasama yang erat di antara kerajaan, syarikat milik kerajaan atau dengan izin, *government link companies* (GLC) dan golongan perniagaan termasuklah institusi bank dan kewangan, insentif prasarana bagi perkembangan inovasi dan

perniagaan insentif kepada saintis dan pereka cipta termasuklah bayaran *royalty* dan pengiktirafan yang setimpal. Penekanan kepada penghasilan harta intelek, memberi dorongan dan mencungkil bakat golongan muda untuk menceburi bidang sains dan teknologi dan beberapa isu lain yang berkaitan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mempunyai strategi untuk menambah perbelanjaan P&P pada 1.5% dari KDNK menjelang tahun 2010 dan mencapai tenaga kerja yang berkebolehan kepada 60 RAC iaitu penyelidik, saintis dan jurutera per 10 ribu tenaga buruh menjelang tahun 2010, untuk meningkat kapasiti P&P negara.

Strategi ini disertai dengan program-program kementerian, diharap dapat mencapai strategi Bajet 2005 bagi status P&P yang telah dibahaskan. Dalam melaksanakan dasar kerajaan dan kementerian ini, lapan strategi ataupun perkara diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pertama dalam mempertingkatkan budaya penyelidikan dan pembangunan, ini kita gulungkan di bawah peruntukan Program IRPA (*Intensification of Research In Priority Areas*), izinkan saya membuat sedikit penjelasan berhubung dengan P&P dan pengkomersialan hasil-hasil P&P.

Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa memandang berat kepada Program P&P dan pengkomersialan hasil-hasil P&P berkenaan. Sejak Rancangan Malaysia Kelima lagi peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan melalui MOSTI untuk P&P sehinggalah kepada Rancangan Malaysia Kelapan sentiasa bertambah.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah RM400 juta telah disediakan, begitu juga dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah RM600 juta telah diperuntukkan, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM903 juta dan bagi Rancangan Malaysia Kelapan sekarang, adalah RM1,213 juta disediakan.

Berdasarkan kepada Program P&P ini dalam Rancangan Malaysia Kelima, objektifnya bermula untuk mempertingkatkan sosioekonomi yang lebih menekankan kehidupan dan kesejahteraan rakyat, di samping untuk pembangunan kapasiti dan *capability* sumber tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Hasil daripada pembangunan yang positif, objektif Program P&P ini telah dinilai semula dan beberapa perkara baru telah ditambah termasuklah aktiviti pengkomersialan hasil-hasil P&P.

Aktiviti pengkomersialan hasil P&P ini dibiayai daripada pembiayaan dana pengkomersialan, *Commercialization of Research and Development.Fund*, dengan izin, CRDF dan juga modal teroka, *venture capital* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin secara ringkas kita tengok apakah pencapaian Program IRPA sehingga kini. Kementerian telah membuat kajian terhadap pencapaian-pencapaian Program IRPA dalam Rancangan Malaysia Kelima, Keenam dan Ketujuh. Pencapaian-pencapaian ini amatlah menggalakkan sebenarnya, di mana bilangan penyelidik, saintis dan jurutera telah meningkat. Pelbagai anugerah, ciptaan baru di peringkat antarabangsa telah diperolehi oleh saintis-saintis Malaysia dan sejumlah harta intelek dalam bentuk paten, *copy right* juga telah diperolehi.

Untuk makluman Yang Berhormat semua Program IRPA meliputi ruang yang begitu luas, perkara-perkara yang ditekankan di dalam program ini di antara lainnya termasuklah untuk meningkatkan sosioekonomi negara, menambahkan jumlah penyelidik, saintis dan jurutera, menambah dan mempertingkatkan infrastruktur penyelidikan, mengeratkan kerjasama agensi-agensi kerajaan IPTA dan IPTS, industri-industri tempatan, memperbanyakkan harta intelek negara, mempertingkatkan aktiviti pengkomersialan, memberi kesedaran dan juga penglibatan rakyat kepada sains teknologi dan pelbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua adalah pergi kepada pengkomersialan hasil-hasil Program IRPA tadi. Seperti Yang Berhormat semua sedia maklum, isu yang sering diperkatakan adalah pengkomersialan hasil-hasil P&P ini. Pengkomersialan hasil-hasil P&P merupakan salah satu perkara yang diberikan keutamaan dalam mencapai objektif dasar sains dan teknologi negara. Pada dasarnya aktiviti pengkomersialan hasil-hasil P&P telah melalui pelbagai peringkat dan fasa. Ukuran sebenar pada hasil-hasil pengkomersialan ini agak sukar dilaksanakan secara terperinci.

Namun begitu kementerian telah membuat penilaian dan mendapati hasil-hasil pengkomersialan ini amatlah membanggakan. Tanggapan umum amatlah berbeza sekali. Ini mungkin kerana tanggapan bahawa Program P&P adalah dikhususkan pengkomersialan hasil-hasil P&P, di sebaliknya program ini meliputi aspek yang amat luas dan bergantung kepada objektif dan matlamat yang hendak kita capai. Namun demikian berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh kementerian ini, mendapati 14% hasil-hasil daripada P&P yang dilaksanakan Dalam Rancangan Malaysia

Keenam dan Ketujuh di negara ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan, manakala 5% daripadanya telah dikomersialkan dan telah dipasarkan di dalam negara dan juga dieksport ke luar negara. Antara-antara hasil-hasil P&P yang telah dikomersialkan seperti produk-produk pertanian, kesihatan, pembuatan, pembinaan dan juga produk telekomunikasi dan juga multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, strategi ketiga adalah pengambilan saintis dari luar negara, program pengambilan saintis warga negara Malaysia yang bertugas di luar negara dan saintis-saintis asing untuk bertugas di Malaysia sedang dinilai semula. Program yang baru akan lebih fleksibel dan lebih menarik dan memberikan lebih insentif kepada saintis-saintis berkenaan. Prosedur-prosedur yang berkaitan dengan kemasukan saintis-saintis asing juga akan dinilai dari masa ke masa supaya ianya lebih fleksibel dan tidak menyusahkan saintis-saintis berkenaan. Walau bagaimanapun saintis-saintis tempatan tetap akan diberikan keutamaan agar perkembangan P&P negara sentiasa dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Maran bangun.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Silakan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, tadi Setiausaha Parlimen menyebutkan bahawa pengambilan saintis-saintis luar ataupun pakar-pakar luar akan diteruskan dan mungkin cara-cara ataupun syarat-syarat ataupun keistimewaan akan dikaji semula. Kita dimaklumkan oleh pihak kementerian dan kerajaan bahawa kita mempunyai ramai pakar-pakar di luar negara. Saya tidak berapa pasti berapa ribu orang yang sekarang bertugas di luar negara dan pada saya mereka ini tidak mahu balik ke negara kita dan mungkin disebabkan oleh beberapa faktor umpamanya bayaran gaji yang baik, yang lebih baik daripada negara sendiri.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan ataupun kementerian apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan khususnya kementerian untuk membawa pakar-pakar kita yang di luar ini kembali ke negara sendiri? Dan dalam masa yang sama apakah langkah dibuat untuk menanamkan kesedaran kepada mereka supaya mereka mempunyai jati diri dan merasa sayang kepada negara sendiri dan tidak mementingkan ekonomi sebagai hasil pendapatan di negara luar sebaliknya

kembali ke negara sendiri untuk bertugas di sini dan memindahkan teknologi yang mereka ada, kepakaran yang mereka ada kepada rakyat negara kita?

Ini saya lihat pihak kerajaan cuba hendak memberi keistimewaan yang lebih mungkin kepada pakar-pakar luar. Apakah salahnya kalau kita memberikan keistimewaan yang lebih kepada pakar-pakar kita yang berada di luar ini supaya mereka kembali ke negara kita dan dalam masa yang sama kita dapat menanamkan semangat cinta mereka dan sayang mereka kepada negara ini. Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Sebenarnya persoalan ini telah pun dijawab dalam soalan pada minggu lepas oleh Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya mengikut makluman Menteri yang telah dimaklumkan kita ada lebih kurang 30,000 saintis dan profesional warga negara Malaysia yang berkhidmat di luar negeri. Jadi ini termasuklah akauntan, *lawyer* dan sebagainya. Kita bukan tidak menjemput ataupun menarik minat mereka ini tetapi pada masa yang sama kita memikirkan mereka warganegara tentulah pada satu masa nanti mereka tetap juga akan balik ke negara kita. Jadi sementara mereka menimba pengalaman dan juga *may be* mewujudkan syarikat-syarikat di luar negara dan akhirnya nanti mereka tetap juga akan membantu kerajaan kita.

Jadi kalau mereka ini balik ke Malaysia, insentif yang diberikan kepada mereka boleh dikatakan sama juga seperti pakar-pakar saintis-saintis daripada luar negara. Kemungkinan mereka akan diberi kelonggaran pengajian untuk anak-anak mereka bersekolah swasta oleh sebab kebanyakan keluarga mereka telah pun bersekolah di aliran yang lain daripada negara kita mungkin dalam Bahasa Inggeris dan sebagainya, mediumnya dan selain itu kalau mereka tidak dapat balik sepenuh masa pun apakah yang akan kita akan buat iaitu kita pastikan melalui e-mail dan sebagainya, *researcher* ataupun saintis di negara kita akan sentiasa boleh berkomunikasi untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada mereka ini.

Jadi kita tidak mesti secara fizikal, mesti mereka duduk di Malaysia, mereka boleh balik mungkin satu bulan dalam setahun atau pun mungkin hanya satu minggu dalam setahun sebagai rehat daripada produk-produk atau mengadakan perbincangan tetapi berkaitan dengan *transfer* daripada teknologi boleh dibuat melalui e-mail dan juga berbagai-bagai media yang ada sekarang. Terima kasih...

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha, Mambong bangun.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sila.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, persoalannya di sini ialah bukannya rakyat Malaysia di luar negara enggan balik. Kemungkinan mereka mahu balik jika gaji berpatutan kerana selama ini mereka bertugas di luar negara mereka mendapat gaji yang lebih tinggi jika mereka bekerja di luar negara, itu satu faktor. Tetapi faktor yang lain, apakah yang menyebabkan mereka lebih mahir, lebih berpengalaman lagi semasa mereka bekerja di luar negara? Faktor ini adalah paling penting iaitu keadaan pekerjaan, *working condition*.

Yang kedua adalah fasiliti, peralatan yang canggih, peralatan yang lebih baik daripada yang terdapat di negara kita. Ramai lagi saintis yang genius dan yang lebih pandai lagi di dalam negara kita, masa kini ada di negara kita. Cuma hanya kerajaan tidak memberi *working condition* yang lebih baik, tidak memberi peralatan fasiliti-fasiliti yang lebih baik, kalau mereka diberi fasiliti yang sama, *working condition* yang sama saya yakin kerana sebagai seorang saintis kita memang memerlukan peralatan yang canggih baru kita ada *encouragement* untuk bekerja dengan lebih rajin lagi. Soal gaji ini, mungkin ada di kalangan saintis tidak begitu penting sebab *scale* gaji ini memang sama. Dalam negara kita kalau *scale* gaji sudah tinggi memang mencukupi untuk menyara hidup. Jadi minta penjelasan, Yang Berhormat.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong, saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat. Itu sebab kita telah pun mempunyai Rancangan Malaysia Kelima sehingga sekarang kita ingin membudayakan R&D itu sebagai satu kehidupan dan peruntukan yang begitu banyak telah kita sediakan untuk menyediakan peralatan dan juga fasiliti ataupun kemudahan penyelidikan itu sendiri. Jadi sebahagian besar saya rasa kita telah pun telah mencapai tahap di mana fasiliti pendidikan telah ada dan kita akan pertingkatkan dari masa ke semasa.

Bagi teknologi-teknologi baru yang mana kita ingin menceburkan seperti dalam bidang teknologi dan sebagainya, kita ingin bergabung dengan penyelidik-penyelidik daripada luar negara yang telah lama terlibat di dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan kepakaran mereka dan kerajaan memang menyediakan insentif bukan

sahaja di sini mungkin gaji tidaklah selumayan mana. Itulah sebab saya nyatakan tadi bahawa kita tidaklah berharap mereka akan datang menetap di Malaysia tetapi mereka mungkin datang hanya satu bulan setahun sahaja. Yang penting kita menyediakan kemudahan-kemudahan penyelidikan di negara kita supaya mereka boleh menyambung hasil-hasil penyelidikan yang mereka telah laksanakan di luar negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Ipoh Timur.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa semenjak Bajet 2001, kerajaan ada melancarkan satu program baru *brain gain* yang bermatlamat untuk menarik setahun 5,000 orang bakat luar biasa atau *extraordinary talent*, kreativiti, *brain power* dan dalam 4 tahun ini kalau program ini berjaya patutlah kita sudah berjaya untuk menarik 20,000 orang *extraordinary talent* tetapi nampaknya prestasi satu kegagalan besar tidak sampai 1% pun berjaya. Adakah satu kajian yang mendalam dibuat kenapa ada kegagalan yang begitu maha besar?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya rasa soalan ini pun telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada awal minggu ini. Dalam proses untuk menarik saintis-saintis ini seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga oleh saya sebentar tadi adalah bukan sangat kita menyediakan gaji atau insentif yang begitu besar kepada mereka tetapi kita perlu menyediakan kemudahan, *research facilities* yang bertaraf dunia kepada mereka ini.

Jadi, walaupun kita belum berjaya sebegitu untuk menarik mereka tetapi kita sedang melihat semula apakah cara-cara ataupun prosedur-prosedur yang boleh dilihat semula untuk membuatkan *attraction* ataupun daya tarik yang lebih fleksibel kepada mereka ini untuk datang. Sebagai contoh yang saya nyatakan tadi, kemungkinan mereka tidak perlu menetap pun di negara kita. Mereka hanya perlu datang hanya dalam masa setahun, sebulan atau dua minggu sahaja untuk menjalankan ataupun mengesahkan, membuat *validation* daripada *lab test* dan sebagainya. Tetapi yang lain kita adakan perhubungan secara Internet dan sebagainya.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Silakan, terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya minta penjelasan sedikit. Ramai daripada saintis kita berminat untuk pulang terus ke negara kita. Tetapi saya difahamkan bagi mereka yang telah berkahwin, mempunyai famili dan sebagainya, masalah imigresen dan pendaftaran menjadi masalah. Misalnya apabila mereka berkahwin, mereka hendak bawa balik isteri tetapi timbul masalah terlalu sukar untuk mendapatkan taraf PR dan sebagainya, jadi menyebabkan mereka tidak berminat.

Ada yang berminat untuk balik dengan gaji yang kecil pun tidak apa, ada, hendak tinggal terus, tetapi bila isteri mereka tidak mendapat PR dan sebagainya, pendaftaran terlalu sukar, imigresen terlalu memberi masalah kepada mereka menyebabkan mereka tidak berminat untuk balik. Adakah perkara telah pun diselesaikan?

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Jadi, ini antara insentif yang kita akan tengok iaitu kemudahan membawa keluarga dan anak-anak bersekolah di sini. Ini antara perkara yang dilihat semula di dalam prosedur untuk menarik saintis-saintis balik ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, strategi keempat adalah untuk meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan rakyat. Kerajaan melalui MOSTE sentiasa memberikan penekanan kepada aktiviti kesedaran dan kefahaman sains dan teknologi di kalangan rakyat sama ada di peringkat sekolah, universiti, pegawai-pegawai kerajaan dan juga rakyat jelata.

Program penggalakan sains dan kesedaran S&T disusuli dengan pelbagai aktiviti termasuklah aktiviti *hands-on*, karnival sains, ekspo sains dan teknologi, kuiz sains piala Perdana Menteri, terbitan buletin *ST dot my* melalui akhbar tempatan, pelbagai anugerah termasuklah Anugerah Reka Cipta Negara, Anugerah Saintis Negara dan pelbagai pameran termasuklah pameran santinials 100 tahun hadiah Nobel di Pusat Sains Negara.

Pandangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Yang Berhormat bagi Kuala Nerus berkaitan inovasi dan majlis inovasi kebangsaan adalah diambil maklum.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kelima adalah pendekatan inovasi dan kreativiti dalam program sains dan teknologi. Untuk makluman, sejak tahun 70an lagi

pembangunan ekonomi negara kita banyak bergantung kepada pelaburan pihak asing, FDI dalam sektor pembuatan. Pelabur-pelabur asing tertarik dengan kos pengeluaran yang rendah, mutu tenaga kerja yang tinggi serta insentif-insentif yang diberi oleh kerajaan. FDI secara tidak langsung telah menjadi pemangkin kepada perubahan ekonomi negara dari ekonomi berasaskan pertanian dan sumber asli kepada ekonomi berasaskan pembuatan.

Namun begitu formula kejayaan ekonomi ini sekarang menjadi tiruan negara-negara asing, terutamanya dari negara-negara kurang membangun. Pada masa yang sama, faktor-faktor luaran seperti WTO dan AFTA turut menyumbang kepada tekanan terhadap tahap kompetitif ekonomi negara. Kerajaan Malaysia mengambil maklum bahawa salah satu cara untuk mengekalkan tahap kompetitif negara adalah melalui mempromosikan konsep inovasi serta mempertingkatkan penglibatan tempatan di dalam aktiviti-aktiviti berkaitan sains dan teknologi.

Ini adalah kerana walaupun ekonomi negara berkembang pesat, sebilangan besar eksport negara hampir 90% adalah terdiri daripada barangan yang dipelopori oleh pelabur asing di mana mereka adalah pemegang harta intelek ataupun *intellectual property* kepada barangan berkenaan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak ke belakang sedikit tadi sebab saya sudah terlepas. Ini mengenai membudayakan sains dan teknologi kepada rakyat. Saya dapati di peringkat sekolah, bila kita sebut sains dan teknologi, kita tidak boleh lari daripada mata pelajaran Matematik. Kita dapati kajian telah dibuat di Sekolah Kebangsaan dibandingkan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) masih lagi terdapat jurang sehingga sekarang sehingga 30%.

Jadi, ini mungkin juga menjadi salah satu daripada sebab agaknya yang anak-anak masyarakat Tionghua atau Cina tidak mahu masuk Sekolah Kebangsaan. Apakah rancangan ataupun pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini boleh membantu pihak Kementerian Pelajaran untuk mengurangkan lagi jurang, khususnya dalam mata pelajaran Matematik di peringkat sekolah rendah. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Jadi sebenarnya kita banyak membuat program terutamanya program-program ICT untuk rakyat. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita ada kuiz sains dan teknologi di peringkat sekolah yang mana baru-baru ini telah pun berlangsung majlis penyampaian hadiah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dibuat dan kita juga ada melaksanakan program penggalakan sains dan teknologi dengan PIBG dan sebagainya.

Berkaitan dengan minat dalam bidang sains dan teknologi ini, saya ingat ini adalah merupakan satu stamina ataupun jati diri kepada semua orang. Kita tidak mengatakan bahawa hanya setengah golongan atau setengah kaum sahaja yang mempunyai pencapaian yang baik atau minat yang tinggi di dalam bidang sains dan teknologi dan satu golongan lain kurang tidak. Kita merasakan bahawa rakyat Malaysia walaupun pelbagai kaum, mereka mempunyai potensi dan minat di dalam bidang sains dan teknologi.

Itu sebab salah satu polisi Kementerian Pelajaran itu untuk memastikan dalam tahun 2010, saya rasa, untuk memastikan bahawa 60% pelajar sekolah adalah di dalam bidang sains dan teknologi dan ini tidak terhad kepada Sekolah Kebangsaan sahaja iaitu kepada semua sekolah sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan ataupun juga Sekolah Kebangsaan. Kita hendak pastikan bahawa 60% pelajar akan berada di dalam aliran sains dan teknologi.

Jadi sebenarnya banyak program yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Satu daripadanya yang telah dilaksanakan ialah SME (Sains, Matematik, English) sebab banyak software dalam bahasa Inggeris mediumnya yang dapat membantu menarik minat dalam bidang Sains dan Matematik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan.

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Adalah diakui bahawa inovasi merupakan faktor utama kejayaan negara-negara maju. Inovasi melalui bidang-bidang teknologi seperti ICT , *photonics*, *nano technology* dan bioteknologi telah dikenal pasti sebagai penjana baru kepada ekonomi dunia dalam abad ini. Bidang-bidang ini mempunyai ciri-ciri *low capital requirements*, *short session period*, *low or share risk* dan *high multiplier effects*, dengan izin, memberi peluang terbaik kepada pembabitan sektor korporat dan juga swasta.

Penglibatan sektor korporat dan swasta di dalam program P&V akan dipertingkatkan mulai penggubalan polisi serta peraturan-peraturan yang sedia ada. Oleh yang demikian, kerajaan akan memberikan sokongan yang padu terhadap usaha-usaha mengekal serta mempertingkatkan tahap kompetitif ekonomi negara melalui satu bentuk iaitu dikenali sebagai sistem inovasi (*innovation system*). Melalui sistem ini program dan aktiviti seperti P&P, pengkomersialan harta intelek, reka bentuk dan kejuruteraan dan penerbitan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan oleh semua pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang kemuncak inovasi yang telah diadakan pada April 2004 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan. Majlis ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala strategi negara berkaitan dengan program sains, teknologi dan inovasi.

Melalui majlis ini semua badan yang melaksanakan program dan aktiviti sains dan teknologi negara akan digembleng bagi menangani isu yang wujud dalam program inovasi dapat ditangani dengan lebih berkesan. Majlis Inovasi Kebangsaan ini akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sendiri manakala Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai Timbalan Pengerusi. Sementara itu Jawatankuasa Kerja bagi majlis ini akan diketuai oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang keenam iaitu pembangunan industri berasaskan bioteknologi. Pandangan Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Kudat, dan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah diambil maklum berkaitan dengan sektor bioteknologi negara. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi membangunkan projek bio-valley Malaysia. Projek ini di antara lainnya menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana yang terkini untuk tujuan penyelidikan dalam bidang bioteknologi. Bagi tujuan ini tiga institut penyelidikan akan dibangunkan iaitu:

- (i) Institut Bioteknologi Kebangsaan (Agro bioteknologi);
- (ii) Institut Bioteknologi Kebangsaan Genomik dan Biologi Molekul; dan
- (iii) Institut Bioteknologi Kebangsaan Pharmaceutical dan
- (iv) Interceutical.

Bagi mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan bioteknologi berkenaan satu badan iaitu Direktorat Pembangunan Perniagaan (DPP) akan dibangunkan. Oleh itu keempat-empat komponen ini merupakan komponen yang penting bagi mewujudkan k cluster bioteknologi untuk tujuan penyelidikan dan juga aktiviti komersial.

Pihak kementerian pada masa ini sedang mengkaji semula konsep bio-valley ini sama ada untuk dibangunkan secara *cluster* ataupun secara kelompok. Sebagai langkah sementara pihak kementerian telah membina tiga makmal sementara bagi membolehkan aktiviti penyelidikan dijalankan dengan lebih sempurna. Makmal-makmal ini ditempatkan di UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), Universiti Putra Malaysia dan juga MARDI. Aktiviti penyelidikan yang dijalankan di makmal interim ini akan dipindahkan ke bio-valley sebaik sahaja pembinaan bio-valley lengkap ataupun siap sepenuhnya.

Program P&P untuk bioteknologi adalah meliputi tujuh bidang keutamaan, iaitu bioteknologi haiwan, bioteknologi makanan, bioteknologi tumbuhan, bioteknologi perubatan, bioteknologi farmasi, bioteknologi molekul, dan bioteknologi sekitaran ataupun industri. Sejumlah RM123 juta telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk membiayai projek-projek penyelidikan dalam kategori penyelidikan *experimental* dan juga permohonan teknologi.

Penyelidik-penyelidik yang kebanyakan terlibat adalah daripada universiti dan universiti penyelidikan awam seperti UKM, UPM, USM, UNIMAS, MARDI, MPOB, FRIM, Lembaga Getah Malaysia dan juga IMR.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang ketujuh adalah pembangunan industri ICT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa strategi ada Yang Berhormat?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Lapan. Kementerian mengambil maklum pandangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Kuala Pilah dan juga Yang Berhormat bagi Beluran. Bagi penggunaan industri ICT negara kita, MSC mempunyai strategi serampang dua mata iaitu untuk menggalakkan pertumbuhan *technopreneur* tempatan yang dibantu melalui insentif-insentif dan program-program aplikasi perdana pembangunan *technopreneur* supaya menjadi syarikat bertaraf dunia.

Strategi kedua ialah untuk menarik pelaburan syarikat asing ke MSC supaya dapat menjana pertumbuhan industri ICT tempatan dan seterusnya mengambil inisiatif dan membantu *technopreneur-technopreneur* tempatan.

Oleh yang demikian antara tumpuan utama MSC sejak dari fasa pertama adalah memberikan penekanan kepada mempercepat pembangunan usahawan kecil dan sederhana di dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi, memperluaskan konsep MSC ke negeri lain menerusi bandar raya *cyber* dan juga pusat informasi yang lain agar dapat meluaskan peluang *technopreneur* tempatan.

Seterusnya mengeksport keluaran barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan dari aplikasi perdana (*flagship application*). Membantu syarikat-syarikat tempatan dalam pemasaran global dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain.

Yang keenam mengenal pasti rakan kongsi (*strategy partners*) termasuk dari syarikat-syarikat modal broker, *venture capital* bagi memudahkan usahawan kecil dan sederhana memasuki pasaran dunia.

Selain itu sebagai jambatan untuk menggalakkan hasil-hasil P&P di institusi pengajian tinggi agar dapat diketengahkan bagi tujuan pengkomersialan. MDC telah menubuhkan Program Pembangunan Unipreneur Kebangsaan atau dengan izin *National Unipreneur Development Program* (NUDP) di bawah aplikasi perdana pembangunan *technopreneur*.

Antara program-program yang telah dijalankan termasuklah mengendalikan klinik-klinik pengkomersialan penyelidikan untuk penyelidik-penyelidik Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Seminar dan bengkel bertajuk dengan izin, *Transform Your Research Into Business Ventures* telah dijalankan di Universiti Sains Malaysia. Program untuk *technopreneur* bumiputera dilaksanakan di bawah program pembangunan MDC - MARA. Melalui bengkel-bengkel dan program-program ini MDC mendaftarkan peserta-peserta untuk program pertumbuhan dan percepatan (*grow and assimilation*) di bawah pembangunan *technopreneur* MSC-TDF.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan meringkaskan penggulangan ini. Saya akan terus pergi kepada strategi yang kelapan iaitu penstrukturan semula kementerian. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan program P&P dan pengkomersialan hasil-hasil P&P, kerajaan telah pun menstrukturkan semula kementerian iaitu MOSTI dengan struktur yang baru ini adalah diharapkan program berkenaan akan dapat dipertingkatkan khususnya aktiviti pengkomersialan bagi menjana ekonomi negara yang sedia ada.

Melalui penstrukturan semula ini ruang pemisah di antara institusi-institusi penyelidikan awam dan swasta, agensi-agensi kerajaan dan swasta, industri-industri

tempatan dan badan-badan yang berkepentingan akan dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan. Hasil-hasil penyelidikan yang sedia ada akan diadakan untuk memasuki pasaran tempatan dan luar negara. Program P&P akan dinilai semula untuk memberi penekanan kepada permintaan di pasaran. Aktiviti pengkomersialan akan di perhebatkan lagi apabila program untuk mewujudkan dan melatih teknokrat-teknokrat dilaksanakan oleh MOSTI dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan saranan kepada penerangan dan fungsi yang dimainkan oleh kementerian ini. Kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Kementerian juga akan memberikan jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada sebarang isu yang perlu mendapat penjelasan dan keterangan yang lebih lanjut. Sebagai yang terakhir kita akan menjadikan hasil teknologi ini sebagai satu sektor yang boleh menghasilkan produk untuk eksport di pasaran global yang boleh menjana pendapatan negara.

Untuk mencapai matlamat ini rakyat disarankan supaya bersama-sama membantu usaha kerajaan dengan mempunyai jiwa dan semangat yang besar. Rakyat tidak sepatutnya merasa rendah diri, terkebelakang dan melihat sahaja teknologi sebagai suatu yang asing, sebaliknya turut serta menyumbang kepada perkembangan teknologi secara global. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Jawapan daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

6.19 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2005 di peringkat dasar dan telah membangkitkan pelbagai isu serta cadangan untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam jangka waktu yang terhad ini penjelasan saya akan tertumpu kepada perkara-perkara spesifik sebaik yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah memohon supaya disegerakan penubuhan kolej komuniti di kawasan mereka. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menubuhkan dan mengembangkan kolej komuniti di seluruh negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kriteria yang harus dipertimbangkan sebelum sesebuah kolej komuniti ditubuhkan. Di antara kriteria-kriteria tersebut ialah jumlah dan kepadatan penduduk setempat, kegiatan ekonomi, ketiadaan lain-lain institusi latihan seperti Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian dan sebagainya.

Sehingga kini terdapat 34 buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di seluruh negara. Kolej komuniti kini menawarkan 17 jenis kursus di peringkat sijil secara sepenuh masa iaitu selama dua tahun. Selain dari itu, kolej komuniti juga berperanan untuk mendidik masyarakat setempat melalui kursus-kursus pendek yang dijalankan mengikut keperluan dan kehendak masyarakat. Sehingga September 2004, sebanyak 433 kursus pendek telah dilaksanakan melibatkan masyarakat setempat, kakitangan awam, kakitangan swasta, belia, kaum wanita serta ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Labuan, Pontian, Kinabatangan, Temerloh dan Gombak telah menyentuh mengenai secara langsung dan tidak langsung berkaitan isu peningkatan kualiti pendidikan tinggi negara. Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti meningkatkan kualiti kursus pengajian di semua peringkat, sesuai, relevan dan berdaya saing di peringkat global, meningkatkan kursus pengajian berasaskan Sains dan Teknologi, menggalakkan penawaran kursus berbentuk *hands-on*, dengan izin, meningkatkan penglibatan pelajar dalam industri melalui program sandaran dan *internship*, dengan izin, menggalakkan IPTS bekerjasama dengan IPTA tempatan dan institusi pengajian tinggi terkemuka di dunia dalam pengukuhan kursus pengajian, penerokaan ilmu pengetahuan baru....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Fu Ah Kiow:perolehan pengiktirafan dan penyemakan serta penilaian kursus pengajian IPTS secara berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Sabak Bernam.

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti, biar saya habiskan perenggan ini, nanti saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, okay.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya maklumkan di sini, bagi meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara, kementerian saya telah menubuhkan Bahagian Jaminan Kualiti dan Lembaga Akreditasi Negara atau lebih dikenali sebagai LAN bagi memantau dan menilai kualiti institusi pengajian tinggi supaya memenuhi standard yang telah ditetapkan. LAN ditubuhkan di bawah Akta 556 sebagai sebuah badan bebas yang berautonomi bagi meningkatkan kualiti sektor pendidikan tinggi swasta, sementara bahagian jaminan kualiti bertanggungjawab berhubung isu kualiti sektor pendidikan tinggi awam. Bahagian Jaminan Kualiti melaksanakan penilaian program-program di IPTA dengan menggunakan sistem *rating*, dengan izin, bagi memastikan kualiti pendidikan negara sentiasa berada di tahap yang baik bermula tahun 2004.

Sistem *rating* ini mengukur tahap pematuhan sesuatu institusi kepada standard yang telah ditetapkan dengan menggunakan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjukkan tahap pematuhan yang paling rendah manakala skala 5 menunjukkan pematuhan yang paling tinggi. Sembilan aspek yang dinilai adalah seperti berikut:-

- (i) visi, misi, matlamat dan hasil pembelajaran;
- (ii) reka bentuk program pendidikan dan kaedah pembelajaran;
- (iii) penilaian pelajar;
- (iv) pemilihan pelajar dan sistem sokongan;
- (v) staf akademik;
- (vi) sumber pendidikan;
- (vii) penilaian prestasi program;
- (viii) kepimpinan dan *governance*; dan
- (ix) penambahbaikan kualiti berterusan.

Rating dicatatkan dalam kad skor supaya institusi dengan sekali pandang dapat mengetahui kekuatan dan kelemahannya. Sistem *rating* seumpama ini juga dilaksanakan oleh badan-badan berkanun, penjaminan kualiti di Australia dan United Kingdom. Dengan menggunakan *rating*, sesebuah institusi dapat memantau trend pencapaian serta mengenal pasti kekuatan, kelemahan mereka bagi membolehkan

aktiviti penambahbaikan dilakukan dan juga untuk mengenal pasti *niche area*, dengan izin, atau kekuatan sesuatu fakulti atau universiti.

Untuk tujuan kawalan kualiti, program-program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS, LAN telah menetapkan supaya setiap kursus dan program pengajian mesti melalui tiga proses penilaian iaitu:-

- (i) wajib mendapat kelulusan pengendalian sesuatu kursus pengajian;
- (ii) perlu mencapai standard minimum sebelum sesebuah IPTS boleh dianugerahkan kelayakan bagi kursus pengajian yang telah diluluskan pengendaliannya; dan
- (iii) mendapat perakuan akreditasi untuk kursus pengajian yang dijalankan secara bekerjasama 3+0 dengan IPT luar negara. Untuk kursus lain, IPTS digalakkan tetapi tidak diwajibkan mendapatkan perakuan akreditasi sebagai satu pengiktirafan rasmi LAN.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga sentiasa memantau supaya IPTS mematuhi Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan oleh LAN. Dengan ini, kualiti pendidikan tinggi negara akan sentiasa terkawal dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik terus kepada isu kolej komuniti. Kolej komuniti ini sewajarnya kursus-kursus yang ditawarkan di sesuatu kawasan itu sesuai dengan komuniti yang ada. Sabak Bernam ini, daerah dan kawasan Parlimen adalah kawasan pertanian. Jadi, sudah ada enam kursus di situ tetapi tidak ada yang berkaitan secara langsung dengan pertanian. Semalam, Menteri Pertanian telah menyatakan persetujuan, oleh kerana kolej komuniti ini di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, maka beliau menyatakan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang mengalu-alukan kalau diadakan kursus di situ dengan syarat dipersetujui oleh pihak Pengajian Tinggi. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih kerana memberi maklumat tersebut. Memang tujuan khusus kolej komuniti adalah melahirkan tenaga manusia yang ada kaitan dengan aktiviti ekonomi tempatan. Jadi kalau di Sabak Bernam, kolej komuniti tidak menyediakan kursus yang ada kaitan dengan pertanian, kita akan mengambil tindakan untuk menyediakan kursus tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam ada Ahli-ahli Parlimen dari UMNO yang membidas menteri-menteri yang tidak datang ke Dewan untuk memberi jawapan dan ini sangat terkena kepada kementerian ini khasnya oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada mengeluarkan satu pendirian dan di sini, dalam ucapan saya ada mengemukakan isu-isu mengenai meritokrasi yang sampai sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri pun belum sebut dan di mana Yang Berhormat Menteri di dalam Perhimpunan Agung UMNO ada mengatakan bahawa selama beliau menjadi Menteri Pengajian Tinggi, dia akan memastikan bahawa dalam pengurusan sistem meritokrasi bahawa *target* kuota untuk pelajar-pelajar bumiputera tidak akan kurang daripada 55%. Bukankah ini menidakkan, dengan izin, dengan *mockery* sistem meritokrasi, adakah ini pendirian kementerian yang berkenaan, dan kalau begitu, apa ertinya sistem meritokrasi? Bukankah ini akan dikaji semula dan pendirian ini ditarik balik?

Dato' Fu Ah Kiow: Saya minta Yang Berhormat bersabar, saya akan sampai ke isu meritokrasi nanti ya. Menteri saya akan berlepas malam ini ke United Kingdom atas urusan rasmi. Jadi, nanti saya akan sampai ke topik meritokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan telah menyarankan supaya proses akreditasi dipercepatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, proses penilaian akreditasi memerlukan komitmen, masa dan persetujuan semua pihak yang berkenaan. Ia melibatkan pengumpulan data, penyediaan penilaian dan lawatan tapak terhadap IPTS berkenaan.

Pelancaran proses penilaian amat bergantung kepada kerjasama pihak IPTS dalam membekalkan maklumat yang diperlukan serta keupayaan ahli panel penilai LAN dalam menghasilkan laporan-laporan berkualiti dalam masa yang ditetapkan. Laporan awal terlebih dahulu perlu disediakan oleh Ahli Panel Penilai berdasarkan kepada data dan maklumat yang dikemukakan diikuti lawatan ke premis IPTS yang

mengambil masa minimum dua hari. Ia bertujuan membuat kajian dan verifikasi lanjut situasi sebenar kursus pengajian yang dikendalikan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Labuan bangun.

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya habiskan dahulu, habis nanti saya bagi. Antara elemen penilaian adalah:-

- (i) tenaga pengajar dari segi jumlah, kelayakan, kesesuaian, kemampuan dan keberkesanan;
- (ii) pencapaian pelajar dari segi *outcome*, dengan izin, dan hasil pelajaran yang dilalui; dan
- (iii) kualiti dan kuantiti kemudahan yang disediakan untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran;
- (iv) keberkesanan sistem pengurusan.

Piagam pelanggan yang ditetapkan oleh LAN bagi memproses permohonan kelulusan adalah lima bulan. Tempoh masa ini adalah diperlukan setelah mengambil kira elemen penting dalam kerja-kerja penilaian, kelulusan kursus pengajian seperti mana amalan lazim badan-badan jaminan kualiti luar negara. Antara proses penting yang dimaksudkan adalah pencarian ahli panel penilai untuk menilai dokumen; menjalankan lawatan prakelulusan; hendak membuat penilaian berasaskan standard dan kriteria yang telah ditetapkan; dan pembentangan laporan. Dari segi pencapaian jumlah permohonan kelulusan yang selesai diproses dalam tempoh piagam lima bulan telah meningkat dari 73% pada tahun 2000 ke 94% pada tahun 2003.

Di samping itu, LAN telah mengambil langkah dan usaha mempercepatkan kelulusan dan pengakreditasi kursus-kursus di IPTS dengan mewujudkan pusat serenti atau *one-stop agency*, dengan izin. Usaha ini dijangka akan mempercepatkan lagi proses kelulusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa mengambil masa yang lama untuk mengumpulkan Ahli Lembaga Akreditasi. Saya

sendiri pernah berjumpa dengan CEO LAN, di mana beliau mengatakan bahawa panel untuk Lembaga Akreditasi ini dia tidak tetap dan tertakluk kepada persetujuan mereka untuk menentukan masa sama ada mereka boleh atau tidak boleh mengadakan satu-satu lawatan.

Dalam masa lima bulan Yang Berhormat katakan sebagai piagam pelanggan. Saya berani menyatakan bahawa hampir keseluruhan IPTS di negara ini tidak menikmati perkhidmatan lima bulan yang boleh disediakan oleh LAN. Apa yang ingin saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat apakah pihak kementerian tidak bercadang memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menegaskan dan menekankan tentang betapa pentingnya *delivery system* kerajaan. Apakah pihak Kementerian Pendidikan tidak ingin mempertingkatkan masa lima bulan tersebut dipendekkan dan ditetapkan Lembaga Akreditasi terutamanya yang hendak melawat tapak dan sebagainya.

Saya tidak faham kenapa bila satu-satu program dikemukakan harus diadakan melawat tapak, sedangkan untuk membuka satu IPTA pun syarat-syarat yang diberikan oleh pihak pendidikan swasta begitu ketat. Jadi, ini adalah satu perkara yang saya rasa berulang-ulang dan saya meminta Yang Berhormat menjelaskan apakah tempoh lima bulan ini boleh diperbaiki, kalau tidak bermakna kita tidak akan setanding dengan negeri-negeri ataupun negara-negara lain yang menawarkan pendidikan sama ada pendidikan awam ataupun swasta. Jadi, itu yang saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya akui sebelum ini masa yang diambil untuk memproses permohonan kelulusan sesuatu kursus pengajian akan mengambil masa yang agak lama. Oleh sebab itu, baru-baru ini satu kaedah baru yang disebutkan tadi *one-stop agency* ini telah pun diperkenalkan dan tempoh lima bulan ini adalah tempoh yang paling panjang yang diperlukan. Lawatan ke tapak cuma diperlukan dalam proses menilai permohonan untuk mendapatkan perakuan akreditasi, tetapi untuk permohonan kelulusan pengendalian sesuatu kursus biasanya kita tidak menjalankan lawatan. Tetapi ada kadangkala kursus yang tertentu di mana bukan senang hendak mendapatkan ahli panel yang berpengalaman, walaupun kini kita ada tersenarai seramai 700 lebih ahli panel daripada pelbagai bidang, tetapi ada kadangkala kursus misalnya kursus yang ada kaitan dengan muzik maka ahli panel kadangkala sukar didapati.

Jadi, saya berharap pihak Yang Berhormat boleh memberikan peluang kepada LAN untuk melaksanakan kaedah baru supaya kita dapat mengemas kini dan memendekkan masa untuk pemprosesan segala permohonan oleh LAN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur menyentuh tentang isu meritokrasi di mana beliau mencadangkan supaya diadakan satu *common examination* dengan izin, untuk masuk ke IPT. Adalah dimaklumkan di sini bahawa kementerian tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan *common examination* untuk kemasukan IPTA bagi lepasan matrikulasi dan STPM.

Untuk makluman Dewan sistem meritokrasi yang mula diamalkan sesi akademik 2002, 2003 adalah berpandukan prinsip *diversity* dan *comparability*, dengan izin. Ini bermakna kementerian kita memberi ruang kepada kepelbagaian kelulusan untuk memasuki IPT. Kemasukan tidak terhad kepada lepasan STPM dan matrikulasi sahaja, malahan lepasan sistem peperiksaan luar negara seperti A-Level United Kingdom, South Australia, *Matriculation* Sijil Tinggi Persekolahan Singapura dan kelayakan diploma juga layak memohon untuk ke IPTA.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Ayer Hitam supaya rayuan ke IPTA perlu diselaraskan.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya beri sekali ya, saya akan beri. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya rayuan ke IPTA perlu diselaraskan dan dikawal selia oleh Jabatan Pengajian Tinggi. Sukacita saya maklumkan bahawa jabatan ini akan melaksanakan e-rakyat bagi calon-calon yang gagal ke IPT bermula pada sesi akademik 2005, 2006 untuk diselaraskan dan dikawal selia supaya tiada pertindihan tawaran berlaku.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya diumumkan *cut of points* dengan izin, CGPA dalam pengambilan pelajar memasuki kursus-kursus universiti. Ingin saya maklumkan bahawa *cut of points* sebenarnya berbeza setiap tahun tertakluk kepada prestasi dan bilangan pelajar yang memohon sesuatu kursus di sesebuah universiti. Walau bagaimanapun, kementerian sememangnya telah mengumumkan *what cut of points* untuk beberapa kursus *competitive* sebagai rujukan permohonan kursus oleh pelajar. Oleh kerana kursus-kursus yang ditawarkan adalah terlalu banyak iaitu melebihi 600 kursus, cadangan untuk mengumumkan *cut of points* bagi lebih banyak kursus akan dipertimbangkan.

Selain daripada itu, kementerian telah memperbanyakkan sesi taklimat mengenai maklumat penting mengenai permohonan kemasukan IPTA seperti berikut:-

- (i) tarikh penawaran iklan;
- (ii) cara mendapatkan borang permohonan;
- (iii) cara mengemukakan permohonan;
- (iv) tarikh tutup permohonan;
- (v) dasar pengambilan pelajar ke IPTA;
- (vi) kaedah penyediaan merit bagi calon lepasan SPM, STPM, matrikulasi;
- (vii) strategi membuat pilihan;
- (viii) kriteria pemilihan ke IPTA;
- (ix) *cut of points* bagi kursus *competitive*; dan
- (x) kesilapan yang dilakukan oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan.

Pada bulan September 2004 kementerian telah menyampaikan taklimat kepada seramai 450 kaunselor di Pahang, Melaka, Johor dan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa cadangan untuk mengadakan satu *common examination* untuk pengambilan masuk universiti-universiti untuk semua pelajar. Beliau mengatakan bahawa itu *comparable* dan adil. Beliau tahulah ini tidak adil dan sebab itu ada sebuah parti, Parti Gerakan baru-baru ini kongres ada satu ketetapan yang menyeru bahawa sepatutnya diadakan satu *common examination*. MCA pun tidak berani takut membuat satu kenyataan, satu pendirian yang adil yang sepatutnya.

Bukankah benar bahawa sahaja mengatakan dua peperiksaan itu tidak adil tetapi markah pun tidak adil. Dalam ucapan saya, saya ada sebut bahawa untuk pemarkahan ada pelajar-pelajar khasnya untuk mengikuti kursus Perubatan bahawa CGPA mereka sungguhpun tidak sampai empat tetapi dapat diberikan empat .

Di sini saya ada dokumen-dokumen [*sambil membelek dokumen*] yang boleh menunjukkan ada pelajar-pelajar untuk semester yang pertama, 3.7, semester kedua, 3.9, tetapi akhirnya CGPA keseluruhan 4. Bagaimana 3.7, 3.9 boleh sampai 4. Ada

satu kes lain lagi di sini, CGPA semester yang pertama 3.93, semester kedua 3.87, angka keseluruhan 4. Bagaimana, bagaimana boleh lompat 4?

Berikutan itu, tadi saya ada sebut kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dalam Perhimpunan Agung baru-baru ini bahawa selama beliau menjadi Menteri Pengajian Tinggi dia akan memastikan bahawa dalam pengambilan pelajar-pelajar masuk universiti, bahawa angka untuk pelajar-pelajar bumiputera tidak akan kurang daripada kuota untuk bumiputera ialah 55%. Bukankah ini bererti bahawa sistem meritokrasi sebenarnya tidak ada demokrasi. Itu satu *fake* demokrasi, satu sistem meritokrasi yang palsu, yang tidak benar.

Bukankah satu kajian yang mendalam patut diadakan supaya kalau kita mahu bersaing dengan dunia, kita patutlah ada sistem kualiti dalam pendidikan kita, kita perlulah ada satu sistem peperiksaan, pengambilan masuk untuk universiti-universiti yang benar-benar ada merit.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, siapa-siapa boleh meletakkan sasaran peratusan kemasukan ke IPTA, tetapi dasar kerajaan kini ialah tetap akan meneruskan amalan meritokrasi yang telah terlaksana sejak tahun 2002, itu adalah dasar kerajaan. Perkara yang disebut tentang ada yang dapat 3.7 dan 3.8 mata dalam matrikulasi, tetapi mendapat CGPA 4. Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi adalah berasaskan kepada maklumat dan keputusan-keputusan STPM dan matrikulasi yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran.

Dan sepatutnya, kalau ada seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu, itu tidak sepatutnya berlaku, tetapi kalau ada yang dikatakan sebegini, saya berharap Yang Berhormat boleh serahkan bukti ini kepada Kementerian Pelajaran untuk disiasat. Kementerian saya adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan yang dibekalkan oleh kementerian untuk menjalankan pemilihan permohonan-permohonan untuk memasuki IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Pahat telah menggesa supaya kerajaan menggalakkan universiti-universiti tempatan mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan kajian dalam bidang perindustrian.

Sukacita saya jelaskan di sini bahawa kerajaan sentiasa menggalakkan universiti-universiti awam dan swasta tempatan mengadakan kerjasama dengan syarikat untuk menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan.

Setakat ini IPTS sememangnya terwujud di IPTA, kerjasama dengan pihak swasta seperti menjalankan R&D bersama, mendapatkan kontrak penyelidikan, mengambil panel penasihat daripada industri dan menubuhkan syarikat usaha sama hasil daripada penyelidikan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Air Hitam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Tetapi usaha ini perlu diperhebatkan lagi. Selain,

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang diumumkan *cut of point* bagi setiap kursus dan juga jumlah kursus tertumpu kepada beberapa kursus yang merupakan kursus popular. Yang Berhormat juga menyebut tentang 490 guru kaunseling telah dipanggil untuk mendengar taklimat.

Tetapi daripada apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sebenarnya syarat-syarat umum itu telah ada di dalam garis panduan. Apa yang pelajar sekarang hendak tahu ialah, bagi setiap kursus, macam promosi kursus itu saya nampak, ia tidak jelas. Bioteknologi, apa yang belajar? Kemudian ada juga seperti Sarjana Muda Perikanan, apa inti sari kursus itu? Saya rasa dari segi analisis itu tidak jelas.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mencadangkan kepada pegawai-pegawai, memperhebatkan promosi, menerangkan dengan jelas, hampir 600 kursus yang telah dibekalkan dan *cut of point* itu, walaupun tidak tepat, berbeza dari tahun ke setahun ia boleh digunakan sebagai satu rujukan, ia juga diumumkan di universiti yang lain. Saya rasa cadangan ini saya berharap boleh diguna pakai oleh pihak kementerian.

Minta jasa baik, kerana inilah yang merupakan satu perkara yang ditunggu-tunggukan oleh para pelajar sebelum mereka mengisi borang. Minta jasa baik, terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Air Hitam, seperti yang saya katakan tadi, sekarang pun telah diumumkan *cut of point* untuk kursus-kursus yang komparatif. Untuk *cut of point* lain kursus pengumuman akan dipertimbangkan dan saya juga menerima baik cadangan supaya dalam taklimat kepada pelajar-

pelajar, kita juga perlu menjelaskan potensi dan kerjaya sesuatu kursus baru , seperti bio-perubatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan penggulungan. Selain daripada itu, pihak IPTA juga turut menempatkan pelajar-pelajar di sektor swasta bagi menjalani latihan amali yang sesuai kepada pelajar berdasarkan bidang yang diambil. Bagi memantapkan lagi Program Rakan Industri, IPTA juga menggalakkan *staff* akademik untuk membuat *attachment*, dengan izin, di industri supaya mereka dapat mempelajari teknik-teknik terbaru dan pengalaman *hands-on*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang isu sasaran untuk melahirkan graduan yang kompetitif dan *marketable*, dengan izin, iaitu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Gombak, Yang Berhormat bagi Sekijang dan Yang Berhormat bagi Santubong. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh tentang isu keberkesanan pelaksanaan *double major*, dengan izin, bagi melahirkan graduan yang kompetitif dan *marketable*.

Yang Berhormat bagi Gombak telah menyentuh mengenai pembangunan watak atau *character building*, dengan izin, tahap dan kualiti tenaga pengajar dan penguasaan bahasa Inggeris terutama di peringkat universiti. Yang Berhormat bagi Sekincan pula telah menyarankan supaya pelajar mendalami skop ICT memandangkan fokus kerajaan dalam menghadapi persaingan global. Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kementerian sentiasa peka dengan keperluan industri dan sentiasa berusaha menambahbaikkan kualiti graduan terutamanya bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam bidang-bidang lain seperti komunikasi, keterampilan diri, pembangunan watak, meningkatkan keupayaan penggunaan bahasa Inggeris bagi mengatasi masalah pengangguran di Malaysia.

Bagi memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai kualiti yang tinggi, Bahagian Jaminan Kualiti dan LAN ditubuhkan bagi memberi tumpuan terhadap kualiti kursus yang ditawarkan oleh semua IPTA dan IPTS sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi. Fungsi Bahagian Jaminan Kualiti dan LAN adalah untuk memastikan semua kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS mencapai tahap kualiti

yang diperlukan bagi melahirkan graduan yang berwibawa dan sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong bangun.

Dato' Fu Ah Kiow: Sememangnya.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan ringkas. Saya menyentuh soalan kualiti graduan ini berlandaskan satu pandangan bahawa IPTA, IPTS di Malaysia hanya giat menjejarkan supaya graduan kita apabila keluar daripada universiti menjadi *holder* kelas pertama, sekurang-kurangnya kelas kedua atas, tetapi kualiti orang yang kelas pertama dan kelas kedua ini tidak dipertingkatkan, soalan jati diri, kepercayaan kepada diri dan sebagainya.

Jadi, saya menyarankan supaya jangan banyak sangat nota, jangan banyak sangat *hand out*, jangan banyak sangat *lecturer note* yang diberi secara terus kepada murid, yang mana dia boleh belajar dan dia boleh hafazkan benda itu dan boleh lulus dengan peringkat yang kelas tinggi.

Jadi apa yang saya sarankan supaya menggunakan *research system* iaitu mereka buat *research* sendiri walaupun dia akhirnya mendapat kelas ketiga tetapi kualiti bila dia keluar adalah lebih bernilai, lebih tinggi kepada kepercayaan diri dia sendiri sebagai graduan sebenarnya, keluar dan boleh mencari kerja sendiri kerana kepercayaan itu lebih tinggi. Ini yang saya tekankan. Jangan harap dengan *cover* buku itu cantik tetapi isi dalamnya kurang. Ini yang saya tekankan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya kementerian melihat perkara mengenai pengajian di universiti-universiti kita. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam peringkat pasca ijazah kaedah pembelajaran adalah banyak dilakukan melalui *research work* yang telah dijalankan, bukan sahaja *basic research* tetapi juga *apply research* dengan pihak swasta. Untuk peringkat Ijazah Muda maka selain daripada *course work*, pelajar-pelajar juga diperlukan menjalankan projek-projek di mana mereka dapat mempelajari cara berkomunikasi, cara membentangkan laporan, cara mencari maklumat dan sebagainya. Kaedah itu memang sentiasa diamalkan di universiti tempatan, sama ada di IPTA atau IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya cadangan Yang Berhormat telah pun dipraktikkan di IPT di mana kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk melahirkan graduan yang kompetitif dan *marketable*. Antara strategi jangka masa pendek yang telah diambil ialah:-

- (a) mengkaji penawaran kursus baru di IPT agar ia bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga;
- (b) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus;
- (c) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan tenaga kerja di sektor berkenaan;
- (d) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah.

Strategi jangka panjang pula antaranya melibatkan cadangan:-

- (a) cadangan kursus pengajian secara *double-major*, dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan kursus Pengajian Islam dan Ekonomi, Pengurusan dan Teknologi Maklumat;
- (b) penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik penilai luar, input daripada industri bagi memastikan kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini;
- (c) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta;
- (d) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan pengurusan dan budaya kerja di industri;
- (e) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran;

- (f) menyokong usaha JPA mengadakan skim sangkutan dan latihan dan Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan skim latihan graduan dengan menggalakkan pelajar untuk menyertai program ini selepas mereka menamatkan pengajian sekiranya masih belum mendapat pekerjaan.

Dengan langkah-langkah ini, diharap pihak IPT dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan yang cemerlang malah mereka juga mempunyai keterampilan serta budaya berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penubuhan IPT di Sabah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi bersedia untuk menimbangkan permohonan penubuhan universiti swasta di Sabah sekiranya terdapat permohonan untuk berbuat demikian. Kementerian akan mempertimbangkan permohonan penubuhan IPTS bertaraf universiti dengan mengkaji terlebih dahulu justifikasi dari segi keperluan kedudukan lokasi kesesuaian dan keupayaan pihak pemohon.

Setakat ini Kementerian Pengajian Tinggi belum menerima sebarang permohonan penubuhan IPTS bertaraf universiti, sama ada universiti swasta, kolej universiti atau kampus cawangan universiti luar negara. Sehingga Julai 2004, terdapat 22 buah IPTS bukan bertaraf universiti di Sabah dengan bilangan pelajar seramai 5,862 orang manakala penubuhan IPTA di Sabah memerlukan kajian yang terperinci, khususnya dari segi kesesuaian bidang pengajian, perolehan tenaga pengajar, kemudahan serta lokasinya. Setakat ini Sabah telah pun mempunyai sebuah universiti awam iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kalabakan telah membangkitkan isu pelajar lepasan menengah Tingkatan Lima di Sabah tidak dapat melanjutkan pengajian di IPT di atas sebab tiada dokumen pengenalan diri. Untuk makluman, pelajar Tingkatan Lima di Sabah yang berdaftar untuk mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia dan tidak mempunyai kad pengenalan, akan dibekalkan dengan nombor khas LPM untuk berdaftar dan menduduki peperiksaan SPM. Justeru, nombor khas LPM boleh digunakan untuk tujuan permohonan kemasukan ke IPTA jika calon memenuhi syarat-syarat am dan khas permohonan kemasukan ke IPTA calon akan dipertimbangkan

bagi kursus yang ia layak. Dengan ini masalah pelajar yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri untuk melanjutkan pengajian di IPTA tidak timbul kerana nombor khas LPM diterima pakai oleh IPTA untuk tujuan mengeluarkan surat tawaran dan pendaftaran di IPTA sehingga calon mendapat kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Sekijang telah mencadangkan supaya Institut Teknologi MARA (ITM) diwujudkan semula. Cadangan ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar bumiputera. Walau bagaimanapun, kementerian ini berpandangan bahawa pewujudan peluang bagi mengikuti pendidikan tinggi kepada pelajar-pelajar bumiputera boleh dilaksanakan melalui usaha-usaha menambahkan program-program baru yang relevan dengan kehendak semasa di UiTM, menubuhkan kampus-kampus cawangan UiTM yang baru serta meningkatkan bilangan kemasukan pelajar ke dalam sesuatu kursus pengajian yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gombak telah membangkitkan tentang masalah kekurangan tenaga pengajar di IPTA dalam kursus-kursus kritikal seperti perubatan dan imbuhan pensyarah di IPTA yang tidak menarik berbanding dengan IPTS untuk kursus kritikal. Kementerian saya telah memaklumkan di Dewan ini langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini dalam jawapan lisan pada 26 September 2004. Saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan yang telah diberi pada hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau, Lipis, Temerloh telah membangkitkan isu mengenai Universiti Putra Malaysia yang mana setelah bertukar nama daripada Universiti Pertanian Malaysia telah menghapuskan atau menamatkan kursus yang berkaitan dengan bidang pertanian. Mereka menyarankan supaya matlamat sesebuah IPTA sewaktu penubuhan tidak perlu diubah dan IPTA tersebut perlu kekal di dalam bidangnya.

Universiti Pertanian Malaysia telah ditukar nama kepada Universiti Putra Malaysia selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 4 Oktober 1995. Perubahan nama berkenaan adalah bertujuan menghargai jasa dan sumbangan bekas Perdana Menteri pertama iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dan bersesuaian dengan wawasan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan iaitu Putrajaya. Perubahan nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra

Malaysia tidak menghapuskan atau menamatkan kursus atau fakulti yang berkaitan dengan bidang pertanian.

Hala tuju dan matlamat penubuhan Universiti Putra Malaysia masih tertumpu kepada usaha memantapkan bidang pertanian dalam asas tani. Empat fakulti yang berteraskan pertanian di UPM iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, Fakulti Kesihatan dan Veterinar dan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan berfungsi melaksanakan aktiviti-aktiviti akademik berkaitan pertanian dan asas tani. Sehubungan dengan ini, UPM akan terus berusaha untuk menjadikannya sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa inisiatif telah diambil bagi melaksanakan transformasi pendidikan pertanian sebagai gerak balas terhadap pelbagai tekanan yang dihadapi oleh industri pertanian di peringkat Malaysia dan global. Antaranya ialah kurikulum program terus dikaji dan dikemas kini bagi menjadikan pertanian sebagai *niche-area* UPM. UPM juga telah menerima geran pendidikan *Intensification of Research in Priority Areas, (IRPA)*, dengan izin.. Sebanyak RM94 juta dalam RMK 8 melalui 348 projek penyelidikan berasaskan pertanian, iaitu hampir 60% daripada jumlah keseluruhan penyelidikan UPM.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai isu mengenai dengan pelaksanaan Pelapis di IPTS. Yang Berhormat Kelana Jaya telah mencadangkan kursus mengenai pertahanan negara seperti Pelapis diadakan bagi pelajar-pelajar di IPTS, seperti diikuti oleh pelajar-pelajar di IPTA. Cadangan Yang Berhormat ini adalah sangat baik, sungguhpun begitu kementerian perlu membuat kajian yang terperinci terlebih dahulu sebelum melaksanakan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Ketereh membangkitkan isu semangat patriotisme pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara yang semakin berkurangan. Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Penuntut Malaysia Luar Negeri sentiasa mengambil berat bagi menanam semangat patriotisme di kalangan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di luar negara dengan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti sambutan Hari Kemerdekaan, wacana intelektual dan kursus kepimpinan pelajar yang berkonsepkan kepada semangat cintakan negara. Dalam hal yang berkaitan pemimpin negara juga turut memainkan peranan mendampingi pelajar

dengan menyampaikan maklumat berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat mencadangkan bahawa kerajaan perlu menyediakan sokongan pembiayaan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Sebagai contohnya, pelajar perubatan Ukraine dan Rusia gagal mendapat pembiayaan daripada mana-mana agensi awam. Berkenaan dengan isu ini Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Akta 566 hanya boleh memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program diploma dan ijazah sepenuh masa di institusi yang ditubuhkan di bawah Akta-akta berikut iaitu:

- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1976;
- Akta Institut Teknologi MARA 1976;
- Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996;
- Politeknik yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996; dan
- mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996.

Ini bermaksud PTPTN hanya boleh memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian di IPTA dan di IPTS dalam negeri. Walau bagaimanapun, jika sumber kewangan mengizinkan kementerian akan mengkaji kemungkinan membiayai sebahagian pengajian di luar negeri di bawah kursus *twinning*, dengan izin untuk kursus-kursus yang terpilih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kerajaan negeri di bawah Skim Pelajar Cemerlang yang menawarkan biasiswa atau tajaan untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara termasuk pelajar perubatan di Ukraine. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kursus yang saya bangkitkan adalah mengenai pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran perubatan di Rusia dan di Ukraine. Saya sedih kerana kerajaan nampaknya tidak memberi bantuan khusus untuk menolong

mereka dalam proses pembayaran fee dan lain-lain di sana. Adakah dalam satu perkara yang saya ingin katakan, adalah di mana pelajar itu telah habis belajar 2 tahun dari 6 tahun, tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana kekurangan kewangan. Dalam kes-kes macam ini, adakah kementerian akan memberi apa-apa pertolongan yang khusus untuk pelajar-pelajar ini lebih-lebih lagi pelajar-pelajar yang telah mendapat markah-markah yang bagus di universiti-universiti tersebut.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, biasanya untuk pelajar yang belajar di luar negara atas tajaan sendiri lebih baik mereka pastikan ada kemampuan kewangan yang mencukupi untuk menghabiskan kursus sepanjang tempoh. Kalau pelajar-pelajar atas tajaan sendiri dan tidak dapat menghabiskan tempoh pembelajarannya dan ingin kerajaan membantu semua yang dalam kes-kes sebegini, ini adalah di luar kemampuan kerajaan. Walau bagaimanapun, kalau ada kes tersebut boleh memohon kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi kebiasaannya agensi kerajaan tidak menaja cuma pada peringkat akhir sahaja. Itu bukan amalan biasa. Amalan agensi kerajaan ialah menaja sepanjang kursus pengajian luar negara kalau dia layak dan telah dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan tentang isu pelantikan Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Effendi bin Norwawi sebagai wakil khas kerajaan bagi mengetuai Pasukan Peringkat Tertinggi. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk melantik Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd. Effendi bin Norwawi sebagai wakil khas kerajaan bagi mengetuai Pasukan Peringkat Tinggi untuk mengadakan perjumpaan dengan institusi-institusi pengajian tinggi terkenal di luar negara bagi menggalakkan mereka membuka cawangan di Malaysia. Itu adalah keputusan Jemaah Menteri dan tugas utama wakil khas kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan. Tadi Yang Berhormat pun ada sebut bahawa Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi malam ini akan pergi UK atas urusan khas, urusan rasmi dan dengan pelantikan seorang duta khas bekas Menteri Pertanian, bukankah ini *overlapping*?

Yang pertama, ada seorang *envoy* duta khas mengenai Pendidikan Pengajian Tinggi, tentulah tidak perlu Menteri Pengajian Tinggi untuk keluar negeri kerana sudah ada seorang *envoy*, tetapi dia masih mahu keluar negeri, apa guna mengadakan seorang *special envoy* Pengajian Tinggi?

Yang kedua, apa terma-terma khasnya daripada *remuneration*, *perks*, gaji dan lain-lain mengenai duta khas ini. Adakah beliau bertanggungjawab kepada Parlimen? Perlu memberi laporan tahunan atau apa-apa, atau beliau tidak perlu mengikut prinsip *accountability* dan tidak bertanggungjawab kepada sesiapa.

Dato' Fu Ah Kiow: Seperti saya katakan tadi, tugas utama ialah sebagai wakil khas kerajaan untuk berjumpa dengan presiden-presiden universiti yang termasyhur di dunia ini, untuk mempelawa mereka menubuhkan cawangan-cawangan di Malaysia. Itu adalah tugas yang utama walaupun Menteri juga ada melawat luar negeri, i tetapi kadang-kadang adalah atas tujuan dan misi lain dan lagipun Menteri tidak mungkin dapat meluangkan terlalu banyak masa untuk di luar negeri, maka kerajaan anggap bantuan dan perkhidmatan daripada wakil khas ini adalah wajar dan diperlukan. Tentang bertanggungjawab kepada Parlimen ini, tidak wujud sebab Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd. Effendi cuma dilantik sebagai seorang wakil khas kerajaan sahaja agar.. ...sedang dirundingkan.

Tuan Lim Kit Siang: Lantikan yang sangat luar biasa, yang nampaknya bermotif politik dan bukan sebenar beralasan Pengajian Tinggi yang sebenarnya, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa agenda Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pergi UK malam ini. Apa agenda, apakah ini boleh diadakan, dibuat oleh duta khas ini. Kenapa ada itu *overlapping*, semua ini hamba-hamba, sesiapa pun bolehlah - tidak perlu takut jawab. *Mindless* apa guna, *critical mind*, apa guna semua *mindless, thoughtless*.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, jangan pandang segala-galanya dari segi politik. Tugas telah pun dijelaskan dalam keputusan Jemaah menteri iaitu sebagai Wakil Khas kerajaan. Masa yang diambil memang diperlukan sebab kementerian ini adalah kementerian baru dan ada banyak jawatan-jawatan sedang ditubuhkan. Maka JPA memerlukan sedikit masa dan kerajaan mungkin mengambil sedikit masa untuk menentukan emolument dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi perlulah seorang Duta Khas untuk pergi ke luar negeri, bukankah lebih penting bahawa MITI ada seorang di mana untuk menarik FDI perlu seorang Duta Khas tetapi tidak perlu. Bukankah ini bukan soalan sebenarnya apa sebab pelantikan *Special Adviser*

khasnya baru-baru ini kita ada menubuhkan kementerian yang baru mengenai pengajian tinggi dan bukannya benar bahawa Ketua Setiausaha apabila beberapa hari selepas pengumuman mengenai perantikan Duta Khas Pengajian Tinggi ditanya mengenai *Terms of Reference*, tanggungjawab beliau, beliau pun tidak tahu.

Beliau pun tidak berkata perlu untuk mendapatkan penjelasan dan bukannya ini suatu perkembangan yang tidak baik dan untuk *accountability* dan *transparency*.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini adalah kementerian baru. Kita perlu perkhidmatan Wakil Khas sebegini sebab kalau kita lihat MITI yang mempunyai ramai Pegawai Perdagangan dan juga pegawai-pegawai yang ditempatkan di luar negara. Adalah tidak luar biasa untuk kerajaan melantik seorang Wakil Khas untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja untuk saya menjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini sarkaskah ini, semua sarkas ini. [*Disorak*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor. [*Dewan semakin riuh*]

Tuan Lim Kit Siang: Bising-bising, apa sarkas. Sarkas Barisan Nasional.

Dato' Fu Ah Kiow: Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan, teguran, sasaran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Jawapan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Timbalan Menteri.

7.14 mlm.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2005.

Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan saya akan menjawab soalan-soalan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Pertamanya sebagai

menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Kalabakan berkaitan tahap kebersihan di Kuala Lumpur terutamanya bahagian belakang bangunan yang kurang memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk memastikan Kuala Lumpur kelihatan lebih bersih, termasuk bahagian belakang bangunan, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memastikan Alam Flora Sdn. Bhd. melaksanakan semua kerja-kerja pembersihan dan pungutan sampah sarap di Kuala Lumpur mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan terperinci, memastikan kenderaan yang mengangkut sampah boleh melalui lorong-lorong belakang bangunan seperti melebarkan lorong berkenaan;
- (ii) tidak membenarkan kenderaan diletakkan di lorong berkenaan dengan membuat garisan kuning serta merobohkan sambungan bangunan haram;
- (iii) menjalankan gotong-royong bersama melibatkan DBKL, Alam Flora, penjaja dan pengusaha perniagaan untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga kebersihan persekitaran;
- (iv) menaik taraf sistem pengumpulan sampah sarap dari penggunaan tong sampah secara terbuka iaitu tong *Leach* dan *RoRo* kepada Sistem *Spiral with Bin* lebih bersih, kemas dan mesra alam;
- (v) menjalankan tindakan penguatkuasaan yang lebih bersepadu dan berterusan ke atas individu-individu yang didapati membuang sampah, kotoran sewenang-wenangnya, mengenakan denda yang lebih tinggi diharapkan dapat menyedarkan orang ramai;
- (vi) melaksanakan gerak kerja pendesakan keluar bagi menyelesaikan masalah setempat secara lebih bersepadu melibatkan semua jabatan dalam DBKL dan kontraktor yang dilantikkan, melaksanakan kerja-kerja bagi menjadikan Kuala

Lumpur lebih bersih, kemas dan indah selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur bertaraf dunia dalam tahun 2020.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan operasi penguatkuasaan DBKL pada 2 September 2004 yang merampas barang-barang perniagaan milik 27 penjaja di bahu jalan di Jalan Benteng, Kuala Lumpur kerana kesalahan menjaja tanpa lesen. Penjaja mendakwa bukan sahaja telah dilakukan kekerasan merampas barangan tetapi wang hasil jualan turut dirampas.

Beliau mencadangkan agar penguatkuasaan DBKL menggunakan budi bicara bila bertindak bukannya sewenang-wenangnya merampas kerusi dan meja di mana pelanggan sedang duduk dan membeli.

Tuan Yang di-Pertua, penjaja dan peniaga kecil menjadi teras utama kepada usaha kerajaan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan warga ibu kota Kuala Lumpur ini. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengamalkan dasar penjaja yang jelas di mana visi DBKL adalah untuk menumpukan semua aktiviti penjajaan hanya di dalam bangunan sahaja menjelang tahun 2010.

Walau bagaimanapun, penjaja atau peniaga kecil di luar bangunan pada masa ini adalah dikawal dan dilesenkan mengikut kesesuaian dan perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan. Sebenarnya tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja-penjaja berlesen dan tidak berlesen, perlu dilaksanakan atas kesalahan-kesalahan melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam lesen penjajaan yang dikeluarkan dan juga hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan 1991.

Kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan adalah seperti meletakkan kerusi, meja atau gerai yang menghalang laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan termasuk juga lokasi-lokasi jalan yang tidak dibenarkan, contohnya di jalan-jalan protokol. Tindakan penguatkuasaan juga diambil ke atas gerai-gerai yang kotor dan penyediaan makanan yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL tidak ada niat langsung untuk menganiayai mana-mana golongan penjaja, malah sering kali kita dapati anggota penguatkuasaan DBKL menggunakan budi bicara mereka dengan memberi amaran dan mengeluarkan kompaun yang kecil. Kita hendak menggalakkan rakyat yang berbakat dan berkebolehan untuk berniaga, demi meningkatkan pendapatan di samping menyumbang kepada aktiviti ekonomi negara.

Kadang-kadang tindakan diambil bukanlah kerana DBKL ini ingin mengambil tindakan, tetapi terpaksa ekoran daripada aduan rakyat dan masyarakat setempat yang mungkin tidak bersetuju dengan tindakan penjaja di sesuatu tempat.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bukit Bintang.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Belum lagi.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa prihatin, sentiasa mengambil berat permasalahan para penjaja di Wilayah Persekutuan. Sehubungan itu, nasib para penjaja seramai 143 orang yang terlibat dengan projek menaik taraf dan pengindahan Jalan Melayu dan Jalan Masjid India telah diberi perhatian sejak awal dengan menempatkan sementara mereka di Jalan Benteng bukan Jalan Genting bagi meneruskan perniagaan semasa pelaksanaan projek.

Penempatan sementara Jalan Benteng dibuat setelah mendapat rungutan para penjaja sendiri yang mendakwa tapak penempatan sementara yang asal di Jalan Fatimah dekat Jalan Munsyi Abdullah kurang sambutan dan menjejaskan pendapatan mereka. Oleh sebab itu DBKL bersetuju memindahkan mereka ke kawasan siar kaki Jalan Benteng dengan syarat-syarat lesen penjaja yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun terdapat para penjaja yang terlibat yang gagal mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan serta menimbulkan aduan awam di sekitar kawasan tersebut khususnya menjalankan aktiviti penjaja di luar petak yang telah ditetapkan, menjalankan perniagaan di atas jalan dan laluan pejalan kaki dan laluan ke stesen LRT Masjid Jamek.

Bagi mengatasi permasalahan dan aduan tersebut, maka DBKL telah mengambil tindakan awal secara berhemah seperti arahan secara lisan dan notis secara bertulis bertarikh 26 Ogos 2004 telah dikeluarkan kepada penjaja tersebut telah melanggar syarat-syarat lesen khususnya menjalankan aktiviti penjaja di luar petak yang telah ditetapkan dan menjalankan perniagaan di atas jalan serta laluan pejalan kaki, laluan ke stesen LRT dan Masjid Jamek.

Walau bagaimanapun, memandangkan arahan dan tindakan awal DBKL tersebut tidak diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh para penjaja terlibat, maka DBKL telah menjalankan operasi penguatkuasaan pada 2 September 2004. Operasi ini yang pada awalnya mendapat kerjasama para penjaja tetapi telah bertukar menjadi hangat setelah mendapat tindak balas secara agresif segelintir penjaja. Namun begitu, tiada tindakan secara kekerasan fizikal yang dilakukan oleh penguatkuasaan DBKL ke atas para penjaja walau tindakan balas secara agresif dilakukan oleh para penjaja.

Selain itu tiada wang hasil jualan yang dirampas semasa operasi tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan telah meminta penyiasatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terhadap tuduhan dan laporan polis di atas isu ini dipercepatkan.

Selanjutnya pada 16 September 2004 pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan perbincangan dengan lima persatuan-persatuan yang terlibat bagi menjelaskan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil. Mereka bersetuju supaya penjaja-penjaja yang terlibat mematuhi peraturan untuk berniaga di tapak yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tidak berniaga di kawasan yang tidak dibenarkan sehingga menyebabkan halangan laluan pejalan kaki.

Persatuan juga bersetuju supaya kad lesen penjaja berkaitan dikembalikan semula setelah mereka membayar kompaun dan bayaran barangan jualan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada 2 September tahun ini, kekerasan terhadap penjaja-penjaja perempuan Melayu ini di Jalan Benteng mengakibatkan bukan sahaja barang-barang mereka disita tetapi wang tunai RM1,025 pun dirampas oleh penguat kuasa DBKL. Mereka telah pun membuat laporan di Balai Polis Jalan Bandar, Jalan H.S. Lee. Adakah ini satu tindakan yang zalim terhadap penjaja sebab wanita berumur 51 tahun ini yang di dalam begnya yang berwarna putih ada lapan keping kad pengenalan anak dan cucunya pun telah dirampas oleh penguat kuasa ini. Tidakkah ini satu tindakan yang tidak wajar kerana mereka boleh dikompaun atau disaman jika mereka melanggar undang-undang penjaja ini.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa tindakan yang sedemikian tidak akan berulang lagi kerana penjaja ini mencari rezeki, mereka terpaksa pindah ke tempat di Jalan Benteng ini untuk berniaga sementara menunggu pusat penjaja yang akan dinaiktarafkan di Jalan Masjid India. Pusat penjaja ini akan siap pada bulan hadapan. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tindakan sedemikian ini tidak akan berlaku sebab penjaja-penjaja ini berhak mencari rezeki mereka di tempat ini? Terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Seperti yang saya sudah maklumkan tadi, DBKL telah mengambil tindakan awal secara berhemah seperti arahan secara lisan beberapa kali dan arahan bertulis bertarikh 26 Ogos dan dengan itu pada 2 September saya pun telah memaklukkannya tadi, operasi untuk turun padang menjadi hangat setelah mendapat tindak balas secara agresif segelintir penjaja. Namun demikian, tidak ada – saya akan ulangkan sekali lagi - tidak ada tindakan secara kekerasan fizikal yang dilakukan oleh penguat kuasa DBKL ke atas para penjaja walaupun tindak balas secara agresif telah dilakukan oleh penjaja dan wang yang telah dilaporkan tadi yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita pun tahu bahawa ada satu laporan polis telah dikeluarkan dan kita telah mengarahkan DBKL untuk mempercepatkan penyiasatan ke atas ini dan dengan penyiasatan ini kita akan dapatlah makluman yang lebih tepat sekali.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga membangkitkan isu keluarga setinggan di Kampung Delima, belakang Istana Negara terpaksa berpindah ke PPR Jalan Lapangan Terbang Lama dengan memberikan notis singkat dan tidak diberikan sebarang pampasan berbanding pemindahan setinggan kawasan lain diberikan pampasan sebanyak RM1,000. Beliau meminta kerajaan membantu setinggan terlibat untuk meringankan beban yang berat seperti bayaran deposit elektrik, air, kos pengangkutan dan sebagainya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan kerajaan hendaklah diberi rumah alternatif terlebih dahulu sebelum rumah mereka dirobohkan. Rumah-rumah alternatif ini biasanya adalah rumah sewa DBKL atau rumah-rumah panjang yang dibina oleh DBKL untuk agensi yang berkaitan.

Setinggan-setinggan di atas tanah swasta atau terlibat dengan projek penswastan pemaju sendiri dikehendaki mengurus dan menyelesaikan masalah

penempatan setinggan. Setinggan-setinggan bukan warganegara tidak diberi rumah alternatif. Setinggan-setinggan bukan kediaman komersial dan institusi tidak diberi apa-apa alternatif atau pampasan. Tiada sebarang pampasan diberi kepada mana-mana setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan.

Walau bagaimanapun, untuk projek PPR Bersepadu MTEN, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju memberi wang sagu hati sebanyak RM1,000 bagi setiap keluarga setinggan di tapak projek. Pemaju-pemaju swasta bebas untuk memberi atau tidak memberi pampasan kepada setinggan mereka.

Komitmen DBKL kepada setinggan PPR Bersepadu ialah menyalurkan pemberian sagu hati sebanyak RM1,000 oleh kerajaan kepada keluarga setinggan di tapak projek PPR Bersepadu MTEN. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan sebanyak RM3 juta sehingga hari ini. Surat jaminan untuk berpindah semula ke tapak PPR Bersepadu yang asal apabila siap dan menyediakan kemudahan pengangkutan percuma sewaktu pemindahan logistik.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, setinggan yang terlibat ialah 322 keluarga terdiri dari 311 keluarga berbangsa Melayu, 10 keluarga berbangsa India dan 1 berbangsa Cina. Setinggan-setinggan ini dipindahkan ke PPR Jalan Lapangan Terbang Lama disebabkan penempatan iaitu satu kilometer. Setinggan terlibat di pindah di bawah Program Setinggan Sifar 2005.

Dialog pertama telah diadakan pada 11 Ogos 2004 dan dialog berikutnya telah diadakan pada 2 September 2004. Di dalam dialog penduduk telah menyatakan persetujuan untuk berpindah ke PPR Jalan Lapangan Terbang Lama. Tawaran pemindahan telah dikeluarkan pada 15 September 2004 dan tempoh pemindahan sehingga 31 Disember 2004.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembayaran sagu hati pada tahun Bajet 2004 iaitu RM3 juta yang telah disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun habis dan semua sekali RM3 juta ini telah disalurkan kepada setinggan-setinggan yang telah berpindah. DBKL pun telah pun mendahulukan wang sebanyak RM800,000 daripada peruntukan khas DBKL kepada setinggan-setinggan yang telah dipindahkan.

Walau bagaimanapun, oleh sebab Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL sentiasa prihatin kepada kesejahteraan di atas pemindahan setinggan-setinggan

ini dan keputusan telah dibuat oleh DBKL bagi setinggan-setinggan dibenarkan berpindah masuk ke PPR dan diberi pengangkutan yang percuma. Pengangkutan yang percuma ini adalah syarat biasa yang dikenakan dan diberikan oleh DBKL.

Juga setinggan-setinggan tidak perlu membayar deposit sewa rumah iaitu RM124.00 kali tiga bulan - RM452.00 dan deposit bekalan air RM80.00 serta caj-caj yang lain berjumlah RM465.00. Penduduk-penduduk hanya perlu bayar deposit TNB sebanyak RM113.00 kepada TNB sendiri. Dengan ini DBKL telah pun membuat keputusan menyediakan satu peruntukan khas bayaran sagu hati sebanyak RM1,000.00 bagi Bajet 2005 kepada semua setinggan yang terlibat di Kampung Delima dan lain-lain tempat di Wilayah Persekutuan, dan DBKL akan bayar balik baki RM530.00 kepada setinggan pada tahun 2005 dan akan meminta semua bayaran sagu hati daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang perpindahan setinggan, ada satu isu yang saya bangkitkan hampir tiap-tiap sidang, tiap-tiap tahun iaitu setinggan Projek KL Liner City yang mana pada tahun lepas DBKL telah keluarkan surat, dan selepas mendapat kelulusan daripada EPU, kerajaan akan mencari tapak di tebing sungai Klang, untuk membina rumah pangsa kos rendah dan dijual kepada mereka, seperti apa yang termaktub dalam kontrak yang ditandatangani di antara pihak pemaju, iaitu KL *Liner City*, projek yang telah terbengkalai dan juga para setinggan - di mana Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Kerajaan Malaysia serta Pengarah Pejabat Tanah dan Galian menjadi saksi kepada perjanjian itu.

Saya bangkitkan isu ini tiap-tiap tahun, malah tahun lepas DBKL keluarkan surat janji untuk membina flat dan menjual kepada mereka, tetapi sehingga hari ini bila saya tanya pegawai DBKL, mereka semua sudah lupa perkara ini. Saya hendak tulis surat kepada Menteri di JPM yang jaga EPU, dia elakkan, dia kata, "Saya akan kaji", kaji, kaji tiap-tiap kali saya panggilkan, "akan kaji, akan kaji". Jadi saya sekarang hendak tanya, bilakah kerajaan betul-betul akan menangani masalah ini.

Projek KL *Liner City* terbengkalai sejak dari tahun 1997, sehingga ini para setinggan masih menunggu janji, dan apa yang termaktub dalam perjanjian itu diikuti oleh kerajaan dan mereka masih menunggu flat yang mereka ini memang setinggan,

dan memang golongan berpendapatan rendah yang berharap untuk mendapatkan rumah. Soalan saya adalah kenapakah kerajaan mengabaikan mereka, saya bangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan juga dia kata, "*I will look into it*". semua kata, "*I will look into it*". Jadi bilakah kerajaan betul-betul akan menepati janji kerana surat aku janji sudah *disigned*. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini juga boleh menghulurkan bantuan kepada para setinggan ini, yang memang memerlukan rumah. Terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat pun telah memaklumkan bahawa setinggan-setinggan di *Liner City* sejak tahun 1997 telah diberi aku janji oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk berpindah. Yang Berhormat pun sedia maklum Projek *Liner City* telah tertangguh pada tahun 1997 dan saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mengeluarkan saranan di dalam ucapan dasar Yang Berhormat pada masa ini? , Ini bermakna Yang Berhormat tidak berucap tiap-tiap kali tentang hal ini. Kalau Yang Berhormat berucap dalam ucapan dasar tadi, saya akan sediakan semua sekali jawapan untuk Yang Berhormat. Tetapi saya berjanji kepada Yang Berhormat bahawa kita akan pandangan isu ini dengan serius dan apa yang saya diberitahu, ialah setinggan-setinggan ini akan diberikan flat-flat untuk disewa semasa kita mengkajikan aku janji yang telah disediakan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit *point* sahaja, surat aku janji yang dikeluarkan oleh DBKL itu bukan disewa kepada mereka, tetapi adalah membina rumah pangsa kos rendah yang harga RM45,000.00 untuk dijual kepada mereka. Jadi saya hanya mintalah, walaupun saya tidak ada masa untuk bangkitkan dalam ucapan dasar saya, saya hanya minta bantuan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dan juga baik hati dan simpati kepada golongan pendapatan rendah ...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*].

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan miskin. Terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, yang telah dimaklumkan tadi, projek ini telah tertangguh sejak tahun 1997, sebab itu kita hendak kaji daripada surat dan perjanjian aku janji yang telah ditandatangani di antara setinggan dengan DBKL ini, adakah ini sah lagi, sebab surat aku janji itu telah

ditandatangani atas Projek *Liner City* ini diteruskan, itulah sebabnya saya dapat maklumat, kalaulah setinggi-setinggi itu hendak pindah kita boleh kekalkan flat-flat untuk disewakan sebelum kita kaji surat tentang aku janji ini. Saya pun sudah beritahu tadi kita akan mengkaji balik atas isu ini dan saya berjanji untuk melihat di atas isu ini dengan secara peribadi.

Yang Berhormat Segambut, telah bertanya mengenai cadangan pembangunan pangsapuri di Lorong Basung, Bukit Damansara. DBKL telah menerima satu permohonan kebenaran perancangan untuk bangunan satu blok pangsapuri 14 tingkat, mengandungi 12 unit kediaman di Lot PT585 Lorong Basung, Bukit Damansara, Mukim Kuala Lumpur, selaras dengan peruntukan kaedah lima, kaedah rancangan pembangunan 1970. Pembangunan ini telah diiklankan dalam akhbar untuk pelawaan bantahan.

Memandangkan terdapatnya bantahan yang diterima daripada pemilik-pemilik tanah yang berdampingan, suatu sesi mendengar bantahan telah diadakan pada 4hb. Ogos 2005. Setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih mengkaji kesesuaian cadangan pembangunan yang dikemukakan sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat. Belum ada apa-apa keputusan dibuat oleh DBKL mengenai perkara ini hingga hari ini.

Sebagai makluman, DBKL sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang dan dasar perancangan yang ditetapkan dalam menimbang sesuatu permohonan kebenaran perancangan. Walau bagaimanapun atas keputusan ini DBKL akan memberi sebab-sebab 'melulus atau tidak melulus' permohonan tersebut, dan kedua-dua pihak iaitu pemohon dan juga pembantah boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh keputusan yang diberikan.

Yang Berhormat Titiwangsa, telah menyentuh tentang kawasan rizab Melayu dan mencadangkan sebuah badan khas untuk membangunkan Kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kawasan khusus atau dengan izin, *special area* adalah kawasan yang memerlukan perhatian khas dari segi pelaksanaan perancangan dan pembangunan. Kawasan ini ketinggalan dari segi bangunan dan dikaitkan dengan masalah pembangunan yang kompleks, kemiskinan, persekitaran hidup yang kurang sihat dan infrastruktur yang tidak mencukupi. Tiga jenis kawasan yang dikenali pasti sebagai kawasan khusus, satu ialah kawasan rizab Melayu, kampung tradisional.

Kedua ialah kampung;-kampung baru. Bagi mencapai matlamat mewujudkan struktur bandar raya yang efisien dan saksama serta meningkat persekitaran hidup bandar raya, DBKL berhasrat untuk membangunkan kawasan ini ke dalam harus pembangunan.

Adalah penting untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan kawasan ini bagi membantu mencapai wawasan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia. Kalau kita tengok dari latar belakang kepada kawasan rizab Melayu ini telah diwujudkan di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913, Enakmen Tanah 1987. Objektif undang-undang di atas adalah untuk memastikan orang Melayu berupaya memiliki tanah di kawasan bandar. Salah satu peruntukan enakmen tersebut adalah kawasan rizab Melayu tidak boleh dijual, dipajak atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu.

Daripada keadaan-keadaan semasa kita boleh nampak alam bina bermutu rendah, infrastruktur yang *substandard*, kemudahan yang tidak lengkap. Dengan itu isu-isu pembangunan yang dihadapi di kawasan-kawasan rizab Melayu ialah kadar pembangunan yang lembap, iaitu bentuk halangan pembangunan seperti sekatan hak milik, perkongsian hak milik, majoriti pemilik lot individu adalah melebihi tiga orang pemilik, pecahan hak milik satu lot kebanyakannya adalah daripada satu, daripada 40 sehingga satu daripada seribu bagi lot yang bersaiz 8,000 kaki persegi. Ketidakupayaan pemilik daripada kewangan dan kepakaran.

Ketiga, contoh infrastruktur yang tidak lengkap, saiz jalan yang kecil 20 kaki sehingga 40 kaki lebar, sistem perparitan yang tidak lengkap dan *substandard*.

Keempat, contoh saiz dan bentuk lot yang tidak ekonomi, saiz yang kecil bagi Kampung Baru purata saiz ialah 8,000 kaki persegi per lot, bentuk lot sempit dan tidak ekonomi.

Daripada persekitaran fizikal yang kurang bermutu, pembangunan yang tidak berkawal, contoh pembangunan yang tidak berkawal dan tidak bermutu ialah: pembangunan tanpa kebenaran perancangan; pembangunan tidak tersusun yang dilaksanakan sebelum penubuhan Wilayah Persekutuan; premis kediaman di tukar guna untuk aktiviti perdagangan dan perindustrian kecil; reka bentuk dan bahan binaan bermutu rendah; contoh infrastruktur dan kemudahan masyarakat tidak mencukupi dan *substandard*; rangkaian jalan yang tidak lengkap dan sempit; dan kekurangan tapak untuk pembangunan kemudahan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Titiwangsa, kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan sedang mengambil tindakan untuk mempertingkatkan pembangunan kawasan Rizab Melayu, Kampung Baru dan Kampung Tradisional. Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 iaitu PSKL 2020 telah disediakan dan akan menjadi panduan pembangunan Kuala Lumpur pada masa hadapan. Draf PSKL 2020 berwawasan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia. Pelan ini telah menggariskan objektif, dasar dan cadangan utama bagi kawasan Rizab Melayu, Kampung Tradisional dan Kampung Baru. Draf PSKL 2020 mencadangkan peningkatan persekitaran hidup kawasan Rizab Melayu, Kampung Tradisional dan Kampung Baru, DBKL dengan:

- (i) membaiki kualiti perumahan dan persekitaran kediaman;
- (ii) menyediakan persekitaran hidup yang bersih dan selesa disokongkan oleh infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang efisien;
- (iii) memastikan penyediaan kemudahan masyarakat berkualiti tinggi.

Kita boleh tengok contoh-contoh yang sedang dibangunkan ialah cadangan menaikkan taraf jalan Raja Alang dan Raja Muda dan Raja Muda Musa. Untuk makluman Yang Berhormat, Belanjawan 2003 DBKL telah memperuntukkan RM349,000,980 juta dalam tempoh 5 tahun bagi menaikkan taraf kehidupan Kampung Baru. Ini termasuk pembangunan semula pasar minggu, pembangunan prasarana dan pertingkatkan Sungai Bonus untuk menentukan banjir-banjir kilat tidak berlaku. Pelan ini Yang Berhormat juga mencadangkan penubuhan satu badan khas untuk memulakan serta menyelaraskan perancangan pembangunan dan pengurusan kawasan Rizab Melayu dan Kampung Baru serta menggalakkan penubuhan perbadanan-perbadanan pembangunan dengan kumpulan-kumpulan tertentu yang melibatkan pemilik tanah dan penduduk untuk membangunkan kampung-kampung baru.

Cadangan-cadangan pembangunan yang baru termasuklah Kampung Baru akan dimajukan sebagai kawasan pembangunan komprehensif berasaskan ciri-ciri tradisi Melayu sebagai pusat pengumpulan, pengagihan, pemasaran dan pameran kebudayaan seni dan artifak Malaysia. Kawasan Kampung Baru ini besarnya 101 hektar dengan 45,000 penduduk akan diperkukuhkan sebagai salah satu daripada

kediaman utama di pusat bandar raya di samping menggalakkan lebih banyak pembangunan moden berserta kemudahan komersial yang dapat memberikan kemakmuran kepada warga kota. Kampung Baru juga akan berperanan sebagai penghubung kebudayaan dan komersial penting di antara bahagian Utara, Barat dan Pusat Timur.

Dengan itu Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah pun mengeluarkan insentif-insentif pembangunan. Insentif-insentif pembangunan termasuklah kelonggaran piawaian perancangan dan ada banyak di dalam kelonggaran ini yang telah diberikan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan lain-lain insentif termasuk khidmat nasihat, pendaftaran pemaju, pindaan kemudahan asas. Juga kita telah pun berbincang tentang kajian enakmen, jika perlu kajian semula enakmen Rizab Simpanan Melayu Wilayah Persekutuan akan dibuat untuk mendapat kelonggaran untuk penduduk bukan Melayu membeli unit-unit di dalam kawasan Rizab Melayu seperti:

- (i) membolehkan pajakan jangka panjang kepada orang bukan Melayu;
- (ii) membolehkan pemilikan tanah kepada anak-anak yang bukan keturunan Melayu iaitu Mu'alaf;
- (iii) tukar ganti tanah di dalam kawasan-kawasan negeri yang menggunakan enakmen yang sama dengan Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun, kajian di atas ini akan memerlukan masa yang panjang untuk melaksanakan dan dengan itu bagi menyemarakkan pembangunan dan menarikan minat pemilik-pemilik membangunkan tanah-tanah Rizab Melayu, saya cadangkan Yang Berhormat minta kerjasama semua pihak yang mewakili Kampung Baru termasuklah MAS (Malaysian Agricultural Society) termasuk ketua-ketua kampung yang terdiri di bawah MAS (Malaysian Agricultural Society), persatuan penduduk dan semua sekali yang terlibat untuk kita membangunkan Kampung Baru.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Silakan.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Ahli Parlimen Titiwangsa, kami telah pun mengemukakan satu laporan kepada Menteri dan di antaranya telah menyatakan masalah mengenai enakmen. Tanah Kampung Baru ini agak unik sedikit sebab Lembaga MAS

(Malaysian Agricultural Society) yang dirujuk oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ialah Malay Agricultural Settlement yang telah diwartakan kepada tahun 1900 dan apabila dipindahkan kepada Wilayah Persekutuan pula enakmen itu masih ada di situ. Jadi dalam pada itu pula pada tahun 1960-an, 70% tanah itu telah dikeluarkan geran tanah oleh pejabat tanah, walaupun enakmen itu khususnya telah tidak membenarkan pemilikan tanah, hanya hak untuk duduk di atas tanah itu.

Jadi untuk memajukan Kampung Baru perkara yang pertama kita patut alamatkan adalah masalah enakmen ini sendiri sebab apabila dipindahkan seperti saya kata tadi, ini masih tertinggal sebagai *anomaly* dalam mewujudkan Wilayah Persekutuan dan terima kasihlah atas penerangan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri, tetapi saya rasa dalam usaha untuk mencapai satu kawasan bertaraf dunia dan memandangkan kawasan di situ banyaknya lot kecil-kecil dan sebalik itu mempunyai ramai pemilik juga, satu *political will* harus ada untuk membuat sesuatu yang agak drastik sedikit kerana kalau hendak dapat satu kawasan yang bertaraf dunia yang berhampiran dengan KLCC, kawasan tersebut haruslah dimajukan sebagai satu kawasan keseluruhannya, bukan *piecemeal* dengan lot-lot kecil. Kalau tidak, tidak mampu yang dibuat dan memandangkan ramai pula nama-nama di situ, saya rasa orang-orang Melayu di situ tidak akan mampu. Jadi hanyalah pihak kerajaan yang seharusnya yang patut tampil ke hadapan untuk memajukan kawasan Kampung Baru, terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Kita pun setuju bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membangunkan kawasan Kampung Baru. Kita pun hendak menengok kawasan Kampung Baru berada dalam satu bandar yang akan bertaraf dunia dalam masa yang akan datang. Dengan itu tentang *political will* dengan izin, kita *ada political will* untuk menentukan pembangunan Kampung Baru diadakan dan cadangan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan juga telah bersetuju untuk bertemu Yang Berhormat dan wakil-wakil persatuan dan juga MAS (Malaysian Agricultural Society) minggu depan di pejabatnya dan Insya-Allah kita akan berbincang dengan lebih lanjut di atas isu ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet2005 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan kita akan terus berkhidmat

untuk menentukan kita memberi perkhidmatan yang baik untuk semua sekali, terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih ada lagi 10 Kementerian. Yang Berhormat Menteri Pelancongan silakan.

7.49 mlm.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat yang telah bersama-sama membahaskan Bajet 2005 ini mengenai kementerian dan seterusnya memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memartabatkan industri pelancongan negara.

Industri pelancongan dalam Bajet 2005 ini telah diberikan objektif yang khusus iaitu untuk memajukan industri pelancongan menjadi satu industri utama dalam ekonomi negara. Dalam Bajet 2005 ini fokus telah diberi untuk meningkatkan dan menggalakkan pelancongan domestik, seiring dengan kedatangan pelancong dari luar negeri melalui program pembangunan pelancongan, promosi pelancongan dan acara-acara mega Kementerian.

Saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong rancangan-rancangan dan juga memberi cadangan-cadangan, dan saya ingin menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelancongan sememangnya tidak mengabaikan pelancong berkualiti dalam usaha untuk menarik pelancong ke Malaysia. Usaha-usaha promosi untuk menarik pelancong yang berkualiti giat dijalankan di pasaran jarak sederhana dan juga jauh. Namun demikian, pasaran serantau tidak boleh diambil ringan kerana Singapura dan Thailand merupakan penyumbang terpenting kepada pendapatan tukaran wang asing negara.

Misalnya, Singapura yang mewakili 56% daripada keseluruhan ketibaan pelancong telah menyumbangkan sebanyak RM11.1 bilion pada tahun 2003. Pelancong Singapura secara purata tinggal di Malaysia selama 4.3 malam dan berbelanja sebanyak RM1,866 seorang setiap kali lawatan.

Mengenai statistik ketibaan pelancong ke Malaysia, Kementerian Pelancongan menggunakan kaedah pengiraan kad IMM26 daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Kaedah ini juga digunakan oleh banyak negara termasuk Singapura dan Thailand dan diiktiraf kesahihannya oleh *The United Nations World Tourism Organization*. Jadi, melalui kaedah ini pelawat yang diistilahkan sebagai pelancong dan diambil kira dalam pengiraan statistik ketibaan adalah mereka yang menginap sekurang-kurangnya satu malam di Malaysia, tidak kira sama ada yang datang melalui jalan darat, air atau udara.

Jadi, untuk pelawat harian atau *day trippers* dan juga transit di lapangan terbang, istilah ini tidak dimasukkan sebagai pelancong dan tidak diambil kira dalam statistik kita. Jadi, ketibaan pelawat, kesemua jumlah pelancong dan juga jumlah pelawat harian adalah diambil kira. Namun begitu kita ambil kira juga, contohnya dalam ketibaan pelancong ke Malaysia pada tahun 2003 adalah 10,576,919 walaupun kalau kita kirakan ketibaan pelawat iaitu 16 juta lebih. Jadi, kita tidak masukkan dalam sekitar orang yang *day trippers* yang tidak menginap di Malaysia.

Jadi, berkaitan dengan Kerajaan Singapura tidak mengira rakyat Malaysia ke Singapura melalui jalan raya sebagai pelancong, ini adalah kerana rata-rata rakyat Malaysia ke Singapura melalui jalan raya untuk bekerja dan mereka tidak diistilahkan sebagai pelancong mengikut pengiktirafan dari takrifan *The United Nations World Tourism Organization*. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pelancongan berpendapat bahawa cara pengiraan perangkaan ketibaan pelancong ke Malaysia adalah tidak perlu diubahkan.

Berkaitan dengan kajian pasaran yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bera iaitu dalam pembukaan pejabat *Tourism Malaysia*, ingin saya nyatakan di sini penubuhan pejabat-pejabat kita di luar negara adalah berasas kepada kajian-kajian pasaran dan juga profil-profil negara asal pelancong-pelancong itu dan juga termasuk perkara-perkara produk pelancongan yang boleh dipasarkan, kemudahsampaian atau *accessibility* dan juga ekonomi penduduk kawasan pasaran, *the travelling pattern* dari negara-negara asal itu serta potensi jangka panjang pasaran juga telah diambil kira.

Cadangan Yang Berhormat bagi Bera juga untuk menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan adalah dialu-alukan, dan kita masih dalam usaha untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet di mana kita dapat menyelaraskan kegiatan-kegiatan pelancongan dengan agensi-agensi yang terlibat dalam industri pelancongan ini.

Begitu juga pada masa kini kita ada jawatankuasa di peringkat ketua setiausaha kementerian dan juga ketua-ketua bahagian kementerian.

Jadi, saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bera, bahawa kita harus juga menyelaraskan kegiatan-kegiatan antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri dalam pembangunan industri pelancongan negara. Jadi, untuk tujuan ini Kementerian Pelancongan telah menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri agar semua aspek yang berhubung dengan pengurusan pelancongan di peringkat negeri diberi tumpuan.

Ini termasuk aspek-aspek perancangan dan juga pembangunan produk pelancongan serta isu-isu yang berhubung dengan penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur pelancongan agar sentiasa dalam keadaan bersih, ceria dan selesa bagi para pelancong yang mengunjungi tempat-tempat pelancongan.

Berhubung dengan aspek promosi, *Tourism Malaysia* sememangnya bertanggungjawab untuk mengendalikan pelbagai kempen sama ada di luar negara mahupun di dalam negara. Jadi, di samping itu kerajaan negeri turut memainkan peranan penting sebagai tuan rumah untuk *mega farm* di mana kita membawa pelawat-pelawat, khususnya penulis dan juga pihak media untuk mengendalikan produk-produk khusus untuk kita pasarkan di luar negara.

Mengenai pandangan Yang Berhormat juga bahawa penerapan budaya pelancongan di peringkat sekolah rendah, kita telah mengadakan program dan masa ini berjalan di bawah Program Pelancongan Pelajar atau 3P dan telah dilancarkan secara rasminya di peringkat kebangsaan pada 24 Februari 2001, dan kita telah disokong oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelancongan bekerjasama juga dengan Jabatan Pendidikan Negeri atau Jabatan Pelajaran Negeri sekarang dan juga Majlis Tindakan Pelancongan Negeri.

Pada masa kini, kita nampak bahawa kegiatan kemasukan termasuklah di mana kita memberikan ceramah kerjaya, lawatan sambil belajar, mewujudkan sudut atau papan makluman pelancongan di sekolah masing-masing. Kementerian Pelancongan juga turut menyediakan peruntukan untuk membantu memperkenalkan program tersebut di peringkat negeri untuk pelancaran dan juga mengadakan seminar-seminar di peringkat negeri dan juga aktiviti-aktiviti seperti kuiz-kuiz di sekolah-sekolah.

Sehingga peringkat ini, kita nampak bahawa pada bulan Jun 2004 terdapat sebanyak 1,034 kelab pelancongan di seluruh negara iaitu 494 di Kelantan, Sarawak

332 dan Melaka 220. Dan saya mengharapkan pihak Ahli Yang Berhormat dapat menyokong kelab-kelab pelancongan di sekolah-sekolah dalam kawasan Parlimen masing-masing bagi membantu Program Pelancongan Pelajar ini.

[Yang Berhormat bagi Sri Gading mengambil tempat duduk]

Ya, Yang Berhormat. Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tanya? Tidak, dia baru masuklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Oh dia baru masuk. *[Ketawa]* Saya biasa menjawab dia semasa dalam Kementerian Luar Negeri dahulu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga telah meminta agar projek pelancongan diwujudkan di kawasan Kuala Selangor agar Sungai Selangor dibersihkan dan dijadikan sebagai satu tarikan pelancong di Malaysia. Seperti yang Yang Berhormat maklumkan, kita telah menyalurkan RM4.6 juta untuk melaksanakan projek-projek di Kuala Selangor, iaitu projek pelancongan dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, iaitu Projek Pembangunan Taman Alam Kuala Selangor sebanyak RM3.4 juta dan Projek Pembangunan Pusat Kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor sebanyak RM1.2 juta.

Jadi, memandangkan tempoh RMK 8 ini hampir tamat, maka semua cadangan dengan projek baru yang dicadangkan boleh dikemukakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dimulakan pada tahun 2006. Jadi, untuk tujuan ini saya berharap Yang Berhormat mengemukakan cadangan tersebut kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor untuk memperakukan kepada Kementerian Pelancongan...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: ...untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi pihak rakyat dan pengundi Kuala Selangor, saya mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kerana banyak peruntukan dibawa turun untuk memajukan sektor pelancongan di daerah Kuala Selangor.

Satu perkara, Yang Berhormat Menteri, saya hendak katakan di sini, bahawa untuk memastikan keberkesanan bagi menarik pelancong daripada dalam dan juga luar negeri, selain daripada jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat Kerajaan Pusat dan juga peringkat kerajaan negeri, betapa perlunya sebuah jawatankuasa dibentuk di peringkat akar umbi. Maksud saya, Jawatankuasa Pelancongan di peringkat daerah, siapa yang hendak *lead the team* sama ada pegawai daerah ataupun Yang Dipertua Majlis Daerah, yang melibatkan pelbagai pihak termasuk Majlis Tindakan Pelancongan Negeri.

Yang penting di sini, saya fikir bukan sahaja pusat informasi atau pusat pelancongan diwujudkan di Kuala Selangor, tetapi juga pegawai pelancong yang akan memandu arah kewujudan destinasi dan juga projek produk baru pelancongan di Kuala Selangor seperti yang saya sebut, dan juga seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya fikir banyak lagi destinasi dan juga produk baru perlu diwujudkan termasuk ada sebuah perkampungan tradisional di situ yang meninggalkan khazanah atau kesan sejarah iaitu sebuah Kampung Teluk Penyamun.....*[Ketawa]* yang dahulunya di Sungai Selangor ini ada satu kawasan berteluk.....

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:yang menempatkan ramai lanun atau penyamun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:yang juga merupakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:pahlawan Melayu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah ya.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:bagi menuntut daripada penjajah Belanda.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:dan juga Portugis. Saya kira.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Kementerian Pelancongan dapat mengambil tindakan yang berkesan. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Seperti yang saya nyatakan tadi Rancangan Malaysia Ke-9 yang akan mulai pada tahun hadapan, saya mengharapkan Majlis Tindakan Negeri menerusi Unit Perancangan Negeri mengemukakan produk-produk ini dan kita akan terus mengkaji bahawa kita memerlukan pendekatan-pendekatan produk-produk terbaru untuk kita mempromosikan.

Walau bagaimanapun, Selangor tidak bermasalah kerana ia adalah sebuah negeri yang tertinggi sekali menerima pelancong-pelancong kerana berdekatan dengan KLIA. Walau bagaimanapun, saya berharap ada usaha-usaha yang lain dan kalau boleh penubuhan jawatankuasa di peringkat kampung atau peringkat daerah boleh dijalankan dan boleh dapatkan nasihat dan perhubungan dengan Majlis Tindakan Negeri. Walaupun kita pada masa kini belum ada hasrat untuk menubuhkan secara *niche* di peringkat akar umbi tetapi pada peringkat ini Exco dan Pengerusi Exco Negeri dan juga Majlis Tindakan Pelancongan Negeri memulau pada peringkat ini dan kita masih menimbangakan untuk melicinkan lagi pengurusan kita di peringkat-peringkat negeri.

Dengan itu saya harapkan sekali lagi dan mengucapkan terima kasih atas cadangan-cadangan dan saya berharap Yang Berhormat akan mengemukakan Kampung Lanun itu dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Dengan itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

8.03 mlm.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak panjang jugalah ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tidak, tidak panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, bagus.

Datuk Peter Chin Fah Kui: [Ketawa] Pendek sahaja. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan

Bajet 2005 mengenai tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Ahli Yang Berhormat bagi Puchong telah menyentuh mengenai perkara-perkara berkaitan dengan tanaman kelapa sawit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa menggalakkan pihak industri meningkatkan penggunaan jentera dan peralatan moden di ladang-ladang serta sistem automasi di kilang-kilang bagi mengurangkan penggantungan terhadap tenaga kerja. Untuk menggalakkan lagi penggunaan jentera di perladangan, Bajet 2005 telah memberi insentif mengurangkan tempoh menghapus kira perbelanjaan modal mesin dan jentera daripada empat sehingga lapan tahun kepada dua tahun sahaja.

Kementerian berharap insentif ini dapat membantu meningkatkan penggunaan jentera dan peralatan yang moden dalam sektor perladangan sebagai cara mengurangkan penggantungan terhadap tenaga kerja melalui mekanisasi ladang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mencipta beberapa jentera mekanisasi yang dapat meringankan tugas-tugas memetik buah kelapa sawit. Antara jentera berkenaan ialah Zirafah atau Galah Teriskopik Aluminium yang telah diperkenalkan dan digunakan oleh pihak ladang untuk memetik buah daripada pokok kelapa sawit yang tinggi.

Di samping itu MPOB juga telah memperkenalkan jentera untuk mengangkut buah tandan segar (FFB) seperti *Grabber*, *Mechanical Loader* bagi FFB serta jentera-jentera yang disesuaikan mengikut bentuk muka bumi dan tanah seperti *Wart Foot* dan *Dark Tani* untuk digunakan tanah gambut. *Super Crawler* untuk kawasan yang basah dan lembap dan *half-track vehicle* yang sesuai digunakan dalam apa jua cuaca. Baru-baru ini MPOB telah menjalinkan kerjasama dengan sebuah syarikat Jepun untuk mencipta sebuah jentera yang dapat memetik buah kelapa sawit daripada pokok yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Sik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluan kepada Puchongkah?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang harap pendek, jangan panjang ya.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pendek sahaja penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata melalui agensi MPOB telah menciptakan beberapa mesin untuk mengurangkan kepada penggantungan tenaga kerja.

Soalan saya ialah bila ini boleh, dengan izin, *dicommercializekan*. Maksud saya secara praktikal boleh diguna dalam arena perniagaan ataupun industri kelapa sawit ini. Itu satu.

Yang kedua ialah mengenai kos penggunaan mesin ini. Bagaimana dengan kos adakah lebih efektif ataupun kosnya masih tinggi dan ini tidak menggalakkan lagi pengusaha-pengusaha atau peladang kelapa sawit untuk menggunakannya. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat kerana minat terhadap perkara ini. Sebenarnya mesin-mesin yang saya sebut dalam jawapan tadi itu sudah *dicommercializeskan* walaupun kegunaannya masih dalam tahap yang rendah.

Ada juga ladang-ladang yang sudah menggunakan mesin-mesin yang saya sebutkan tadi tetapi kita harapkan semua ladang di dalam negara kita ini mula memakai mesin-mesin yang kita sedia ada untuk mengurangkan *foreign labour*, dengan izin. Saya memang akui buat masa sekarang sebab kegunaannya adalah terhad sebab itu maka kos sesebuah mesin itu adalah agak tinggi tetapi kita sudah dapat satu kiraan kalaulah mesin-mesin ini boleh digunakan secara meluas, kosnya akan diturunkan sebab dengan *economy of scale manufactory*, dengan izin, maka kos itu akan jatuh dan ia akan di dalam satu tahap boleh berbanding dengan kos tenaga kerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sik menyentuh mengenai pengeluaran getah negara. Pada masa ini masih tertumpu kepada pengeluaran gred bermutu rendah seperti SMR20 berbanding dengan gred-gred yang lebih bermutu seperti RSS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak beberapa tahun yang lalu, pekebun kecil kurang berminat untuk mengeluarkan *latex* RSS dan sebaliknya lebih suka untuk mengeluarkan getah beku atau *scrap* seperti SMR20 disebabkan oleh tiga faktor, iaitu;

- (i) tidak terdapat perbezaan harga yang besar di antara getah SMR20 dan RSS;
- (ii) proses pengeluaran getah beku atau *scrap* adalah lebih ringkas dari segi masa dan tenaga kerja;
- (iii) pasaran getah gred SMR20 adalah luas memandangkan ia digunakan oleh hampir semua syarikat pembuat tayar dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih mengimport susu getah atau *latex* dari negara luar seperti Thailand memandangkan pengeluaran domestik *latex* tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengeluaran barangan berasaskan *latex* yang sentiasa meningkat setiap tahun. Pada tahun 2003, Malaysia mengeluarkan hanya 131 ribu tan *latex* berbanding dengan penggunaan domestik *latex* sebanyak 264 tan. Masalah ini timbul akibat daripada banyak kebun getah yang tidak ditoreh. Lebih kurang 86% pengeluaran getah negara adalah disumbangkan oleh sektor pekebun kecil....

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan ganggu sedikit, Yang Berhormat bagi Tuan, sila duduk Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, duduklah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap sahaja ya, saya habiskan ayat ini. Lebih kurang 86% pengeluaran getah negara adalah disumbangkan oleh sektor pekebun kecil dan kebanyakan pekebun kecil pula terdiri daripada golongan yang telah lanjut umur atau kurang produktif. Faktor-faktor ini menyebabkan Malaysia masih perlu mengimport *latex* daripada Thailand.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat tertarik dengan soal pekebun kecil getah ini. Baru-baru ini di negeri Sabah, oleh kerana harga getah naik sampai RM3.60 sekilo, maka ramailah yang telah kembali menoreh getah di negeri Sabah dan akibatnya ialah getah-getah hasil daripada pekebun kecil ini dibeli oleh Lembaga Industri Getah Negeri Sabah dan semua getah itu, semasa harganya masih tinggi, dibeli dan diproses oleh hanya tiga kilang Lembaga Industri Getah Sabah. Kemudian, oleh kerana kilang-kilang ini tidak mempunyai kapasiti untuk memproses maka terdapat lambakan getah yang belum diproses untuk dieksport dan sementara waktu, Lembaga Industri Getah pun kekurangan *working capital* untuk membeli. Akibatnya

ialah, ramai daripada penoreh getah ini, apabila menghantar getah ke Lembaga Industri Getah, dia tidak boleh lagi, tidak mampu, tidak ada duit.

Pertanyaan saya di sini Yang Berhormat Menteri ialah, apakah pihak Lembaga Industri Getah Sabah ada berhubung dengan kementerian Yang Berhormat untuk meminta bantuan, sebab kita sebagai wakil rakyat, ramai penoreh getah ini telah menelefon dan bertanya kepada kita, apa sudah jadi? Kenapa dalam keadaan di mana harga getah naik masih tinggi, tetapi tidak ada pembeli? Jadi Lembaga Industri Getah tidak dapat membeli dan akibatnya ialah mereka terpaksa mengangkat balik getah. Sudah sampai ke pekan, bawa balik ke rumah sebab tidak ada pembeli. Adakah pihak Lembaga Industri Getah sudah berhubung dengan kementerian Yang Berhormat Datuk, dan kalau ada, apa tindakan kita? Kalau tidak ada permintaan, apakah pihak kementerian akan berbuat sesuatu untuk membantu para penoreh ini sebab saya lihat Yang Berhormat ini begitu prihatin sehingga kita import *latex*. Ini ramai yang menoreh, tetapi ini pula masalah pembeli. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini pertama kali saya diberitahu mengenai perkara ini dan saya akan menyiasat dan kalau boleh kita ingin mengadakan satu mekanisme di mana kita membolehkan pihak lembaga itu untuk membeli semua getah yang dapat ditoreh di Sabah ini sebab kita menghadapi satu situasi di mana sekarang, harga getah di dunia ini masih memuaskan dan kita ingin menggalakkan pihak-pihak yang ada pokok getah ini untuk terus menoreh getah tersebut supaya dapatlah hasil daripada kebunnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kanowit dalam perbahasannya telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan tanaman kelapa sawit di kawasan-kawasan tanah hak adat bumiputera di negeri Sarawak. Walaupun kegunaan tanah hak adat bumiputera di negeri Sarawak adalah di bawah kuasa kerajaan negeri, isu kandungan perbahasan Yang Berhormat berkenaan sudah diteliti oleh pihak agensi negeri dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dan negeri memang prihatin terhadap pembangunan luar bandar sama ada penduduknya terdiri daripada kaum Cina, Melayu, Dayak dan lain-lain. Oleh yang demikian, kenyataan Yang Berhormat mengenai penyertaan sifar kaum Dayak dalam ekonomi negeri adalah tidak berasas. Melalui program pembangunan tanah hak adat bumiputera dan aktiviti

SALCRA, banyak kawasan luar bandar telah diterokai. Selain daripada penglibatan mereka dalam pembangunan tanah, beberapa individu kaum Bidayuh juga mempunyai saham dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Terdapat juga mereka yang mempunyai syer dalam syarikat-syarikat pembuatan, pembangunan, hartanah, pertanian, komersial dan pembangunan perladangan di Sarawak.

Antara projek-projek yang memberikan faedah secara langsung dan juga melalui pemilikan ekuiti ialah projek-projek yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan seperti SALCRA, FELCRA dan LCDA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah dimaklumkan oleh Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber Sarawak bahawa terdapat satu projek pembangunan tanah adat hak bumiputera di kawasan Parlimen Kanowit yang meliputi sejumlah 24 ribu hektar diluluskan oleh pihak kerajaan untuk tanaman kelapa sawit sejak tahun 1996 dan projek ini diusahakan secara usaha sama dengan sebuah syarikat bernama Boustead Pelita Kanowit Sendirian Berhad.

Seperti yang dikehendaki oleh garis panduan untuk membangunkan tanah hak adat bumiputera yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri, syarikat yang bertanggungjawab untuk membangunkan tanah berkenaan sudah membayar sejumlah RM4.4 juta sebagai *up-front payment* dengan izin kepada 1,593 penerima yang layak. Secara keseluruhannya, penyertaan daripada penduduk dalam projek ini adalah kurang memuaskan dan adalah diharapkan Yang Berhormat berkenaan akan membantu kejayaan projek ini. Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber Sarawak sangat memerlukan pertolongan dari Yang Berhormat supaya segala faedah daripada projek ini boleh dinikmati oleh penduduk di kawasan Kanowit kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara mengenai sektor perusahaan perladangan dan komoditi. Kementerian saya sentiasa memberi perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terima kasihlah kerana dapat menunaikan janji Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat, sila.

8.21 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan kepada saya untuk menjadikan saya duduk di peringkat Ahli Majlis Tertinggi. Insya-Allah amanah dan kepercayaan yang diberikan saya akan pegang sebaik mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tanda ucapkan terima kasih kena pendekkan jawapanlah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Ketawa]* Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama Yang Berhormat bagi Larut, Bagan yang telah membangkitkan isu berkaitan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut telah membangkitkan isu kenaikan harga barangan pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi membendung kenaikan harga barangan pengguna seperti melaksanakan kawalan harga ke atas sebelas jenis barangan keperluan asas. Antaranya gula pasir, tepung gandum, susu, roti, ayam, minyak masak, semua gred petrol.

Kementerian juga memantau bekalan dan harga barangan pada musim perayaan bagi menentukan ianya mencukupi dengan paras harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun kerajaan tidak dapat mengawal semua jenis barangan dan kedudukan harga ditentukan oleh faktor pasaran. Pengguna mempunyai hak untuk memilih barangan atau perkhidmatan yang disediakan dan berhak untuk memutuskan sama ada untuk membeli atau tidak. Pihak kementerian akan bertindak sekiranya berlaku penipuan atau lain-lain salah laku yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan penggunaan gas cecair dengan subsidi diesel untuk nelayan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan *natural gas vehicles* (NGV) untuk pengangkutan awam. Sehingga kini 11,300 buah kenderaan telah menggunakan NGV dan sebanyak 38 stesen minyak telah menyediakan kemudahan produk NGV untuk kenderaan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah memberi beberapa insentif bagi menggalakkan penggunaan NGV. Mengenai penggunaan NGV bagi menjana elektrik, ia adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Tenaga Malaysia. Berkaitan dengan subsidi nelayan, mana-mana nelayan yang ingin mendapat bekalan diesel subsidi boleh membeli dari Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) dan lain-lain syarikat atau persatuan. Sehingga kini terdapat 49 Persatuan Nelayan Kebangsaan .

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: .. 30 persatuan atau syarikat yang mendapat bekalan subsidi diesel.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili semua keluarga nelayan Malaysia, jadi saya bertanya dengan kementerian kenapakah subsidi diesel diberikan dengan nelayan *dipeg* dengan *international pricing*, dan kenapakah subsidi diesel diberi kepada kereta-kereta di *pump station* menggunakan *national packing*. Pada masa sekarang nelayan membeli RM1.20 seliter yang di *filling station* hanya 75 sen seliter. Saya hendak bertanya kenapa? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mungkin Yang Berhormat sedia maklum ada masalah dari segi kedudukan lokasi tempat untuk mendapat perolehan dan khususnya pihak-pihak nelayan. Dengan itu ada sedikit kos yang terpaksa ditampung ke arah ini. Walaupun demikian kita sedia maklum ada juga pihak-pihak nelayan yang membeli keperluan mereka bukan hanya di jeti-jeti bahkan juga di tempat-tempat *petrol station* pun, mereka membeli barangan keperluan seharian.

Salah satu faktor seperti yang saya sebutkan, oleh kerana dari segi masalah lokasi dan penubuhan tempat pembekalan ini adalah merupakan salah satu faktor yang telah menyebabkan perkara ini agak berlainan sedikit, salah satu penyebabnya. Saya yakin kerajaan amat prihatin tentang perkara ini dan memberi perhatian yang

berpatutan kepada pihak-pihak nelayan, walaupun bilangannya tidaklah sebegitu besar. Di peringkat stesen ini *immediate impact* dia ada, dan kita mempunyai bilangan yang begitu besar. Maka ada sedikit perbezaan, kita nampak nelayan walaupun berbeza berbanding dengan *petrol station* dari segi nombor, dari segi bilangan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat nelayan itu orang miskin. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya, kita tahu orang miskin, maka dengan itu kalau kita lihat kita berikan subsidi banyak juga. Diesel adalah merupakan produk yang dengan izin, *heavily subsidize* kepada *government* berbanding dengan petrol yang kita letak di peringkat stesen-stesen di tempat-tempat yang sedia ada di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah di bangkitkan..

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan diesel, nelayan-nelayan di tepi pantai, bot mereka bukan besar, mungkin sekali keluar hanya memerlukan empat gelen untuk pergi ke laut. Mereka ini membeli diesel dari *petrol station* dan mereka ini ditangkap oleh pasukan penguat kuasa dari kementerian Yang Berhormat. Mengikut pengetahuan saya bulan lepas satu *petrol station* telah didenda sebanyak RM3,000 kerana menjual diesel ini kepada nelayan.

Sebenarnya sekiranya pegawai Yang Berhormat boleh mengikuti nelayan pergi ke tepi pantai dan tong minyak itu betul-betul digunakan untuk perahu itu, maka mengapa hendak menyusahkan *petrol station* dan nelayan itu. Mereka bukan hendak menyeludup diesel ini ke luar negara. Dengan ini saya berharap Yang Berhormat boleh memberi arahan kepada semua pegawai penguat kuasa kementerian Yang Berhormat, sekiranya tujuan mereka ini adalah tulen biarlah mereka dapat bekalan dari *petrol station*. Bukan semua nelayan ada menyertai persatuan nelayan dan persatuan nelayan pun tidak ada bekalan minyak untuk mereka. Bolehkah Yang Berhormat menimbangkan supaya mengembalikan semula denda yang dikenakan kepada *petrol station* itu di Butterworth.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita sediakan kemudahan ini, prasarana untuk *petrol station* kepada pengangkutan darat, bukan untuk nelayan. Kita beri peruntukan kepada nelayan, Yang Berhormat sebut tidak cukup pada tahun yang lepas lebih daripada 400 juta liter. Saya ingat Dewan ini pun penuh kalau kita longgokkan di

sini minyak yang kita berikan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan. Kita rasa ada sedikit masalah kemungkinan, oleh kerana ada sedikit keuntungan yang dikenakan oleh persatuan ini, *charge* yang lebih mahal daripada kebiasaan yang diberikan. Maka dengan itu kita beri kelonggaran bukan hanya persatuan nelayan, kita beri kemudahan ini untuk menjual diesel kepada nelayan, bahkan juga pihak-pihak tertentu yang kita dapati mereka juga mempunyai tawaran harga yang lebih baik daripada persatuan nelayan.

Maka, ini tidak menjejaskan pihak-pihak nelayan yang lain untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini, bukan hanya untuk mereka memperolehi daripada persatuan, malahan ada juga syarikat-syarikat yang lain, yang diberikan. Contohnya di Sarawak kita beri kepada persatuan yang lain, yang tidak berdaftar dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan, contohnya di Sabah. Begitu juga di Kedah, bukan hanya kepada tempat-tempat, Persatuan-persatuan Nelayan Kebangsaan kita berikan. Manakala di peringkat darat ini adalah khusus untuk pengangkutan darat dan kita berharap jangan dengan izin, *congested the area* dengan semua nelayan di situ, jadi tempat lain pun tidak ada tempat untuk mereka menjual. Maka akhirnya persatuan-persatuan nelayan juga akan mendapat sedikit masalah. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita pergi ke Kementerian Pengangkutan. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.30 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005, yang menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ledang ada membangkitkan isu mengenai pembinaan laluan mudah yang menghubungkan di antara kemudahan-

kemudahan asas yang sedia ada seperti LRT dan Monorel untuk memberi laluan yang selesa kepada pengguna. Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan akan meningkatkan laluan mudah ke stesen LRT Putra, STAR dan Monorel melalui penyediaan kemudahan akses ke stesen dan integrasi stesen LRT dan monorel yang berhampiran.

Integrasi yang dibuat bertujuan untuk menjadikan laluan ini lebih mudah, memberi keselesaan kepada pengguna LRT dan Monorel dan menggalakkan lebih ramai pengguna yang menggunakan LRT dan Monorel. Projek mempertingkatkan kemudahan akses di stesen LRT, STAR dan Putra melibatkan pembinaan siar kaki bumbung, jejantas pejalan kaki bumbung, tempat melintas pejalan kaki dan tempat letak kereta dan papan tanda arah.

Projek mengintegrasikan stesen-stesen LRT dan Monorel yang berhampiran melibatkan integrasi tiga stesen Monorel dan LRT berhampiran, iaitu Stesen Monorel Hang Tuah dan Stesen LRT Hang Tuah, Stesen Monorel Bukit Nanas dan Stesen Putra Dang Wangi dan Stesen Monorel Titiwangsa dan Stesen STAR, LRT Titiwangsa. Stesen ini akan dihubungi di antara satu sama lain melalui pembinaan jejantas berbumbung dan siar kaki berbumbung.

Bagi melaksanakan projek mempertingkatkan kemudahan akses ke stesen STAR dan Putra dan projek mengintegrasikan stesen-stesen LRT dan Monorel, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah menyentuh mengenai isu berkaitan cadangan pembinaan marina di Pulau Tioman. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa projek marina di Pulau Tioman adalah projek Kerajaan Pusat. Seperti mana pelaksanaan semua projek pembangunan yang lain, Kementerian Pengangkutan adalah tertakluk dan akur kepada peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi dan jabatan yang berkaitan.

Bagi projek marina di Pulau Tioman kelulusan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling telah diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar dan juga kelulusan untuk menjalankan projek di Taman Laut Malaysia telah diperolehi daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Di samping itu, pelan pengurusan alam sekitar bagi

pembangunan marina telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman untuk agensi-agensi untuk membuat pematuhan ke atas syarat-syarat pengurusan alam sekitar semasa pelaksanaan projek marina di Pulau Tioman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sepanjang tahun 2003, terdapat sebanyak 40 buah kapal layar pelbagai saiz yang telah singgah di Pulau Tioman. Bagi tahun 2004 pula, iaitu dari bulan Januari hingga Julai, terdapat 44 buah kapal layar telah singgah di pulau tersebut. Tempoh persinggahan kapal layar berkenaan adalah selama antara tiga hingga tujuh hari.

Ketiadaan kemudahan marina di Pulau Tioman bagi membolehkan kapal layar berlabuh menyebabkan pemilik kapal layar berkenaan melabuhkan sauh kapal layar mereka di merata-merata kawasan perairan di sekitar Pulau Tioman. Dengan itu mengakibatkan berlakunya kerosakan terhadap batu karang dan juga berlaku pencemaran alam sekitar.

Pembangunan marina ini akan membolehkan kerajaan mengawal selia aktiviti kapal layar dengan lebih teratur dan berkesan. Oleh yang demikian adalah kurang tepat anggapan yang mengatakan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak mengambil kira kesan ke atas alam sekitar, khususnya kehidupan laut dan batu karang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.....

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Apa hendak tanya, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai batu karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan panjang, ya. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai marina yang dicadangkan itu, yang menjadi bantahan oleh orang-orang di Pulau Tioman, khususnya di Kampung Tekek itu, adalah mengenai di mana, tempat cadanganlah, di mana marina itu patut dibina, adalah di tempat di mana ada terlampau banyak *coral reef*, batu karang. Tetapi ada lain-lain tempat di pulau tersebut, yang sesuai juga untuk mengadakan marina. Jadi, bukankah lebih baik kalau kita boleh mengelak satu situasi

di mana *rain forest of the ocean*, iaitu *tropical forest* macam *coral reef* akan dibinasakan dengan membina marina.

Bukankah lebih baik kalau kita membenarkan pembinaan marina itu di tempat lain di pulau tersebut. Itu yang dikehendaki oleh orang-orang di Kampung Tekek dan juga Sultan Pahang yang pergi sendiri ke pulau tersebut dan bersependapat sama dengan orang-orang Kampung Tekek. Kenapa kerajaan tidak tegur kepada kehendak masyarakat di sana dan Sultan Pahang?

Datuk Douglas Uggah Embas: Nampaknya Yang Berhormat jadi jurucakap Sultan Pahang, ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kajian telah pun dibuat dan kerajaan pun telah menimbang beberapa perkara, oleh itu maka pemilihan tempat di mana ini hendak dibina bukan dibuat sesuka hati, ia dibuat selepas kajian dibuat. Kita juga mengemukakan permohonan ini kepada pihak yang berkenaan. Jadi, semua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang telah diambil kira dan kita pun telah diberi syarat-syarat tertentu oleh Kementerian Sumber Asli dan Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan kerja-kerja untuk menentukan bahawa batu-batu karang itu tidak dimusnahkan.

Jadi, kita yakin bahawa walaupun kita membina marina, ia tidak akan merosakkan batu karang dan kita akan menjelaskan itu kepada Kerajaan Negeri Pahang. Saya berharap Yang Berhormat memahami bahawa ini dibuat selepas rancangan yang rapi diatur.

Yang Berhormat bagi Kalabakan mencadangkan MAS mengharamkan minuman arak dalam penerbangan. Tuan Yang di-Pertua, MAS pada masa sekarang tidak ada cadangan untuk

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Datuk Douglas Uggah Embas:... mengharamkan minuman keras dalam penerbangan.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, semalam pada 27 September, Menteri Parlimen telah mengatakan bahawa keputusan yang muktamad belum dibuat lagi mengenai marina tersebut. Adakah sekarang Timbalan Menteri mengatakan bahawa pada pengetahuan Timbalan Menteri satu keputusan muktamad telah dibuat, kerana mengikut *Hansard* dan jawapan yang beliau

beri itu, dia kata, ada beberapa pendapat EIA di antara 44 perkara yang perlu diambil kira dan sebagainya.

Adakah ini bertentangan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu atau tahu perkara yang terkini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak ada maklumat mengenai apa yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya ingin membaca apa yang telah kita dapat kelulusan-kelulusan yang telah kita perolehi mengenai pelaksanaan ini, iaitu kita telah mendapat kebenaran masuk tapak pada 15 Julai, lepas itu 16 Julai 2004, kita dapat kelulusan laporan penilaian kesan pada alam sekeliling, diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, pada 12 Ogos 2004, kebenaran masuk tapak awal tanah kerajaan bagi kerja pembinaan diperolehi dari Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, pada 21 Ogos kelulusan untuk menjalankan projek oleh Taman Laut Malaysia diperolehi dari Bahagian Taman Laut, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Inilah yang saya dapat beri kepada Yang Berhormat setakat ini.....

Tuan M. Kula Segaran: Saya baca, dengan izin.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya akan baca laporan itu dan beritahu

Tuan M. Kula Segaran: Saya baca apa yang tertulis di *Hansard*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat boleh bangkit pada peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, ini satu perkara polisi yang bertentangan. Menteri kata satu, Timbalan Menteri kata satu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Menteri mana itu?

Tuan M. Kula Segaran: Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan dengan

Datuk Douglas Uggah Embas: Berkenaan dengan apa?

Tuan M. Kula Segaran: "Jabatan Laut akan memberi taklimat berkenaan projek tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang pada 29 September berikutan arahan Sultan Pahang semasa lawatan ke tapak projek pada 11 September" dan banyak berkaitan dengan perkara itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang Jabatan Laut akan memberi taklimat kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk menjelaskan beberapa perkara supaya Kerajaan Negeri Pahang memahami bahawa apabila projek ini dijalankan, ianya akan dijalankan selepas mendapat kelulusan daripada semua pihak

yang berkenaan. Jadi, itulah hakikatnya. Selepas perbincangan itu nanti kita tunggulah apa akan ...

Tuan M. Kula Segaran: Jadi satu keputusan muktamad belum dibuatlah? Boleh dianggap seperti ... kalau tidak ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu pandangan Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran: Bukan pandangan saya, pandangan yang diberi oleh kerajaan sendiri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya belum baca, saya nak baca *Hansard* itu dulu.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau tidak, saya boleh katakan sebagai mengelirukan Dewan ini kerana jawapan, *I mean that will be the thing but it is not fair, but may be you have not read*, dengan izin, *not read the*

Datuk Douglas Uggah Embas: Betul.

Tuan M. Kula Segaran: *But the spesific answers were given by the Minister.*

Datuk Douglas Uggah Embas: Nanti, saya minta Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semasa peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat boleh kemukakan sekali lagi. Spesifiklah. Bolehlah ya? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tetapi saya anggap bahawa satu keputusan muktamad belum dibuat. Ini adalah kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat jangan menganggap apa-apa kerana

Tuan M. Kula Segaran: NGO-NGO ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Dari anggapan Yang Berhormat itu kita akan mengelirukan rakyat. Mungkin Yang Berhormat ini suka mengelirukan rakyat. Inilah masalahnya. *[Sorak]* Jadi Yang Berhormat, *it's not fair you* buka buku itu.

Tuan M. Kula Segaran: Saya baca apa yang ternyata dalam *Hansard*, bukan saya mengelirukan sesiapa.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tetapi saya tidak baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah kata beliau tidak baca lagi *Hansard*, dia memang belum baca.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau boleh kita anggap bahawa satu keputusan muktamad belum dibuat. *[Diganggu]* Ini mustahak Tuan Yang di-Pertua kerana NGO-NGO dan ramai pihak yang membuat analisis perkara ini menunggu satu keputusan muktamad selepas Menteri memberi penerangan di Dewan. Jadi jangan kita kata “memesongkan” atau “mengelirukan” dan sebagainya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Saya cadangkan supaya Yang Berhormat boleh minta penjelasan semasa di peringkat Jawatankuasa. Bolehlah ya. Baik. Yang Berhormat, teruskan. Sebelum ini ada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang mengelirukan Dewan kerana saya berada dalam Dewan ini masa itu. Selaku perunding EIA yang berdaftar selama 10 tahun dengan Jabatan Alam Sekitar, saya sendiri boleh beri satu penerangan bahawa sebenarnya *Preliminary Report EIA* itu dapat *approval*, dapat kelulusan, selepas itu ia tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat 44 itu dan salah satunya adalah menyediakan *Environmental Management Plan*.

Jadi pematuhan syarat-syarat itu masih diperlukan dan di bawah penyeliaan Jabatan Alam Sekitar. Saya rasa soalnya tidak timbul, tidak mengelirukan kerana itu satu kelulusan untuk EIA tetapi pematuhan itu yang menjadi tanda tanya yang kita mahukan kementerian mengambil kira aspek-aspek itu supaya tidak dikelirukan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kerana dia juga memang pakar EIA. Memang betul seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, dalam kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar, mereka ada membuat beberapa syarat di mana mereka akan meminta apabila kita mengadakan satu pelaksanaan di bawah projek itu adalah mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh EIA. Jadi, kita telah pun mengemukakan jadual-jadual tersebut kepada EIA. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, MAS pada masa ini tidak ada cadangan untuk mengharamkan minuman keras di dalam penerbangan. Sebagai syarikat

penerbangan kebangsaan, ia juga merupakan syarikat penerbangan antarabangsa. MAS menyediakan perkhidmatan bagi penumpang yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Dalam hal ini MAS akan menghidangkan minuman keras di antara perkhidmatan hanya di atas permintaan penumpang.

Yang Berhormat bagi Kalabakan ada membangkitkan perkara berhubung dengan sopan-santun di kaunter-kaunter KLIA. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian demi menentukan kakitangannya mengendalikan fungsi-fungsi mereka dengan sopan-santun di kaunter-kaunter KLIA. Dalam hal ini, sekiranya Yang Berhormat ada aduan-aduan secara spesifik terhadap perkhidmatan kaunter KLIA, saya mohon Yang Berhormat mengemukakan dengan butir-butir lanjut kepada Kementerian Pengangkutan supaya tindakan selanjutnya dapat diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mas ada membangkitkan mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Lawas. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan mengkaji permohonan ini dari kerajaan negeri dan kita melihat sama ada kita perlu untuk membina lapangan terbang Lawas yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan kementerian yang saya sempat menjawab. Perkara-perkara yang lain kita akan catatkan dan ambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

8.47 mlm.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz Shamsuddin]: Saya ucapkan terima kasih kepada 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2005 di peringkat dasar Dewan Rakyat. Izinkan saya menjawab isu dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Berhubung dengan pembasmian kemiskinan, Yang Berhormat bagi Labuan dan Yang Berhormat bagi Jerlun membangkitkan kos untuk membina satu unit rumah PPRT perlu dinaikkan kepada RM20,000 selaras dengan kos hidup semasa yang agak

tinggi. Kedua, meminta supaya rumah PPRT dibina dalam bentuk rumah pangsa dan bukan secara berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Labuan dan Yang Berhormat bagi Jerlun, mulai Rancangan Malaysia Yang Kelapan, rumah PPRT telah dikenali sebagai Program Pembuatan Rumah (PPR) kerana Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dibubarkan dan dikemas kini kepada Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Di bawah PPR terdapat dua jenis projek iaitu bina rumah baru dan baik pulih rumah keluarga miskin tegar.

Bagi projek bina baru rumah, kadar kos pembinaan bagi satu rumah yang ditetapkan adalah RM10,370 bagi Semenanjung dan RM11,930 bagi Sabah dan Sarawak. Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi kos kerja tapak sebanyak RM2,000 dan kerja runtuh rumah asal menerima bantuan sebanyak RM500. Ini bermakna jumlah bantuan yang diberikan ialah RM12,870 bagi Semenanjung dan RM14,430 bagi Sabah dan Sarawak. Buat masa ini kementerian belum bercadang untuk membuat semakan kadar bina baru rumah memandangkan kadar tersebut masih lagi sesuai dan relevan. Walau bagaimana pun, PKLW tidak menghalang kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta memberi bantuan kewangan untuk menampung sebahagian kos pembinaan rumah tersebut. Inilah masanya bagi kita semua untuk tolong-menolong bagi menjayakan dan membantu sahabat-sahabat kita yang kurang bernasib baik.

Merujuk kepada saranan Yang Berhormat bagi Jerlun supaya rumah PPRT dibina dalam bentuk rumah pangsa, kementerian tidak bercadang untuk berbuat demikian kerana kawasan di luar bandar masih luas dan jangan kejutkan sahabat-sahabat kita dengan kehidupan yang begitu menghimpit di bandar-bandar. Berilah mereka keluasan dan keamanan, insya-Allah kita akan selesaikan.

Yang Berhormat bagi Ketereh mempersoalkan mengapa Bajet 2005 mengurangkan peruntukan untuk KKLW sehingga antara 30 peratus hingga 40 peratus jika benar golongan ini memerlukan bantuan. Terima kasih banyak atas simpati yang disebutkan. Walau bagaimanapun, berhubung dengan pengurangan peruntukan kewangan bagi KKLW dalam Bajet 2005 dan had siling RMK-8 bagi kementerian sebanyak RM555 juta seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, suka saya memaklumkan bahawa kementerian masih lagi berpeluang untuk meminta bantuan kepada Perbendaharaan dan perkara ini telah pun kementerian buat dan

Kabinet telah bersetuju supaya kos sempurna dapat dilaksanakan sekiranya memerlukan.

Yang Berhormat bagi Batu Kawan membangkitkan beliau berpandangan kerajaan perlu memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan mutlak dan bukan pembasmian kemiskinan relatif. Beliau juga berpandangan bahawa kerajaan perlu merancang strategi yang menitikberatkan pembasmian kemiskinan dan bukannya strategi bagi pertumbuhan pembangunan sahaja.

Turut dibangkitkan ialah mengenai isu garis pendapatan. Terdapat juga beberapa kelemahan dalam garis kemiskinan yang mengukur insiden kemiskinan. Katanya kemiskinan di bandar dan di luar bandar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi kawasan Sik bangun.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menanya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian berhasrat mengkaji semula peranan Lembaga Kemajuan Wilayah?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Pada peringkat ini kita ada 4 Lembaga Kemajuan Wilayah. Di Johor KEJORA, di Terengganu KETENGAH, di Kelantan KESEDAR, di Kedah KEDA dan di Pulau Pinang disebut sebagai PERDA. Semua ini sedang berjalan dan kita mengawasi dengan teliti dan insya-Allah pada 3hb Oktober 2004 ini kita akan memanggil semua Pengerusi untuk bersidang mencari jalan penyelesaian supaya keadaan sekarang dibaik pulih dan ditambah *valu*nya supaya rakyat mendapat keuntungan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam soal pembangunan wilayah ini - nama kementerian pun Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kalau kita lihat dalam bajet dalam soal pembangunan wilayah semuanya tertumpu kepada peruntukan-peruntukan keempat-empat Lembaga Kemajuan Wilayah tadi. Saya ingin bertanya apakah sebenarnya peranan kementerian ini dalam segi pembangunan wilayah terutama sekali dalam soal memperseimbangkan pembangunan wilayah di seluruh negara? Bagi tempat-tempat yang tidak mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah bagaimana hal kita membangun?

Kalau kita lihat sejak dari Rancangan Jangka Panjang Pertama hingga pada hari ini strategi bagi pembangunan wilayah ialah mendirikan *growth centers* – pertumbuhan baru. Semua ini di Semenanjung dibuat oleh keempat-empat Lembaga Wilayah tadi. Jadi bagaimana pula di negeri-negeri, di wilayah-wilayah yang tidak mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah dalam kajian macam Sabah dan Sarawak. Bagaimanakah kita memperseimbangkan tanpa agensi tadi? Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini saya akan jawab kerana ada soalan spesifik yang berkaitan dengan ini. Insya-Allah, saya akan jawab.

Beliau juga menyentuh berkenaan kemiskinan di bandar dan luar bandar dan juga perbezaan garis kemiskinan. Garis kemiskinan tidak mengambil kira garis kemiskinan dalam corak penggunaan isi rumah di bandar dan luar bandar. Ini pendapat Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Batu Kawan, sememangnya kemiskinan mutlak berasaskan pendapatan garis kemiskinan menjadi ukuran dalam penentuan golongan sasaran terutama di bawah Skim Kesejahteraan Rakyat. Golongan sasaran utama yang dimaksudkan adalah golongan miskin tegar yang layak menerima bantuan di bawah Program Bantuan Rumah dan Program Tambahan Makanan, ini perkara-perkara yang kita timbulkan. Bukan sahaja semata-mata buat jalan raya, jalan kampung tetapi kita menumpukan kepada bantuan rumah, program tambahan makanan seimbang, program pembangunan masyarakat setempat dan program Amanah Saham Bumiputera Sejahtera.

Namun demikian, program-program lain juga mencakupi pelbagai dimensi termasuk kumpulan sasarannya yang dibuka kepada golongan miskin dan golongan berpendapatan rendah. Program-program tersebut adalah Program Latihan dan Pendidikan (PLP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Pembangunan Taska dan Program Peningkatan Pendapatan. Mudah-mudahan segala program ini dapat dijalankan dengan baik dan masalah yang Yang Berhormat timbulkan dapat diselesaikan dengan secara berperingkat-peringkat dan mudah-mudahan kemiskinan ini dapat dihapuskan.

Yang Berhormat bagi Bera membangkitkan penggunaan daftar profil termiskin adalah dialu-alukan katanya. Walau bagaimanapun, penduduk termiskin cuma 1% tetapi tumpuan perlu diberikan untuk menghapuskan dengan cepat golongan tersebut.

Juga dibangkitkan projek perumahan PPRT yang telah saya perbetulkan tadi, juga tidak diberikan bekalan elektrik dan penerima bantuan terpaksa membayar deposit sebanyak RM400 apabila memasuki rumah ini, oleh itu peruntukan perlu ditambah lagi. Beliau seterusnya membangkitkan akan tanggungjawab terhadap pelaksanaan projek pembangunan, di peringkat daerah adalah Penolong Pegawai Daerah di mana ia turut sama melaksanakan projek PPRT. Oleh itu beliau mencadangkan agar satu unit khas ditubuhkan bagi melaksanakan projek-projek yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bera, jawapan ini turut merangkumi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Padang Terap yang menyentuh perkara yang sama. Kementerian ini sememang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Setahu saya Batu Kawan adalah di Seberang Perai dan seluruh Seberang Perai ini adalah di bawah jagaan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis Perbandaran ini kami menghadapi satu masalah bahawa kementerian Yang Berhormat tidak menjaga Majlis Perbandaran. Di bandar juga ada orang-orang miskin, jadi kami menghadapi satu masalah. Kalau pergi ke DO atau pergi ke MPSP dia kata tidak ada skim seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Bolehkah satu mekanisme diwujudkan supaya orang-orang miskin di bandar pun dapat bantuan dari kementerian Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebuah kerajaan yang bekerjasama dan bagi saya apa yang dirasai oleh bandar juga dirasai oleh luar bandar dan tidak ada sebab mengapa tidak ada peruntukan boleh diatur. Oleh sebab itu Kementerian Kemajuan Luar Bandar akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya perkara ini dapat diselesaikan secara yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan, ada apa lagi hendak tanya?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena tengok pukul berapa sekarang.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek, tetapi pendek banyak kali pun jadi panjang juga.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini pendek punya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan tadi tentang persoalan-persoalan dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bera dan program-program semuanya baik-baik. Kita amat bersetuju dan kita memberi sokongan penuh. Persoalan di sini ialah sasaran. Bagaimana hendak mengenal pasti siapa yang miskin, banci dan sebagainya.

Permasalahan kita sampai hari ini saya ingat dalam soal itu belum selesai. Bagi negeri Sabah Kementerian Luar Bandar Negeri Sabah baru-baru ini mengumumkan kerajaan sedang menjalankan bancian. Tetapi persoalan di sini bagaimanakah kita mengutamakan senarai rakyat termiskin ini yang kemiskinan tegar dan adakah kementerian bercadang untuk menerima pakai atau mengubah sistem sekarang di mana kita pakai JKK untuk mengenal pasti. JKK selepas itu Pegawai Daerah. Adakah kementerian bercadang untuk menggunakan guru besar pula sebagai Pengerusi untuk mengenal pasti siapa yang miskin sebab sebahagian besar bukan sahaja daripada Yang Berhormat punya kementerian tetapi juga daripada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan pendek.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini hendak jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kasihan saya sikit. Yang Berhormat keluar masuk keluar masuk, saya duduk sini sampai habis.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham? Menteri faham, sila duduk, sila duduk.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sebenarnya kementerian ini akan membuka semua medan yang paling luas supaya rakyat mendapat kesejahteraan. Tidak terhad kepada JKK atau Tuan DO atau Pegawai-pegawai Daerah. Sesiapa juga boleh memberi maklumat untuk memuaskan supaya tidak ada yang tertinggal, itulah tanggungjawab kita. Oleh sebab itu marilah kita bersama-sama memberi kerjasama supaya kita dapat menjalankan kerja yang terbaik. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bera, saya sudah sebut tadi kementerian ini sememangnya diberikan peruntukan yang terhad untuk melaksanakan projek rumah atau dikenali sekarang sebagai Program Bantuan Rumah, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Ini ditambah dengan keperluan menggunakan sebahagian peruntukan PBR pada tahun 2004 untuk membayar projek-projek siap yang tidak sempat dibuat pembayaran pada tahun 2003 menyebabkan peruntukan untuk semua negeri berkurangan.

Dari segi kaedah pelaksanaan di negeri Pahang, kementerian ini menggunakan khidmat Pejabat Pembangunan Negeri. Dan di Kedah pula Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) untuk melaksanakan PBR dan mengagihkan peruntukan ke pejabat daerah. Kementerian dimaklumkan bahawa semua daerah mendapat bilangan projek rumah yang kurang berbanding dengan keperluan sebenar. Bagi mengatasi masalah ini kementerian akan memohon peruntukan yang lebih besar untuk PBR di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Mengenai bilangan orang yang memerlukan bantuan rumah keluarga miskin tegar yang semakin bertambah, kementerian ini bercadang supaya mulai tahun 2005 hanya pemohon yang telah didaftar dalam daftar keluarga miskin tegar diberikan bantuan terlebih dahulu. Namun demikian cadangan-cadangan baru tetap akan dipertimbangkan. Di samping itu kementerian ini akan membuat semakan yang rapi agar hanya mereka yang benar-benar layak diberikan bantuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan untuk menerima bantuan PBR semasa adalah yang berpendapatan keluarga pemohon tidak boleh melebihi RM264.50 sebulan atau pendapatan per kapita RM55.70 bagi Semenanjung.

Peruntukan yang disediakan bagi pembinaan satu rumah keluarga miskin adalah RM10,370 di Semenanjung dan RM11,930 bagi Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kementerian ini berpandangan bahawa peruntukan tersebut telah memadai kerana pendawaian elektrik dan paip air dalaman telah disediakan untuk rumah keluarga miskin ini.

Sehubungan itu, kementerian ini berpandangan bahawa seperti yang dicadangkan RM400 yang ditanggung oleh penerima bantuan merupakan sangat kecil dibandingkan dengan sumbangan kerajaan. Namun demikian kita harap kerajaan negeri dan juga pihak swasta dapat menghulur bantuan supaya keselesaan akan terus diterima oleh sahabat-sahabat kita yang kurang bernasib baik ini.

Yang Berhormat bagi Kalabakan membangkitkan terdapat kenyataan baru-baru ini berhubung 'belajar percuma, hapus kemiskinan'. Yang pasti Yang Berhormat sangat bersimpati dengan penduduk di Kalabakan terutamanya kerana anak-anak masih dibebankan dengan berbagai-bagai yuran, itu maksudnya dan bagi kita, isu yang dibangkitkan mengenai yuran, bantuan baju dan kasut percuma sewajarnya dijawab oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Tetapi kementerian ini juga tidak terasing daripada tugas yang sama.

Oleh itu, kita akan cuba sebaik mungkin seperti yang terdapat dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, melalui skim ini kita akan mengadakan Program Latihan Pendidikan ataupun (PLP) dan Program Pembangunan Minda Insan. KKLW juga menawarkan peluang pendidikan percuma kepada ahli isi rumah miskin tegar dan miskin, juga kita mengadakan kursus-kursus yang dilaksanakan supaya persediaan menghadapi peperiksaan PMR, SPM dan STPM dapat dijalankan.

KKLW akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan dan mencari jalan supaya masalah yuran ini dapat kita selesaikan dan kementerian akan berusaha supaya setiap anak-anak yang layak bersekolah akan meneruskan pelajarannya dengan kerajaan yang ada ini.

Oleh sebab itu Yang Berhormat bagi Kalabakan jangan bimbang kalau sekiranya ada terdapat kemiskinan yang menyalur begitu berat, kementerian ini akan bertindak dengan cara yang terbaik supaya penyelesaian dapat dibuat.

Yang Berhormat bagi Lanang, membangkitkan penempatan semula kampung masyarakat Iban yang mendiami rumah-rumah panjang di Sarawak. Mereka menghadapi masalah, setiap tahun ada sahaja kebakaran di rumah panjang dan mereka memerlukan bantuan dan kos amat tinggi pada masa sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Lanang, isu penempatan semula kampung masyarakat Iban yang mendiami rumah-rumah panjang, yang berlaku akibat kes-kes kebakaran memerlukan kos yang sangat tinggi.

KKLW berpendapat bantuan kepada kes-kes kebakaran seumpama ini perlu dirujuk kepada Tabung Bantuan Bencana yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri. Walaupun tiada skop bantuan seumpama itu terdapat dalam Program Pembangunan Masyarakat Setempat, KKLW adalah bermatlamat untuk turut membantu.

Oleh sebab itu PPMS adalah bermatlamat untuk membolehkan kumpulan sasar di kawasan-kawasan terpencil menikmati kemudahan-kemudahan asas, permohonan yang turut serta dalam arus perdana pembangunan, dengan itu kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan. Dengan tegasnya kerajaan negeri bukan sahaja dipohon untuk menyediakan tapak untuk perumahan, tetapi juga tapak untuk menjalankan kegiatan ekonomi untuk kumpulan-kumpulan sasar ini.

Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan kegagalan agensi pelaksana untuk membantu masyarakat luar bandar yang masih mundur. Dengan peruntukan Bajet 2005 agensi pelaksana diharapkan dapat menonjolkan idea-idea baru yang sesuai dengan teknologi terkini. Keperluan masyarakat luar bandar bagi membolehkan mereka setanding dengan masyarakat bandar, khususnya Yang Berhormat menunjukan kepada RISDA mengambil masa agak lama tidak membekalkan benih pokok, khususnya benih getah.

Yang Berhormat, untuk Yang Berhormat bagi Jasin, pada Rancangan Malaysia Ketujuh, kita menumpukan penanaman kelapa sawit dan Rancangan Malaysia Kelapan kita mulakan pula strategi baru dengan menanam semula getah. Oleh sebab di antara Rancangan Malaysia Ketujuh dengan Rancangan Malaysia Kelapan ini, begitu jaraknya maka tentulah RISDA terpaksa mengubah balik strateginya dan oleh sebab itulah kita dapati sedikit kelewatan bagi menentukan *supply* ataupun pemberian benih agak lewat.

Tetapi apabila digerakkan supaya getah dijadikan tanaman strategi semula, maka perkara ini sedang dibaiki dan insya-Allah benih-benih yang dimaksudkan itu akan dapat disegerakan dan kita pun sedang bersedia ke arah ini. Mudah-mudahan pembangunan pekebun kecil akan dapat diselaraskan dalam pembangunan yang kita harapkan. RISDA sentiasa berusaha memastikan setiap projek diberikan tumpuan dan perhatian sewajarnya untuk memastikan kejayaan projek yang dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru mencadangkan agar diwujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih daripada Johor Bahru, dia nampak Sabah dan Sarawak. Mungkin ini adalah satu perhatian yang baik seperti yang ditonjolkan oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Johor Bahru, cadangan untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak perlu dikaji dengan mendalam dan perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan

Sarawak terlebih dahulu. Walaupun pada ketika ini tiada agensi sedemikian beroperasi di Sabah dan Sarawak, tetapi pembangunan di kawasan luar bandar di kedua-dua negeri ini masih diteruskan melalui agensi-agensi kementerian seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

Di samping itu bagi negeri Sarawak, peruntukan pembangunan boleh disalurkan kepada tiga agensi kerajaan negeri, iaitu Lembaga Kemajuan Bintulu, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SELCRA) dan juga Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.

Di samping itu, pada masa ini bagi Sabah kita sedang memikirkan Ranau sebagai satu penumpuan, di mana kawasan ini insya-Allah akan diwujudkan seperti wilayah tetapi di peringkat kajian. Mudah-mudahan ia akan terlaksana sedikit masa lagi.

Bagi prasarana utiliti dan *amenity* sosial, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ledang membangkitkan jalan tidak cukup lebar dan menyebabkan kenderaan tidak boleh berselisih. Ini kita akui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ledang, kementerian berterima kasih atas cadangan dari Ahli Yang Berhormat supaya jalan kampung dibesarkan sehingga 15 kaki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini memahami dan sememangnya sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kemudahan asas luar bandar demi kesejahteraan penduduk. Walau bagaimanapun, jalan PJK yang dibina pada masa ini adalah sesuai untuk perhubungan dan laluan di persekitaran kampung setempat. Sekiranya skop jalan PJK sedia ada itu dengan kelebaran ubin *pavement* maksimum 14 kaki dipertingkatkan, jalan berkenaan akan terkeluar dari skop PJK dan perlu diprogram di bawah skop Jalan Luar Bandar. Sekiranya ini dilakukan urusan pembinaan jalan dalam kawasan perkampungan akan memakan masa lebih panjang seperti mana proses untuk pengambilan alih tanah untuk jajaran jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ledang, jalan PJK pada masa ini dibina atas jajaran tanah yang dipohon secara izin lalu dari tuan-tuan tanah berkenaan. Kita berterima kasih kerana mereka membenarkan tanah-tanah ini dilalui. Kalau kita ingin memperbesarkan, maka pihak perundangan akan masuk campur dan jalan akan tidak siap.

Di samping itu, skop dan spesifikasi jalan PJK seperti berikut adalah cukup untuk menampung laluan kenderaan persekitaran perkampungan:-

- Lebar ubin jalan *pavement* maksimum 14 kaki
- Lebar bahu jalan minimum 1.5 kaki
- Ketebalan asas jalan (*road base*) minimum 9 inci
- Ketebalan premix minimum 2 inci.

Di samping itu had beban jalan PJK yang ditetapkan adalah 5 tan. Kalau masuk lori 10 tan sudah tentulah gempur jalan ini dan kita akan menghadapi masalah. Oleh sebab itulah palang yang dipasang di jalan-jalan masuk seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ledang adalah semata-mata bertujuan untuk mengelakkan jalan-jalan kampung berkenaan daripada menjadi laluan kenderaan dengan bebanan lebih had muatan 5 tan. Sama-samalah kita bekerjasama.

Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu dan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading membangkitkan mengenai peruntukan pembangunan KKLW tahun 2003 yang hanya dibelanjakan sebanyak 50%. Kalau mengikut ukuran tahun ini, ini cukup baik. Namun demikian kita tidak hendak mengelak.

Yang Berhormat, berhubung dengan prestasi perbelanjaan yang rendah bagi peruntukan KKLW dalam tahun 2003 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu dan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, ingin dimaklumkan bahawa prestasi tersebut adalah disebabkan oleh beberapa masalah. Masalah utama adalah kelewatan dalam melantik kontraktor induk dan kontraktor *turnkey* khususnya bagi Program Bekalan Air Luar Bandar, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Sabah dan Sarawak, dan masalah kelewatan kelulusan ke atas jadual kadar harga bagi Program Jalan Kampung, peruntukan bagi ketiga-tiga ini.

Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, berilah saya peluang kerana saya baru sahaja enam bulan. Insya-Allah, selepas ini saya akan selesaikan seperti mana mengikut kehendak tuan-tuan dan puan-puan. *[Tepuk]*

Namun demikian, terdapat banyak projek yang menjangkau nilai RM423 juta khususnya projek jalan kampung yang telah disiapkan dalam tahun 2003 tetapi tidak dapat dijelaskan pembayarannya dalam tahun berkenaan kerana tarikh akhir pembayaran telah ditetapkan lebih awal berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya. Saya ulangi, berilah saya peluang, sama-samalah kita bekerjasama supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan liputan air, elektrik dan jalan perlu menyeluruh di Kelantan terutama di Parlimen Pasir Puteh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kerajaan sentiasa berusaha memberi liputan air, elektrik dan jalan secara menyeluruh bagi kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk di negeri Kelantan. Sehingga kini jumlah tersebut sangat banyak dan sebanyak RM3.2 bilion bagi empat program iaitu projek jalan luar bandar, jalan kampung, bekalan elektrik, bekalan air luar bandar telah diselesaikan dan Kelantan diperuntukkan sebanyak RM242.4 juta. Kita akan terus usahakan di mana peruntukan yang mencukupi.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas membangkitkan isu pelajar-pelajar miskin termasuk Sabah dan Sarawak tidak mendapat bekalan elektrik, air dan kemudahan infrastruktur. Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kerajaan sentiasa prihatin dengan nasib para pelajar miskin termasuk penduduk di Sabah dan Sarawak dan berusaha memastikan mereka mendapat keutamaan bagi bekalan elektrik, air dan kemudahan infrastruktur memandangkan kawasan luar bandar yang benar-benar kurang membangun lebih banyak terdapat di kedua-dua negeri tersebut.

Berdasarkan kepada peruntukan RMK-8 sebanyak RM3.2 bilion bagi empat program iaitu Jalan Luar Bandar - saya telah sebut tadi, Projek Jalan Kampung, Elektrik dan Bekalan Air disediakan. Sabah diperuntukkan sebanyak RM730.121 juta sementara Sarawak pula diperuntukkan sebanyak RM767.5 juta. Kementerian ini sedar terdapat negeri-negeri memohon peruntukan yang besar bagi melengkapkan semua kemudahan prasarana di entiti di luar bandar. Insya-Allah, KKLW akan menjalankan usaha secara berperingkat-peringkat hingga selesainya masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendidikan dan latihan juga dibangkitkan. Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh membangkitkan pendidikan prasekolah patut ditingkatkan tahap pendidikannya dan mencadangkan pula supaya prasekolah ini ikut seperti apa yang berlaku di Australia dan kita telah mengambil perhatian. KEMAS pun sudah menilai keadaan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, mengikut Akta Pendidikan 1996 pendidikan prasekolah diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran. Kurikulum pendidikan prasekolah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan diguna pakai oleh semua pihak sama ada institusi swasta atau kerajaan. Cadangan supaya

Malaysia menggunakan model pendidikan prasekolah di Australia adalah juga di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran selaku penyelaras kepada urusan pendidikan prasekolah.

Namun demikian, kita secara aktif dan sedar kita pertama sekali sekarang berusaha untuk merancang meningkatkan kualiti latihan terutama sekali kepada gurunya dahulu. Kemudian berikutilah kepada anak-anak murid. KEMAS sedang menjalankan kajian bagi meningkatkan kualiti pendidikan guru tabika berasaskan kepada modul latihan perguruan di Kementerian Pelajaran Malaysia dan kita juga mengadakan kurikulum sebanyak dua jam seminggu selepas waktu persekolahan. Mudah-mudahan dengan ko-kurikulum ini anak-anak kita akan dapat bangun dengan segar dan pantas dan mereka bukan sahaja insya-Allah jadi pandai tetapi akan jadi bijaksana. Sokonglah program ini dan kita akan dapat membuktikan Malaysia akan berjaya pada bila-bila masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya tertarik tadi mengenai kurikulum prasekolah dan ko-kurikulum. Sudah sampai masanya, saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju prasekolah ini diletakkan dalam *mainstream* - mesti semua dalam *mainstream*, dalam pagar arus perdana kerana saya nampak ada lagi tadika yang cara bersendirian-sendiri tidak mengikut ko-kurikulum prasekolah ini.

Oleh sebab itulah kita tengok ada juga sekolah-sekolah yang menjadi ancaman yang *engaged* dasar-dasar kerajaan ini kerana mereka tidak selari dengan kurikulum prasekolah. Adakah bercadang untuk diselaraskan keseluruhannya termasuk taski. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Pada tahun 2002 telah pun diumumkan kepada kerajaan dan seluruh rakyat bahawa semua tadika sama ada kerajaan atau swasta, mereka mesti mendaftar kepada Kementerian Pelajaran. Oleh sebab itu masalahnya sekarang ialah pelaksanaan dan pelaksanaan banyak bergantung kepada pihak pelaksananya sendiri. Oleh itu saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, jawapannya panjang lagi?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kalau ikut hendak pendek pun boleh juga. Kalau kita hendak memendekkan ini kepada semua Ahli Yang Berhormat yang belum mendapat jawapan kita boleh menghantar jawapannya secara bertulis untuk memuaskan hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sokong ini. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kalau sokong, saya sokong juga. Adakah dipersetujui? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, mereka bersetuju. Oleh sebab itu saya mohon untuk duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan soalan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kementerian mengucapkan berbanyak terima kasih, mudah-mudahan kerjasama di antara kita akan wujud selama-lamanya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih diucapkan kepada Menteri. Kita beralih ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat agak berapa minit?

9.20 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tiada bantuan dari rakan-rakan 20 minit boleh, tetapi kalau ada bantuan dua jam barangkali ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dua jam saya takut Yang Berhormat satu orang sahajalah berucap. *[Ketawa]*.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Ya. Saya minta jangan ada bantuanlah. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mngambil bahagian dalam perbahasan Bajet. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerai, Ipoh Barat, Kalabakan, Tuaran, Jasin, Sekijang, Kudat, Kota

Belud, Kuala Pilah, Larut, Labuan, Maran dan Bukit Bintang yang telah memberi perhatian dan membangkitkan isu-isu serta perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan bajet.

Tuan Yang di-Pertua, objektif Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam semua sektor serta mahu pun budaya keusahawanan dan koperasi di kalangan rakyat Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut ianya dilaksanakan melalui tujuh program utama kementerian iaitu:

Yang pertama sekali, melalui khidmat sokongan, melalui aktiviti pengurusan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada program dan aktiviti kementerian untuk memudahkan pencapaian objektif yang disebutkan,

Kedua ialah pelesenan bagi menentukan keperluan untuk perkhidmatan kenderaan perdagangan adalah mencukupi dan diperkembangkan berasaskan kepada dasar-dasar kerajaan melalui aktiviti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung, Lembaga Pelesenan Kenderaan Sabah, Lembaga Pelesenan Perdagangan Sarawak dan Pusat Khidmat Kontraktor'

Program ketiga iaitu program dan projek pembangunan bagi mengawasi pelaksanaan program pembangunan kementerian atau agensi supaya menepati skop dan jadual pelaksanaan yang ditetapkan di samping mengurus pengeluaran peruntukan program untuk projek tersebut;

Keempat perancangan dan penilaian bagi menentukan arah tuju dasar strategi dan program kementerian serta membuat penilaian pelaksanaan untuk menghasilkan impak yang lebih dari segi kuantiti dan kualitinya;

Kelima pembangunan usahawan melalui aktiviti pembangunan perniagaan bagi mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing melalui program-program pembangunan perniagaan, memberi khidmat nasihat dan bimbingan serta bantuan maklumat kepada usahawan dan bakal usahawan khususnya berkaitan:

- (i) program-program pembangunan perniagaan;
- (ii) latihan keusahawanan;
- (iii) francais dan vendor.

Program keenam ialah pembangunan koperasi melalui aktiviti pembangunan dan pengurusan *statutory* dan juga pembangunan koperasi di peringkat negeri.

Dan akhir sekali program ketujuh, melalui Majlis Amanah Rakyat iaitu untuk membentuk, melatih dan mewujudkan usahawan bumiputera serta mempertingkatkan tahap usahawan bumiputera khususnya dalam sektor perdagangan dan perindustrian melalui lima aktiviti yang utama iaitu aktiviti sektor usahawan, aktiviti pendidikan dan latihan, aktiviti perusahaan dan perdagangan, aktiviti pengangkutan luar bandar dan juga aktiviti perkhidmatan dan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai berhubung isu berkaitan pemandu bas yang kebanyakannya didapati positif dadah apabila menjalani ujian air kencing dan bagaimana kerajaan perlu memastikan supaya kes ini berkurangan. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah mengarahkan semua pengusaha atau syarikat bas supaya memberhentikan pemandu mereka yang didapati positif ujian dadah.

Pemandu-pemandu bas ekspres telah disyaratkan supaya menjalani peperiksaan perubatan dengan doktor kerajaan setiap enam bulan dan membawa surat pengesahan perubatan tersebut semasa memandu. Pada masa yang sama kementerian ini sedang meningkatkan koordinasi antara agensi pengangkutan awam yang terlibat bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam selamat dan mesra pelanggan. Pihak Polis Diraja Malaysia juga sentiasa mengadakan peperiksaan dan ujian air kencing ke atas pemandu-pemandu bas dari masa ke semasa. Syarikat bas boleh meminta kerjasama daripada LPKP dan Polis Diraja Malaysia untuk membuat peperiksaan mengejut ke atas pemandu-pemandu yang disyaki positif dadah. Syarikat bas perlu menyemak rekod pemandu dengan Agensi Dadah Kebangsaan sebelum mengambil mereka bekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga sedang menjalankan kursus pemanduan berhema kenderaan perdagangan dari masa ke masa untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan tahap disiplin pemanduan selain pendedahan mengenai peraturan dan syarat pelesenan. Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini, sehingga Ogos 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Boleh saya selesaikan dulu ini mengenai bas tadi. Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini sehingga Ogos 2004 sebanyak 11 kursus pemanduan berhemah kenderaan perdagangan telah dijalankan kepada pemandu dan teksi, bas dan lori. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kini dalam usaha untuk mendaftarkan semua pemandu bas bagi memudahkan agensi penguat kuasa membuat pemantauan dan pemeriksaan supaya semua pemandu bas bersih daripada rekod jenayah dan dadah. Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan syabaslah kepada kementerian kerana mengambil tindakan kepada pemandu-pemandu bas. Bolehkah saya diberitahu apakan keadaan dan apakah polisi kementerian dan kerajaan terhadap bas-bas yang terlampau tua yang saya nampak ada bas-bas yang 30 tahun umur dia lagi masih berada di jalan raya dan habuknya sangat teruk dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian tersebut.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Nasib baik saya ada bawa maklumat, bagi menetapkan dari segi had usia LPKP pada masa ini belum boleh melaksanakan dari segi penguatkuasaan usia bas kerana ia juga boleh menjejaskan pembangunan usahawan dan juga perniagaan. Kementerian bagaimanapun sedang berbincanglah dengan semua pihak termasuk persatuan-persatuan bas itu sendiri untuk tujuan melaksanakan had usia kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat hasil tinjauan awal kerajaan terhadap pengangkutan bas awam yang melebihi usia 10 tahun adalah seperti berikut, bagi bas ekspres 5%, bas berhenti-henti 80%, bas perantara 20%, bas Mini 80%, bas pekerja 50% dan bas sekolah 100% ini yang melebihi usia 10 tahunlah. Jadi untuk menjawab tadi dasar itu tadi terserah kepada kita akan bincang dengan persatuan atau pengusaha itu sendirilah.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Timur, berhubung dengan permohonan membaharui lesen pembawa 'C' daripada syarikat swasta Magna Array Sendirian Berhad yang ditolak oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, ingin saya perelaskan pada asalnya syarikat Magna Array Sendirian Berhad mempunyai ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera. Kelulusan lesen diberi dengan mengambil kira struktur ekuiti tersebut selari dengan usaha dan dasar kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dan menggalakkan usaha sama bumiputera dan bukan bumiputera.

Seksyen 20A Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 menetapkan syarat, sebarang perubahan kepada struktur ekuiti syarikat dan anggota Lembaga Pengarah pemegang lesen hendaklah memperolehi kelulusan daripada LPKP terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2002 dan tahun 2003, Magna Array Sdn. Bhd. telah membuat perubahan kepada anggota Lembaga Pengarah dan struktur ekuiti. Perubahan ini telah tidak dimaklumkan atau mendapat kelulusan daripada LPKP terlebih dahulu, seperti mana yang dikehendaki dalam Seksyen 20A, Akta. Memandangkan kelulusan awal lesen adalah berdasarkan pemilikan ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera dalam syarikat Magna Array Sdn Bhd. LPKP menasihatkan supaya pihak syarikat mencari rakan kongsi bumiputera terlebih dahulu.

Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Larut mengenai cadangan mengkaji dan memantau jangka hayat kenderaan-kenderaan...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa Kabinet ada membuat satu keputusan iaitu mengecualikan atau untuk membatalkan keperluan di mana syarikat-syarikat yang ada lesen komersial untuk membaharui lesen itu, dengan mengadakan penyertaan bumiputera seperti yang ada diumumkan hari ini? Adakah itu benar atau pengumuman itu tidak berasas?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau boleh saya ulang balik iaitu dasar 30% daripada ekuiti, adakah begitu?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan di sini bagaimana ada keperluan yang dinyatakan, perlu penyertaan bumiputera untuk membaharui lesen komersial atau kenderaan komersial, adakah sekarang dibatalkan? Adakah itu benar?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak benar? Tetapi saya baca sekarang dalam internet pengumuman dibuat oleh Presiden MCA sebagai Menteri Kabinet yang mengatakan, bahawa ini baru dipersetujui oleh kerana perjuangan MCA, sungguhpun perkara ini dibangkit oleh kita di sini, tetapi itu tidak penting. Jadi, kenapa ada pengumuman oleh

Presiden MCA dan *Cabinet Minister*, bahawa syarat itu sudah dibatalkan, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata, "Tidak", adakah *crossing outline* di sini? Ini dalam internet, kalau mahu saya tunjuk, saya boleh tunjuk dalam internet, Nan Yang Siang Pau.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Timor, oleh sebab ini perkara khusus saya akan memberikan maklumat yang lebih lengkap secara bertulis selepas ini.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai dengan isu yang dibangkitkan oleh syarikat itu? Adakah oleh sebab dua hari dahulu syarikat itu dapat surat, di mana Lembaga kata, bahawa syarikat itu perlulah *against state*, pengarah-pengarah bumiputera...

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat Sekijang ada hendak tambahkah sebagai Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya sebelum itu, *let me finish*. Perlu *against state the* pengarah-pengarah bumiputera dan tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa itu adalah syarat, tetapi syarat tidak ternyata dalam lesen-lesen itu apabila boleh dijual, itu perkara yang pertama. Kenapa tidak ada syarat yang ternyata?

Yang kedua, apa yang mustahak ialah mengenai pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kabinet saya tidak tahu, Yang Berhormat Menteri Kewangan atau wakil Menteri Kewangan ada di sini dan ada menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri sama ada keputusan dibuat hari ini untuk kes semacam ini, syarat itu dikecualikan mungkin kita boleh *clear the air*. Ada seorang menteri di sini oleh sebab mengikut laporan Nan Yang Siang Pau di dalam internet, itulah selepas ada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam perkara yang semacam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat...

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri tidak ada membincangkan perkara tersebut pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mengenai kes yang telah dimaksudkan telah pun saya jawab sebentar tadi. Sekiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Pengerusi LPKP..... ingin membuat tambahan, penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Mengikut Nan Yang Siang Pau Yang Berhormat ada membuat satu pengumuman dikecualikan, apa keadaan saya tidak tahulah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Saya punya suara kurang baik, tetapi saya cubalah. Yang Berhormat dari Ipoh Timor mungkin dia beri satu gambaran tidak tepat, apa yang saya beritahu akhbar hari ini ialah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pada pagi ini sebelum Mesyuarat Jemaah Menteri dan Yang Berhormat sendiri telah memberitahu saya bahawa satu surat pekeliling yang dikeluarkan pada Julai itu telah ditarik balik mengenai mengehendaki semua syarikat bukan bumiputera untuk menstruktur semula supaya sekurang-kurangnya diberi ekuiti 30% kepada bumiputera. Beliau kata satu keputusan telah ditarik balik dan bukan pada masa Jemaah Menteri. Saya tidak tahu macam mana internet kata dalam Jemaah Menteri dan sebelum saya membuat penjelasan itu, saya telah sahkan sekali lagi tadi melalui panggilan telefon dengan Yang Berhormat Menteri, selepas beliau mempengerusikan Post Kabinet dan beliau telah mengesahkan sekali lagi bahawa pekeliling yang telah menimbulkan kebimbangan itu telah pun dibatalkan. Ini bukan satu keputusan Kabinet, tetapi adalah satu arahan menteri dan saya ingin minta penjelasan sama ada Setiausaha Parlimen telah pun jelas tentang apa yang cuba ditimbulkan oleh Ipoh Timor kerana akhbar ini mengatakan Presiden MCA sudah cakap sesuatu yang tidak betul. Suara saya kurang baik, itulah penjelasan saya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara itu saya bukan mahu cari apa, saya cuma mahu keadaan yang sebenarnya sahaja, apa yang, *what is actually the position?* Kalau begitu bukankah kes yang kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekijang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: ...bincang, itu pun terlibat bahawa keperluan untuk *restructure* bumiputera – itu tidak timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehkah beri Sekijang, dia pun Pengerusi Lembaga berkenaan mungkin dia hendak tambah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, boleh Tuan Yang di-Pertua, saya mahu keadaan yang sebenar, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh beri peluang? Baik, baik.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen. Sememangnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa memang tidak ada satu arahan daripada Kabinet yang dikeluarkan. Jadi sebenarnya ini adalah keputusan daripada mesyuarat lembaga yang telah dibuat, saya kira dalam bulan Jun yang lalu, yang telah memantau untuk melihat penyertaan bumiputera di dalam industri *transport* ini, iaitu untuk melihatnya sekurang-kurang 30% penyertaan bumiputera sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Fasal 153(6) yang mana apabila dilihat bahawa penyertaan bumiputera memang melebihi daripada 30% dan mungkin oleh kerana itu, pagi tadi saya ingat Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah membuat kenyataan di Kabinet, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya fikir tidak perlu lagilah Menteri telah menjelaskan.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: Ekuiti yang terlibat...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya hendak beri satu gambaran ini penting. Jangan nanti ada kesempatan untuk pembangkang. Saya telah kata tadi, pagi tadi sebelum Mesyuarat Jemaah Menteri, saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengenai apakah ini sebenarnya Pekeliling yang dikeluarkan sehingga begitu ramai syarikat bukan bumiputera telah pun bimbang hendak struktur syarikat mereka yang telah berniaga.

Jadi, Yang Berhormat Menteri telah maklumkan kepada saya seperti mana yang dikatakan oleh Pengerusi tadi bahawa ekuiti dalam jumlah lesen yang dikeluarkan itu iaitu 300,000 lebih lesen telah pun didapati bahawa bumiputera telah mempunyai lebih daripada 30%. Tadi maksud beliau ialah tidak perlu lagi adakan satu dasar atau satu arahan untuk memaksa iaitu *force restructuring* bahawa dengan itu pekeliling yang menimbulkan kontroversi itu telah ditarik balik. Itu yang dimaklumkan kepada saya dan saya *confirm* sekali lagi tadi selepas *Post Cabinet Meeting* dengan beliau melalui telefon dan berkata “Kerana pengusaha lori bukan bumiputera telah pun datang jumpa saya, saya akan beritahu mereka,” beliau kata “ya”.

Jadi, itulah sebenarnya apa yang berlaku dan akhbar ada di situ, mereka sudah laporkan. Itu keadaan sebenar, bukan satu keputusan Kabinet tetapi adalah satu arahan Menteri yang dimaklumkan kepada saya sebelum bermulanya Mesyuarat Jemaah Menteri tadi. Jadi, itu apa yang tepat yang dilaporkan oleh akhbar dan bukan seperti apa yang didengar tadi itu.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ingin katakan apa yang telah dijelaskan oleh Menteri cukup jelas. Jadi, saya fikir tidak perlu kita panjangkan.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasan perkara yang lainlah, perkara yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Persoalan pokok daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Kalau inginkan timbulkan soalan lain, kita minta soalan khusus. Isunya ialah mengenai Magna Array yang mana ekuiti telah ditukar...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:tanpa kebenaran daripada LPKP.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kemungkinan besar sebab perkara ini baru timbul pagi ini, Yang Berhormat sendiri belum dimaklumkan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Okey. Saya sudah memberi jawapan tadi oleh kerana apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu adalah satu perkara yang khusus, maka saya akan merujuk balik perkara ini kepada kementerian dan akan memberikan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat beri jawapan kepada dialah.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Okey. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Okey, sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, bersabar.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab dia ada di Parlimen. Dia ada di Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Bagi menjawab soalan dan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Larut mengenai cadangan mengkaji dan memantau jangka hayat kenderaan-kenderaan yang berada di jalan raya, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sememangnya telah pun mensyaratkan semua kenderaan perdagangan termasuk bas awam untuk menjalani pemeriksaan PUSPAKOM setiap enam bulan bagi memastikan tahap *worthiness*. Ini adalah untuk memastikan bas tersebut berada dalam keadaan selamat, terjamin dan selesa.

Di samping itu, kementerian ini telah menetapkan dasar supaya bas pekerja dan bas sekolah untuk beroperasi sebagai bas ekspres hendaklah berusia tidak melebihi 15 tahun dan menjalani pemeriksaan khas PUSPAKOM.

Yang Berhormat bagi Larut juga ada meminta isu supaya Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Ulu Selama, Perak disegerakan. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) Selama pada masa ini dalam proses pengambilan tapak iaitu di Lot 3660, Mukim Ulu Selama, Selama, Perak. MARA telah melantik perunding bagi menyediakan pelan konsep. MARA akan memastikan projek ini dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat bagi Labuan supaya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memastikan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia dan Bank Rakyat membiayai kerja atau kontrak yang dilaksanakan oleh kontraktor kelas F. Dimaklumkan bahawa kontraktor perlu berhubung terus dengan pihak bank yang berkenaan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan yang disediakan.

Saya juga ingin menyentuh cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat supaya arahan pemindahan stesen bas ekspres di Medan Kid ke Medan Gopeng dibatalkan kerana dikatakan akan menyebabkan perniagaan seramai 300 orang peniaga di kawasan itu terjejas teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan bagi memindahkan stesen bas ekspres Ipoh dari Medan Kid ke Medan Gopeng adalah keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Perak dan bukannya kementerian.

Notis perpindahan ini telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh berkuat kuasa pada 11 Oktober 2004. Perpindahan ini akan mengurangkan kesesakan yang berlaku di kawasan itu dan yang lebih penting pengguna akan mendapat perkhidmatan stesen bas ekspres yang lebih selesa dan moden.

Stesen bas yang baru juga masih mempunyai 48 unit gerai penjaja yang akan ditawarkan kepada peniaga-peniaga di Medan Kid untuk berpindah ke Medan Gopeng. Bilangan penjaja yang terdapat di Medan Kid pada masa ini adalah seramai 42 orang. Di samping itu, Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk membangunkan gerai-gerai penjaja yang baru dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga bertanya mengenai status cadangan pembinaan stesen bas ekspres....

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Selesai ini, selesai ini. Status cadangan pembinaan stesen bas ekspres baru berhampiran Tol Jelapang kerana ada sesetengah peniaga telah membayar wang tempahan. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan terminal dan stesen bas ekspres berhampiran Tol Jelapang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Perak dan kementerian ini dimaklumkan bahawa projek tersebut telah ditangguhkan untuk memastikan tahap *viability* dan kesesuaian pembangunannya.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terminal bas kan?

Tuan M. Kula Segaran: Saya hendak ambil tahu, Setiausaha Parlimen, saya difahamkan bila saya sendiri berjumpa dengan Setiausaha Politik Menteri Besar Perak semasa dengan penaja-penaja dan peniaga-peniaga di sana. Setiausaha Politik berkata bahawa cadangan atau arahan menukar bas stesen itu adalah daripada Kerajaan Persekutuan atau kementerian yang berkenaan dan bukan kehendak kerajaan negeri atau Datuk Bandar Ipoh. Jadi, siapa yang bercakap benar?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya menyampaikan apa yang telah tadi dinyatakan, telah direkodkan dan telah dituliskan di dalam keputusan kementerian. Sebab itulah jawapan itu yang saya beri. Jadi, soal kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ingin *investigate* siapa yang betul, siapa yang tidak, terserahlah.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga supaya MARA menyediakan pinjaman kepada...

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada perpindahan stesen bas Medan Kid di Ipoh yang telah berlaku tempoh hari, kita di Lembaga hanyalah mengelolakan lesen ataupun permit sahaja. Kita tidak ada kuasa untuk stesen bas itu sendiri. Jadi, perpindahan atau arahan untuk berpindah

adalah sememangnya di bawah kuasa kerajaan negeri dan kita, Kerajaan Persekutuan di bawah LPKP biasanya hanya diminta pertolongan untuk menguatkuasakan perpindahan tersebut, tetapi dalam hal ini nampaknya kita telah menjadi kuih bengkok agaknya, *[Ketawa]* kiri, atas, kanan, semua kita ditekan.

Jadi, sememangnya kita tidak ada kuasa sama juga dengan mana-mana stesen ataupun mana-mana perhentian bas kerana ini di bawah kelolaan kerajaan tempatan ataupun kerajaan negeri itu sendiri. Jadi, apabila ini berlaku, kita cuba menolong untuk menguatkuasakan, tetapi kalau kerajaan negeri sendiri tidak mahu untuk berbuat demikian, maka kita tarik baliklah. Itu sahaja, sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang hari ini pakai songkok setuju tidak? *[Ketawa]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Keputusan telah dibuat. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga - mengenai soal stesen itu sudah selesailah itu. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Ipoh Barat juga supaya MARA menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar persendirian yang sedang menuntut jurusan perubatan di universiti-universiti di Ukraine, ingin saya maklumkan bahawa MARA ada memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang memenuhi syarat tajaan MARA untuk mengikuti jurusan perubatan di Ukraine.

Walau bagaimanapun, ketika ini pemberian pinjaman kepada pelajar bagi kursus tersebut dibekukan sementara kerana kerajaan sedang mengkaji semula pengiktirafan yang diberi kepada Green State Medical University di Ukraine yang menempatkan pelajar-pelajar Malaysia bagi meneruskan pengajian dalam bidang perubatan. Setelah kajian mengenai pengiktirafan tersebut diperolehi maka program ini akan diteruskan.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Jasin supaya MARA mendirikan premis-premis pendidikan yang lebih luas.....

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:berbanding premis-premis pendidikan yang

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan sedikit.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:sedia ada.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai MARA. Kepada pelajar-pelajar yang mana kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan, adakah itu akan dilanjutkan?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Pada masa ini ianya dibekukan oleh sebab dari segi pengiktirafan itu tetapi bagi yang menerima bantuan itu sekarang masih menerima. Saya difahamkan bahawa angka adalah dalam 15 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sedikit lagi. Kalau tidak ada gangguan, 10 minit selesailah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat kata 20 minit sekarang sudah dua jam.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Ya, ada bantuan dari luar itu yang jadi dua jam itu. So, izinkan saya meneruskan. Kalau tiada bantuan dari luar maka ini akan selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Teruskan ayat yang terakhirlah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sukacita saya maklumkan MARA telah dan akan mengambil tindakan kepada keluasan lantai sebuah lot premis yang akan diserahkan kepada seorang bumiputera. Saya ingin menarik perhatian kepada cadangan Yang Berhormat bagi Kudat supaya bank-bank membiayai projek-projek berteknologi tinggi dan yang mempunyai potensi untuk maju melalui kaedah *venture capital*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kudat, kerajaan sememangnya ada menyediakan dana untuk membiayai projek-projek yang berteknologi yang mempunyai potensi untuk maju melalui kaedah *venture capital*. Dana ini telah dilancarkan pada tahun 2001 dan diuruskan oleh Malaysia Venture Capital Management Bhd. (MVCAP) dengan peruntukan dana sebanyak RM500 juta. Tetapi yang di luar daripada Kementerian kerana ini bertujuan untuk membantu pembangunan dan perkembangan serta meningkatkan prestasi usahawan tempatan bagi menjana pertumbuhan sektor teknologi terpilih seperti komunikasi, elektronik, semi-konduktor, *internet* dan teknologi maklumat.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan supaya Kementerian ini mengeluarkan lebih banyak permit teksi kepada individu

berbanding syarikat, dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan (LPKP) telah menetapkan dasar membekukan pengeluaran lesen teksi kepada syarikat berkuat kuasa pada 6 April 2004 dan hanya dikeluarkan kepada pemohon individu dan koperasi sahaja. Permohonan lesen teksi untuk individu dan koperasi telah dibuka mulai pada 12 April 2004 dan akan ditutup pada 11 Oktober 2004. Jadi cepat-cepatlah kepada sesiapa yang ingin memohonnya. Kuota lesen teksi individu dan koperasi di Lembah Klang adalah sebanyak 600 unit, 300 unit di Pulau Pinang dan 300 unit di Johor Bahru.

Berhubung saranan Yang Berhormat bagi Kota Belud supaya kementerian mengurangkan *red tape* semasa pemberian pinjaman kepada rakyat miskin dan mengadakan kerjasama di antara agensi kerajaan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada peniaga-peniaga kecil, dimaklumkan MAMPU telah melaksanakan kajian pengurusan dana kerajaan di mana perakuan-perakuan yang telah dibuat adalah bertujuan untuk memudahkan prosedur dan peraturan pinjaman dana-dana kerajaan.

Sebagai tindakan susulan, kesemua agensi pelaksana dana-dana ini telah memaklumkan mengenai perakuan-perakuan tersebut dan diminta supaya melaksanakannya. Antaranya ialah dengan memendekkan masa kelulusan dan pengeluaran pembiayaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerjasama antara agensi-agensi pelaksana dana-dana kerajaan memang telah pun wujud jalinan antara mereka sentiasa dikekalkan melalui seminar yang diadakan secara bersama dan juga melalui pertukaran maklumat.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah supaya kementerian meningkatkan usahawan teknologi dan pembangunan belia yang berorientasikan keusahawanan serta cadangan bagi mewujudkan skim tertentu untuk menjadikan aktiviti *Research and Development*, dengan izin, dan inovasi berkembang subur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian dengan kerjasama Prima Consulting Malaysia (PRIMA) sedang melaksanakan program pembangunan tekno-usahawan atau dikenali sebagai PHASER. Program PHASER adalah bertujuan untuk melahirkan dan membentuk usahawan tekno di dalam bidang berkaitan teknologi. Program PHASER ini dilaksanakan bagi tempoh 12 bulan di mana para peserta akan dipantau perkembangan dan prestasi perniagaan masing-masing.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, seramai 90 peserta telah dilatih dalam tahun 2003. Pada tahun 2004 kementerian telah mensasarkan penyertaan seramai 100 peserta dan sejumlah 21 orang itu sedang dilatih untuk sesi pertama pada tahun 2004 ini.

Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang meminta isu pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 30% dikaji semula agar tidak menimbulkan masalah kepada syarikat bukan bumiputera. Maksudnya akan melibatkan perubahan struktur dalam syarikat.

Suka saya maklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah menetapkan supaya hanya permohonan baru sahaja perlu mempunyai ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 30% bermula Ogos 2004.

Walau bagaimanapun, penetapan pemilikan ekuiti bumiputera ini dikecualikan bagi permohonan secara individu syarikat milik keluarga, pembawa aasli, dan syarikat yang sedia ada memiliki lesen.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mengenai soal pekeliling LPKP bertarikh 17 Julai 2004 di mana lesen telah ditarik balik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Perkara yang disebutkan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan semua sebenarnya mereka pun tidak ada di sini, tidak ada. Hanya.....

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Baca sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada....

Dato' Seri Ong Ka Ting: *[Bangun]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, penetapan tarikh dasar ini tidak akan menimbulkan masalah dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:pembaharuan lesen kenderaan perdagangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri bangun.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedar atau tidak apa yang dijawab tadi itulah yang saya bincangkan dengan Yang Berhormat Menteri.

Itulah jawabannya. Jadi sebenarnya patut beritahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tapi dia tidak ada sekarang.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Saya teruskanlah. Selesaikan isu LPKP tadi. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Maran, ada di sini, apakah pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau kementerian terlibat pernah merancang mengadakan program khas yang melibatkan usahawan-usahawan Cina yang berjaya dalam membimbing dengan secara berjadual membantu usahawan-usahawan kaum lain termasuk Melayu, India ataupun kaum bumiputera lain di Sabah dan Sarawak dalam membina masa depan perniagaan mereka.

Suka saya maklumkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berperanan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti dan maju dalam berdaya saing dalam semua sektor perniagaan.

Bagi mencapai objektif berkenaan, kementerian melaksanakan pelbagai strategi yang antaranya merupakan kerjasama dengan tokoh-tokoh usahawan Cina menerusi Program Mentor, Program Pembangunan Francais dan Program Galakan Usaha Sama Tulen. Program Mentor ialah program di mana syarikat-syarikat besar atau tokoh-tokoh usahawan dikenali sebagai mentor memberi bimbingan kepada bakal usahawan kecil dan sederhana bumiputera ataupun mentee. Ini bertujuan supaya mereka ini boleh berdikari dan bersaing di pasaran terbuka.

Sejak dilaksanakan pada tahun 1995 hingga Disember 2003 terdapat 1,510 mentee bumiputera yang telah dibimbing oleh 37 mentor, tokoh-tokoh usahawan yang berjaya dan termasuklah sebuah syarikat Cina. Kementerian berharap lebih ramai tokoh-tokoh usahawan Cina yang berjaya dilantik sebagai mentor supaya dapat melaksanakan tanggungjawab sosial membantu usahawan kecil dan sederhana dan bergiat aktif dalam aktiviti ekonomi yang seterusnya menikmati hasil ekonomi negara.

Kementerian sedang mengambil tindakan untuk melibatkan lebih ramai tokoh usahawan dengan kerjasama gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) untuk dilantik sebagai mentor bagi membimbing usahawan kecil dan sederhana bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak. Dalam usaha untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) Manakala Program Pembangunan Francais bertujuan untuk meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera dengan perniagaan francais.

Program Francais adalah satu sistem pemasaran yang melibatkan dua pihak iaitu francaisor dan francaisi. Francaisor adalah syarikat induk yang membenarkan francaisi menggunakan sistem francais dan memasarkan produk-produk mereka mengikut syarat-syarat tertentu serta membenarkan menggunakan sistem francaisor termasuk nama, logo dan juga reka bentuk francais. Di bawah program ini, francaisi akan dibimbing oleh francaisor dalam menjalankan perniagaan mengikut sistem francais yang telah dibangunkan oleh francaisor. Di bawah program pembangunan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tinggal dua muka...
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi kata sedikit sahaja.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Ada bantuan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, tidak ada orang bantu.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Ada bantuan dari Yang Berhormat tadi. Jadi saya ingin menggulung ya. Di samping itu kementerian juga melaksanakan Program Galakan Usahawan Tulen di dalam menggalakkan meningkatkan usahawan bumiputera. Pelaksanaan program ini melibatkan kerjasama di antara usahawan bukan bumiputera melalui Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (AMICCI). Sehingga tahun 2004, sebanyak 53 buah syarikat usaha sama telah berdaftar di bawah Program Galakan Usahawan Tulen ini dan sektor-sektor perkilangan, hartanah, pembinaan, perkhidmatan dan lain-lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sekian sahaja jawapan daripada saya berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerai, Ipoh Barat, Kalabakan, Tuaran, Jasin, Sekijang, Kudat, Kota Belud, Kuala Pilah, Larut, Labuan, Maran dan Bukit Bintang. Di

samping isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, saya juga menghargai semua pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan pihak kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjawab. Ya, Setiausaha Parlimen, sila.

10.02 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang masih berada di Dewan ini, Ahli Yang Berhormat yang telah bercerita tentang kementerian kami, yang sudi memberi perhatian kepada perbahasan. Sekurang-kurangnya empat orang Ahli Yang Berhormat telah memberi perhatian khusus kepada bidang tugas kementerian ini.

Yang Berhormat bagi Mambong telah memberikan keyakinan kepada kementerian ini untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengurusan alam sekitar secara bersepadu dan berkualiti. Saya amat berterima kasih di atas definisi yang telah diberikan oleh Yang Berhormat mengenai pembangunan lestari ataupun dengan izin, *sustainable development* yang terang dan jelas. Pengertian ini meliputi pengawalan kualiti alam sekitar termasuk udara, air sungai, air laut dan tanah seperti mana yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat.

Pada umumnya Malaysia telah menerapkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam setiap perancangan lima tahunnya, dan secara khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memasukkan strategi dan pelan tindakan yang perlu diambil dalam Dasar Alam Sekitar Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2002, dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan. Ini selaras dengan hala tuju negara ini melalui ucapan Bajet 2005 daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam strategi keempat iaitu memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan yang menekankan mengenai pemeliharaan alam sekitar.

Yang Berhormat juga meminta agar Indeks Pencemaran Udara hendaklah dilaporkan dengan menyatakan nombor-nombor indeks yang sebenarnya dan tidak hanya disebut sebagai baik, kurang sihat, sederhana dan sebagainya. Pemantauan kualiti udara dengan menggunakan Indeks Pencemaran Udara (IPU) adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat umum mengenai keadaan kualiti udara pada suatu masa supaya tindakan sewajarnya boleh diambil dengan segera. Penentuan tahap kualiti yang diguna pakai sekarang ini adalah difikirkan amat wajar.

Mengenai kualiti air sungai di negara ini, pada keseluruhannya, bilangan sungai yang bersih semakin meningkat, namun masih ada sungai yang tercemar. Umpamanya bagi tahun 2002, daripada 120 buah sungai yang dipantau, 14 lembangan sungai dikelaskan sebagai tercemar dan pada tahun 2003, daripada 120 buah sungai tersebut, hanya sembilan lembangan sungai yang masih dikategorikan sebagai tercemar. Kementerian ini sedang meneruskan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai melalui Program Penyelidikan dan Pembangunan di bawah Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Penilaian kesan pada alam sekeliling (EIA) adalah kajian untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan-kesan kepada alam sekeliling bagi sesuatu cadangan projek dan mencadangkan langkah-langkah pemuliharaan sebelum projek berkenaan diluluskan dan dilaksanakan. Aktiviti pembangunan yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih memerlukan kajian EIA disediakan oleh pemaju sebelum pembangunan tersebut boleh dilaksanakan. Di peringkat perancangan, EIA adalah perancangan yang memang mencukupi dan berkesan untuk mengawal pencemaran dan pemusnahan kesinambungan ekologi.

[Yang Berhormat bagi Mambong bangun dan keluar dari Dewan]

Yang Berhormat bagi Mambong hendak pergi, saya tidak bercakap dengan dia.

Yang Berhormat bagi Segambut pula mencadangkan supaya ASEAN digunakan bagi mengatasi masalah jerebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat, cakap sahaja Yang Berhormat, tidak payah jolok sarang tebu.

Tuan Sazmi bin Miah: *[Ketawa]* Masalah kejadian jerebu merentasi sempadan ini adalah masalah yang rumit dan perlu ditangani dengan berhati-hati, kerana ia melibatkan hubungan kejiranan di antara negara-negara ASEAN. Dalam hal

ini, pelbagai forum telah diwujudkan untuk menangani jerebu tersebut di peringkat serantau, umpamanya Pasukan Petugas Teknikal mengenai jerebu yang sering bermesyuarat untuk menyelaraskan dan mengambil tindakan bersepadu. Pelbagai seminar dan bengkel telah diadakan bagi meningkatkan keupayaan pihak berkuasa di negara-negara ASEAN untuk menangani kejadian kebakaran tanah dan hutan. Malaysia juga kerap memberi bantuan kepakaran di dalam melaksanakan Dasar Pembakaran Sifar atau pembakaran terkawal di kawasan perladangan terutamanya ladang kelapa sawit.

Bagi memperkasakan tindakan serantau, satu perjanjian iaitu ASEAN Agreement on Trans-Boundary Haze Pollution telah diwujudkan untuk memastikan tindakan pada masa hadapan di dalam menangani masalah jerebu ini diambil dengan lebih teratur. Sehingga kini enam buah negara telah menandatangani perjanjian tersebut iaitu Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand, Vietnam dan Myanmar, Indonesia belum lagi.

Yang Berhormat bagi Kampar ada membangkitkan mengenai keperluan supaya aktiviti perusahaan bijih timah dipertingkatkan memandangkan harga bijih timah yang menggalakkan pada masa ini. Sememangnya Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan supaya pihak kerajaan negeri meluluskan permohonan untuk lesen mencari gali dan seterusnya pajakan galian supaya pelabur yang berminat boleh menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Serdang telah menimbulkan isu di mana berlaku pertukaran hak milik tanah tanpa pengetahuan dan kebenaran tuan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada hemat kementerian ini, peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara adalah mencukupi bagi melindungi kepentingan tuan-tuan tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Seputeh? *[Dewan gamat seketika]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana semakin banyak kes pertukaran hak milik tanah tanpa pengetahuan tuan tanah.

Tuan Sazmi bin Miah: Yang tanya Yang Berhormat bagi Serdang, yang tanya Serdang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Seputeh....

Tuan Sazmi bin Miah: So, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kawasan saya juga.

Tuan Sazmi bin Miah:yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, tetapi berlaku di kawasan saya juga dan kementerian ini tidak serius beri jawapan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak bagi jalan.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya ingin memberi jaminan di sini, jika teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang diberi itu boleh dibangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa nanti dan mempunyai asas yang membina, kementerian ini akan memberi tumpuan sedaya upaya yang perlu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, nanti bercakap dalam Jawatankuasa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang saya bangkitkan banyak kes seperti itu tetapi Setiausaha Parlimen tidak jawab langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, cukup. Jawapan daripada Kementerian Kesihatan. Ya, Timbalan Menteri sila.

10.09 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sentuh dahulu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, yang menyarankan supaya penubuhan cawangan swasta di hospital kerajaan yang boleh menyebabkan ramai pesakit terpaksa membayar kos rawatan yang jauh lebih tinggi dari sebelum ini. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, ingin saya tekankan di sini bahawa caj-caj bagi perkhidmatan di hospital dan klinik Kementerian Kesihatan yang dikenakan oleh kerajaan adalah sangat rendah berbanding dengan kos operasi kemudahan-kemudahan tersebut. Ini

kerana kerajaan masih tertakluk kepada Akta Fee 1982 yang menekankan kita perlu akur dengan caj perkhidmatan ini melainkan dia adalah pekerja asing.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nantilah dahulu Yang Berhormat bagi Seputeh. Berdasarkan kepada perbandingan yang dibuat jumlah hasil yang dipungut sebenarnya kemudahan kesihatan di Malaysia dibiayai sepenuhnya 98% oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 47 tahun, 2% sahaja yang dibiayai oleh rakyat. Jadi, walau bagaimanapun kerajaan sedar bahawa kita tidak boleh terus menerus menanggung kos beban yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, kerajaan sedang mengkaji untuk memperkenalkan satu kategori pesakit yang dikenali sebagai *full paying patient*.

Ini pun kepada mereka yang benar-benar layak dikenakan bayaran dan ini pun di peringkat kajian dan tujuan kenapa kita mengadakan *full paying patient* di hospital-hospital kerajaan adalah untuk memastikan pakar-pakar kita serta kakitangan yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kesihatan dapat terus berada dalam perkhidmatan awam, kerana mereka pun manusia biasa, mereka pun tidak mampu untuk mudah tergoda ekoran daripada imbuhan serta ganjaran yang lebih lumayan di sektor swasta.

Yang Berhormat bagi Padang Terap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sekali sahaja saya beri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih baik daripada Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen yang memberikan jawapan.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Janganlah hendak bodek saya, tidak payah bodeklah. Soalan, soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: kita tetap pada soalan isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya apa yang saya bangkitkan tentang caj hospital yang agak tinggi. Saya memang hendak merujuk kepada hospital- mungkin bukan di bawah Kementerian Kesihatan tetapi ia hospital juga iaitu Hospital Universiti dan Hospital UKM. Yang sebenarnya kos memang tinggi dan selalunya mereka

mahu pesakit itu membayar deposit dahulu. Okey, isu tentang penswastan atau sektor swasta dalam hospital kerajaan.

Sebenarnya saya faham tujuan kerajaan untuk meningkatkan gaji para doktor tetapi saya rasa kadang-kadang ini bukanlah peranan yang harus dimainkan oleh doktor, kerana kalau mereka berkhidmat untuk kerajaan, mereka guna fasiliti kerajaan, mereka tidak boleh menggunakan fasiliti itu....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Cukuplah itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim:untuk membuat keuntungan sendiri.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Cukup, cukup, saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Ini peringkat kajian dan belum pun masuk Kabinet. Jadi, saya pun tidak hendak komen. Komen daripada Yang Berhormat bagi Seputeh pun terlalu awal. *Teaching* hospital - HUKM dan juga UMMC bukan di bawah jajahan takluk saya, ia di bawah jajahan takluk Kementerian Pengajian Tinggi, boleh bertanya dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Yang Berhormat bagi Padang Terap, saya rujuk kepada Yang Berhormat Padang Terap kerana Yang Berhormat Padang Terap ada, berhubung dengan kelewatan permohonan tabung pesakit kronik. Sebenarnya kita sudah mempermudah prosedur supaya rakyat lebih mudah untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan tabung tersebut dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah menetapkan piagam kita, 10 hari bila lulus dengan syarat permohonan itu lengkap dan kalau tidak lengkap ada pegawai yang boleh *coach* pemohon-pemohon yang memerlukan tabung tersebut. Sejak tabung ini beroperasi daripada tahun 2002 sehingga September 2004 seramai 174 pesakit telah menerima bantuan yang melibatkan RM4.5 juta.

Sebenarnya peruntukan sebanyak RM25 juta untuk membiayai kos rawatan pesakit kronik dan juga kurang upaya masih ada lagi. Jadi, kalau ada permohonan-permohonan itu boleh rujuk terus kepada kami dan kami memberi tempoh sepuluh hari dengan syarat borang itu lengkap.

Yang Berhormat bagi Padang Terap juga membangkitkan isu hospital dan klinik-klinik kerajaan yang membekalkan ubat yang kurang bermutu dan juga kurang berkesan. Ini sebenarnya tidak benar sebab mana-mana ubat yang dibekalkan oleh KKM adalah perlu didaftarkan di bawah bidang kuasa kawalan dadah dan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Kalau ia tidak berkesan,

ia bukan kerana ubat tersebut standard dia rendah, dia mungkin tidak sesuai, saya boleh makan Panadol dua biji, saya lega, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mungkin sebiji dia sudah lega.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Faham, faham.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Faham ya. Yang Berhormat pun doktor cucuk kan? Saya merujuk kepada Yang Berhormat bagi Bera yang menyatakan rasa kebimbangan beliau mengenai pekerja-pekerja asing yang masuk ke negara ini yang diperiksa dahulu di klinik-klinik yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia di negara asal.

Sebenarnya sistem ini telah pun dijalankan sejak sekian lama. Semua pekerja asing yang datang secara sah perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik yang sudah *dicredit* oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan. Tidak cukup dengan itu secara rambang lebih kurang 10% daripada mereka yang masuk ke pintu-pintu masuk ke negara kita akan diperiksa secara rambang, kemudian bila sudah cukup setahun untuk mereka memperbaharui permit sekali lagi diperiksa oleh panel doktor yang dikelolakan oleh FOMEMA.

Walau bagaimanapun terdapat kes-kes di mana pekerja-pekerja asing ini mendapat penyakit-penyakit positif seperti malaria, tibi. Ini bukan kerana sistem saringan tidak dibuat tetapi mungkin ada, dengan izin, *loophole* yang berlaku ekoran daripada pemeriksaan yang kononnya dibuat tetapi sebenarnya tidak dibuat. Oleh yang demikian, kita sedang mengkaji semula, sebuah jawatankuasa ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk mengkaji semula supaya pekerja-pekerja asing ini betul-betul diperiksa dan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh panel-panel klinik yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan di negara asal benar-benar memeriksa pesakit tersebut.

Yang Berhormat saya kira itu sahaja yang hendak saya sarankan kalau ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan rakyat Malaysia sentiasa sihat. Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Jawapan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Setiausaha Parlimen sila.

10.19 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai hal ehwal Kementerian Belia dan Sukan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Jerlun, Tebrau dan Padang Terap mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan membina pusat rekreasi, mini stadium, kompleks-kompleks sukan dan tempat riadah di setiap daerah. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sedang mendirikan Kompleks Rakan Muda di 19 daerah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan pembinaan kompleks ini akan diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi daerah-daerah besar. Selain dari itu, kementerian juga merancang untuk membina Kompleks Sukan Komuniti di kesemua kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kemudahan-kemudahan ini dirancang pembinaannya bagi membolehkan para belia mengadakan pelbagai aktiviti sukan, rekreasi dan pembangunan belia bagi mengisi masa lapang mereka sebagai salah satu langkah menghindarkan mereka dari terlibat dalam kegiatan tidak sihat. Pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk mengadakan pusat rekreasi di tiap-tiap daerah kerana kemudahan-kemudahan yang sedang dibina dan dalam perancangan mempunyai tujuan yang sama seperti dicadangkan. Kementerian tidak bercadang untuk membina Mini Stadium di setiap daerah tetapi sedang merancang untuk membina kompleks sukan mini di setiap kawasan daerah undangan negeri.

Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat – tidak ada. Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulung – tidak ada. Okey. Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mencadangkan Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan untuk memperkemaskan semula Program Rakan Muda agar dapat menjadi kesinambungan kepada Program Latihan Khidmat Negara. Kementerian Belia dan Sukan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat, dan ingin saya tegaskan kita sememangnya turut memberi perhatian serta keutamaan kepada lepasan Program

Latihan Khidmat Negara untuk menyertai Program Rakan Muda. Mereka diberi peluang yang luas untuk terlibat di dalam program anjuran Kementerian Belia dan Sukan seperti berikut:

Penyertaan di dalam Program Sembilan Gaya Hidup Rakan Muda -

Bagi memantapkan pelaksanaan Program Rakan Muda di peringkat akar umbi, kementerian telah memperkenalkan Penggerak Rakan Muda sebagai satu mekanisme yang boleh menggembelngkan pelaksanaan program secara menyeluruh di peringkat kampung, daerah dan negeri. Di peringkat awal ini, kementerian telah melantik 500 orang Penggerak Rakan Muda yang terdiri daripada bekas peserta Program Latihan Khidmat Negara dan Sukarelawan Rakan Muda. Tenaga Penggerak Rakan Muda ini diharap dapat menjadi ejen sosialisasi serta penggerak masyarakat khususnya kepada golongan generasi muda untuk menyumbang secara langsung dalam menjayakan wawasan dan aspirasi negara di masa depan.

Melalui Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional, Rakan Muda akan dimantapkan dengan pendekatan yang lebih sistematik dan menjurus kepada kumpulan sasaran yang sebenar, iaitu remaja yang berumur 15 hingga 25 tahun. Tumpuan utama program ini ialah remaja-remaja yang tidak menyertai persatuan. Kementerian berharap dengan adanya kaedah pengurusan Program Rakan Muda yang lebih sistematik dan teratur, ianya akan menarik lebih ramai golongan remaja seperti bekas peserta Program Latihan Khidmat Negara dalam aktiviti gaya hidup sihat di peringkat akar umbi dan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun – tidak ada. Okey. Yang Berhormat bagi Lipis menyentuh mengenai kegagalan atlet negara memenangi pingat di Sukan Olimpik Athens baru-baru ini dan meminta pihak kerajaan supaya memikir secara serius perkara ini. Beliau juga mendakwa kerajaan tidak serius dalam membangunkan sukan. Ahli Yang Berhormat bagi Arau juga turut menyentuh perkara yang sama. Tuan Yang di-Pertua, kegagalan atlet negara memenangi pingat di Sukan Olimpik Athens baru-baru ini menunjukkan bahawa program pembangunan sukan kita belum lagi berjaya melahirkan atlet-atlet yang bertaraf dunia termasuk yang mampu bersaing dan memenangi pingat di Sukan Olimpik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program untuk melatih atlet-atlet sukan prestasi tinggi mula giat dilaksanakan semenjak dari tahun 1994, sempena dengan persediaan negara kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Program Jaya 98, iaitu program mencari dan melatih atlet yang telah dilaksanakan ketika itu berjaya membawa kontinjen Malaysia meraih 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa yang menduduki tepat ke 4 di temasya tersebut, iaitu yang terbaik dalam sejarah Sukan Komanwel. Program Gemilang 2001, merupakan sambangan daripada Program Jaya 98, juga telah berjaya melahirkan atlet negara yang memenangi sebanyak 111 pingat emas, 75 pingat perak dan 85 pingat gangsa di Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur dan terus menjadi juara keseluruhan buat pertama kali dalam sejarah Sukan SEA.

Pencapaian yang memberangsangkan juga telah dilakukan oleh atlet-atlet Malaysia di Sukan Komanwel Manchester 2002 yang mana kontinjen kita telah berjaya memenangi 7 pingat emas, 8 perak dan 15 gangsa yang merupakan pencapaian kedua terbaik dalam sejarah Sukan Komanwel. Begitu juga di temasya Sukan Asia Busan 2002, kontinjen negara telah berjaya memenangi 6 pingat emas, 8 perak dan 16 gangsa juga merupakan pencapaian kedua terbaik negara selepas pencapaian di Sukan Asia tahun 1966 di Bangkok yang memenangi 7 pingat emas, 5 perak dan 6 gangsa.

Kita telah menunjukkan kemajuan di peringkat Sukan Komanwel dan di peringkat Sukan Asia, tetapi kita masih lagi belum berjaya di peringkat Sukan Olimpik. Sejak negara kita menyertai Sukan Olimpik dari tahun 1956, atlet-atlet kita hanya berjaya memenangi 3 pingat, iaitu 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa yang dimenangi melalui pemain-pemain badminton di Sukan Olimpik Barcelona 1992 – 1 gangsa dan di Sukan Komanwel Atlanta 1996 – 1 perak dan 1 gangsa. Namun, kegagalan memenangi pingat di Sukan Olimpik Athens perlu membuka mata kita terhadap pendekatan sukan prestasi tinggi negara kita.

Sebenarnya penglibatan kita secara serius dalam sukan prestasi tinggi, khususnya di peringkat Sukan Olimpik masih berada di tingkat permulaan. Kenyataan dasar untuk melahirkan atlet yang bertaraf dunia yang termasuk juga kejayaan di Sukan Olimpik hanya baru dibuat melalui Rancangan Malaysia Kelapan dan diikuti dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Usaha ini masih di peringkat awal yang dilaksanakan dalam masa sepuluh tahun yang akan datang.

Pembangunan atlet sukan prestasi tinggi yang mampu berjaya di peringkat dunia sudah tentu akan mengambil masa yang lebih lama dan memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi. Di samping itu, kemampuan atlet-atlet negara di

peringkat tertinggi juga hanya terhad kepada beberapa jenis sukan yang tidak melibatkan bentuk fizikal atlet-atlet. Sukan-sukan ini sebagai contoh, ialah seperti sukan badminton, gimnastik, terjun, memanah, angkat berat, *bowling*, *lawn bowls* dan *skuasy*. Kita masih belum mampu berjaya dalam acara bola keranjang dan bola tampar, umpamanya.

Jemaah Menteri sudah pun bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan. Penubuhan jawatankuasa ini dilihat sebagai satu usaha yang lebih serius kerajaan untuk menyediakan satu rancangan membangkitkan semula keghairahan sukan dan membudayakan sukan di kalangan rakyat negara kita dan khususnya untuk mencari jalan melahirkan atlet-atlet yang berjaya di peringkat dunia termasuk di Sukan Olimpik.

Komponen-komponen yang diperlukan untuk membangunkan sukan prestasi tinggi di peringkat dunia dan Olimpik termasuklah peruntukan kewangan, infrastruktur latihan, pengukuhan persatuan-persatuan sukan, pemantapan bidang kejurulatihan, kebajikan atlet-atlet dan program-program pembangunan atlet remaja yang lebih luas, yang sudah tentu melibatkan penyertaan aktif Kementerian Pelajaran. Sekolah-sekolah sukan perlu ditingkatkan jumlahnya. Ini memerlukan aspek-aspek yang perlu dilihat dalam usaha untuk menarik lebih ramai para remaja berkecimpung dalam sukan, khususnya sukan berprestasi tinggi dengan lebih serius.

Seluruh rakyat Malaysia perlu menyokong usaha ini selain bertindak sebagai pemerhati serta memberi komentar dan kritikan terhadap kegagalan atlet-atlet negara. Persoalannya, sama ada kita rela melepaskan anak-anak kita untuk menceburkan diri dalam sukan prestasi tinggi, jika mereka mempunyai bakat sukan yang istimewa. Setakat ini kita masih memilih kejayaan dalam akademik sebagai jaminan masa depan. Justeru, adalah kurang adil jika kita semata-mata menyalahkan atlet-atlet apabila mereka kurang berjaya.

Oleh itu Kementerian Belia dan Sukan yakin dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet, satu era baru khususnya dalam sukan prestasi tinggi akan wujud dan kementerian berharap rakyat Malaysia akan menyokong usaha-usaha yang akan dijalankan nanti.

Ahli Yang Berhormat bagi Muar pula mencadangkan supaya acara-acara sukan bertaraf dunia seperti ... [*Melihat ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Muar*] Yang Berhormat bagi Muar tidak ada? Okey.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan memaklumkan bahawa selaras dengan visi dan misi yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Ogos 2004 lalu, Kementerian Belia dan Sukan meletakkan aspek R&D dalam pembangunan belia sebagai salah satu agenda penting dalam pembangunan belia. Teras ke sepuluh dalam pelan tersebut khusus memberikan penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan dalam pembangunan belia termasuklah cadangan untuk menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan Belia Nasional yang akan menjadi peneraju serta pusat penyelidikan belia yang unggul di negara ini dan mungkin di rantau ini.

Enam tumpuan bidang penyelidikan belia yang akan menjadi fokus pelan merangkumi sosialisasi belia, budaya dan agama, potensi belia dan integriti, keorganisasian belia, kepimpinan dan kesukarelawan belia dan kesihatan serta belia dan politik.. Kementerian ini berharap dengan adanya institut tersebut nanti, satu kajian yang terperinci mengenai cadangan untuk mewujudkan skim-skim tertentu kepada program pembangunan golongan belia dapat dijalankan secara lebih sistematik dan berkesan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah 26 kementerian menjawab, terima kasih di atas kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat, dan sekarang kita jemput Kementerian Kewangan untuk menggulung. Dijemput Timbalan Menteri Kewangan.

10.32 mlm

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, malam ini malam Nisfu Sya'ban. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2005, khususnya yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Banyak perkara yang telah ditimbulkan dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan segala saranan dan cadangan membina yang telah dikemukakan. Ini semata-mata untuk

memastikan bahawa pelaksanaan Bajet 2005 mencapai matlamatnya sebagaimana yang telah digariskan dan hasil faedahnya dapat dikecapi oleh segenap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha gigih untuk merangka satu bajet yang sebaik mungkin. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membangkitkan yang bajet tahun ini adalah sama dengan bajet-bajet sebelumnya. Sesungguhnya Bajet 2005 telah dirangka dengan mengambil kira isu jangka panjang, contohnya pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan atau *Goods and Services Tax (GST)*. Walaupun ia akan dilaksanakan pada tahun 2007, kerajaan telah memberikan isyarat awal dengan mengumumkannya dalam bajet kali ini bagi memberi masa untuk meningkatkan kesedaran rakyat serta lebih bersedia menerima perubahan struktur percukaian ini.

Penubuhan Panel Kajian Semula Percukaian dijangka mampu mencapai objektif penubuhannya. Langkah ini juga membolehkan kerajaan membuka kepada perbincangan serta dialog dengan pelbagai pihak untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Bajet 2005 ini juga adalah bertanggungjawab dan melaksanakan janji seperti mana yang telah digariskan dalam Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Perhatian khusus kepada komitmen dan janji terutamanya dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan ...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: menerapkan budaya berprestasi tinggi melalui petunjuk prestasi utama (KPI), ... Yang Berhormat, nanti saya habiskan, meninggikan tahap integriti serta disiplin berpandukan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selain itu kerajaan juga memperkenalkan Ganjaran Berasaskan Prestasi (PLC) untuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Malam sudah lewat dan saya mahu terus tanya mengenai panel GST, adakah keputusan telah dibuat untuk menubuhkan panel itu serta ahli-ahlinya dan apakah kriteria-kriterianya. Adakah butir-butir yang boleh diberikan sekarang?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah barisan panelnya terdiri daripada pakar-pakar percukaian, ekonomi dan sebagainya, dan kita sedar Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mencadangkan supaya dianggotai

oleh Ahli Parlimen. Sebenarnya bagi pihak rakyat, kita lantik dari kalangan pakar-pakar dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 ini adalah satu langkah yang berani dengan pendekatan berhikmah. Kerajaan meneruskan usaha mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur. Pendekatan ini dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Selain itu, projek yang akan dilaksanakan adalah berasaskan nilai ekonomi terbaik.

Beberapa pihak mungkin bimbang mengenai liberalisasi sektor kewangan. Namun keupayaan untuk bersaing perlu dipertingkatkan serta sektor ini harus bersedia untuk menghadapi gelombang globalisasi pada masa akan datang. Suntikan dana tambahan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM6 bilion mampu dimanfaatkan oleh pengurus dana tempatan.

Fokus kepada sektor pertanian dan pembangunan luar bandar juga antara kelebihan bajet kali ini di mana dana berjumlah RM300 juta disediakan untuk menggalakkan penglibatan aktif GLC dalam pertanian secara komersial dan berskala besar manakala RM1.5 bilion disediakan bagi membangunkan sektor pertanian.

Program Projek Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) turut dipertingkatkan dengan sasaran kerajaan untuk menambahkan 250 lagi usahawan baru serta memperluaskan aktiviti perniagaannya dan membuka peluang kepada pesara polis. Kontraktor kecil Kelas 'F' pula akan menerima manfaat menerusi Program Penyelenggaraan Aset Kerajaan dengan peruntukan RM500 juta.

Seterusnya Bajet 2005 turut memberi tumpuan dalam usaha mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Langkah diambil bagi menggalakkan perniagaan dengan memperhebatkan usaha mengurangkan kos perniagaan melalui mempercepatkan bayaran balik cukai, penyediaan pengangkutan awam lebih efisien dan sebagainya. Daripada langkah-langkah ini jelas menunjukkan terdapat perkara-perkara baru yang istimewa diperkenalkan. Selain daripada itu bajet ini juga merupakan kesinambungan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: kepada bajet-bajet terdahulu. Berdasarkan daripada strategi Bajet 2005 jelas membuktikan bahawa kerajaan terus

komited dan berusaha memajukan ekonomi negara di samping memenuhi tanggungjawab rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai defisit bajet. *Target* untuk defisit Bajet 2004 ialah 3.3 peratus tetapi sekarang *target* untuk defisit bajet untuk Bajet 2005 ialah 3.8 peratus. Bukankah ini menunjukkan bahawa ia bukan menurun tetapi naik? Adakah satu *time-table* bilakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu *balanced budget* atau mahu tunggu sampai GST boleh mendapat keuntungan dan *revenue* untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, defisit 2004 lebih besar daripada Bajet 2004 kerana peningkatan perbelanjaan yang tidak dapat kita elakkan daripada bayaran subsidi, langkah menstabilkan harga petroleum, penubuhan kementerian baru dan sebagainya. Bagi 2005, peruntukan yang disediakan mengambil kira faktor luar jangka bagi peningkatan harga minyak mentah yang tinggi sementara bayaran pulangan balik cukai pula diambil kira dalam 2005. Kerajaan yakin defisit 3.8 daripada KDNK ini akan kita capai dan insya-Allah kita menuju kepada perimbangan bajet akan kita tuju secara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pontian mencadangkan supaya cukai perkhidmatan yang dikutip daripada perkhidmatan profesional disalurkan kepada CIDB dan PSDC untuk menggalakkan eksport perkhidmatan profesional. Ini sebenarnya tidak selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan, di mana setiap kutipan cukai perkhidmatan perlu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan menggalakkan eksport perkhidmatan profesional, kerajaan telah menyediakan galakan cukai dalam bentuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan mempromosi eksport.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat seperti dari Kuching, Tanjong dan Cheras tidak menyokong kenaikan harga petroleum dan menyarankan ianya ditanggung oleh kerajaan dalam bentuk subsidi. Sejak bulan Januari 2004 sehingga awal September 2004 harga petroleum telah meningkat antara 38.3 sen dan 43.8 sen, manakala harga runcit hanya dinaikkan sebanyak 2 sen mulai Mei 2004.

Sebagai sebuah negara pengeksport minyak bersih, kenaikan harga minyak adalah menguntungkan Malaysia dari segi hasil. Walau bagaimanapun, hasil tersebut sewajarnya digunakan untuk membiayai aktiviti pembangunan dan sosial yang dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat berbanding dengan pemberian subsidi yang lebih

memberi manfaat kepada golongan yang menggunakan petroleum dalam kuantiti yang banyak termasuk mereka yang berpendapatan tinggi, yang menggunakan kenderaan berkuasa tinggi.

Yang Berhormat Ipoh Timor telah melahirkan keraguan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk membayar balik lebih cukai pendapatan. Untuk makluman, kementerian ini dan Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang cekap kepada pembayar cukai. Dengan ini proses untuk membayar balik cukai sentiasa diberi keutamaan supaya dapat disegerakan. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri pembayar cukai bukan syarikat, satu sistem komputer yang baru sedang dibangunkan. Walau bagaimanapun, tempoh pemprosesan juga bergantung kepada pengemukaan maklumat dan dokumen yang lengkap oleh pembayar cukai. Kerajaan yakin penubuhan tabung bayaran balik cukai yang akan beroperasi mulai awal 2005 akan dapat melicinkan lagi proses bayaran balik.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pembayaran balik cukai, selain daripada ada sistem yang cekap boleh ada pembayaran balik dalam satu bulan dalam sasaran. Adakah kerajaan rela memperkenalkan *interest*, membayar *interest* atas pembayaran itu yang ada diamalkan di negara-negara lain?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Untuk makluman Yang Berhormat selain daripada tabung bayaran balik cukai, kita juga memperkenalkan bayaran *offset* untuk tahun hadapan, di mana segala cukai yang terlebih bayar oleh syarikat akan di *offset* pada hujung tahun ini. Mengenai pengenalan bayaran faedah itu akan dikaji.

Yang Berhormat Mambong mendakwa kerajaan menunda bayaran balik cukai kepada syarikat dan individu sebagai satu strategi menangani defisit bajet. Hal ini adalah tidak benar. Isu kelewatan bayaran balik cukai tidak ada kena-mengena langsung dengan langkah untuk menangani defisit bajet. Sebagaimana yang telah dinyatakan kerajaan sentiasa berusaha untuk mempercepatkan pembayaran balik cukai dan yakin dengan penubuhan tabung bayaran balik cukai akan dapat melicinkan proses bayaran balik ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Batu Pahat untuk menambah agensi modal teroka, *venture capital* dan mempercepatkan proses saringan bagi merealisasikan R&D, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan modal teroka, di mana mulai tahun 2001

kerajaan telah menyediakan peruntukan dana modal teroka sebanyak RM3.785 bilion untuk membangunkan industri teknologi maklumat dan telekomunikasi ICT dan *high growth sector* di dalam negara kita ini.

Dana ini telah disalurkan melalui tiga buah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (diperbadankan) iaitu *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) sebanyak RM900 juta, *Malaysia Debt Ventures Berhad* (MDV) sebanyak RM1.6 bilion dan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB) sebanyak RM285 juta. Sementara itu bagi membangunkan modal teroka di sektor bukan ICT, kerajaan telah memperuntukkan dana bukan ICT sebanyak RM1 bilion menerusi *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), iaitu syarikat kerajaan yang sebahagian ekuitinya dipegang oleh Khazanah Malaysia Nasional Berhad. Perancangan kerajaan adalah supaya MAVCAP dan MTDC menerajui bidang masing-masing iaitu ICT dan bukan ICT. Pelaburan kedua-dua syarikat ini adalah berbentuk penyertaan ekuiti dan bertumpu kepada tahap awalan industri modal teroka yang melibatkan *seed-stage* dan *star-up*, dengan izin.

MDV pula membuat pelaburan dalam bentuk *debt ventures* dengan menyediakan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang berada pada tahap *late stage*, sementara KMPSB pula adalah bertujuan menembusi pasaran luar negeri. Memperolehi teknologi dan memindahkannya ke Malaysia dengan fungsi yang berlainan dan pengkhususan masing-masing. Kerajaan berpendapat bahawa bilangan syarikat modal teroka yang ada pada masa ini adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya segala yang telah diperbincangkan oleh Ahli-ahli Dewan sepanjang perbahasan bajet di Dewan ini, insya-Allah kalau saya tidak menjawab pada kali ini akan kita jawab secara khusus melalui jawapan bertulis.

Akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Insya-Allah apa-apa pandangan serta saranan yang telah dikemukakan akan diberi perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih Ringgit Malaysia dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus **(RM28,303,894,600)** dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah urusan kita bagi hari ini dan Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.48 malam.